



داسر ڤرنچاڠن ֆیزیکل دیسا نگارا
DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA
DPF DESA NEGARA 2030





DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA 2030

Disediakan oleh:

PLANMalaysia


PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

*Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 telah diluluskan di
Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 26 April 2017 dan
Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 27 September 2017.*



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

PERUTUSAN



Menjelang tahun 2020, dengan matlamat menjadi sebuah negara maju yang berdaya saing di dalam semua aspek, penumpuan terhadap usaha mengagihkan kekayaan negara secara adil dan saksama kepada rakyat dalam konteks perkongsian sepenuhnya adalah amat kritikal. Selaras dengan ini, fokus pembangunan fizikal yang menerapkan elemen keseimbangan dan kesaksamaan antara bandar dan desa melalui perancangan spatial yang teliti adalah menjadi keutamaan kepada kerajaan bagi memastikan kemudahan dapat dinikmati semua rakyat.

Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPF Desa Negara) telah dihasilkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa). Ianya merupakan satu dasar melibatkan perancangan dan pembangunan spatial desa di seluruh negara yang mengambil kira dasar-dasar pembangunan desa sedia ada. Penyediaannya bagi membantu mengatasi isu pembangunan sedia ada dengan mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan desa terutama dari aspek penyediaan kemudahan, infrastruktur, utiliti dan peluang ekonomi, meningkatkan imej dan karektor desa serta menyelaras pengagihan sumber dan projek pembangunan kepada kampung yang disasarkan.

DPF Desa Negara 2030 juga merupakan satu *blueprint* penting dalam membantu Pihak Kerajaan merealisasikan hasrat dan komitmen selaras dengan program transformasi negara melalui teras, strategi dan langkah yang ditetapkan bagi membantu pelaksanaan mensejahterakan masyarakat kampung.

Oleh yang demikian, DPF Desa Negara 2030 dapat dijadikan panduan kepada perancangan dan pembangunan spatial yang mantap sekaligus mewujudkan persekitaran dan kesejahteraan hidup yang berkualiti di desa dengan peluang pekerjaan dan perkhidmatan setaraf dengan kawasan bandar. Perlaksanaan DPF Desa Negara diharap dapat membentuk desa yang lebih berkualiti dan lestari selari dengan visinya ‘Desa Sejahtera, Negara Sejahtera’ serta seterusnya memenuhi aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) negara.

1Malaysia, “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ. ABDUL RAZAK



PERUTUSAN

MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Malaysia sedang berusaha mencapai matlamat Pelan Transformasi Nasional untuk menjadi negara maju yang berpendapatan tinggi. Menerusi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian dan Agensi yang berkaitan perlu memastikan setiap projek pembangunan luar bandar dibangunkan di lokasi yang bersesuaian dan mampu memenuhi keperluan rakyat dengan impak yang maksimum. Maka selaras dengan itu, Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara atau DPF Desa Negara 2030 telah diwujudkan.

Ianya merupakan dasar berkaitan pembangunan desa berbentuk spatial pertama di Malaysia yang menyediakan pernyataan dasar, strategi dan langkah pencapaian mengikut tema dan teras bagi merealisasikan visi pembangunan desa sehingga tahun 2030.

Bagi pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), DPF Desa Negara 2030 amat penting kerana ia akan memandu perancangan pembangunan desa di seluruh negara secara holistik sekaligus menjadi pelengkap kepada Dasar Perbandaran Negara (DPN) dan Rancangan Fizikal Negara (RFN).

Penyediaan kerangka DPF Desa Negara 2030 ini sebenarnya telah mengambil kira fokus dan tahap pencapaian dasar-dasar pembangunan desa sedia ada. Berdasarkan maklumat tersebut, pembaharuan dan penambahbaikan dibuat dengan merangka strategi yang telah disesuaikan dengan struktur ekonomi dan sosial desa seluruh negara dengan visi ‘Desa Sejahtera, Negara Sejahtera’.

KPKT sangat komited dan akan memastikan pelaksanaan dasar ini disokong dengan program rundingan serta perbincangan bersama semua Kementerian berkaitan dan Kerajaan Negeri bagi menjamin matlamat penyediaan DPF Desa Negara 2030 tercapai. PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) selaku tunjang utama di dalam penyediaan dan pelaksanaan DPF Desa Negara 2030, akan sentiasa berusaha memastikan dasar ini dapat membantu pihak Kerajaan mewujudkan kawasan persekitaran desa yang sejahtera untuk didiami secara holistik selaras dengan pelan Transformasi Nasional 2050 (TN50) negara.

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



PERUTUSAN

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah berjaya menghasilkan dokumen yang akan menentukan hala tuju perancangan dan pembangunan desa di seluruh negara. Dokumen Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPF Desa Negara) ini telah dirangka selaras dengan usaha Pelan Transformasi Nasional 2050 ke arah antara Negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

DPF Desa Negara 2030 dibentuk berdasarkan lima teras yang mengandungi dasar dan strategi untuk memperkasakan kawasan desa khususnya bagi merapatkan jurang perbezaan dari aspek kualiti hidup masyarakat dan persekitaran antara kawasan bandar dan desa. Menerusi dasar ini juga, perancangan strategi yang teliti dirangka bagi memastikan sumber jaya desa yang berpotensi dieksplotasi secara berhemah sebagai sumber ekonomi baru yang mampu memberikan pendapatan tinggi seterusnya mengubah kualiti hidup masyarakat dan persekitaran desa setaraf dengan kehidupan di bandar.

KPKT yakin bahawa DPF Desa Negara 2030 akan menjadi satu dasar yang sangat penting dalam menentukan hala tuju pembangunan fizikal desa pada masa akan datang. Pelaksanaan dasar ini disokong penuh oleh semua Kementerian, Jabatan dan Agensi berkaitan bagi memastikan perancangan dan pembangunan yang dibentuk akan memberikan impak positif kepada semua kawasan desa di seluruh negara seterusnya mencapai matlamat "Desa Berdaya Huni (*Liveable*) dan Berdaya Tahan (*Resilient*)".

Saya berharap, pelaksanaan DPF Desa Negara 2030 dapat membantu menambahbaik suasana antara kawasan bandar – luar bandar, bukan sahaja dari segi penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas malahan mampu melahirkan masyarakat luar bandar yang kompetitif. Sejajar dengan itu, KPKT melalui PLANMalaysia akan sentiasa komited dalam memastikan aspirasi masyarakat desa menerusi Transformasi Nasional (TN50) direalisasikan dan kemajuan negara dapat dirasai oleh semua masyarakat dengan saksama.

DATUK HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

PLANMalaysia

PRAKATA

KETUA PENGARAH PLANMalaysia

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)



PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa) telah berjaya menghasilkan satu dokumen perancangan khusus untuk memacu pembangunan kawasan desa seluruh negara. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPF Desa Negara 2030) dirangka bagi menangani isu ketidakseimbangan pembangunan antara bandar dan desa dan urbanisasi yang semakin meningkat. Menjelang tahun 2020, jumlah penduduk desa dijangka berkurangan daripada 25.7 peratus pada tahun 2015 kepada 22.8 peratus. Isu pengurangan penduduk ini berlaku berikutan kecenderungan penduduk desa berhijrah ke bandar bagi menikmati kehidupan yang lebih berkualiti.

DPF Desa Negara 2030 merupakan dokumen yang merangkumi pernyataan dasar, strategi dan langkah pencapaian mengikut tema dan teras bagi merealisasikan visi pembangunan desa sehingga tahun 2030. Ianya dibentuk secara '**operational plan**' dengan rangka penyediaan yang selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Berdasarkan pendekatan metodologi baru, penentuan sempadan sesebuah kampung telah dirancang berdasarkan Sistem Grid Desa Malaysia yang sekaligus bertindak sebagai platform dalam menentukan kedudukan spatial kampung dan mengurus maklumat fizikal desa dengan teratur. Sistem Ciri-ciri Desa Malaysia atau *CHARMs* (*Characteristics of Rural Malaysia System*) ini mengandungi beberapa kriteria kemampunan desa yang diyakini dapat membantu di dalam proses memberikan pertimbangan pembangunan terutama melibatkan penyediaan kemudahan awam serta pemantauan pelaksanaan kepada DPF Desa Negara 2030.

Menerusi penyediaan DPF Desa Negara 2030 ini, usaha mewujudkan kawasan desa yang mampan, sejahtera dan sesuai untuk didiami telah dinyatakan dengan jelas melalui visi 'DESA SEJAHTERA, NEGARA SEJAHTERA'. Ianya merupakan terjemahan dari hasrat masyarakat desa yang mahukan kehidupan lebih berkualiti dan persekitaran tempat tinggal yang selesa yang mana sejajar dengan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) oleh Kerajaan. Penghasilan dokumen DPF Desa Negara ini dan dua (2) dokumen yang terdahulu iaitu Dasar Perbandaran Negara dan Rancangan Fizikal Negara juga telah melengkapkan dokumen perancangan spatial bagi seluruh kawasan bandar dan desa di Malaysia. Sehubungan dengan itu, saya berharap pelaksanaan DPF Desa Negara 2030 ini kelak akan berjaya mencapai matlamat dan sekaligus menjadi contoh perancangan fizikal desa yang terbaik.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Dato' TPr ZAINUDDIN BIN AHAMAD'.

DATO' TPr ZAINUDDIN BIN AHAMAD

Ketua Pengarah

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

SENARAI KANDUNGAN

BAB 1 PENGENALAN

- | | |
|----------------------------------|------|
| ► Latar Belakang DPF Desa Negara | 1-01 |
| ► Kronologi DPF Desa Negara | 1-03 |

BAB 2 SENARIO PERANCANGAN DESA DI MALAYSIA

- | | |
|--|------|
| ► Perancangan Desa di Malaysia | 2-01 |
| ► Rumusan Dasar-dasar Utama Berkaitan Pembangunan Desa | 2-03 |
| ► Peruntukan RMKe-11 Mengenai Pembangunan Desa | 2-05 |

BAB 3 KERANGKA STRATEGIK DPF DESA NEGARA

- | | |
|---|------|
| ► Keperluan Penyediaan DPF Desa Negara | 3-01 |
| ► Definisi Desa, Pekan, PPD dan Kampung | 3-02 |
| ► Kategori Kampung di Malaysia | 3-03 |
| ► Sistem Grid Desa | 3-05 |
| ► Sistem Ciri-Ciri Desa Malaysia / <i>Characteristics of Rural Malaysia System (CHARMs)</i> | 3-07 |

BAB 4 HALA TUJU PEMBANGUNAN DESA

- | | |
|---------------------|------|
| ► Visi dan Matlamat | 4-01 |
| ► Tema | 4-03 |
| ► Teras | 4-04 |



BAB 5 TERAS 1 : PENGURUSAN MAMPAN ALAM SEKITAR (AD)

- | | |
|--|------|
| ► Pernyataan Dasar AD 1 : Penjagaan KSAS dan Sumber Biodiversiti Desa | 5-05 |
| ► Pernyataan Dasar AD 2 : Pemerkasaan Peranan Komuniti Dalam Penjagaan Alam Sekitar Desa | 5-17 |
| ► Pernyataan Dasar AD 3 : Pemantauan Kualiti Alam Sekitar Desa | 5-31 |
| ► Pernyataan Dasar AD 4 : Pengurusan Risiko Bencana Yang Efektif | 5-37 |



BAB 6 TERAS 2 : PENGUKUHAN HUBUNGAN SIMBIOTIK BANDAR – DESA (SD)

- | | |
|---|------|
| ► Pernyataan Dasar SD 1 : Merekayasa Pekan Sebagai Pemangkin Pembangunan Desa | 6-03 |
| ► Pernyataan Dasar SD 2 : Pengukuhan ‘Urban – Rural Link’ | 6-17 |



BAB 7 TERAS 3 : PENGUKUHAN DAYA HUNI DESA (DD)

- | | |
|--|------|
| ► Pernyataan Dasar DD 1 : Pemeliharaan Karektor Spatial Desa | 7-03 |
| ► Pernyataan Dasar DD 2 : Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Desa | 7-25 |
| ► Pernyataan Dasar DD 3 : Peningkatan Infrastruktur Yang Efisien | 7-39 |
| ► Pernyataan Dasar DD 4 : Penyediaan Kemudahan Awam | 7-61 |
| ► Pernyataan Dasar DD 5 : Pengukuhan dan Peningkatan Penyertaan Sosial | 7-67 |



BAB 8 TERAS 4 : MEMPERKASA EKONOMI DESA (ED)

- | | |
|--|------|
| ► Pernyataan Dasar ED 1 : Menstruktur Semula Ekonomi Desa | 8-03 |
| ► Pernyataan Dasar ED 2 : Meningkatkan Produktiviti Ekonomi Desa | 8-11 |
| ► Pernyataan Dasar ED 3 : Pengukuhan Rantaian Nilai (Value-Chain) Ekonomi Desa | 8-35 |



BAB 9 TERAS 5 : PENGURUSAN DESA BERDAYA LAKSANA (PD)

- | | |
|--|------|
| ► Pernyataan Dasar PD 1 : Pengukuhan Sistem Tadbir Urus Desa | 9-03 |
| ► Pernyataan Dasar PD 2 : Memperkasa Keupayaan Komuniti Dalam Pembangunan Desa | 9-07 |
| ► Pernyataan Dasar PD 3 : Pelaksanaan Sistem Ciri-ciri Desa Malaysia (CHARMs) Dalam Tadbir Urus Desa | 9-15 |

BAB 10 SISTEM CIRI-CIRI DESA MALAYSIA (CHARMs)

- | | |
|--|-------|
| ► Pengenalan | 10-01 |
| ► Penentuan Tahap Kemampunan Kampung | 10-01 |
| ► Analisis Menyokong Membuat Keputusan Agihan Sumber | 10-09 |
| ► Analisis Pencapaian DPF Desa Negara | 10-10 |
| ► Pembangunan Aplikasi CHARMs | 10-13 |
| ► Modul Penyelenggaraan | 10-22 |

BAB 11 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

► Pengenalan	11-01
► Pelaksanaan Dan Penilaian DPF Desa Negara Dalam Konteks CHARMS	11-02
► Proses Pelaksanaan Projek DPF Desa Negara	11-03
► Pengukuran Pencapaian DPF Desa Negara	11-05
► Model Projek <i>Flagship</i> – Pekan <i>Continuum</i>	11-35
► Piawaian Prosedur Operasi (SOP) Proses Pelaksanaan Dan Pemantauan Projek	11-36

BAB 12 RUMUSAN

► Rumusan	12-01
-----------	-------

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Kriteria Tipologi Bagi Sistem Grid Desa	3-05
Jadual 5.1	Bilangan Tapak Tukun Tiruan Mengikut Negeri	5-13
Jadual 5.2	Senarai Kampung Yang Kini Terlibat Dengan Program Pengurusan Sumber Perhutanan Berasaskan Komuniti	5-20
Jadual 5.3	Senarai Kampung Yang Kini Terlibat Dengan Program Pengurusan Sumber Perikanan Berasaskan Komuniti	5-22
Jadual 5.4	Bilangan Peta <i>Hazard</i> Banjir	5-39
Jadual 6.1	Perincian Komponen Pembangunan Pekan Mengikut Kategori	6-07
Jadual 7.1	Senarai Nama WAKOH Yang Didaktarkan Sehingga Tahun 2015	7-37
Jadual 8.1	Cadangan Senarai Semak Projek Kluster Pertanian, Perikanan, Penternakan	8-15
Jadual 8.2	Cadangan Senarai Semak Projek Kluster Pelancongan Eko, Agro, Warisan dan Inap Desa	8-24
Jadual 8.3	Cadangan Senarai Semak Untuk Menjayakan Aktiviti Perdagangan Dan Peruncitan Desa	8-28
Jadual 8.4	Pihak Yang Terlibat Dalam Pembangunan Usahawan Desa	8-30
Jadual 11.1	Sasaran Pencapaian Bagi Pengukuran Pelaksanaan Teras 1	11-05
Jadual 11.2	Sasaran Pencapaian Bagi Pengukuran Pelaksanaan Teras 2	11-11
Jadual 11.3	Sasaran Pencapaian Bagi Pengukuran Pelaksanaan Teras 3	11-13
Jadual 11.4	Sasaran Pencapaian Bagi Pengukuran Pelaksanaan Teras 4	11-26
Jadual 11.5	Sasaran Pencapaian Bagi Pengukuran Pelaksanaan Teras 5	11-31

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Jumlah Kampung dan JKKK Mengikut Negeri	1-02
Rajah 2.1	Evolusi Dasar Pembangunan di Malaysia	2-02
Rajah 3.1	Taburan Kampung Mengikut Tipologi Sistem Grid Desa	3-06
Rajah 3.2	Ilustrasi Hurai Enam Tipologi Sistem Grid Desa	3-07
Rajah 5.1	Taburan Kampung Berpotensi Terlibat Dengan Program Pengurusan Sumber Perhutanan Berasaskan Komuniti	5-21
Rajah 5.2	Taburan Kampung Yang Berpotensi Terlibat Dengan Program Pengurusan Sumber Perikanan Berasaskan Komuniti	5-24
Rajah 5.3	Taburan Kampung Berpotensi Mempraktikkan Amalan Hijau	5-29
Rajah 5.4	Taburan Kampung Dalam Kawasan Berisiko Bencana Alam	5-42
Rajah 6.1	Konsep Pembangunan Pekan	6-05
Rajah 6.2	Cadangan Kategori Pekan	6-09
Rajah 6.3	Taburan Pekan Mengikut Kategori	6-11
Rajah 6.4	Taburan Pekan Berpotensi Untuk Cadangan Pengukuhan Pekan	6-12
Rajah 6.5	Taburan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Untuk Cadangan Naik Taraf	6-16
Rajah 6.6	Ilustrasi Hubungan Pekan – Bandar Melalui Jalan dan Pengangkutan Awam	6-19
Rajah 6.7	Taburan Pekan dan Kampung Yang Memerlukan Perkhidmatan Bas Henti-Henti	6-22
Rajah 6.8	Taburan Kampung Yang Memerlukan Cadangan Naik Taraf Jalan Masuk Berturap	6-28
Rajah 6.9	Taburan Kampung Yang Memerlukan Cadangan Naik Taraf Jalan Dalam Berturap	6-29
Rajah 7.1	Pemetaan Aset (<i>Asset Mapping</i>) Kampung	7-08
Rajah 7.2	Taburan Kampung Mengikut Kategori	7-09
Rajah 7.3	Taburan Kampung Berpotensi Mengalami Rebakan Bandar	7-13
Rajah 7.4	Zon Penampaman Desa	7-15
Rajah 7.5	Proses Am Kebangkitan Semula Desa (<i>Rural Rebound</i>)	7-19

SENARAI RAJAH

Rajah 7.6	Kawasan Berpotensi Proses Kebangkitan Semula Desa (<i>Rural Rebound</i>)	7-20
Rajah 7.7	Proses Menguruskan Rumah Usang	7-23
Rajah 7.8	Taburan Reka Bentuk Rumah Tradisional Mengikut Negeri	7-30
Rajah 7.9	Taburan Kampung Berpotensi Menggunakan Air Tanah	7-45
Rajah 7.10	Taburan Kampung Yang Mempunyai Rumah-rumah Yang Memerlukan Bekalan Air Bersih Secara 24 Jam	7-46
Rajah 7.11	Taburan Kampung Yang Mempunyai Rumah-rumah Yang Memerlukan Bekalan Elektrik Secara 24 Jam	7-48
Rajah 7.12	Taburan Kampung Yang Perlu Menerima Kemudahan Internet	7-52
Rajah 7.13	Taburan Kampung Berpotensi Menerima Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal	7-56
Rajah 7.14	Taburan Kampung Berpotensi Menerima Kemudahan Bergerak	7-64
Rajah 7.15	Strategi Bagi Memperkuuhkan Semula Komuniti	7-68
Rajah 8.1	Taburan Kampung Berpotensi Menjalankan Aktiviti Pertanian	8-16
Rajah 8.2	Taburan Kampung Berpotensi Menjalankan Aktiviti Perikanan	8-17
Rajah 8.3	Taburan Kampung Berpotensi Menjalankan Aktiviti Penternakan	8-18
Rajah 8.4	Taburan Produk Pelancongan Eko dan Agro Di Kawasan Desa	8-21
Rajah 8.5	Taburan Produk Warisan Desa Berdasarkan Pewartaan Jabatan Warisan Negara	8-22
Rajah 8.6	Cadangan Koridor Warisan Desa Berdasarkan DPF Desa Negara	8-23
Rajah 8.7	Taburan Inap Desa	8-26
Rajah 9.1	Hubungan Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar dan Projek Kerajaan Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah	9-05
Rajah 9.2	Taburan Kampung Berpotensi Dijadikan Sebagai Kampung Angkat	9-12

SENARAI SINGKATAN

1MET	Usahawan 1Malaysia / 1Malaysia <i>Entrepreneur</i>
AAIBE	Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik
AD	Alam Desa
ADS1M	Anugerah Desa Sejahtera 1 Malaysia
AHP	Proses Analisis Hierarki / <i>Analytical Hierarchy Process</i>
AID	Anugerah Industri Desa
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AKTA 645	Akta Warisan Kebangsaan 2005
B40	40% Isi Rumah Terendah
BALB	Program Bekalan Air Luar Bandar
BAP	Program Peningkatan Perniagaan / <i>Business Accelerator Programme</i>
BDC	Pusat Pembangunan Perniagaan / <i>Business Development Centre</i>
BELB	Bekalan Elektrik Luar Bandar
BEEP	Program Peningkatan Enterpris Bumiputera / <i>Bumiputera Enterprise Enhancement Programme</i>
CBNRM	Pengurusan Sumber Semula Jadi Berasaskan Komuniti / <i>Community Based Natural Resource Management</i>
CFS	<i>Central Forest Spine</i>
CHARMs	Sistem Ciri-ciri Desa Malaysia / <i>Characteristics of Rural Malaysia System</i>
CIDB	<i>Construction Industry Development Board</i>
CTC	Pusat Transformasi Komuniti / <i>Community Transformation Centre</i>
DAN	Dasar Agromakanan Negara
DD	Daya Desa
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DOF	Jabatan Perikanan / <i>Department of Fisheries</i>
DPF	Dasar Perancangan Fizikal
DPN	Dasar Perbandaran Negara
EBB	Ejen Bank Berdaftar
ED	Ekonomi Desa
EPU	Unit Perancang Ekonomi / <i>Economic Planning Unit</i>
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan / <i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan / <i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan / <i>Federal Land Development Authority</i>

SENARAI SINGKATAN

FGD	Perbincangan Kumpulan Sasaran / <i>Focus Group Discussion</i>
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
GAP	Amalan Pertanian Baik / <i>Good Agricultural Practices</i>
GBBS	Gerai Buah-Buahan Segar
GDW	Gerakan Desa Wawasan / Gerakan Daya Wawasan
GIS	Sistem Maklumat Geografi / <i>Geography Information System</i>
GEB	Galakan Eksport Bumiputera
GEC	<i>Global Environment Centre</i>
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan / <i>Government Linked Company</i>
GMP	Amalan Pengilangan Baik / <i>Good Manufacturing Practice</i>
IAT	Industri Asas Tani
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi / <i>Information and Communications Technology</i>
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
IPP	Penjana Tenaga Bebas / <i>Independent Power Producer</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JALB	Program Jalan Luar Bandar
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKKR	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan
JKKKP	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan
JKR	Jabatan Kerja Raya
JKTD	Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah
JMA	Agenzi Meteorologi Jepun / <i>Japan Meteorology Agency</i>
JMM	Jabatan Meteorologi Malaysia
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
JPD	Jalan Perhubungan Desa
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPSPN	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan / <i>South Kelantan Development Authority</i>

SENARAI SINGKATAN

KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KeTTHA	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KOA	Kampung Orang Asli
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPPK	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KSAS	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
LKW	Lembaga Kemajuan Wilayah
MAGIC	Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia / <i>Malaysian Global Innovation & Creativity Centre</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia / <i>Malaysia Agricultural Research and Development</i>
MARRIS	Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia / <i>Malaysian Road Records Information System</i>
MCDM	Pembuat Keputusan Pelbagai Kriteria / <i>Multi-criteria Decision Making</i>
MNS	Persatuan Pencinta Alam Malaysia / <i>Malaysian Nature Society</i>
MurniNets	Jaringan Penunjuk-Penunjuk Bandar – Luar Bandar Malaysia / <i>Malaysian Urban Rural National Indicators Network On Sustainable Development</i>
NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Malaysia / <i>National Disaster Management Agency</i>
NAHRIM	Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan / <i>National Hydraulic Research Institute of Malaysia</i>
NGDWQ	Garis Panduan Kebangsaan Untuk Kualiti Bekalan Air Minuman / <i>National Guidelines for Drinking Water Quality</i>
NGO	Badan Bukan Kerajaan / <i>Non-Government Organization</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
ORC	Pusat Rujukan Setempat / <i>One Stop Referral Centre</i>
PBEN	Pihak Berkuasa Elektrik Negeri
PBR	Program Bantuan Rumah
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PD	Pengurusan Desa
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia

SENARAI SINGKATAN

PI1M	Pusat Internet 1Malaysia
PIPLB	Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar
PKS	Perusahaan Kecil Sederhana
PKS	Pasukan Pemantau Kesihatan Sumber
PPD	Pusat Pertumbuhan Desa
PPK	Program Pemajuan Kawasan
PPS	Pemberian Perkhidmatan Sejagat
PSU	Pengurus Sistem Utama
PTG	Pejabat Tanah dan Galian
PTWC	Pusat Amaran Tsunami Pasifik / <i>Pacific Tsunami Warning Center</i>
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan / <i>Research and Development</i>
R5	Desa Luar Bandar / <i>Rural</i>
R6	Desa Pedalaman / <i>Major / Mainly Rural</i>
RFN	Rancangan Fizikal Negara
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah / <i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
RKK	Rancangan Kawasan Khas
RM	Rancangan Malaya
RMKe	Rancangan Malaysia Ke
RS	Rancangan Struktur
RTD	Rancangan Tempatan Daerah
RTC	Pusat Transformasi Luar Bandar / <i>Rural Transformation Centre</i>
RU	Desa Bandar / <i>Rural Urban</i>
SAATNM	Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia
SBST	Program Transformasi Bas Henti-Henti / <i>Stage Bus Services Transformation</i>
SD	Simbiotik Desa
SDGs	Matlamat Pembangunan Mampan / <i>Sustainable Development Goals</i>
SEAP	Panel Penasihat Pakar PKS Program / <i>SME Experts Advisory Panel</i>
SESB	Sabah Electricity Sdn Bhd
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SME	Perusahaan Kecil Sederhana / <i>Small Medium Enterprise</i>
SOP	Standard Prosedur Operasi / <i>Standard Operational Procedure</i>
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

SENARAI SINGKATAN

SPKPN	Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional
SUPERB	Skim Usahawan Permulaan Bumiputera
TKPM	Taman Kekal Pengeluaran Makanan
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TUBE	Tunas Usahawan Belia Bumiputera
U1	Perbandaran Utama / <i>Major Urban</i>
U2	Perbandaran Sekunder / <i>Secondary Urban</i>
UCB	Sempadan Pembendungan Bandar / <i>Urban Containment Boundary</i>
UGB	Sempadan Pertumbuhan Bandar / <i>Urban Growth Boundary</i>
UNESCO	Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu / <i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UR	Bandar Desa / <i>Urban Rural</i>
USD	Dolar Amerika Syarikat / <i>United States Dollar</i>
UTC	Pusat Transformasi Bandar / <i>Urban Transformation Centre</i>
WAKOH	Warisan Kebangsaan Orang Hidup
WK	WiFi Komuniti
WP	Wilayah Persekutuan
WWF	Tabung Alam Malaysia / <i>World Wide Fund For Nature</i>
ZIA	Zon Industri Akuakultur

BAB

1

PENGENALAN

LATAR BELAKANG DPF DESA NEGARA

DPF Desa Negara merupakan dasar pembangunan desa yang pertama di Malaysia berbentuk spatial. Usaha untuk mengintegrasikan perancangan spatial dalam dasar pembangunan desa ini merupakan suatu cabaran kerana desa dan kampung senang berubah dan bertukar (*fluid*). DPF Desa Negara 2030 disediakan selaras dengan langkah pertama berdasarkan Pelan Indikatif 9 di dalam RFN Ke-2 yang menyatakan keperluan terhadap sebuah dasar pembangunan desa negara. Dasar ini bertujuan mewujudkan perancangan holistik bagi pembangunan desa dan melengkapkan Dasar Perbandaran Negara yang disediakan untuk kawasan bandar di Malaysia. DPF Desa Negara berbentuk '*operational plan*' yang merangkumi aspek sosial, ekonomi, alam sekitar, pengangkutan, infrastruktur, utiliti, warisan, pengurusan dan mekanisme pemantauan. DPF Desa Negara ini menyediakan pernyataan dasar, strategi dan langkah-langkah pencapaian mengikut tema dan teras bagi merealisasikan visi pembangunan desa sehingga tahun 2030.

Fasa Penyediaan DPF Desa Negara



Satu sistem sokongan juga dibangunkan khusus untuk DPF Desa Negara iaitu *Characteristics of Rural Malaysia System* (CHARMs) yang mengandungi kriteria kemampunan desa, berperanan sebagai alat untuk menyokong membuat keputusan perancangan dan pembangunan desa serta pemantauan pelaksanaan DPF Desa Negara.

fasa
1

meliputi seluruh
SEMENANJUNG MALAYSIA & WP LABUAN


15,091
KAMPUNG

7,602
JKKK

fasa
2


akan disediakan bagi
Negeri Sabah dan
Sarawak

Berdasarkan persetujuan
Pihak Kerajaan Negeri



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Rajah 1.1 : Jumlah Kampung dan JKKK Mengikut Negeri



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota:

1. Jumlah kampung adalah termasuk kampung induk dan kampung rangkaian.
2. Jumlah kampung tidak termasuk 308 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR).

KRONOLOGI DPF DESA NEGARA

DPF Desa Negara bermula pada September 2014 dan mengambil masa 24 bulan untuk disiapkan. Tiga laporan utama yang disediakan adalah Laporan Awal DPF Desa Negara (Disember 2014), DPF Desa Negara Awal (Oktober 2015) dan DPF Desa Negara Akhir (September 2016) dengan melibatkan pelbagai sesi kolaborasi, verifikasi dan penyelarasaran seperti berikut:

Serahan Borang Maklumat Asas Kampung

Mesyuarat Penyelarasan Maklumat Asas Kampung
Bagi Semua Daerah Semenanjung Malaysia
dan WP Labuan (**Mac 2015**)

Penerimaan Borang Maklumat Asas Kampung

Mesyuarat Penyerahan Semula Borang Maklumat Asas
Kampung Bagi Semua Daerah Semenanjung Malaysia dan
WP Labuan (**April 2015**)

Verifikasi Pertama

Mesyuarat Verifikasi Data Asas Kampung
(Sistem CHARMS) Bagi Semenanjung Malaysia
dan WP Labuan (**April 2015**)

Mesyuarat FGD

Maklum Balas Awal Kajian DPF Desa Negara – Semenanjung
Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan (**Ogos 2015**)

Verifikasi Kedua

Verifikasi Maklumat Fizikal Kampung Peringkat Kedua Bagi
Sistem Ciri-ciri Desa Malaysia (CHARMS) (**April 2016**)

Stakeholder Engagement

Perbincangan Bersama Semua Pejabat Daerah Semenanjung
Malaysia dan WP Labuan Berkaitan Maklumat
Kampung / Pekan / PPD (**Julai - Ogos 2016**)

Mesyuarat FGD Peringkat Negeri dan Persekutuan

Membuat Semakan dan Persetujuan Daripada Pentadbiran
Peringkat Daerah dan Persekutuan Berkaitan
Cadangan Dasar dan Strategi (**Ogos 2016**)

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu (November 2016) dan Majlis Perancangan Fizikal Negara (2017)



Pelbagai sesi FGD dan mesyuarat telah dijalankan sepanjang penyediaan DPF Desa Negara.

BAB

2


SENARIO PERANCANGAN DESA DI MALAYSIA

PERANCANGAN DESA DI MALAYSIA

Dasar-dasar pembangunan desa sedia ada dijadikan kerangka kepada penyediaan DPF Desa Negara. Penilaian tahap pencapaian dasar dan fokus pembangunan setiap dasar diambil kira bagi memastikan kesesuaianya dengan DPF Desa Negara. Dasar dan strategi yang dicadangkan di dalam DPF Desa Negara ini adalah pembaharuan kepada strategi sedia ada dan disesuaikan dengan struktur ekonomi dan sosial semasa kawasan desa. Ringkasan evolusi dasar-dasar yang melibatkan pembangunan desa di Malaysia adalah seperti **Rajah 2.1**.



Rajah 2.1 : Evolusi Dasar Pembangunan di Malaysia



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

RUMUSAN DASAR-DASAR UTAMA BERKAITAN PEMBANGUNAN DESA

TRANSFORMASI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR PERTAMA

Diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak dengan matlamat membangunkan prasarana fizikal dan membekalkan secara meluas kemudahan asas kepada penduduk desa. Ia memberi landasan yang kukuh kepada kawasan desa untuk bergerak giat dan maju.

BUKU MERAH

Rancangan Buku Merah merupakan satu pelan dasar pembangunan desa yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak. Buku ini mengandungi projek-projek pembangunan setiap daerah yang dikendalikan oleh Bilik Gerakan oleh Gerakan Negeri dan Daerah di seluruh negara.

Fokus utama Buku Merah adalah projek pembangunan desa seperti pembinaan jalan, parit, surau, klinik, kelas dewasa, perkhidmatan telefon dan sebagainya.



DASAR EKONOMI BARU (DEB)

DEB disediakan dengan matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. 90 peratus penduduk desa pada ketika itu adalah miskin dan melalui DEB, usaha-usaha pembasmian kemiskinan telah membuka peluang ekonomi dengan lebih luas di samping membekalkan perkhidmatan kesihatan dan perumahan kepada penduduk miskin tanpa mengira kaum. Bagi penyusunan semula masyarakat, keadaan ekonomi yang tidak seimbang diperbaiki bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

HALACARA BARU DALAM PEMBANGUNAN KAMPUNG DAN LUAR BANDAR

Dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan merupakan usaha menyeluruh untuk memperbaiki taraf ekonomi masyarakat desa melalui peningkatan mutu dan daya pengeluaran pertanian, peningkatan pendapatan petani dan pekerja desa serta memudahkan penyampaian perkhidmatan dan prasarana.

FALSAFAH DAN STRATEGI BARU PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Diperkenalkan untuk membentuk insan desa yang berkualiti dan menguasai nilai murni, agar mereka dapat menggunakan masa, informasi dan sumber yang ada secara optimum dan menghasilkan tahap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan keluarga yang cemerlang. Peluang ekonomi yang disediakan di desa akan dimanfaatkan sumber manusia dengan lebih menyeluruh.

1

1957

2

1960

3

1970

4

1984

5

1994

2016

9

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3

RFN merupakan dokumen perancangan tertinggi dalam Rangka Kerja Perancangan Pembangunan Negara yang mengandungi perancangan fizikal dan rumusan dasar strategik pemajuan fizikal di Malaysia.



Memperkuatkan peranan bandar sebagai pusat penjanaan utama ekonomi negara serta memastikan keseimbangan pembangunan melalui galakan pembangunan di bandar sederhana, kecil dan kawasan desa. Ini penting bagi memastikan pertumbuhan lebih berdaya saing dan kukuh pada masa hadapan. Pembangunan infrastruktur dan jaringan pengangkutan yang lebih komprehensif mampu meningkatkan tahap kemudahsampaian di samping menyokong pertumbuhan ekonomi di kawasan bandar dan desa.

2010

8

PELAN INDUK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Pelan induk yang holistik dalam memaju pembangunan desa dengan mengambil kira empat tonggak iaitu 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan RMKe-10 ke arah mencapai Wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Empat misi utama PIPLB adalah memperkasa modal insan, meningkatkan peluang ekonomi, memperbaiki kualiti hidup penduduk di desa dan mengurus tadbir desa secara cekap dan mampan.



2003

7

GERAKAN DAYA WAWASAN

Gabungan sintesis strategik dan penambahbaikan daripada Halacara Baru Pembangunan Kampung dan Luar Bandar dan Gerakan Desa Wawasan. Gerakan Daya Wawasan adalah untuk memastikan kawasan desa menjadi maju, menarik dan menguntungkan secepat mungkin bagi mencapai Wawasan 2020 dengan tiga aspek utama iaitu Daya Manusia, Daya Ekonomi dan Daya Pasaran.



1996

6

GERAKAN DESA WAWASAN (GDW)

GDW menekankan kepada penglibatan penduduk kampung dalam proses perancangan dan program pembangunan ke arah menjadikan desa lebih maju, menarik dan menguntungkan. Ia melalui proses membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk kampung ke arah transformasi desa. Empat pendekatan GDW adalah menyusun semula kampung-kampung, memajukan pertanian secara ladang, mewujudkan industri kecil dan perusahaan kecil bukan pertanian serta mewujudkan perbandaran kawasan desa.

PERUNTUKAN RMKe-11 MENGENAI PEMBANGUNAN DESA



Memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama



Meningkatkan kesejahteraan rakyat



Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju

Inklusiviti sentiasa menjadi prinsip penting agenda pembangunan sosioekonomi negara dan matlamat utama Model Baru Ekonomi. Komitmen ini membolehkan hasil pembangunan dikongsi bersama dalam kalangan rakyat tanpa mengira gender, etnik, tahap sosioekonomi dan lokasi. Komitmen ini adalah berdasarkan keyakinan bahawa pembangunan inklusif bukan sahaja untuk meningkatkan kesejahteraan individu dan masyarakat, tetapi juga untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi tempoh yang lebih panjang.

Kerajaan sentiasa melaksanakan pendekatan pembangunan yang seimbang dengan memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Kesejahteraan merujuk kepada taraf dan kualiti hidup yang memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal dan psikologi individu. Kesejahteraan adalah penting bagi meningkatkan produktiviti dan mobiliti sosial serta mengukuhkan kesaduan sosial dan perpaduan nasional.

Pembangunan modal insan merupakan pemboleh penting bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong peralihan semua sektor kepada aktiviti berintensif pengetahuan. Pasaran buruh yang cekap dan berkesan perlu untuk menarik pelaburan bagi membolehkan rakyat mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi.

TERAS STRATEGIK 1 : MEMPERKUKUH INKLUSIVITI KE ARAH MASYARAKAT YANG SAKSAMA memberi tumpuan kepada pembangunan desa. Melalui teras strategik ini, kawasan desa akan ditransformasikan melalui penambahbaikan ketersambungan dan mobiliti serta perwujudan persekitaran perniagaan yang kondusif. Bagi merancang pembangunan desa, **Bidang Fokus C : Mentransformasi Luar Bandar Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat** disediakan dengan lima strategi utama yang akan dilaksanakan seperti berikut:

Strategi C1 : Memperluas penyediaan infrastruktur asas luar bandar dengan memperkemas perancangan infrastruktur luar bandar dan meningkatkan penyediaan jalan, bekalan air dan elektrik.

Strategi C2 : Menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta di luar bandar dengan menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif.

Strategi C3 : Menambah baik hubungan luar bandar – bandar dengan menambah baik ketersambungan, mobiliti dan penggunaan ICT untuk memperkuuh peranan UTC, RTC dan mini RTC.

Strategi C4 : Meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas dengan memperluas program Mobile CTC dan perkhidmatan perbankan ke luar bandar.

Strategi C5 : Memperkemaskan sistem penyampaian dengan mengkaji semula peranan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) dan membangunkan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional.



Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan



Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi



Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

Pertumbuhan hijau adalah pertumbuhan yang menggunakan sumber secara cekap, bersih dan berdaya tahan. Kerajaan terus komited untuk meneruskan pembangunan yang lebih mampan dengan beralih daripada trajektori pembangunan konvensional “grow first, clean-up later” yang berkos tinggi kepada pertumbuhan hijau bermula pada peringkat perancangan dan seterusnya peringkat pelaksanaan dan penilaian. Komitmen yang padu terhadap pertumbuhan hijau akan memastikan alam sekitar dan sumber asli negara yang bernilai kekal dipelihara dan dilindungi untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

Pembangunan infrastruktur adalah penting bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan seperti pengangkutan, komunikasi, elektrik dan air bersih. Integrasi pelbagai mod pengangkutan yang lebih baik akan memudahkan pergerakan orang dan barang dengan lebih lancar. Di samping itu, infrastruktur yang cekap dapat mengurangkan kos mengendalikan perniagaan, dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Oleh itu, infrastruktur yang baik menjadi asas kepada penyertaan sosial serta perkembangan dan pertumbuhan ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh adalah penting bagi mencapai aspirasi negara maju. Ekonomi yang kukuh dan mempunyai sumber pertumbuhan yang pelbagai serta mengeluarkan barang dan perkhidmatan bernilai tinggi akan menjana pekerjaan bergaji tinggi selaras dengan ciri-ciri sebuah negara maju. Asas ekonomi perlu terus diperkuuh bagi membolehkan Malaysia berdaya tahan terhadap kejutan luar tanpa menjadikan kemakmuran rakyat.

TERAS STRATEGIK 1 juga menyediakan **Kertas Strategi 4 : Mentransformasi Luar Bandar Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat**. Kerajaan mengguna pakai pendekatan serampang dua mata bagi membangunkan masyarakat desa. Pertama, menambah baik program sedia ada untuk menghasilkan *outcome* yang disasarkan dan kedua, memperkuuh dan menyelaras mekanisme pelaksanaan antara agensi berkaitan. Usaha yang diberikan berdasarkan strategi ini adalah:

- i. **Memperkuuhkan Aktiviti Ekonomi Luar Bandar** – menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta, menambah baik hubungan antara luar bandar dengan bandar, memperluaskan pelaksanaan program di bawah konsep Kampung Abad ke-21, menggalakkan penggunaan teknologi moden dan memperkasa komuniti usahawan luar bandar.
- ii. **Mempertingkatkan Keupayaan Modal Insan** – memperkasakan masyarakat luar bandar, menggalakkan koperasi dipacu komuniti dan mengurangkan program latihan tanpa sokongan susulan.
- iii. **Memperluaskan Penyediaan Infrastruktur Asas Luar Bandar dan Perkhidmatan Asas yang Berkualiti** – meningkatkan penyediaan infrastruktur asas luar bandar dan menambah baik perkhidmatan asas.
- iv. **Mempermaskan Sistem Penyampaian** – menghapuskan pertindihan fungsi antara agensi kerajaan, mewujudkan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional, meminimumkan program dan projek pembangunan luar bandar yang dilaksanakan secara sendirian dan mengkaji semula peranan Lembaga Kemajuan Wilayah.

BAB


3

KERANGKA STRATEGIK DPF DESA NEGARA

KEPERLUAN PENYEDIAAN DPF DESA NEGARA

DPF Desa Negara ini perlu disediakan bagi mengatasi beberapa isu utama di dalam pembangunan desa di Malaysia iaitu:

- i. Terdapat pelbagai maklumat, kajian dan definisi berkaitan desa yang perlu diselaraskan bagi memudahkan pemahaman dan perancangan dibuat.
- ii. Jurang pembangunan antara bandar dan desa terutama dari aspek penyediaan kemudahan awam / infrastruktur / utiliti dan peluang ekonomi.
- iii. Kebanyakan penduduk di kawasan desa adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak dan warga emas kerana golongan remaja berhijrah ke bandar untuk melanjutkan pelajaran dan mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik.
- iv. Terdapat pelbagai ciri desa dan jenis kampung yang perlu dirancang dengan efisien.
- v. Desa kini mengalami tekanan pembangunan dari kawasan bandar sehingga menjelaskan imej dan karektor desa.
- vi. Aset sumber jaya dan biodiversiti desa tidak digunakan secara mampan.
- vii. Produk warisan desa tidak dipulihara sebagai tarikan desa.
- viii. Kegagalan PPD berfungsi sebagai pusat perkhidmatan dan pertumbuhan ekonomi penduduk.
- ix. Wujud pertindihan fungsi dan peruntukan kewangan di pelbagai kementerian dan agensi yang terlibat dalam menguruskan pembangunan desa.




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015



Sumber: *Rancangan Fizikal Negara Pertama

** Sistem Maklumat Gunatahan Perancangan Bersepadu (I-Plan), 2014



DEFINISI DESA, PEKAN, PPD DAN KAMPUNG

Beberapa definisi berkaitan desa yang digunakan di dalam DPF Desa Negara adalah berdasarkan rujukan Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan analisis DPF Desa Negara dengan rumusan seperti berikut:

Desa

- Selain kawasan bandar.
- Terdiri daripada petempatan yang meliputi semua jenis petempatan kampung, pekan dan petempatan kecil lain.
- Penduduk kurang daripada 10,000 orang, bercirikan pertanian dan kaya dengan sumber alam semula jadi.
- Kepadatan penduduk yang rendah.
- Peratusan penduduk berumur aktif yang rendah.
- Asas ekonomi utama penduduk berasaskan pertanian, industri desa dan sumber asli / produk semula jadi.
- Mengelakkan aktiviti sosial budaya desa termasuk organisasi / jawatankuasa desa, institusi kekeluargaan, aktiviti kemasyarakatan dan kebudayaan.



Pekan

- Sebuah petempatan kecil bercirikan bandar yang terletak di desa.
- Penduduk tampungan kurang daripada 10,000 orang.
- Beberapa deretan bangunan perdagangan dan kedai sesebuah.
- Menempatkan pelbagai kemudahan seperti balai polis, masjid, sekolah, pasar, dewan, padang / kawasan lapang / dataran, perpustakaan desa dan pusat ICT bagi memenuhi keperluan penduduk di sekitarnya.
- Mempunyai aktiviti mingguan seperti pasar pagi / tani, pasar sehari atau pasar malam.
- Telah lama wujud dan kebiasaananya terletak berhampiran sungai, jalan raya atau landasan keretapi.



Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

- Penduduk tampungan kurang daripada 2,500 orang.
- Terdiri daripada komponen pembangunan ekonomi, kemudahan prasarana, pusat perkhidmatan dan pembangunan manusia.
- Merupakan pusat perkhidmatan desa yang utama kepada beberapa buah kampung yang terletak secara berkelompok.



Kampung

- Sebuah petempatan tradisi di kawasan desa.
- Mempunyai ciri-ciri tradisional yang tinggi dari segi sosio budaya dan fizikal.
- Terdiri daripada sekumpulan rumah.
- Terdapat lapan jenis kampung di Malaysia (**muka surat 3-03**).



KATEGORI KAMPUNG DI MALAYSIA

Terdapat lapan jenis kampung di Malaysia yang diklasifikasi berdasarkan komposisi penduduk dan kumpulan etnik, tahap kepadatan, tahap urbanisasi, tahap kemudahan masyarakat dan kualiti hidup, asas ekonomi dan jenis pekerjaan utama, corak petempatan, ciri-ciri fizikal dan lokasi serta fungsi sesebuah kampung dengan perincian seperti berikut:

1. Kampung Tradisional



- Wujud secara tidak dirancang atau organik.
- Kampung tradisional di bandar menampung bilangan penduduk yang tinggi dan majoriti terlibat dengan aktiviti perbandaran. Keadaan fizikal kampung kurang teratur dan sesak.
- Kampung tradisional di desa berdensiti rendah. Taburan petempatan dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi setempat seperti pertanian, perlombongan dan sebagainya. Corak adalah berjajar atau berkelompok.
- Kampung tradisional juga boleh terdapat di pulau-pulau.
- Majoriti penduduk adalah kaum Melayu dan Cina.

2. Kampung Nelayan



- Petempatan kampung yang terletak di kuala atau sepanjang sungai, di tepi-tepi pantai dan di pulau-pulau.
- Majoriti penduduk adalah kaum Melayu dan Cina.
- Pekerjaan adalah menangkap ikan, membuat perahu dan menjalankan aktiviti berdasarkan hasil laut dan sungai.
- Corak fizikal perkampungan nelayan dipengaruhi oleh faktor semula jadi seperti sungai, muara dan pantai.
- Keadaan kampung adalah padat.

3. Kampung Tersusun



- Kampung yang dirancang berdasarkan beberapa sebab seperti penempatan semula kampung, pemberian tanah dan bencana alam.
- Susun atur kampung yang tersusun.
- Densiti rendah dan sederhana.
- Penduduk terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi.

4. Kampung Atas Air



- Terletak di atas air sama ada di sungai, tasik atau laut dan rumah-rumah dibina secara bertiang di atas air.
- Dihubung oleh jeti atau jambatan kayu.
- Pelbagai densiti mengikut lokasi.
- Majoriti penduduk adalah kaum Melayu dan Cina.
- Pekerjaan adalah menangkap ikan, membuat perahu dan menjalankan aktiviti berdasarkan hasil laut dan sungai.

5. Kampung Orang Asli



- Merupakan petempatan yang wujud secara tidak terancang dan mempunyai identiti tersendiri.
- Kebiasaan jauh di kawasan pedalaman dan berdekatan sungai.
- Corak petempatan adalah berselerak mengikut suku kaum.
- Aktiviti pekerjaan sara diri seperti pertanian, mencari hasil hutan, memburu dan menangkap ikan.

6. Petempatan Tanah Rancangan FELDA / FELCRA / RISDA



- Petempatan kampung terancang berikutan dari pembangunan tanah secara besar-besaran.
- Majoriti penduduk adalah kaum Melayu.
- Konsep asas adalah untuk mewujudkan suatu petempatan yang ‘self-contained’ bertujuan membasi kemiskinan dan memberi hak milik tanah di kalangan penduduk di kawasan desa.
- Corak petempatan berbentuk berpusat (*concentrated*) atau berkelompok.
- Kepadatan penduduk sederhana tinggi.

7. Kampung Baru



- Merupakan petempatan kampung yang wujud pada masa darurat (1948-1960) bagi mengatasi masalah ancaman komunis.
- Penduduk kaum Cina.
- Terletak di ladang-ladang getah, kawasan perlombongan bijih timah dan di sekitar bandar-bandar sedia ada.
- Corak petempatan adalah berpusat dan berbentuk ‘grid iron’.

8. Petempatan Estet



- Rumah pekerja ladang yang disediakan oleh majikan pengurusan ladang.
- Corak petempatan adalah berkelompok.
- Majoriti penduduk kaum India.
- Aktiviti utama sebagai peladang kelapa sawit dan getah.

SISTEM GRID DESA

DPF Desa Negara menterjemahkan dasar-dasar pembangunan desa kepada pelan fizikal yang diintegrasikan dengan Sistem Grid Desa. Sistem ini mempunyai pengelasan data spatial bagi tujuan penetapan taburan kampung mengikut ciri-ciri tertentu yang digunakan secara bersepadu dengan CHARMs. Sistem ini dapat mengenal pasti jurang dan hubungan antara kawasan perbandaran dan kawasan desa. Terdapat enam tipologi grid (**Jadual 3.1**) yang dibentuk hasil daripada maklumat fizikal, demografi dan ekonomi bertujuan menentukan kedudukan fizikal sesebuah kampung. Sistem ini mampu menyelesaikan masalah sempadan kampung dan membantu dalam penetapan dasar secara spesifik berdasarkan karektor kampung yang berbeza mengikut kategori dan keperluan masing-masing. Taburan kampung berdasarkan sistem grid desa adalah seperti **Rajah 3.1**.


Jadual 3.1 : Kriteria Tipologi* Bagi Sistem Grid Desa

Tipologi Grid	Kriteria
Perbandaran Utama <i>Major Urban</i> (U1)	<ul style="list-style-type: none"> Sebahagian daripada kawasan metropolitan dan kawasan perbandaran utama. 90 peratus kawasan tepu bina. Jumlah penduduk melebihi 25,000 orang. Berada di dalam pusat bandar.
Perbandaran Sekunder <i>Secondary Urban</i> (U2)	<ul style="list-style-type: none"> Sebahagian dari ibu negeri dan daerah serta bandar utama. 70-90 peratus kawasan tepu bina. Jumlah penduduk 10,000-25,000 orang. Jarak ke pusat bandar terdekat : 5-10 km.
Bandar Desa <i>Urban Rural</i> (UR)	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan bandar (pusat petempatan utama) di luar konurbasi utama negara – pinggir bandar. 70-90 peratus kawasan tepu bina. Jumlah penduduk 5,000-10,000 orang. Jarak ke pusat bandar terdekat : 10-20 km.
Desa Bandar <i>Rural Urban</i> (RU)	<ul style="list-style-type: none"> Bandar / pekan (pusat petempatan kecil). 50 peratus kawasan tepu bina. Jumlah penduduk kurang 5,000 orang. Jarak ke pusat bandar terdekat : 20-40 km.
Desa Luar Bandar <i>Rural</i> (R5)	<ul style="list-style-type: none"> Pusat pertumbuhan desa (PPD) dan perkampungan utama. 70 peratus kawasan terdiri daripada hutan dan kawasan pertanian. Jumlah penduduk kurang 2,500 orang. Jarak ke pusat bandar terdekat : 40-50 km.
Desa Pedalaman <i>Major / Mainly Rural</i> (R6)	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan pedalaman dengan bilangan kecil perkampungan. 90 peratus adalah kawasan hutan dan pertanian. Jumlah penduduk kurang 1,000 orang. Jarak ke pusat bandar terdekat : >50 km.

Sumber : DPF Desa Negara, 2016.


* Nota : Tipologi adalah jenis, klasifikasi / pengelasan.

Rajah 3.1 : Taburan Kampung Mengikut Tipologi Sistem Grid Desa



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Rajah 3.2: Ilustrasi Huraian Enam Tipologi Sistem Grid Desa



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

SISTEM CIRI-CIRI DESA MALAYSIA / CHARACTERISTICS OF RURAL MALAYSIA SYSTEM (CHARMs)

Sistem Ciri-Ciri Desa Malaysia atau *Characteristics of Rural Malaysia System (CHARMs)* merupakan satu sistem yang dibangunkan khusus untuk DPF Desa Negara bertujuan untuk:

Menilai tahap kemampunan kampung

- Mengenal pasti kampung-kampung yang telah mencapai tahap pembangunan yang mencukupi dari aspek kemudahan dan keadaan fizikal.
- Meningkatkan kualiti hidup masyarakat kampung.

Membantu menyokong membuat keputusan agihan peruntukan

- Mengenal pasti kampung-kampung yang memerlukan bantuan penyediaan kemudahan masyarakat dan kemudahan infrastruktur dan utiliti mengikut keutamaan.
- Memudahkan agensi terlibat untuk menyalurkan bantuan perancangan dan pembangunan desa kepada kumpulan sasar secara lebih telus dan tepat.

Membantu dalam pemantauan pelaksanaan DPF Desa Negara

- Mengenal pasti tahap pelaksanaan DPF Desa Negara berdasarkan indikator pelaksanaan yang ditetapkan.
- Membuat penambahbaikan pelaksanaan DPF Desa Negara sekiranya perlu.

BAB

4

HALA TUJU PEMBANGUNAN DESA

HALA TUJU PEMBANGUNAN DESA

DPF Desa Negara diperincikan melalui enam peringkat iaitu:

1
VISI

- Tanggapan dan pandangan yang jauh dan mendalam, terutama berkaitan dengan perkembangan masa hadapan.
- Wawasan.
- Hala tuju.
- Sasaran.
- Perkara yang disasarkan untuk dicapai di masa hadapan.
- Cita-cita / impian yang akan dicapai dalam tempoh masa yang panjang.

3
TEMA

- Merupakan prinsip / asas dalam pencapaian matlamat.
- Merangkumi kesemua aspek fizikal, sosial dan ekonomi.
- Bersifat trans-sektoral.

5
TERAS

- Penekanan terhadap subjek tertentu mengikut kepentingan dan keutamaan.
- Gabungan beberapa komponen secara inklusif.
- Menjadi fokus / tumpuan utama dalam pembentukan dasar dan strategi.

Visi dan Matlamat

“DESA SEJAHTERA, NEGARA SEJAHTERA”

‘Sejahtera’ berdasarkan Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud bebas daripada segala kesusahan, aman sentosa dan makmur. Visi ini dibentuk bagi memberi pandangan atau wawasan kepada desa di masa hadapan yang sejahtera untuk didiami dan mampu menyumbang kepada kesejahteraan negara.

Pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar merupakan elemen pembangunan yang perlu diterapkan dalam merancang kawasan desa bagi mencapai visi yang ditetapkan. Dari sudut pembangunan fizikal, desa sejahtera adalah desa yang mempunyai kemudahan awam dan infrastruktur yang mencukupi di samping mempunyai aksesibiliti yang baik untuk mendapatkan kemudahan tersebut. Pembangunan desa yang sejahtera juga perlu menyediakan aktiviti ekonomi desa dengan menggunakan kepelbagai sumber jaya desa sedia ada agar mampu meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk desa. Pembangunan sosial pula merangkumi penduduk yang produktif dan berdaya maju dalam petempatan desa yang sejahtera. Budaya dan nilai kemasyarakatan yang tinggi serta pemeliharaan alam semula jadi turut menyumbang kepada kesejahteraan desa.

Dalam memastikan visi Desa Sejahtera, Negara Sejahtera berjaya direalisasikan, matlamat penyediaan dasar ini adalah “**Desa berdaya huni (*livable*) dan berdaya tahan (*resilient*).**”

17

PERNYATAAN DASAR

- Pernyataan bertulis bagi menentukan haluan dan arah aliran pemajuan fizikal.
- Pernyataan mengenai hasrat untuk mencapai sesuatu kehendak yang berorentasikan matlamat dan tujuan.
- Rancangan menentukan strategi yang akan dijalankan.
- Proses mengatur sesuatu rancangan, program dan perencanaan.

46

STRATEGI

- Cara-cara merancang dan melaksanakan.
- Rancangan yang teratur (merangkumi pelbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan.
- Kenyataan berbentuk substantif yang menunjukkan perbuatan dan tindakan mengikut kesesuaian pernyataan dasar yang dinyatakan.

113

LANGKAH

- Tindakan terperinci yang diambil untuk mencapai sesuatu tujuan.
- Bersifat boleh ubah mengikut kesesuaian sesuatu pihak, masa dan tempat.
- Kaedah untuk merealisasikan cadangan dasar dan strategi secara nyata.
- Bersifat berdaya laksana.



Tema

Tiga tema telah dibentuk iaitu **Hijau, Harmoni dan Dinamis** bagi menterjemah visi pembangunan desa sehingga tahun 2030 dan dijadikan asas kepada pembentukan teras dan pernyataan dasar. Tema ini sangat sesuai dengan ciri-ciri desa iaitu alam semula jadi, kawasan pertanian dan petempatan. Ciri-ciri positif dan kelebihan desa boleh dirumuskan merujuk kepada ketiga-tiga komponen utama iaitu:

- i. Kesuburan tanah dan kekayaan sumber.
- ii. Keindahan alam semula jadi.
- iii. Keselesaan petempatan.



Integrasi antara ketiga-tiga ciri desa ini menghasilkan tema **Hijau, Harmoni** dan **Dinamis** seperti berikut:

Hijau

- Gabungan antara alam semula jadi dan kawasan pertanian memberikan imej hijau kepada kawasan desa.
- Hutan, sungai, pantai, tasik, tanah tinggi dan gunung-ganang dipelihara.
- Pengekalan alam semula jadi dan kepelbagaiannya biodiversiti desa.
- Aktiviti pertanian secara terkawal.
- Penggunaan sumber jaya desa secara mampan.
- Amalan hidup sihat dan hijau.

Harmoni

- Pembangunan / aktiviti manusia yang lebih sensitif dan menekankan kepada pengekalan alam semula jadi.
- Saling melengkapi / menyokong dan tidak bercanggah.
- Membentuk suasana yang nyaman dan selesa dihuni.
- Pemeliharaan imej kawasan desa yang berkepadatan rendah, komuniti homogenus, suasana tenang dan damai, ikatan sosial yang rapat dan terdapat kepelbagaiannya reka bentuk seni bina tradisional.

Dinamis

- Aset semula jadi yang terdapat di kawasan desa dibangunkan secara mampan bagi meningkatkan pendapatan dan keselesaan penduduk desa.
- Fokus kepada agromakanan dan menjadi pengeluar utama bekalan makanan negara.
- Kepelbagaiannya peluang ekonomi berasaskan sumber jaya desa.

Teras

Pernyataan dasar secara trans-sektoral disediakan mengikut lima teras utama yang saling menyokong pencapaian visi dan matlamat pembangunan desa. Terdapat **17 pernyataan dasar, 46 strategi** dan **113 langkah** bagi keseluruhan DPF Desa Negara yang dirumuskan seperti berikut:



KOD DASAR	TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3	TERAS 4	TERAS 5	JUMLAH
PERNYATAAN DASAR	AD singkatan daripada ALAM DESA	SD singkatan daripada SIMBIOTIK DESA	DD singkatan daripada DAYA DESA	ED singkatan daripada EKONOMI DESA	PD singkatan daripada PENGURUSAN DESA	17
STRATEGI	4 PERNYATAAN DASAR	2 PERNYATAAN DASAR	5 PERNYATAAN DASAR	3 PERNYATAAN DASAR	3 PERNYATAAN DASAR	46
LANGKAH	24 LANGKAH	9 LANGKAH	52 LANGKAH	14 LANGKAH	14 LANGKAH	113

Setiap strategi diperincikan dengan huraian langkah-langkah, cadangan lokasi (tipologi grid), indikator pelaksanaan, fasa pelaksanaan, agensi pelaksana dan agensi pemantau.

داسر ۋەنچاڭ دېسا ئىخبارا

DASAR PERANCANGAN FIZIKAL **DESA NEGARA** (DPF DESA NEGARA 2030)



VISI

Desa Sejahtera,
Negara Sejahtera

MATLAMAT

Desa berdaya huni
(*livable*) dan berdaya
tahan (*resilient*)

TEMA



Hijau



Harmoni



Dinamis

TERAS1



PENGURUSAN
MAMPAN ALAM
SEKITAR DESA

4

9

24

PERNYATAAN DASAR

STRATEGI

LANGKAH

TERAS2



PENGUKUHAN
HUBUNGAN
SIMBIOTIK
BANDAR-DESA

2

4

9

PERNYATAAN DASAR

STRATEGI

LANGKAH

TERAS3



PENGUKUHAN
DAYA HUNI DESA

5

19

52

PERNYATAAN DASAR

STRATEGI

LANGKAH

TERAS4



MEMPERKASA
EKONOMI DESA

3

8

14

PERNYATAAN DASAR

STRATEGI

LANGKAH

TERAS5



PENGURUSAN DESA
BERDAYA LAKSANA

3

6

14

PERNYATAAN DASAR

STRATEGI

LANGKAH

PERNYATAAN DASAR	STRATEGI
AD 1 – Penjagaan KSAS Dan Sumber Biodiversiti Desa	AD 1.1 – Memelihara KSAS Dan Biodiversiti Desa AD 1.2 – Memulihara KSAS Dan Biodiversiti Desa AD 1.3 – Memartabat Khazanah Dan Keindahan Warisan Alam Semula Jadi Desa AD 2.1 – Memperkasakan Pengurusan Sumber Biodiversiti Oleh Komuniti Desa AD 2.2 – Meningkatkan Pengetahuan Dan Kesedaran KSAS dan Biodiversiti Di Kalangan Komuniti Desa AD 2.3 – Menggalakkan Amalan Hijau Di Kalangan Komuniti Desa AD 3.1 – Menambah Stesen Pemantauan Kualiti Alam Sekitar Di Desa AD 4.1 – Mewujudkan Sistem Pengurusan Risiko Bencana Efektif AD 4.2 – Meningkatkan Tahap Kesiapsiagaan Agenzi Kerajaan Dan Komuniti Desa
AD 2 – Pemerkasaan Peranan Komuniti Dalam Penjagaan Alam Sekitar Desa	
AD 3 – Pemantauan Kualiti Alam Sekitar Desa	
AD 4 – Pengurusan Risiko Bencana Yang Efektif	
SD 1 – Merekayasa Pekan Sebagai Pemangkin Pembangunan Desa	SD 1.1 – Memperkuuhkan Pekan Sebagai Pusat Ekonomi Dan Perkhidmatan Desa SD 1.2 – Mengukuhkan Peranan PPD SD 2.1 – Memperkuuhkan Rangkaian Perhubungan Antara Kampung – Pekan – Bandar SD 2.2 – Menaik Taraf Dan Menyelenggara Jalan Masuk dan Jalan Dalam Kampung
SD 2 – Pengukuhan “Urban—Rural Link”	
DD 1 – Pemeliharaan Karektor Spatial Desa	DD 1.1 – Menentukan Sempadan Kampung DD 1.2 – Memetakan Aset Desa DD 1.3 – Mengawal Pertukaran Guna Tanah Di Kawasan Desa DD 1.4 – Memelihara Kawasan Zon Penampang Desa DD 1.5 – Meningkatkan Kependudukan Desa Teru tama Golongan Muda Dan Pesara Dari Bandar DD 1.6 – Mengurus Rumah Usang Bagi Meningkatkan Imej dan Keindahan Desa
DD 2 – Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Warisan Desa	DD 2.1 – Memulihara Rumah Melayu Tradisional DD 2.2 – Menyemarakkan Industri Pembuatan Rumah Melayu Tradisional DD 2.3 – Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Tentang Warisan Budaya DD 2.4 – Memartabatkan Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH)
DD 3 – Peningkatan Infrastruktur yang Efisien	DD 3.1 – Menjamin Sumber Bekalan Air Bersih Yang Berterusan Dan Mencukupi DD 3.2 – Menyokong Pengagihan Bekalan Elektrik 24 Jam Yang Menyeluruh DD 3.3 – Memacu ICT Dalam Menyokong Ekonomi Desa DD 3.4 – Mengukuhkan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Di Desa DD 3.5 – Mengukuhkan Sistem Pembetungan Di Desa
DD 4 – Penyediaan Kemudahan Awam	DD 4.1 – Menyediakan Kemudahan Awam Yang Mencukupi Dan Berkualiti DD 4.2 – Memupuk Unsur ‘Pemilikan Komuniti’ Dan Konsep ‘Social Enterprise’
DD 5 – Pengukuhan Dan Peningkatan Penyertaan Sosial	DD 5.1 – Mengukuhkan Perasaan Cinta Dan Semangat Kekitaan DD 5.2 – Mengukuhkan Konsep Kejiranan Dan Kemasyarakatan Dalam Kehidupan Seharian
ED 1 – Menstruktur Semula Ekonomi Desa	ED 1.1 – Mempelbagaikan Aktiviti Ekonomi Berdasarkan Kelebihan Dan Keperluan Setempat ED 1.2 – Memberi Penekanan Kepada Tanaman Makanan
ED 2 – Meningkatkan Produktiviti Ekonomi Desa	ED 2.1 – Memajukan Kluster Ekonomi Desa ED 2.2 – Memantapkan Keupayaan Usahawan Desa ED 2.3 – Menggalakkan Inovasi, Pensijilan dan Penjenamaan
ED 3 – Pengukuhan Rantaian Nilai (<i>Value-Chain</i>) Ekonomi Desa	ED 3.1 – Menggalakkan Perjanjian Bekalan ED 3.2 – Menambah Penggunaan <i>E-Commerce</i> Di Dalam Pemasaran Produk Desa ED 3.3 – Membudayakan Penggunaan Produk Desa Di Kalangan Masyarakat Umum
PD 1 – Pengukuhan Sistem Tadbir Urus Desa	PD 1.1 – Meningkatkan Penyelarasian Antara Agenzi Di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah
PD 2 – Memperkasa Keupayaan Komuniti Dalam Pembangunan Desa	PD 2.1 – Mengukuhkan Kolaborasi Yang Menguntungkan Komuniti PD 2.2 – Memperkasa Keupayaan dan Memanfaatkan Potensi Komuniti Desa
PD 3 – Pelaksanaan Sistem Ciri-Ciri Desa Malaysia (CHARMs) Dalam Tadbir Urus Desa	PD 3.1 – Melaksanakan CHARMs Dalam Perancangan Dan Pembangunan Desa PD 3.2 – Mengemas Kini Sistem Maklumat Kampung Secara Berkala Dan Sistematik Melalui CHARMs PD 3.3 – Memantau Pelaksanaan Dan Kemajuan Projek Pembangunan Desa Melalui CHARMs

BAB

5

TERAS 1

PENGURUSAN MAMPAN ALAM SEKITAR DESA
(AD)



TERAS 1

PENGURUSAN MAMPAN ALAM SEKITAR DESA (AD)

Kelestarian pembangunan dan alam sekitar amat penting dalam menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat desa khususnya dan rakyat Malaysia umumnya. Pembangunan pesat tanpa menghiraukan kesan negatif kepada alam sekitar dan komuniti desa mampu mempengaruhi keberkesanan program fizikal, sosial dan ekonomi sesuatu kawasan dan hala tuju pembangunan yang telah dirancang. Bagi memastikan pembangunan yang mampan, fungsi memelihara dan memulihara alam sekitar secara profesional dan menggunakan kaedah sistematik di dalam proses perancangan pembangunan haruslah diutamakan.

Alam sekitar juga merupakan komponen utama yang memberikan imej kehijauan di kawasan desa. Pengekalan kawasan hutan, tanah pertanian yang subur, landskap semula jadi seperti gunung-ganang, bukit-bukau, sungai, tasik dan pantai adalah penting untuk menghidupkan suasana kesejahteraan dan ketenangan desa. Manakala, sumber biodiversiti Malaysia yang tinggi nilainya harus dijaga dengan sebaiknya kerana berupaya memberikan peluang ekonomi kepada penduduk desa dan berpotensi untuk diperkenalkan ke seluruh dunia.

"Bangga dan Menghargai Warisan Semula Jadi

Masyarakat setempat dikelilingi oleh landskap dan taman yang menjadi habitat biodiversiti. Ciri-ciri semula jadi seperti sungai, tasik dan paya bakau dilindungi sebaiknya dan digunakan terutamanya untuk tujuan rekreasi dan pendidikan.

Rakyat komited untuk memelihara kepelbagaiannya flora dan fauna di Malaysia yang menjadi kebanggaan dan identiti negara. "

Sumber: RMKe-11



4
Pernyataan Dasar

9
Strategi

24
Langkah

AD1 PENJAGAAN KSAS DAN SUMBER BIODIVERSITI DESA

- Strategi AD1.1 Memelihara KSAS Dan Biodiversiti Desa
- Strategi AD1.2 Memulihara KSAS Dan Biodiversiti Desa
- Strategi AD1.3 Memartabat Khazanah Dan Keindahan Warisan Alam Semula Jadi Desa

AD 2 PEMERKASAAN PERANAN KOMUNITI DALAM PENJAGAAN ALAM SEKITAR DESA

- Strategi AD2.1 Memperkasakan Pengurusan Sumber Biodiversiti Oleh Komuniti Desa
- Strategi AD2.2 Meningkatkan Pengetahuan Dan Kesedaran KSAS Dan Biodiversiti Di Kalangan Komuniti Desa
- Strategi AD2.3 Menggalakkan Amalan Hijau Di Kalangan Komuniti Desa

AD 3 PEMANTAUAN KUALITI ALAM SEKITAR DESA

- Strategi AD3.1 Menambah Stesen Pemantauan Kualiti Alam Sekitar Di Desa

AD 4 PENGURUSAN RISIKO BENCANA YANG EFEKTIF

- Strategi AD4.1 Mewujudkan Sistem Pengurusan Risiko Bencana Efektif
- Strategi AD4.2 Meningkatkan Tahap Kesiapsiagaan Agensi Kerajaan Dan Komuniti Desa

KEKAYAAN BIODIVERSITI DESA

Sumber Biodiversiti Bukan Semula Jadi

Kawasan desa mempunyai sumber biodiversitinya yang tinggi. Biodiversiti semula jadi terdiri daripada hidupan darat, akuatik, marin dan udara serta habitat semula jadi yang menampung semua spesies hidupan ini. Bagi memastikan sesuatu ekosistem dapat berfungsi dengan baik dan normal, pemeliharaan sumber biodiversiti sangat diperlukan. Kesan daripada pemeliharaan ekosistem semula jadi akan memberi manfaat dan pulangan positif, sama ada dari segi ekonomi atau daya huni kepada penduduk desa. Kebanyakan desa di Malaysia masih mengekalkan ciri-ciri warisan alam semula jadi yang berpotensi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran, pendidikan berterusan, penyelidikan saintifik, pemeliharaan, kebudayaan dan pelancongan. Sumber warisan alam semula jadi yang amat berharga seperti hutan simpanan dara yang mempunyai pokok-pokok berusia melebihi 50 tahun perlu dipelihara dengan baik untuk diwariskan kepada generasi akan datang. Pengekalan jalinan koridor hutan semula jadi bukan sahaja dapat melindungi habitat flora dan fauna untuk kepentingan biodiversiti, malah dapat menjana sektor hiliran seperti pelancongan alam semula jadi, penyelidikan dan inovasi serta pembangunan komuniti. Malaysia sehingga kini berupaya mengekalkan sejumlah 55.2 peratus (tahun 2015) daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan hutan yang mempunyai nilai warisan alam semula jadi.


Malaysia telah diiktiraf sebagai 12 negara *mega biodiversity* di dunia

- 1. Indonesia
- 2. Colombia
- 3. Mexico
- 4. Brazil
- 5. Ecuador
- 6. Australia
- 7. Venezuela
- 8. Peru
- 9. China
- 10. Costa Rica
- 11. Madagascar
- 12. MALAYSIA**
- 13. Panama
- 14. Filipina
- 15. Brunei Darussalam
- 16. Papua New Guinea
- 17. Guatemala

Sumber: Global Diversity Outlook, 2004

Kekayaan
BIODIVERSITI NEGARA 60-70%
DARIPADA JUMLAH BIODIVERSITI DUNIA

160, 000 SPESIES FAUNA TERDAPAT DI MALAYSIA



Sumber Biodiversiti Bukan Semula Jadi



Biodiversiti bukan semula jadi terdiri daripada kepelbagaian komoditi tanaman termasuklah **tumbuhan hiasan, haiwan ternakan dan haiwan peliharaan**.

Amalan pertanian tradisional melibatkan penanaman pelbagai spesies pokok buah-buahan, sayur-sayuran, rempah ratus dan herba yang ditanam di kawasan sekeliling rumah atau di kebun dan dusun. Kepelbagaian komoditi tanaman dan haiwan ternakan di kawasan desa dapat menjana pendapatan dan memastikan sumber bekalan makanan negara mencukupi dan berterusan. Aktiviti pertanian dan penternakan yang dijalankan secara komersial dapat menambah peluang pekerjaan kepada penduduk desa. Ini dapat membendung kadar penghijrahan penduduk desa terutama generasi muda ke bandar.

Amalan pertanian tradisional mempunyai beberapa faedah penting kerana mampu mengurangkan jangkitan penyakit, terutama jenis *host-specific*. Ini bermakna penggunaan bahan kimia untuk mengawal penyakit jauh lebih rendah berbanding amalan monokultur dalam aktiviti perladangan kelapa sawit atau getah atau ternakan haiwan secara fidlot. Tanaman seperti kekacang mampu meningkatkan kesuburan tanah dan mengurangkan penggunaan baja kimia, manakala pegaga dan sirih banyak digunakan dalam perubatan tradisional dan dijadikan sebagai sumber kecantikan. Ini menunjukkan amalan pertanian tradisional mempunyai kapasiti kemampunan yang tinggi dan membantu meningkatkan tahap ekonomi penduduk desa.






PERNYATAAN DASAR AD 1

PENJAGAAN KSAS DAN SUMBER BIODIVERSITI DESA

Malaysia merupakan sebuah negara yang sangat kaya dengan biodiversiti. Kepelbagaiannya tersebut dapat digambarkan melalui flora dan fauna yang masih wujud di negara kita pada hari ini. Dari segi kepelbagaiannya spesies tumbuhan, Malaysia berada pada tangga kelima dalam Rantau Australasia. Ini merupakan sesuatu keadaan yang sangat membanggakan kerana negara masih mengekalkan khazanah yang amat berharga. Walaupun jumlah bagi spesies tumbuhan dan haiwan vertebrata darat adalah tidak sehebat empat buah lagi negara lain di Rantau Australasia, namun Malaysia masih mempunyai bilangan yang terbanyak dari segi jumlah spesies per kilometer persegi.

Landskap kehijauan yang merangkumi Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang dilindungi sepenuhnya dan juga kawasan bukan KSAS yang masih dalam keadaan asli adalah elemen asas dalam menggambarkan keindahan desa. Justeru, pengurusan dan pemahaman saintifik yang tinggi dan mendalam adalah perlu bagi memelihara dan menyelesaikan permasalahan berkaitan alam sekitar. Sebarang program pembangunan desa juga haruslah menitikberatkan interaksi positif di antara pembangunan dan pengekalan alam semula jadi. Kehilangan sumber semula jadi akibat daripada aktiviti-aktiviti yang merosakkan perlu diberi perhatian oleh semua pihak bagi menjamin kelestarian desa pada masa kini dan akan datang.

Kekayaan Biodiversiti (Flora dan Fauna) Di Malaysia



Sumber: www.nre.gov.my

STRATEGI

AD1.1**Memelihara KSAS Dan Biodiversiti Desa**

STRATEGI

AD1.2**Memulihara KSAS Dan Biodiversiti Desa**

STRATEGI

AD1.3**Memartabatkan Khazanah Dan Keindahan Warisan Alam Semula Jadi Desa****Perkaitan berdasarkan SDGs**

1 NO POVERTY 	2 NO HUNGER 	3 GOOD HEALTH 	4 QUALITY EDUCATION 	5 GENDER EQUALITY 	6 CLEAN WATER AND SANITATION 	7 RENEWABLE ENERGY 	8 GOOD JOBS AND ECONOMIC GROWTH 	9 INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
10 REDUCED INEQUALITIES 	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES 	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION 	13 CLIMATE ACTION 	14 LIFE BELOW WATER 	15 LIFE ON LAND 	16 PEACE AND JUSTICE 	17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS 	

Perkaitan berdasarkan RMKe-11

1 Memperkuuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama 	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat 	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju 	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan 	5 Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi 	6 Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
--	--	---	--	--	--


Strategi AD 1.1

Memelihara KSAS dan Biodiversiti Desa

Kawasan berhutan menampung pelbagai hidupan yang memainkan peranan penting seperti menyediakan tempat tinggal, perlindungan, pembiakan dan sumber makanan kepada pelbagai spesies flora dan fauna, sumber perhutanan dan perubatan kepada penduduk setempat, kawasan tahanan air, kawasan tebatan banjir dan penebat hakisan. Setiap komponen ekosistem di dalamnya berhubung kait di antara satu sama lain, di mana kehilangan sesuatu spesies akan memberi impak negatif kepada keseluruhan ekosistem. Kepelbagaiannya yang tinggi merupakan penunjuk aras yang baik bagi kawasan hutan yang dipelihara dan diuruskan secara sistematik kerana ia mampu menampung jumlah bilangan dan jenis spesies flora dan fauna yang tinggi.

Malaysia amat kaya dengan sumber biodiversiti semula jadi, tetapi kini sedang mengalami ancaman oleh pembangunan pesat seperti perluasan kawasan perumahan, pembangunan infrastruktur, pertambahan populasi dan perluasan kawasan pertanian. Bagi memastikan sumber biodiversiti semula jadi desa dapat dieksplotasi dan digunakan secara mampan dan optimum, penduduk desa perlu mempunyai ilmu dan kesedaran tentang potensi biodiversiti di sekeliling mereka bagi membawa perubahan dan pembangunan di kawasan desa. Pihak kerajaan, swasta dan penduduk desa perlu bekerjasama dan memainkan peranan masing-masing dalam memelihara sumber biodiversiti di kawasan desa.

Penurunan Keluasan Kawasan Berhutan




Sumber: RFN Ke-3, 2016

Penanaman kelapa sawit memerlukan penggunaan baja dan racun perosak yang tinggi yang mana lebihannya memasuki sungai berhampiran dan menyebabkan sumber air tercemar. Pelepasan sisa dari kilang kelapa sawit yang tidak dirawat turut menyumbang kepada pencemaran air sungai. Masalah pencemaran air turut menjelaskan hidupan akuatik seperti ikan, kualiti tanah dan ini sekali gus akan turut menjelaskan aktiviti pertanian, terutamanya pengeluaran komoditi makanan.

Apabila aktiviti pertanian terjejas, maka ia secara langsung akan memberi kesan ke atas bekalan sumber makanan negara. Lebih membimbangkan apabila masalah kekurangan air bersih turut menyumbang kepada berlakunya kepupusan terhadap kepelbagaian flora dan fauna. Kepupusan flora dan fauna boleh mengakibatkan ketidakseimbangan ke atas ekosistem yang akhirnya akan mengancam kehidupan manusia.

Mewartakan KSAS dan biodiversiti yang belum dilindungi



KSAS seperti hutan dan pulau yang mempunyai nilai biodiversiti perlu diwartakan sama ada sebagai hutan simpan, rizab hidupan liar, taman negara atau taman negeri bagi memelihara sumber-sumbernya daripada mengalami ancaman kemusnahan. Pada tahun 2014, keluasan hutan yang direkodkan di Semenanjung Malaysia ialah 5.80 juta hektar. Daripada jumlah ini, 0.28 juta hektar merupakan hutan tanah kerajaan dan berpotensi untuk diwartakan.



Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2014.

Hutan paya gambut memerlukan masa ribuan tahun untuk membentuk dan mempunyai 120 spesies balak yang bernilai tinggi. Antaranya ialah Kempas, Bintangor, Ramin, Nyatoh, Geronggang dan Resak. Paya gambut di Semenanjung Malaysia khususnya pula menampung sejumlah 238 spesies tumbuhan dan 81 spesies ikan. Tahap endemik spesies ikan amat tinggi. Ada jenis yang hanya dapat di paya gambut tertentu dan tidak pernah dijumpai di mana-mana tempat lagi di dunia.

Pewartaan ke atas KSAS seperti hutan paya gambut di Paya Beriah, Perak dan Beris Lalang, Kelantan dapat membantu memelihara biodiversiti dalamnya melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat. Sebarang aktiviti pembangunan yang ingin dijalankan di KSAS seperti menebus guna tanah untuk tujuan pembangunan perlu melalui prosedur yang ditetapkan dan mematuhi syarat-syarat yang telah termaktub dalam akta yang terlibat. Aktiviti di KSAS dapat dikawal daripada berleluasa tanpa batasan dan seterusnya sumber semula jadi dapat dilindungi dan dipelihara.



Sumber: *Perangkaan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2014

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Bagi kawasan terumbu karang, seluas 248,613 hektar telah diwartakan sebagai Taman Laut iaitu 30.8 peratus terletak di Negeri Johor, 28.1 peratus di Terengganu, 27.2 peratus di Pahang, 7.6 peratus di Kedah dan 6.4 peratus di Wilayah Persekutuan Labuan. Terdapat lebih daripada 480 spesies karang keras telah direkodkan di Semenanjung Malaysia. Namun, masih banyak pulau yang belum diwartakan sebagai kawasan lindungan walaupun menampung pelbagai spesies. Semua negara yang berdaftar di bawah Konvensyen Biodiversiti perlu menjadikan sekurang-kurang 10 peratus dari perairan laut sebagai kawasan rizab marin.

Mengawal perletakan industri nadir bumi di kawasan desa

Terdapat beberapa industri nadir bumi di Semenanjung Malaysia seperti Asian Rare Earth Sdn. Bhd. di Lahat, Perak dan Lynas Malaysia Sdn. Bhd. di Gebeng, Pahang yang perletakannya berpotensi memberi ancaman terhadap kualiti air sungai dan tanah serta sumber biodiversiti di sekelilingnya. Penilaian terperinci dalam memilih lokasi yang sesuai untuk industri ini perlu dilakukan di masa hadapan. Pembinaan dan operasi bagi industri ini perlu mengambil kira komponen alam sekitar di sekelilingnya bagi meminimumkan kesan ke atas alam sekitar.

Memelihara kawasan sumber makanan negara

Peningkatan jumlah penduduk dan pertumbuhan ekonomi yang pesat telah memberi ancaman pembangunan di kawasan pertanian. Penukaran kawasan pertanian kepada pembangunan industri, perumahan dan perniagaan boleh mengancam sumber makanan negara. Dari segi kawasan desa pula, walaupun kebanyakannya aktiviti pertanian dijalankan secara kecil-kecilan, ia turut menyumbang kepada sumber makanan negara. Pemeliharaan kawasan sumber makanan di desa amatlah penting bagi memastikan sekuriti makanan yang selamat dimakan adalah mencukupi. Kawasan sumber makanan di desa yang dipelihara dengan baik boleh diperkembangkan menjadi aktiviti pertanian yang komersial dan berskala besar. Inisiatif yang dicadangkan bagi memelihara kawasan sumber makanan yang terletak di desa adalah:

- Pengekalan kawasan pertanian jenis tanah kelas 1 dan 2.
- Pembangunan semula tanah-tanah pertanian terbiar.
- Pengekalan kawasan KSAS tanaman makanan.



Memelihara sumber bukan semula jadi yang penting

Terdapat beberapa sumber bukan semula jadi yang telah menyokong pertumbuhan ekonomi desa. Sumber-sumber ini menampung kepelbagaiannya biologi yang terdiri daripada hidupan yang diternak, dipelihara atau dijaga oleh manusia. Sumber yang dimaksudkan termasuklah tasik buatan, bekas lombong, kawasan penanaman padi atau tali air. Tasik buatan dan bekas lombong juga merupakan kawasan sumber air terutama ketika bencana kemarau. Oleh itu, kawasan bukan semula jadi perlu dipelihara bagi membantu mengekalkan sumber biodiversiti negara.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
		✓	✓	✓		
AD1.1A: Mewartakan KSAS dan biodiversiti yang belum dilindungi	<ul style="list-style-type: none"> Penambahan kawasan KSAS yang diwartakan. 				<ul style="list-style-type: none"> • PTG • Jabatan Perhutanan Negeri • Jabatan PERHILITAN • Jabatan Taman Laut Malaysia • Perbadanan Taman-Taman Negeri 	• PLANMalaysia
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
AD1.1B: Mengawal perletakan industri nadir bumi di kawasan desa	<ul style="list-style-type: none"> Tiada industri nadir bumi ditempatkan di kawasan desa. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Negeri • Jabatan Perhutanan Negeri • Lembaga Perlesenan Tenaga Atom 	<ul style="list-style-type: none"> • PLANMalaysia • PTG
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
AD1.1C: Memelihara kawasan sumber makanan negara	<ul style="list-style-type: none"> Kawalan pembangunan ke atas kawasan pertanian jenis tanah Kelas 1 dan 2 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pertanian Negeri • Jabatan Perikanan Negeri • Jabatan Veterinar Negeri • PBT 	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani • PLANMalaysia
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
AD1.1D: Memelihara sumber bukan semula jadi yang penting	<ul style="list-style-type: none"> Pengekalan kawasan tasik buatan, bekas lombong dan kawasan penanaman padi. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pertanian Negeri • Jabatan Perikanan Negeri • Jabatan Veterinar Negeri 	• Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi AD 1.2

Memulihara KSAS dan Biodiversiti Desa

Biodiversiti adalah penting bagi memastikan sesuatu ekosistem dapat berfungsi dengan baik dan normal. Sumber biodiversiti yang terjejas akibat daripada proses '*naturogenic*' atau aktiviti-aktiviti antropogenik yang dijalankan di dalam atau di kawasan sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung boleh memberi impak yang besar kepada keseluruhan ekosistem yang saling berhubung kait. Sumber biodiversiti yang terjejas harus dipulihkan dengan segera dan diberi perlindungan kerana ia mempunyai nilai yang terlalu tinggi dan sukar untuk diukur. Keseimbangan juga perlulah wujud di antara pembangunan dan pemuliharaan biodiversiti, di mana komponen alam sekitar perlu diambil kira bagi setiap pembangunan yang ingin dijalankan.

Sumbangan sektor perhutanan dan pembalakan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 2014:
RM 7.21 bilion

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara, 2014

Menanam semula pokok-pokok tempatan di kawasan desa

Kawasan berhutan dan kawasan tanaman pertanian yang semakin berkurangan telah menimbulkan gangguan kepada ekosistem. Usaha penghutanan semula giat dilakukan oleh Jabatan Perhutanan bermula tahun 1920an di Semenanjung Malaysia, tetapi terbatas pada kawasan rizab hutan sahaja. Penanaman semula pokok-pokok tempatan di kawasan desa terutama di kawasan pesisiran pantai dan kawasan tadahan perlu dijalankan bagi tujuan memulihara ekosistem.

Jenis pokok tempatan seperti Merawan Siput Jantan amat sesuai untuk penanaman semula kerana mempunyai proses tumbesaran yang cepat iaitu dalam tempoh 15 tahun. Pokok bakau juga boleh ditanam semula di pesisiran pantai bagi menggantikan pokok yang telah ditebang atau dimusnahkan. Jenis pokok bakau yang kebiasaannya dipilih untuk ditanam semula adalah pokok Bakau Minyak dan Bakau Kurap kerana pokok ini mampu bertahan dengan ombak kuat disebabkan oleh struktur akar jangkangnya. Pokok-pokok yang ditanam juga harus mengambilkira pemakanan dan habitat hidupan liar agar ekosistem boleh dipulihkan.



Meningkatkan tukun tiruan di kawasan berasesuaian

Sumber perikanan juga mengalami ancaman disebabkan oleh pembangunan (hotel, *chalet* dan *resort*) dan pertambahan penduduk di kawasan berhampiran pantai, amalan menangkap ikan yang memusnahkan karang, eksploitasi berlebihan terhadap sumber laut dan aliran bahan pencemar. Sumber perikanan yang merosot ini memberi impak kepada ekosistem marin termasuk flora dan fauna. Bagi mengatasi masalah ini, perletakan tukun tiruan dalam laut adalah tindakan yang paling tepat bagi meningkatkan sumber perikanan. Terdapat dua jenis tukun tiruan yang digunakan di Malaysia iaitu tukun tiruan konservasi dan tukun tiruan rekreatif. Tukun tiruan boleh mencetuskan proses '*upwelling*', di mana limpahan plankton akan meningkat dan sekaligus bilangan ikan akan bertambah di kawasan tukun tiruan. Tambahan tukun tiruan akan mengukuhkan sumber perikanan laut dan meningkatkan tahap ekonomi komuniti pantai.

Pada tahun 2014,
terdapat **98**
tapak tukun
tiruan.
Bilangan
tertinggi
dicatatkan di
Terengganu
(27) dan
Kedah (19).

Jadual 5.1: Bilangan Tapak Tukun Tiruan Mengikut Negeri

Negeri	Bilangan Tapak Tukun Tiruan		Jumlah
	Konservasi	Rekreasi	
Perlis	2	-	2
Kedah	18	1	19
Pulau Pinang	3	1	4
Perak	4	3	7
Selangor	9	-	9
Negeri Sembilan	3	-	3
Melaka	3	1	4
Kelantan	8	1	9
Terengganu	23	4	27
Pahang	7	2	9
Johor	3	2	5

Sumber: www.dof.gov.my



Tukun tiruan konkrit dasar lembut dibina lebih tinggi untuk mengelakkannya daripada tenggelam.



Program CSR Bank Rakyat tukun tiruan dan pembersihan pantai dan terumbu karang



Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
AD1.2A: Menanam semula pokok-pokok tempatan di kawasan desa	• Bilangan Program Restorasi Tebus Guna dan Pemulihian Kawasan Terosot di Semenanjung Malaysia	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perhutanan Negeri • Pihak Berkuasa Tempatan • Pejabat Daerah dan Tanah • JKKK 	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar • PLANMalaysia @Negeri
AD1.2B: Meningkatkan tukun tiruan di kawasan bersesuaian	• Bilangan tapak tukun tiruan	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perikanan Negeri • Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia • Jabatan Taman Laut Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perikanan Malaysia • Jabatan Taman Laut Malaysia

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi AD 1.3

Memartabat Khazanah Dan Keindahan Warisan Alam Semula Jadi Desa

Kawasan desa mempunyai pelbagai komponen alam semula jadi yang unik dan perlulah diiktiraf sebagai aset warisan negara di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan seterusnya dicalonkan sebagai warisan dunia oleh pihak UNESCO.

Mewartakan tapak warisan alam semula jadi

Komponen alam semula jadi yang dominan, unik, mempunyai nilai sejarah dan berkepentingan kepada aspek pendidikan perlu diwarta agar dapat dilindungi. Tapak warisan alam semula jadi ini adalah seperti tapak arkeologi (monumen, objek warisan, tapak warisan, relik arkeologi), monumen geologi dan tapak warisan geologi (taman geologi, monumen geologi, tapak terpelihara, landskap berpandangan indah) dan tapak ekopelancongan dan taman-taman alam (taman laut dan pulau-pulau, taman negara, hutan simpan, kawasan paya bakau, bukit batu kapur dan kawasan gua, sungai-sungai, air terjun dan tasik-tasik, kawasan pantai dan kawasan tanah tinggi).


Tapak warisan alam semula jadi ini boleh dijadikan sebagai produk pelancongan kepada pelancong dalam dan luar negara. Pelbagai program promosi dan pemasaran pelancongan boleh dianjurkan oleh agensi kerajaan dalam memartabatkan khazanah dan keindahan warisan alam semula jadi desa.

Memberi pengiktirafan terhadap kawasan semula jadi yang boleh dijadikan sebagai mercu tanda

Salah satu langkah untuk masyarakat menghargai dan mengenali keindahan dan kehijauan alam semula jadi desa adalah melalui pengiktirafan komponen-komponen penting alam semula jadi sebagai mercu tanda. Ia dapat membentuk identiti dan imej keindahan kawasan dan wilayah desa. Mercu tanda yang jelas, dibanggakan dan dihormati yang memiliki ciri-ciri am mercu tanda seperti nilai sejarah, unik, sentiasa diingati, teristimewa, mudah difahami, bermakna dan berskala. Pengiktirafan sebagai mercu tanda akan dapat mengukuhkan usaha pemeliharaan keindahan alam semula jadi serta mewujudkan rasa kesatuan setempat (*sense of place*) di kalangan masyarakat.

Antara cadangan yang berpotensi adalah:

- Puncak tertinggi Semenanjung Malaysia – **Taman Negara**
- Kisah sejarah, mitos dan lagenda – **Gunung Ledang**
- Hutan hujan tropika tertua dunia – **Taman Negara**
- Antara pantai dan pulau tercantik di dunia dan Asia – **Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Kapas, Pulau Tioman, Pulau Langkawi dan lain-lain.**
- Air terjun tertinggi Asia Tenggara – **Air Terjun Jelawang, Gunung Stong**
- Tasik buatan manusia terbesar Asia Tenggara – **Tasik Kenyir**
- Pewartaan kawasan rizab biosfer oleh pihak UNESCO – **Tasik Chini**
- Gua terpanjang Semenanjung Malaysia – **Gua Kelam**
- Sungai terpanjang Semenanjung Malaysia – **Sungai Pahang**



Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
AD1.3A: Mewartakan tapak warisan alam semula jadi	• Pertambahan bilangan komponen alam semula jadi yang diwartakan.	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Warisan Negara Jabatan Perhutanan Negeri Jabatan PERHILITAN 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Warisan Negara
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
AD1.3B: Memberi pengiktirafan terhadap kawasan semula jadi yang boleh dijadikan sebagai mercu tanda.	• Pengiktirafan kawasan alam semula jadi sebagai mercu tanda.	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Warisan Negara Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Jabatan Perhutanan Jabatan Taman Laut Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Warisan Negara Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



PERNYATAAN DASAR AD 2

PEMERKASAAN PERANAN KOMUNITI DALAM PENJAGAAN ALAM SEKITAR DESA

Komuniti desa memainkan peranan yang penting dalam menjaga alam sekitar kerana kawasan kediaman mereka terletak di dalam atau berhampiran dengan sumber biodiversiti yang bernilai tinggi. Mereka juga menerima banyak manfaat daripada sumber biodiversiti tersebut seperti air sungai sebagai sumber air tawar, sayur-sayuran dan buah-buahan sebagai sumber makanan dan herba sebagai ubat-ubatan. Kebanyakan penduduk desa terlibat dengan aktiviti menternak ayam, itik, kambing, lembu dan ikan serta menanam pokok sayur-sayuran dan buah-buahan. Ini menunjukkan bahawa komuniti desa sangat berkait rapat dengan sumber biodiversiti semula jadi dan bukan semula jadi.

Definisi Komuniti

Sekumpulan individu yang tinggal dalam satu kawasan geografi yang sama, melibatkan perhubungan dua hala sesama ahli, berkongsi budaya, norma dan nilai yang sama dalam satu struktur sosial berdasarkan kepada perhubungan yang dibina.

Komuniti desa merupakan golongan yang harus mempunyai peranan besar terhadap penjagaan alam sekitar desa dan perkongsian kawasan dengan hidupan liar di persekitaran mereka. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir penduduk desa yang kurang menyedari akan peranan mereka di dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. Melalui pemerkasaan komuniti, ia dapat mengubah budaya komuniti yang sebahagiannya lebih cenderung menunggu atau bergantung kepada agensi-agensi berwajib sahaja bagi memelihara dan memulihara alam sekitar mereka. Usaha untuk meningkatkan kesedaran awam dalam mewujudkan perkongsian tanggungjawab mengenai alam sekitar, adaptasi dan mitigasi perubahan iklim dan pemuliharaan sumber biodiversiti perlu dipupuk di peringkat sekolah lagi. Ini penting bagi memastikan generasi masa hadapan dapat memelihara KSAS dan biodiversiti sedia ada di kawasan desa. Komuniti desa yang komited dan bersatu-padu dalam mengurus persekitaran dapat membantu menjaga sumber biodiversiti di kawasan desa yang sekaligus boleh menstabilkan ekosistem dan meningkatkan ekonomi negara.

STRATEGI

AD2.1

*Memperkasakan Pengurusan Sumber Biodiversiti
Oleh Komuniti Desa*

STRATEGI

AD2.2

*Meningkatkan Pengetahuan Dan Kesedaran
KSAS dan Biodiversiti di Kalangan Komuniti Desa*

STRATEGI

AD2.3

*Menggalakkan Amalan Hijau di Kalangan
Komuniti Desa*

Perkaitan berdasarkan SDGs




Perkaitan berdasarkan RMKe-11

1 Memperkuuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama 	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat 	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju 	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan 	5 Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi 	6 Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
---	---	--	---	---	---

Strategi AD 2.1

Memperkasakan Pengurusan Sumber Biodiversiti Oleh Komuniti Desa

Penglibatan komuniti secara interaktif dalam pengurusan sumber dapat meningkatkan pemahaman terhadap kepentingan pengurusan sumber, menanam rasa tanggungjawab terhadap sumber, memberi peluang mengawal pembangunan dan penggunaan sumber, memastikan aspirasi ahli diambil kira dalam pengurusan sumber serta membuka peluang menambah pendapatan melalui sumber sedia ada. Pembabitan komuniti desa yang efektif terutamanya dalam mengarusperdanakan (*mainstreaming*) usaha-usaha konservasi biodiversiti membolehkan mereka mendapat impak positif hasil daripada pengurusan sumber yang baik. Aktiviti pembangunan yang tidak mampan akan menjelaskan sumber biodiversiti. Komuniti desa boleh mengambil peranan dan bahagian dalam menguruskan sumber dan meminimumkan impak negatif terhadap sumber biodiversiti.



Penglibatan penduduk dalam pengurusan sumber biodiversiti boleh dilaksanakan melalui program ‘*Community Based Natural Resource Management*’ (CBNRM). CBNRM merujuk kepada sistem mengurus dan melindungi sesuatu ekosistem seperti pantai dan hutan oleh komuniti tempatan bersama agensi kerajaan yang berkenaan. Pendekatan ini memberi penekanan kepada komuniti desa yang terlibat dalam persekitaran biodiversiti untuk menjaga sumber yang ada. Program ini telah banyak diperaktikkan di seluruh dunia dan berjaya memberi pulangan ekonomi kepada komuniti tempatan.

Pulangan nilai ekonomi kepada komuniti tempatan yang menjalankan program CBNRM: **USD 10 - 10,000 setahun**

Meluaskan Program Pengurusan Sumber Perhutanan Berasaskan Komuniti (Community Based Forestry Management)


Program Pengurusan Sumber Perhutanan Berasaskan Komuniti melibatkan penyertaan komuniti desa dalam mengurus sumber perhutanan. Beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) terlibat dalam menganjur dan memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam program seumpama ini seperti *Global Environment Centre* (GEC), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), *Wetlands International* (WI) dan Tabung Alam Malaysia (WWF Malaysia). Komuniti desa bergiat secara aktif dengan memikul tanggungjawab menguruskan sumber semula jadi di kawasan mereka. Komuniti yang dilantik terlibat dalam semua aspek pengurusan, termasuklah penyiasatan, membuat keputusan, perancangan dan pelaksanaan. Pembabitan komuniti desa yang efektif membolehkan mereka mendapat impak positif hasil daripada program ini. Berdasarkan kepada kriteria kedudukan kampung yang terletak di dalam KSAS 1, berada di kawasan hutan dan radius 1km daripada tebu bina sedia ada (anggaran rebakan tebu bina dan sedang mengalami tekanan pembangunan), terdapat 482 buah kampung yang berpotensi terlibat dengan Program Pengurusan Sumber Perhutanan Berasaskan Komuniti (**Rajah 5.1**).

Jadual 5.2: Senarai Kampung Yang Kini Terlibat Dengan Program Pengurusan Sumber Perhutanan Berasaskan Komuniti

Komuniti Kawasan	Persatuan	Aktiviti
Kg. Sg. Sireh di Tg. Karang, Selangor	Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara	Kawasan : Hutan Simpan Raja Musa <ul style="list-style-type: none"> • Menanam semula pokok. • Mengadakan program kesedaran alam sekitar. • Membuat rondaan dan pemantauan di hutan simpan.
Kg. Sg. Tiram dan Kg. Batu 10 di Manjung, Perak	Sahabat Hutan Bakau Lekir Sitiawan	Kawasan : Hutan Paya Laut Manjung Selatan <ul style="list-style-type: none"> • Menanam semula pokok. • Mengadakan program kesedaran alam sekitar. • Membuat rondaan dan pemantauan di hutan.
Kg. Ulu Geroh, Gopeng, Perak	Sahabat Ekopelancongan dan Memulihara Alam Indah	Kawasan : Ulu Geroh <ul style="list-style-type: none"> • Menjadikan Bunga Pakma sebagai aset ekopelancongan dengan memelihara kawasan terbabit Hutan Ulu Geroh.
Kg. Tg. Kupang, Johor	Kelab Alami Mukim Tg. Kupang	Kawasan : Beting Merambong - Tg. Kupang <ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan penyiasatan dan pemantauan terhadap spesies flora dan fauna di kawasan rumput laut di beting Tg. Kupang. • Memberi penerangan kepada pelancong mengenai kepentingan pemeliharaan kawasan rumput laut.

Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2016.

Rajah 5.1 : Taburan Kampung Berpotensi Terlibat Dengan Program Pengurusan Sumber Perhutanan Berasaskan Komuniti



Sumber : 1. DPF Desa Negara, 2016.

2. Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2016.

Nota: Tiada kampung di Pulau Pinang dan WP Labuan dicadangkan kerana tidak berada di dalam KSAS Tahap 1.

Meluaskan Program Pengurusan Sumber Perikanan Berasaskan Komuniti (Community Based Fisheries Management)


Program Pengurusan Sumber Perikanan Berasaskan Komuniti seperti sistem Tagal yang diamalkan di Sabah menggunakan komuniti desa untuk mengurus sumber perikanan dengan kerjasama badan kerajaan, swasta dan NGO. Komuniti desa boleh membantu pihak berkuasa dengan memantau dan memelihara ekosistem perikanan di kawasan mereka. Di samping itu, program ini mampu meningkatkan interaksi di antara komuniti dan pihak-pihak yang berkenaan melalui siri perbincangan, latihan, bengkel, kursus dan lain-lain. Kerjasama yang terjalin ini boleh meningkatkan kecekapan pengurusan agar sumber perikanan yang mampan dapat dicapai. Berdasarkan kepada kriteria kedudukan kampung yang terletak di dalam KSAS 1, berada di kawasan CFS dan radius 1km daripada pesisiran pantai / 500m daripada sungai, terdapat 174 buah kampung yang berpotensi terlibat dengan Program Pengurusan Sumber Perikanan Berasaskan Komuniti (**Rajah 5.2**).

Jadual 5.3: Senarai Kampung Yang Kini Terlibat Dengan Program Pengurusan Sumber Perikanan Berasaskan Komuniti

Komuniti Kawasan	Persatuan	Aktiviti
Kg. Pagi, Jerantut, Pahang	Komuniti Pengurusan Ekosistem Perikanan Kg. Pagi	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan projek santuari ikan kelah (sistem tagal) di Kuala Sg. Bubut.
Beberapa desa di Negeri Johor, Melaka, Selangor, Perlis, Pahang, Terengganu dan Kelantan	Rakan Fish	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan pemantauan, pencegahan dan pemuliharaan sumber perikanan. Membanteras gejala yang menjelaskan ekosistem seperti pencemaran, pencerobohan dan penggunaan peralatan yang merosakkan sumber.
Pulau-pulau di taman laut	Rakan Park / Park Rangers	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan pemantauan, pencegahan dan pemuliharaan sumber perikanan. Membanteras gejala yang menjelaskan ekosistem seperti pencemaran, pencerobohan dan penggunaan peralatan yang merosakkan sumber.

Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia, 2016.

Rajah 5.2 : Taburan Kampung Yang Berpotensi Terlibat Dengan Program Pengurusan Sumber Perikanan Berasaskan Komuniti



Sumber : 1. DPF Desa Negara, 2016.

2. Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2016.

Nota : Tiada kampung di Negeri Sembilan dan Perlis yang terlibat dengan cadangan ini.

Membentuk Pasukan Pemantau Kesihatan Sumber (PKS)

Komuniti desa yang terlibat di dalam pengurusan sumber boleh membentuk pasukan PKS. Pembentukan pasukan PKS di kawasan desa boleh memastikan sumber biodiversiti tidak dimusnahkan secara berleluasa oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pasukan ini menjadi mata dan telinga kepada agensi terlibat bagi menyampaikan maklumat mengenai pencemaran atau kemusnahan biodiversiti seperti penerokaan hutan, pembuangan sisa toksik dan pelepasan asap hitam daripada kilang di kawasan mereka. Penubuhan Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) di Jabatan Alam Sekitar bermula pada tahun 2013 ternyata telah berjaya mengurangkan masalah pencemaran di kawasan-kawasan tertentu.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
AD2.1 A: Meluaskan program pengurusan sumber perhutanan berasaskan komuniti (<i>Community Based Forestry Management</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan bilangan penduduk desa yang mengurus sumber perhutanan. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perhutanan Negeri Jabatan PERHILITAN Negeri Pejabat Daerah dan Tanah JKKK 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perhutanan Negeri
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						
AD2.1 B: Meluaskan program pengurusan sumber perikanan berasaskan komuniti (<i>Community Based Fisheries Management</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan bilangan penduduk desa yang mengurus sumber perikanan. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perikanan Negeri Jabatan Taman Laut Malaysia Negeri Pejabat Daerah dan Tanah JKKK 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perikanan
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						
AD2.1 C: Membentuk pasukan Pemantau Kesihatan Sumber (PKS)	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan pasukan Pemantau Kesihatan Sumber (PKS) di kawasan desa. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perhutanan Negeri Jabatan PERHILITAN Negeri Jabatan Perikanan Negeri Jabatan Taman Laut Malaysia Negeri PLANMalaysia Pejabat Daerah dan Tanah JKKK 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perhutanan Negeri
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi AD 2.2

Meningkatkan Pengetahuan dan Kesedaran KSAS Dan Biodiversiti di Kalangan Komuniti Desa

Desa yang terletak di dalam atau berdekatan KSAS mempunyai sumber biodiversiti yang tidak ternilai. Sumber biodiversiti memberi manfaat kepada penduduk desa sebagai sumber makanan, ubat-ubatan dan ekonomi. Ekoran daripada pembangunan yang pesat di dalam negara, sumber ini telah menerima tempiasnya dan diancam kemasuhan. Penduduk desa perlu sedar akan permasalahan yang sedang melanda dan perlu meningkatkan pengetahuan berkaitan biodiversiti agar dapat kekal terpelihara.

Lazimnya pendedahan berkaitan biodiversiti ke atas sesebuah komuniti akan disampaikan melalui program, kursus atau latihan yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta. Program kesedaran perlu mempunyai mesej yang betul dan jelas agar dapat difahami oleh setiap penduduk desa. Program yang efektif mengandungi unsur-unsur pemantauan, pelaksanaan dan maklum balas mengenai keberkesanan aktiviti yang dijalankan. Melalui program ini penduduk dapat meningkatkan pengetahuan biodiversiti tempatan serta berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan. Seterusnya, usaha menjaga sumber biodiversiti boleh menjadi teras dalam diri setiap penduduk desa dalam mengekalkan sumber biodiversiti yang ada

Menjalankan program kesedaran KSAS dan biodiversiti untuk komuniti desa

Program kesedaran alam sekitar khusus bagi penduduk desa perlu bermula daripada peringkat sekolah. Kelab atau persatuan harus ditubuhkan bagi menjadi penggerak kepada sebarang program kesedaran. Antara aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan termasuk gotong-royong membersihkan sekolah, desa, sungai dan pantai, pertandingan melukis poster dan sketsa pendek bertemakan alam sekitar dan lawatan sambil belajar ke taman negara atau taman laut. Penglibatan agensi-agensi tertentu juga akan membantu meningkatkan lagi kesedaran alam sekitar di kalangan pelajar sekolah. NGO seperti Persatuan Pencinta Alam Malaysia telah melancarkan Kelab Pencinta Alam di sekolah-sekolah bermula pada tahun 1991. Sehingga kini, keahliannya kini mencecah lebih 400 buah sekolah dari seluruh Malaysia. Penubuhan kelab bertujuan untuk menggalakkan pengetahuan yang lebih mendalam tentang alam sekitar dan memupuk sikap mesra alam di kalangan pelajar sekolah.

Selain itu, kesedaran yang tinggi di kalangan penduduk desa membantu menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dalam memelihara biodiversiti yang mengalami ancaman kemasuhan. Komuniti desa dapat menyebarkan maklumat biodiversiti tempatan kepada dunia luar melalui media massa dan media elektronik.

Projek-projek khas dijalankan oleh Kelab Pencinta Alam

- ‘Conserve Our Wetlands’
- ‘River Basin and Water Quality Monitoring’
- ‘Peat Swamp Study’ dan ‘Research and Adoption Programme’
- Sambutan Minggu Pemerhatian Helang
- Pesta Sayap



Jabatan Alam Sekitar turut memainkan peranan dalam membantu komuniti meningkatkan pengetahuan berkenaan alam sekitar. Jabatan ini telah menubuhkan Rakan Alam Sekitar pada tahun 2009 dengan matlamat untuk membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Penyertaan sebagai Rakan Alam Sekitar dibuka kepada semua warganegara Malaysia termasuk pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, pekerja sektor awam / swasta dan orang awam. Menerusi kelab ini, aktiviti-aktiviti seperti seminar, ceramah dan pameran alam sekitar telah dijalankan.

Bagi menerapkan ilmu dan pengetahuan alam sekitar, kursus dan latihan perlu dijalankan untuk komuniti desa. Pemahaman yang komprehensif mampu meningkatkan kesedaran yang sekaligus menjadikan mereka untuk lebih bertanggungjawab menjaga alam sekitar dengan baik. Selain itu, individu yang berpotensi boleh diberikan latihan khas untuk menjadi *custodian* khusus dan juga pemandu pelancong bagi tujuan memperkenalkan keindahan alam sekitar dan kekayaan sumber biodiversiti tempatan kepada pelancong tempatan dan antarabangsa.



Program Kesedaran Alam Sekitar:

- Sambutan hari / minggu / bulan Alam Sekitar
- Program Desa Lestari
- Program Mesra Alam Sekitar
- Program Wira Alam Sekitar
- Program Jelajah KSAS dan Biodiversiti Desa
- Program Sebaran dan Hebahan Maklumat KSAS dan Biodiversiti Desa

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
AD2.2A: Menjalankan program kesedaran KSAS dan biodiversiti untuk komuniti desa	• Pertambahan program kesedaran, kursus dan latihan bagi komuniti desa.	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pendidikan Negeri • Jabatan Alam Sekitar Negeri • Jabatan Perhutanan Negeri • Jabatan PERHILITAN Negeri • Jabatan Perikanan Negeri • Jabatan Taman Laut Malaysia Negeri • Jabatan Pertanian Negeri • Pejabat Daerah dan Tanah • JKPK 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Alam Sekitar
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi AD 2.3

Menggalakkan Amalan Hijau di Kalangan Komuniti Desa

Amalan Hijau sudah lama menjadi budaya di negara-negara maju seperti Jepun, Korea Selatan, China, Amerika Syarikat, Jerman dan Kanada. Masalah pencemaran akibat daripada pembangunan yang tidak terkawal telah menyebabkan sumber biodiversiti berkurangan. Penduduk desa perlu berperanan di dalam membantu mengurangkan kesan negatif ke atas alam sekitar dengan mengamalkan amalan hijau. Kepimpinan desa merupakan saluran yang terbaik untuk memberi penerangan tentang amalan hijau melalui risalah dan penerangan.

Definisi Amalan Hijau

Mengurangkan atau meminimumkan kesan negatif daripada aktiviti manusia, pembangunan, aplikasi produk dan peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar (alam semula jadi).

Mempraktikkan amalan hijau di kalangan komuniti desa

Jenis amalan hijau yang boleh dipraktikkan ialah penuaian air hujan dan amalan 3R (*reduce, recycle, reuse*) termasuklah bahan organik yang boleh dijadikan kompos. Tujuan utama bagi penuaian air hujan adalah untuk membantu menjimatkan penggunaan air bersih. Setiap kawasan desa perlulah mempunyai sekurang-kurangnya satu sistem penuaian air hujan yang mana air tersebut boleh digunakan terutamanya untuk aktiviti pertanian.

Contoh amalan hijau



mengurangkan
396,000 kg
sisa kitar semula bernilai
(RM 35,414.00)

BERJAYA
dikumpulkan dalam
bulan September dan
Oktober 2015



mewujudkan

Program
BRIGED HIJAU

➤ Bertujuan meningkatkan
penyertaan orang awam
terhadap teknologi dan amalan
hidup hijau

Sumber: Akhbar Utusan Online (15 Disember 2015)



Alamflora
Appreciating LIFE


SWM ENVIRONMENT
Agensi-agensi ini telah
mengambil inisiatif
menubuhkan Kelab Kitar
Semula di peringkat
sekolah dan mengadakan
ceramah serta program
Bank Kitar Semula.

Program seumpama ini perlulah diperluaskan di setiap kawasan desa bagi menggalakkan amalan hijau di kalangan mereka. Pihak berwajib juga perlu menyediakan tong-tong kitar semula dan pusat sehenti di setiap kawasan desa bagi meningkatkan amalan tersebut. Teknik pengkomposan pula merupakan salah satu pendekatan untuk melupuskan sisa organik seperti sisa makanan dan sisa taman. Produk akhir yang terhasil iaitu baja boleh digunakan untuk menyuburkan tanah di kawasan pertanian di desa. Amalan hijau juga boleh dikaitkan dengan reka bentuk rumah desa, di mana rumah direka bentuk menitik beratkan penjimatan tenaga yang banyak. Berdasarkan kepada Borang Maklumat Asas Fizikal Kampung, terdapat 673 buah kampung yang berpotensi mempraktikkan amalan hijau (**Rajah 5.3**).

Antara program-program amalan hijau yang dijalankan:

- Program Jelajah Hijau
- Program Desa Hijau
- Program 3R

Pencapaian Pelaksanaan Program 3R (Perbandingan Tahun 2013 dan 2014)


PENUBUHAN KELAB KITAR SEMULA DI SEKOLAH	PROGRAM BANK KITAR SEMULA DI TADIKA	PROGRAM BANK KITAR SEMULA DI SEKOLAH
2013: 100 KELAB 2014: 1,671 KELAB	2013: 433 TADIKA 2014: 598 TADIKA	2013: 714 SEKOLAH 2014: 474 SEKOLAH
PENINGKATAN SEBANYAK 1,571%	PENINGKATAN SEBANYAK 38%	PENINGKATAN SEBANYAK 51%
PROGRAM KITAR SEMULA DI KOMUNITI	PROGRAM KITAR SEMULA DI PEJABAT KERAJAAN	PROGRAM KITAR SEMULA DI PASARAYA
2013: 127 KOMUNITI 2014: 223 KOMUNITI	2013: 128 PEJABAT 2014: 210 PEJABAT	2013: 64 PASARAYA 2014: 95 PASARAYA
PENINGKATAN SEBANYAK 76%	PENINGKATAN SEBANYAK 38%	PENINGKATAN SEBANYAK 51%

Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 2014.

Memberi penganugerahan kepada kampung yang terlibat dalam amalan hijau

Pihak berwajib boleh mengadakan pertandingan dan memberi anugerah kepada kampung yang mengamalkan amalan hijau. Usaha ini mampu menarik komuniti desa untuk mempraktik amalan hijau dalam setiap rutin harian mereka seperti melakukan kitar semula dan menggunakan air hujan untuk penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Sebagai contoh, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka telah mengadakan Anugerah Hijau Melaka, manakala Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang menganjurkan Anugerah Sekolah Hijau bagi meningkatkan penyertaan dan kesedaran komuniti. Program-program seperti ini haruslah dijadikan sebagai contoh dan rujukan bagi pertandingan amalan hijau di kawasan desa.

Rajah 5.3 : Taburan Kampung Berpotensi Mempraktikkan Amalan Hijau



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
AD2.3A: Mempraktikkan amalan hijau di kalangan komuniti desa	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan amalan hijau di desa. 	√	√	√	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air KKLW Jabatan Pendidikan Negeri Jabatan Alam Sekitar Negeri Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Pejabat Daerah dan Tanah JKKK 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
AD2.3B: Memberi penganugerahan kepada desa yang terlibat dalam amalan hijau	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan kampung yang menerima anugerah berkaitan amalan hijau 	√	√	√	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air KKLW Jabatan Alam Sekitar Negeri Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Pejabat Daerah dan Tanah JKKK 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



PERNYATAAN DASAR AD 3

PEMANTAUAN KUALITI ALAM SEKITAR DESA

Biodiversiti terdiri daripada pelbagai habitat, flora dan fauna yang saling berhubung kait antara satu sama lain. Gangguan terhadap salah satunya boleh menjelaskan keseluruhan biodiversiti dan menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan ekosistem. Punca kepada berlakunya pencemaran terhadap biodiversiti boleh dikenal pasti dengan menjalankan pengukuran kualiti alam sekitar. Kaedah ini merupakan salah satu cara yang efektif bagi mendapat gambaran keadaan sumber biodiversiti di sekeliling kita. Melalui data alam sekitar, kajian terperinci dapat dijalankan dan masalah pencemaran dapat diatasi dengan segera.

Bagi kawasan desa, ketiadaan data alam sekitar khusus menyukarkan perancangan desa untuk dijalankan secara terperinci. Ini merupakan suatu halangan besar bagi pengurusan pembangunan kawasan desa. Data alam sekitar amat penting bagi mengukur dan mengesan perubahan alam sekitar dan sumber biodiversiti. Penambahan stesen pemantauan kualiti air, udara dan bunyi di kawasan desa dapat membantu meminimakan impak negatif dari cadangan pembangunan di kawasan desa dengan memberi maklumat tahap / aras tanda kualiti alam sekitar di kawasan desa.



STRATEGI


AD3.1

*Menambah Stesen Pemantauan Kualiti Alam
Sekitar Di Desa*

Perkaitan berdasarkan SDGs



Perkaitan berdasarkan RMKe-11




Strategi AD 3.1

Menambah Stesen Pemantauan Kualiti Alam Sekitar Di Desa

Pengukuran kualiti alam sekitar adalah sangat penting kerana dapat memberi penunjuk kepada status alam sekitar dan biodiversiti. Data alam sekitar yang diperolehi dapat membantu menyelesaikan masalah pencemaran dengan lebih cekap dan pantas. Walau bagaimanapun, kawasan desa tidak mempunyai data alam sekitar yang khusus. Penambahan stesen pemantauan kualiti air, udara dan bunyi adalah perlu bagi memastikan sumber biodiversiti di desa dapat kekal terpelihara.




Menambah stesen pemantau kualiti air di desa

Kawasan desa terletak berdekatan dengan pelbagai sumber biodiversiti yang bernilai tinggi seperti sungai dan laut. Pemantauan ke atas kualiti air sungai dan marin di seluruh negara dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar.



Sungai Terbersih dan Sungai Tercemar berdasarkan julat Indeks Kualiti Air (IKA)	
Sungai Terbersih (IKA 94 hingga 96)	Sungai Tercemar (IKA 28 hingga 49)
<ul style="list-style-type: none"> Sg. Tupah, Sg. Petang dan Sg. Tok Pawang di Kedah Sg. Betis dan Sg. Tuang di Kelantan Sg. Tampin di Melaka Sg. Burung di Pahang Sg. Nyior dan Sg. Jana di Perak Sg. Merali di Sabah 	<ul style="list-style-type: none"> Sg. Ayer Merah, Sg. Air Baloi, Sg. Pinggan, Sg. Pelentong, Sg. Sebulung dan Sg. Sengkuang di Johor Sg. Sarang Burung di Johor dan Negeri Sembilan Sg. Relai, Sg. Alor B, Sg. Alor Lintah di Kelantan Sg. Jelutong di Pulau Pinang Sg. Untut di Selangor


Sumber: Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2014.



Sumber: Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2014

Stesen pengawalan dan pengawasan kualiti air di kawasan desa masih tidak menyeluruh walaupun kebanyakannya sungai mengalir melalui kawasan desa. Penambahan stesen pemantau kualiti air adalah perlu bagi meningkatkan tahap kualiti air sungai dan marin di kawasan desa. Kerjasama menyeluruh pelbagai pihak mampu menjadikan kawasan desa yang bersih dan bebas daripada pencemaran. Standard Kualiti Air Kebangsaan, Malaysia serta Standard dan Kriteria Kualiti Air Marin harus digunakan sebagai piawaian perancangan bagi kawasan desa. Sebarang aktiviti pembinaan infrastruktur, kegiatan ekonomi dan lain-lain perlulah berpandukan kepada piawaian perancangan tersebut.

Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin




Sumber: Jabatan Alam Sekitar, 2014.

Menambah stesen pemantau kualiti udara di desa

Daripada 52 stesen pengawasan kualiti udara yang ditempatkan di seluruh negara, tiada stesen pengawasan yang dijalankan di kawasan desa. Stesen pengawasan sedia ada hanya tertumpu di kawasan bandar, sub-bandar dan perindustrian. Data kualiti udara di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dibahagi mengikut tiga kawasan iaitu Lembah Klang, Wilayah Utara dan Wilayah Selatan.

STATUS KUALITI UDARA TAHUN 2014



WILAYAH UTARA
status kualiti udara secara kasar adalah baik dan sederhana

kualiti tidak sihat tertinggi di
✓ Tanjung Malim
✓ Sungai Petani
(13 hari)

WILAYAH SELATAN
status kualiti udara secara kasar adalah baik dan sederhana

kualiti tidak sihat tertinggi di
✓ Seremban
(18 hari)

Pada tahun yang sama, kualiti udara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia menunjukkan berada pada tahap baik dan sederhana, kecuali pada bulan Jun – September, status tidak sihat direkodkan:

- ✓ Kuala Terengganu (2 hari)
- ✓ Paka (9 hari)
- ✓ Kemaman (4 hari)

Sumber: Jabatan Alam Sekitar, 2014.

Penambahan stesen pemantau kualiti udara di desa perlu diwujudkan. Tahap kualiti udara di kawasan desa boleh menggunakan indeks pencemar udara sedia ada yang telah digariskan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu Baik (0-50), Sederhana (51-100), Tidak Sihat (101-200), Sangat Tidak Sihat (201-300) dan Berbahaya (>300). Punca utama pencemaran udara di kawasan desa sering dikaitkan dengan aktiviti pembakaran terbuka. Pengawasan yang lebih ketat perlu dilaksanakan dengan menambah stesen pemantau bagi mengelakkan aktiviti seperti pembakaran terbuka dijalankan secara berleluasa.

Menambah stesen pemantau kualiti bunyi di desa

Stesen pengawasan sedia ada hanya tertumpu di tiga jenis penerima guna tanah iaitu kawasan sensitif bunyi bising (sekolah, hospital, tempat keagamaan dan lapangan terbang), trafik (lebuh raya, jalan persekutuan, jalan negeri) dan industri (industri berat, sederhana dan kecil).

TAHUN 2014

Kawasan Sensitif Bunyi Bising



Siang- (50 dB(A))
Malam- (40 dB(A))

bacaan
 ↑ KEDAH 7.00p.m – 12.00a.m (91.8 dB(A))
 ↓ 12.00a.m – 7.00a.m (57.2 dB(A))

Kawasan Industri

bacaan
 ↑ JOHOR: 12.00p.m – 7.00p.m (75.3 dB(A))
 ↓ TERENGGANU: 12.00a.m – 7.00a.m (55.5 dB(A))


Kawasan Trafik

60.2 – 77.0 dB(A)
 59.3 – 77.0 dB(A)

↑ Tertinggi
 ↓ Terendah

Sumber: Jabatan Alam Sekitar, 2014.

Stesen Pengawasan Kualiti Bunyi



Kesemua stesen pengawasan dijalankan di luar kawasan desa. Ekoran daripada situasi ini, stesen pemantau kualiti bunyi perlu diperluas dan ditambah di kawasan desa. Harus difahami bahawa kesunyian ialah suatu nilai alam sekitar desa yang ikonik dan membezakannya dari kawasan bandar. Tahap kualiti bunyi di desa juga boleh mengguna pakai Garis Panduan Bunyi Bising Persekutaran, 2004 yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Tahap bunyi bising di kawasan desa perlu sentiasa rendah berdasarkan garis panduan tersebut. Had bunyi pada waktu siang bagi kawasan sensitif bunyi adalah kurang daripada 50 dB(A) pada waktu siang dan 40 dB(A) pada waktu malam.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
AD3.1 A: Menambah stesen pemantau kualiti air di desa	• Pertambahan stesen kualiti air di desa	✓	✓	✓	• Badan Kawalselia Air Negeri • Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri • Jabatan Alam Sekitar Negeri • Syarikat Air Negeri	• Badan Kawalselia Air Negeri • Pihak Berkuastra Air Negeri
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
AD3.2 B: Menambah stesen pemantau kualiti udara di desa	• Pertambahan stesen kualiti udara di desa	✓	✓	✓	• Jabatan Alam Sekitar Negeri	• Jabatan Alam Sekitar
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
AD3.3 C: Menambah stesen pemantau kualiti bunyi di desa	• Pertambahan stesen kualiti bunyi di desa	✓	✓	✓	• Jabatan Alam Sekitar Negeri	• Jabatan Alam Sekitar
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



PERNYATAAN DASAR AD 4

PENGURUSAN RISIKO BENCANA YANG EFEKTIF

Bencana boleh berlaku tanpa mengira lokasi. Kawasan desa merupakan kawasan yang lebih sensitif berbanding bandar kerana mempunyai pelbagai sumber jaya dan biodiversiti yang perlu dipelihara. Kawasan desa terdedah kepada risiko banjir, kemarau, gempa bumi, tsunami, tanah runtuh dan kenaikan paras laut. Antara bencana utama yang telah melanda Malaysia ialah kejadian tsunami pada tahun 2004 yang meragut nyawa 43 orang dan banjir besar di Negeri Kelantan pada tahun 2014 yang menyebabkan kerugian infrastruktur dan aset awam melebihi RM200 juta. Kejadian-kejadian sedemikian yang di luar kawalan memerlukan persediaan rapi terutama dalam menyelamatkan nyawa manusia. Sehubungan itu, pengurusan risiko bencana perlu disediakan bagi meminimumkan kesan kepada penduduk desa.



Kemusnahan disebabkan oleh tsunami kepada kampung nelayan di Balik Pulau, Pulau Pinang, 27 Disember 2004 (sumber: Astro Awani)



Kemusnahan disebabkan oleh banjir besar di Kampung Tanjung Kuala, Tumpat, Kelantan, Disember 2014 (sumber: Berita Harian).

BANJIR	Banjir terburuk dalam sejarah negara berlaku pada tahun tahun 1992 dan 2014.	Kelantan merupakan negeri paling terjejas dengan kerugian infrastruktur dan aset awam melebihi RM200 juta.
KEMARAU	Kejadian El-Nino terburuk berlaku sebanyak 12 kali (1982 - 1983 dan 1997 – 1998).	Tahun 1998 merupakan tahun yang merekodkan suhu tertinggi dengan kenaikan sebanyak 50% daripada rekod suhu tertinggi.
GEMPA BUMI	Gempa bumi kuat di Aceh pada 26 Disember 2004 telah mengakibatkan tsunami di Pulau Langkawi dan sebahagian pantai barat Semenanjung Malaysia yang meragut nyawa 43 orang.	Kuala Lumpur, Bukit Tinggi di Pahang dan Kuala Pilah di Negeri Sembilan ialah antara kawasan berpotensi diancam gempa bumi berskala sederhana.
KENAIKAN PARAS LAUT	Kenaikan paras laut 0.25 m - 0.5 m pada tahun 2100.	Kawasan paling terjejas diramalkan di Kedah dan Kelantan.

STRATEGI**AD4.1**

Mewujudkan Sistem Pengurusan Risiko Bencana Efektif

STRATEGI**AD4.2**

Meningkatkan Tahap Kesiapsiagaan Agensi Kerajaan Dan Komuniti Desa

Perkaitan berdasarkan SDGs

1 NO POVERTY 	2 NO HUNGER 	3 GOOD HEALTH 	4 QUALITY EDUCATION 	5 GENDER EQUALITY 	6 CLEAN WATER AND SANITATION 	7 RENEWABLE ENERGY 	8 GOOD JOBS AND ECONOMIC GROWTH 	9 INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
10 REDUCED INEQUALITIES 	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES 	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION 	13 CLIMATE ACTION 	14 LIFE BELOW WATER 	15 LIFE ON LAND 	16 PEACE AND JUSTICE 	17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS 	

Perkaitan berdasarkan RMKe-11

1 Memperkuat inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama 	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat 	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju 	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan 	5 Memperkuat infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi 	6 Merekaya pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
--	---	--	---	---	---

Strategi AD 4.1

Mewujudkan Sistem Pengurusan Risiko Bencana Efektif

Kawasan desa lebih terdedah kepada risiko banjir, kemarau, gempa bumi, tsunami, tanah runtuh dan kenaikan paras laut. Langkah-langkah menangani ancaman-ancaman ini perlu diperlengkapkan agar kehilangan aset, harta benda dan nyawa dapat dikurangkan.

Menyediakan Peta Hazard Banjir untuk lembangan-lembangan sungai utama

Peta *Hazard* Banjir perlu disediakan untuk semua lembangan sungai utama berdasarkan kepada kala ulangan (*return period*) 100 tahun. Peta *Hazard* Banjir disediakan bertujuan untuk perancangan, operasi dan respon dalam menghadapi ancaman banjir. Pihak JPS telah melaksanakan kajian di beberapa lembangan utama dan sedang berterusan untuk merangkumi seluruh negara. Terdapat 74 buah lembangan utama di Semenanjung Malaysia dengan keluasan melebihi 80 km² dan 1,161 buah lembangan sungai kecil (*sumber: Register of River Basins in Malaysia (Phase II), Bahagian Sungai, JPS*).

Sebanyak 31 Peta *Hazard* Banjir telah dihasilkan di seluruh negara pada tahun 2010 hingga 2012. Bilangan Peta *Hazard* Banjir yang telah dibangunkan dalam 3 tahun terakhir adalah seperti berikut:

Jadual 5.4: Bilangan Peta *Hazard* Banjir

Tahun	Bilangan Peta <i>Hazard</i> Banjir
2013	1
2014	1
2015	3

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Melaksanakan program-program tebatan banjir secara berterusan

Langkah tebatan banjir terdiri daripada pembinaan kolam takungan, Lencongan Banjir (*Flood Diversion*) dan lain-lain. Pelan tebatan banjir juga perlu disediakan untuk Lembangan Sungai-Sungai Utama dan diambil kira dalam Rancangan Tempatan (RT) bagi setiap daerah. Selain itu, aktiviti pengorekan sungai sebagai kerja penyelenggaraan untuk mengurangkan banjir juga boleh dilaksanakan. Pihak JPS sedang menjalankan kerja-kerja pemberian sungai (*River Improvement Works*) sebagai langkah tebatan banjir. Kerja-kerja untuk mendalamkan sungai yang panjang melibatkan kos yang tinggi. Selain itu, terdapat juga kerja-kerja mengorek pasir oleh syarikat-syarikat tertentu yang bertujuan untuk menjual pasir bagi kegunaan pembinaan. Pengorekan pasir tanpa kawalan boleh menjelaskan kualiti air apabila dikorek terlalu dalam sehingga dasar sungai dan menyebabkan serakan pepejal terampai. Ini boleh mendatangkan kesan terhadap sebarang penternakan ikan sangkar sekiranya hampir dengan tempat yang dikorek. Oleh itu, kajian perlu dilakukan untuk mengetahui setakat mana tahap pengorekan yang dibenarkan dan langkah-langkah tebatan bagi mengelakkan aktiviti ekonomi terjejas seperti penternakan ikan sangkar.

Melaksanakan pengurusan guna tanah yang berkesan serta mengawal aktiviti di sepanjang sungai, tasik dan muara sungai



PBT dan JPS perlu memantau aktiviti-aktiviti yang berlaku di sepanjang sungai, tasik dan muara sungai yang boleh mengakibatkan hakisan tebing. Bagi menyokong langkah ini, JPS telah menyediakan garis panduan khusus untuk pembangunan melibatkan sungai dan rizab sungai. Di dalam garis panduan ini, tiada sebarang struktur kekal dibenarkan kecuali kemudahan jeti dan bangunan untuk tujuan pelancongan.

Menjalankan langkah-langkah adaptasi dan mitigasi impak kenaikan paras laut terhadap kampung-kampung yang terletak di pesisir pantai

Peningkatan paras laut merupakan fenomena global yang disebabkan oleh faktor perubahan iklim dan pemanasan global. Kajian Impak Perubahan Iklim Terhadap Kenaikan Aras Laut di Malaysia yang dilakukan oleh NAHRIM mengunjurkan kenaikan paras laut di antara 0.25 ke 0.5 meter pada tahun 2100 dengan kawasan paling terjejas di Semenanjung Malaysia adalah pantai di utara, timur dan barat terutamanya Kelantan dan Kedah. Peningkatan paras laut memberi kesan kepada 31 peratus penduduk di Semenanjung Malaysia. Kesan daripada kenaikan paras laut adalah:


- Kehilangan kawasan pesisiran pantai yang terhakis sedikit demi sedikit.
- Banjir kilat di kawasan pesisiran pantai.
- Kehilangan kawasan tempat tinggal.
- Banjir di kawasan paya bakau dan tumbuhan tepi sungai
- Pencemaran air masin di kawasan tadahan air tawar dan kawasan pertanian.
- Kehilangan habitat bagi haiwan yang menetap berhampiran pesisiran pantai.

Kajian impak kenaikan paras laut kepada pesisir pantai negara perlu dijalankan dengan segera agar langkah-langkah adaptasi dan mitigasi dapat dilakukan.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
AD4.1 A: Menyediakan Peta <i>Hazard</i> Banjir untuk lembangan-lembangan sungai utama.	• Pertambahan bilangan Peta <i>Hazard</i> Banjir	✓	✓	✓	• Jabatan Pengairan dan Saliran • Pejabat Daerah dan Tanah • NAHRIM	• Jabatan Pengairan dan Saliran • NAHRIM
Grid Tipologi 						
AD4.1 B: Melaksanakan program-program tebatan banjir secara berterusan	• Pertambahan bilangan program tebatan banjir	✓	✓	✓	• PLANMalaysia @Negeri • Jabatan Pengairan dan Saliran	• Jabatan Pengairan dan Saliran
Grid Tipologi 						
AD4.1 C: Melaksanakan pengurusan guna tanah yang berkesan serta mengawal aktiviti di sepanjang sungai, tasik dan muara sungai.	• Garis panduan Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rezab Sugai	✓	✓	✓	• PLANMalaysia @Negeri • Jabatan Pengairan dan Saliran • NAHRIM	• Jabatan Pengairan dan Saliran • NAHRIM
Grid Tipologi 						
AD4.1 D: Menjalankan langkah-langkah adaptasi dan mitigasi impak kenaikan paras laut terhadap kampung-kampung yang terletak di pesisir pantai	• Jumlah langkah-langkah adaptasi dan mitigasi yang dijalankan.	✓	✓	✓	• NAHRIM • Jabatan Pengairan dan Saliran • Jabatan Laut	• NAHRIM • Jabatan Pengairan dan Saliran
Grid Tipologi 						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Rajah 5.4 : Taburan Kampung Dalam Kawasan Berisiko Bencana Alam



Sumber : 1. DPF Desa Negara, 2016.

2. Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2016.

Nota : Semua Kampung di WP Labuan di luar kawasan risiko bencana.

Strategi AD 4.2

Meningkatkan Tahap Kesiapsiagaan Agensi Kerajaan Dan Komuniti Desa

Tahap kesiapsiagaan adalah tahap pengetahuan dan keupayaan masyarakat serta agensi bertanggungjawab untuk menjangka, bertindak balas dan pulih daripada kesan-kesan bencana secara efektif. Penduduk desa terutama yang menetap di kawasan berisiko bencana perlu didekah kepada bahaya yang bakal dihadapi dan keperluan untuk mengambil tindakan segera berdasarkan amaran yang diberi.

Menyediakan pelan dan Standard Prosedur Operasi (SOP) pengurusan bencana di peringkat kampung dan memastikan setiap penduduk mendapat penerangan dan latihan menghadapi bencana

Kejadian banjir, kemarau, gempa bumi, tsunami, tanah runtuh dan kenaikan paras laut menyebabkan kerugian besar kepada negara. Bencana alam menyebabkan kerosakan kepada harta benda dan alam sekitar, kehilangan nyawa, perpindahan penduduk serta menjelaskan aktiviti harian. Selain daripada kejadian bencana alam semula jadi, bencana juga boleh berlaku akibat daripada kegagalan dan kecuaian manusia. Pelaksanaan pembangunan yang tidak terancang, pembangunan di kawasan-kawasan cerun dan KSAS, pembalakan yang tidak terkawal serta pencemaran alam sekitar mengundang bencana.

Penyediaan pelan dan SOP pengurusan risiko bencana yang sistematik dapat membantu agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan juga komuniti setempat menghadapi situasi semasa dan selepas bencana secara profesional dan lebih teratur. Aspek pengurusan adalah penting bagi memastikan impak bencana dapat minimumkan sama ada kerugian harta benda maupun jumlah kehilangan nyawa dan kecederaan.

Memasang sistem amaran awal di desa yang berisiko tinggi

Penyediaan prasarana amaran awal bencana mampu mengurangkan risiko kepada penduduk desa. Desa yang berisiko tinggi perlu didahulukan. Buat masa ini, JPS telah membangunkan sistem ramalan dan amaran awal banjir dengan menubuhkan dan meletakkan stesen telemetri hujan, stesen telemetri aras air, tolok lurus, papan amaran banjir serta siren amaran banjir di kawasan berisiko banjir. Pertambahan stesen di kawasan desa yang berisiko perlu dilakukan segera. Maklumat-maklumat amaran banjir disalurkan kepada agensi tindak balas dan juga kepada orang awam.

Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) juga telah dibangunkan. Buat masa ini, pelampung tsunami telah dipasang di Pulau Rondo dan Pulau Layang-Layang. Sistem ini membolehkan negara mendapat amaran awal sekiranya berlaku gempa bumi dan tsunami di Lautan Hindi, Laut China Selatan dan Lautan Pasifik. Pemasangan pelampung tsunami perlu diperluaskan ke lokasi-lokasi lain yang berisiko. Kerjasama erat di antara Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dengan *Pacific Tsunami Warning Center (PTWC)* yang berpusat di Hawaii dan *Japan Meteorological Agency (JMA)* diharap mampu memberi peluang dan ruang kepada penduduk desa untuk mengambil tindakan segera.

Selain daripada sistem amaran awal tsunami, JMM juga bertindak dalam menyediakan sistem pemantauan dan penyebaran amaran berkaitan dengan ramalan cuaca seperti angin kencang, laut bergelora dan ketinggian ombak di kawasan pantai. Maklumat-maklumat ramalan cuaca sentiasa disalurkan kepada agensi-agensi pengurusan bencana. Sistem amaran bencana melalui talian tetap (*fixed-line alert system*) juga telah dibangunkan yang membolehkan penduduk yang tinggal di antara 1 hingga 3 kilometer dari kawasan pesisiran pantai mendapat panggilan amaran perpindahan ke kawasan lebih selamat sekiranya tsunami dan ombak besar berlaku.



Stesen kereta api Manek Urai hanya tinggal papan tanda kesan daripada banjir besar di Manek Urai Lama, Kuala Krai, Kelantan pada Disember, 2014.

Menyediakan penempatan transit bagi mangsa bencana

Pihak Kerajaan Negeri perlu merancang dan menetapkan kawasan penempatan transit mangsa-magsa bencana supaya sesuai dengan perancangan dan pembangunan desa berdaya huni. Kawasan penempatan ini dijadikan tempat tinggal sementara yang mampu meringankan beban dan melancarkan pembangunan semula kawasan bencana / membaiki kerosakan akibat bencana. Tahap kesejahteraan mangsa bencana dari segi kualiti rumah kediaman dan tahap kebaikan perlu dititik beratkan. Kekurangan infrastruktur sokongan boleh menyukarkan kehidupan dan merendahkan tahap kesejahteraan mangsa bencana.

Program Pemajuan Kawasan (PPK)

1. Mewujudkan penempatan baru yang lebih terancang dan teratur khususnya bagi penduduk kampung yang terdedah kepada ancaman bencana alam, ancaman keselamatan, ancaman kesihatan dan petempatan yang terletak di kawasan yang tidak sesuai dan aksesibiliti yang sukar.
2. Menyusun semula kampung atau menaik taraf kampung-kampung tradisi melalui penyusunan semula struktur kampung dan penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur yang lebih baik bagi tujuan peningkatan taraf hidup penduduk.
3. Meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar melalui penempatan baru yang lebih terancang dan serba lengkap dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur serta ameniti sosial yang bersesuaian.

Sumber: KKWL

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
AD4.2A: Menyediakan pelan dan Standard Prosedur Operasi (SOP) pengurusan bencana di peringkat kampung dan memastikan setiap penduduk mendapat penerangan dan latihan menghadapi bencana	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan bilangan kampung yang menyediakan pelan pengurusan bencana di setiap daerah. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Pengurusan Bencana Malaysia (NADMA) Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Jabatan Bomba dan Penyelamat PDRM Pejabat Daerah dan Tanah 	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Pengurusan Bencana Malaysia (NADMA)
Grid Tipologi 						
AD4.2B: Memasang sistem amaran awal di kesemua kampung berisiko tinggi.	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh pemindahan dari kawasan bencana melalui keberkesanan sistem amaran awal. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Pengurusan Bencana Malaysia (NADMA) Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Jabatan Bomba dan Penyelamat PDRM Pejabat Daerah dan Tanah 	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Pengurusan Bencana Malaysia (NADMA)
Grid Tipologi 						
AD4.2C: Menyediakan penempatan transit bagi mangsa bencana	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan bilangan pelaksanaan Program Pemajuan Kawasan (PPK) 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Pengurusan Bencana Malaysia (NADMA) Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Jabatan Bomba dan Penyelamat. PDRM Pejabat Daerah dan Tanah 	<ul style="list-style-type: none"> KKLW
Grid Tipologi 						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

BAB

6

TERAS 2

PENGUKUHAN HUBUNGAN SIMBIOTIK BANDAR – DESA
(SD)

TERAS 2

PENGUKUHAN HUBUNGAN SIMBIOTIK BANDAR – DESA (SD)

Perhubungan bandar – desa adalah penting kerana petempatan desa masih bergantung kepada bandar yang mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang tidak terdapat di desa. Dalam mewujudkan perhubungan dua hala yang efektif, pekan berperanan sebagai penghubung antara bandar – desa. Rangkaian perhubungan dan aksesibiliti yang efisien juga penting dalam memperkuuhkan hubungan bandar – desa. Selain dapat mempercepatkan pergerakan penduduk, rangkaian pengangkutan juga mampu mengembangkan pasaran produk desa. Lain-lain kepentingan perhubungan bandar – desa adalah:

- Menghubungkan penduduk kepada pekerjaan di bandar.
- Mengurangkan migrasi penduduk dari desa ke bandar.
- Memudahkan pemasaran hasil pertanian, ekopelancongan dan lain-lain produk keluaran desa sebagai sumber ekonomi.
- Menyokong pembangunan pelancongan desa.



SD1 MEREKAYASA PEKAN SEBAGAI PEMANGKIN PEMBANGUNAN DESA

- Strategi SD 1.1 Memperkuat Pekan Sebagai Pusat Ekonomi dan Perkhidmatan Desa
- Strategi SD 1.2 Mengukuhkan Peranan PPD

SD2 PENGUKUHAN ‘URBAN – RURAL LINK’

- Strategi SD 2.1 Memperkuat Rangkaian Perhubungan Antara Kampung – Pekan – Bandar
- Strategi SD 2.2 Menaik Taraf dan Menyelenggara Jalan Masuk dan Jalan Dalam Kampung



PERNYATAAN DASAR SD 1

MEREKAYASA PEKAN SEBAGAI PEMANGKIN PEMBANGUNAN DESA

Pekan merupakan kawasan petempatan yang penting kepada petempatan desa. Pekan yang dilengkapi dengan kemudahan perniagaan, kemudahan awam dan sosial, kemudahan pemasaran hasil pertanian dan kemudahan peluang pekerjaan perlu diperkuuhkan dan digunakan secara optimum bagi memangkin pembangunan sosioekonomi penduduk desa.

Berdasarkan RMKe-11 fungsi RTC dan mini RTC yang memberikan perkhidmatan kerajaan dan swasta kepada penduduk desa boleh ditumpukan di pekan. Pekan juga berperanan sebagai PPD kerana kemudahan asas yang terdapat di pekan merupakan komponen pembangunan yang sama dengan PPD. Ini dapat memudahkan penduduk desa mendapatkan perkhidmatan secara berpusat di pekan.

Pembangunan pekan secara langsung dapat meningkatkan hubungan bandar – desa sekiranya dirancang dan dibangunkan secara bersepada. Dasar ini dibentuk bagi meningkatkan fungsi pekan sebagai pemangkin pembangunan desa di samping mengurangkan jumlah pekan yang mati. Dasar ini juga adalah selaras dengan aspirasi pihak Kerajaan untuk menyediakan kemudahan kepada semua penduduk di bandar dan desa.

401

Pekan di
**Semenanjung
Malaysia**

202 pekan
mempunyai pertindihan
lokasi dengan
PPD

69 pekan
mempunyai pertindihan
lokasi dengan
mini RTC

Terdapat pertindihan lokasi pekan, PPD dan mini RTC dalam kawasan tampungan yang sama. Fungsi PPD dan mini RTC boleh digabungkan bersama pekan sedia ada bagi tujuan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan dan ruang tanah secara lebih efisien.

90
Pekan yang perlu
diperkuuhkan
dengan segera
(Rajah 6.4)

Tahap daya tahan pekan dinilai berdasarkan aspek aksesibiliti dan kemudahsampaian untuk ke pekan, komponen pembangunan pekan sedia ada, lokasi pekan dan tahap tampungan sedia ada. Berdasarkan analisis, 90 pekan yang terletak di Grid RU, R5 dan R6 perlu diperkuuhkan dengan segera kerana terletak jauh dari persimpangan lebuh raya utama, jumlah penduduk yang kurang serta kemudahan ekonomi dan awam juga tidak dibangunkan sepenuhnya.

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

STRATEGI

SD 1.1

Memperkuat Pekan Sebagai Pusat Ekonomi dan Perkhidmatan Desa

STRATEGI

SD 1.2

Mengukuhkan Peranan PPD

Perkaitan berdasarkan SDGs

1 NO POVERTY 	2 NO HUNGER 	3 GOOD HEALTH 	4 QUALITY EDUCATION 	5 GENDER EQUALITY 	6 CLEAN WATER AND SANITATION 	7 RENEWABLE ENERGY 	8 GOOD JOBS AND ECONOMIC GROWTH 	9 INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
10 REDUCED INEQUALITIES 	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES 	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION 	13 CLIMATE ACTION 	14 LIFE BELOW WATER 	15 LIFE ON LAND 	16 PEACE AND JUSTICE 	17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS 	

Perkaitan berdasarkan RMKe-11


1 Memperkuat inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama 	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat 	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju 	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan 	5 Memperkuat infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi 	6 Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
--	---	--	---	---	---

Strategi SD 1.1

Memperkuatkan Pekan Sebagai Pusat Ekonomi dan Perkhidmatan Desa

Pekan berperanan sebagai pusat tumpuan penduduk desa kerana fungsinya yang menawarkan aktiviti perniagaan dan kemudahan sosial di peringkat tempatan. Potensi pekan dalam pembangunan ekonomi desa perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengelakkan pekan mengalami ancaman menjadi pekan mati akibat ditinggalkan. Pernyataan dasar ini menekankan kepada pembangunan pekan sebagai komponen penting untuk merapatkan perhubungan bandar – desa.

Jumlah Pekan Mengikut Negeri di Semenanjung Malaysia




401
Pekan di
Semenanjung
Malaysia


Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Mengukuhkan pekan mengikut komponen pembangunan

Setiap pekan perlu mempunyai sempadan pekan yang boleh ditentukan di peringkat RT bagi memudahkan komponen pembangunan disediakan. Pekan sedia ada harus dinaik taraf ke tahap optimum iaitu merangkumi aspek pembangunan ekonomi, kemudahan prasarana, pusat perkhidmatan dan pembangunan manusia supaya dapat memenuhi keperluan penduduk. Konsep pembangunan pekan ditunjukkan seperti **Rajah 6.1**. Setiap komponen pembangunan ini perlu disediakan mengikut keperluan (tampungan penduduk) berdasarkan kategori pekan bagi meningkatkan lagi fungsi pekan sebagai pusat ekonomi dan perkhidmatan desa.

Rajah 6.1 : Konsep Pembangunan Pekan



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.



<ul style="list-style-type: none"> 1. Kawasan perniagaan terancang. 2. Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) terancang. 3. Pusat pengumpulan hasil pertanian. 4. Pasar tani / pasar malam / pasar sehari. 5. Program Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS). 6. Agrobazaar. 	<ul style="list-style-type: none"> 1. Perhubungan jalan raya. 2. Bekalan elektrik dan air. 3. Perkhidmatan telekomunikasi dan ICT. 4. Terminal / hentian pengangkutan awam. 	<ul style="list-style-type: none"> 1. Kemudahan masyarakat dan rekreasi. 2. Pusat ICT. 3. Kemudahan perbankan. 4. Mini RTC. 	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pusat setempat perkhidmatan perundingan dan nasihat perniagaan. 2. Pusat latihan kemahiran keusahawanan. 3. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). 4. Pusat aktiviti warga emas.
--	---	---	---

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Menaik taraf pekan mengikut kategori

Pekan diklasifikasikan kepada empat kategori (**Jadual 6.1**) dengan perincian komponen pembangunan pekan yang berbeza mengikut jumlah tampungan penduduk (kategori A : 5,001-10,000 orang, kategori B : 3,001 – 5,000 orang, kategori C : 1,501 – 3,000 orang, kategori D : kurang 1,500 orang). Pekan perlu dinaik taraf dengan menyediakan komponen pembangunan yang sesuai mengikut kategori bagi memastikan kemudahan pembangunan yang disediakan adalah mencukupi untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk sekitar. **Rajah 6.2** merumuskan kategori pekan yang dicadangkan dan **Rajah 6.3** menunjukkan taburan pekan mengikut kategori bagi Semenanjung Malaysia.

Jadual 6.1 : Perincian Komponen Pembangunan Pekan Mengikut Kategori

Komponen Pembangunan Pekan	Perincian Aktiviti Dalam Pekan	Kategori Pekan			
		A	B	C	D
 Pembangunan Ekonomi	Pasar mini	✓	✓	✓	
	Perniagaan runcit makanan dan minuman	✓	✓	✓	✓
	Perniagaan runcit peralatan rumah	✓	✓	✓	✓
	Perniagaan runcit peralatan kenderaan	✓	✓	✓	
	Perniagaan runcit peralatan pertanian	✓	✓	✓	✓
	Kedai cenderamata	✓	✓		
	Pasar / gerai / bazar	✓	✓	✓	✓
	Pasar tani / pasar malam / pasar sehari	✓	✓	✓	✓
	Restoran	✓	✓	✓	✓
	Medan Selera	✓	✓		
	Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)	✓	✓		
	Pusat pengumpulan hasil pertanian	✓	✓	✓	
	Stesen minyak	✓	✓	✓	
	Syarikat insurans	✓			
 Kemudahan Prasarana	Pengurup wang	✓			
	Hotel / rumah tumpangan	✓	✓		
	Internet cafe	✓	✓	✓	
	Jalan raya	✓	✓	✓	✓
	Bekalan elektrik dan air	✓	✓	✓	✓
	Perkhidmatan telekomunikasi	✓	✓	✓	✓
	Stesen bas	✓	✓		
	Hentian bas	✓	✓	✓	✓
	Stesen kereta api	✓	✓		
	Terminal bot / feri	✓	✓	✓	✓

Komponen Pembangunan Pekan	Perincian Aktiviti Dalam Pekan	Kategori Pekan			
		A	B	C	D
 Pusat Perkhidmatan	Institusi pengajian tinggi	✓	✓		
	Sekolah menengah	✓	✓	✓	
	Sekolah rendah	✓	✓	✓	✓
	Tadika	✓	✓	✓	✓
	Masjid	✓	✓	✓	✓
	Surau	✓	✓	✓	✓
	Gereja	✓	✓		
	Kuil	✓	✓	✓	✓
	Tokong	✓	✓	✓	✓
	Tanah perkuburan	✓	✓	✓	✓
	Klinik kesihatan	✓	✓	✓	
	Klinik desa	✓	✓	✓	✓
	Balai polis	✓	✓	✓	✓
	Balai bomba	✓	✓	✓	
	Dewan serbaguna	✓	✓		
	Dewan orang ramai	✓	✓	✓	
	Balai raya	✓	✓	✓	✓
	Perpustakaan desa	✓	✓	✓	✓
 Pembangunan Manusia	Taman tempatan	✓	✓		
	Taman kejiranan	✓	✓		
	Padang permainan			✓	✓
	Bank	✓	✓		
	Ejen bank berdaftar			✓	✓
	Mini RTC	✓	✓	✓	✓
	Pusat setempat perkhidmatan perundingan dan nasihat perniagaan	✓	✓		
	Pusat latihan kemahiran keusahawanan	✓	✓		
	Program pemulihan dalam komuniti (PDK)	✓	✓	✓	✓

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Rajah 6.4 menunjukkan taburan 90 pekan yang dicadangkan untuk diperkuuhkan dengan segera bagi memberi perkhidmatan dan membangunkan ekonomi penduduk desa. Pekan ini dikenal pasti berdasarkan pekan kategori C dan D yang terletak di grid tipologi RU, R5 dan R6.

Rajah 6.2 : Cadangan Kategori Pekan

PEKAN KATEGORI A  5,001-10,000

 17 Jenis Aktiviti

 6 Jenis Aktiviti

 21 Jenis Aktiviti

 3 Jenis Aktiviti


PEKAN KATEGORI D  <1,500

 6 Jenis Aktiviti

 4 Jenis Aktiviti

 14 Jenis Aktiviti

 1 Jenis Aktiviti



PEKAN KATEGORI B  3,001-5,000

 15 Jenis Aktiviti

 6 Jenis Aktiviti

 21 Jenis Aktiviti

 3 Jenis Aktiviti

PEKAN KATEGORI C  1,501-3,000

 11 Jenis Aktiviti

 4 Jenis Aktiviti

 19 Jenis Aktiviti

 3 Jenis Aktiviti

Jumlah Pekan Mengikut Kategori di Semenanjung Malaysia

17
Pekan
kategori A

60
Pekan
kategori B

152
Pekan
kategori C

172
Pekan
kategori D



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.


Pekan Karai, Perak

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
SD1.1A: Mengukuhkan pekan mengikut komponen pembangunan berdasarkan sempadan pekan.	• Bilangan pekan yang dinaik taraf berdasarkan komponen pembangunan.	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah • Pihak Berkuasa Tempatan • PLANMalaysia • KKLW	• PLANMalaysia
SD1.1B: Menaik taraf pekan mengikut kategori.	• Bilangan pekan yang dinaik taraf mengikut kategori.	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah • Pihak Berkuasa Tempatan • PLANMalaysia @Negeri • KKLW	• PLANMalaysia

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)




Rajah 6.3 : Taburan Pekan Mengikut Kategori



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota : Tiada pekan di WP Labuan kerana berdasarkan DPN Ke-2, hierarki terkecil bagi WP adalah Bandar Tempatan.

Rajah 6.4 : Taburan Pekan Berpotensi Untuk Cadangan Pengukuhan Pekan



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota : Tiada cadangan pengukuhan pekan di Melaka dan WP Labuan.

Strategi SD 1.2

Mengukuhkan Peranan PPD

Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) merupakan pusat desa utama yang boleh menyediakan perkhidmatan kepada beberapa buah kampung di kawasan pedalaman. PPD ini dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan masyarakat yang berkualiti seperti jalan, bekalan air bersih, elektrik, perparitan, kemudahan ICT, perumahan, sanitasi, sekolah, klinik dan aktiviti perniagaan runcit berskala kecil.

Mengukuhkan PPD mengikut cadangan komponen pembangunan

Konsep PPD telah dibentuk semenjak tahun 1991 melalui RMKe-6, namun majoriti PPD tidak mencapai tahap pelaksanaan yang memuaskan di mana hanya sebahagian komponen pembangunan disediakan di PPD sedia ada. Fungsi PPD sedia ada sebagai pusat perkhidmatan desa perlu diperkuuhkan dengan memberi tumpuan kepada kepada kampung-kampung yang terpencil dan terletak melebihi 10 km dari pekan. Pengukuhan peranan PPD boleh dilaksanakan dengan melengkap dan menambah baik penyediaan komponen pembangunan ekonomi, kemudahan prasarana, pusat perkhidmatan dan pembangunan manusia.

Bagi menyokong strategi RMKe-11 untuk menyediakan Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (*Mobile CTC*) dan Ejen Bank Berdaftar di kawasan desa yang terpencil, penyediaan perkhidmatan ini boleh disepadukan dalam pembangunan PPD.

618
PPD di Semenanjung
Malaysia



70% daripada PPD tidak mencapai tahap pelaksanaan yang memuaskan.

Pencapaian PPD sedia ada dinilai dari aspek tahap penyediaan komponen pembangunan ekonomi, kemudahan prasarana, pusat perkhidmatan dan pembangunan manusia.

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.



172

PPD perlu dikekalkan dan diperkuatkan mengikut komponen pembangunan PPD



1. Pusat pengumpulan hasil pertanian.
2. Aktiviti perniagaan runcit berskala kecil.

1. Perhubungan jalan raya
2. Bekalan elektrik dan air
3. Perkhidmatan telekomunikasi dan ICT
4. Hentian pengangkutan awam

1. Kemudahan masyarakat dan rekreasi.
2. Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (*Mobile CTC*)
3. Ejen Bank Berdaftar (EBB)

1. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
2. Pusat aktiviti warga emas

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
SD1.2A: Mengukuhkan PPD mengikut cadangan komponen pembangunan.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan PPD yang dilengkapi dengan komponen pembangunan. 	√	√	√	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah Pihak Berkuasa Tempatan KKLW 	<ul style="list-style-type: none"> KKLW PLANMalaysia


* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

* Indikator pelaksanaan mengikut komponen pembangunan haruslah meliputi sekurang-kurangnya 1 unit kedai runcit bagi aktiviti perniagaan runcit berskala kecil dan 1 unit sekolah rendah, 1 unit klinik desa atau klinik kesihatan, 1 unit dewan serba guna, 1 unit pondok polis serta 1 unit lot permainan bagi kemudahan masyarakat dan rekreasi.

Rajah 6.5 menunjukkan taburan 172 buah PPD yang perlu dikekalkan dan dinaik taraf bagi memberi perkhidmatan kepada penduduk. Ciri-ciri yang diguna pakai bagi mengenal pasti cadangan naik taraf PPD ini adalah lokasi PPD di luar sempadan bandar (berdasarkan DPN 2), terletak melebihi 10 km daripada pekan, mempunyai beberapa buah kampung di sekitar PPD dengan tampungan penduduk tidak melebihi 2,500 orang. Antara contoh PPD yang perlu dinaik taraf adalah PPD Pulau Tuba di Kedah, PPD Kg. Sedili Kechil di Johor, PPD Kuala Gula di Perak, PPD Jerangau di Terengganu dan PPD Kg. Chegar Perah di Pahang.



Rajah 6.5 : Taburan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Untuk Cadangan Naik Taraf



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota : Tiada cadangan naik taraf PPD di Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan WP Labuan.

PERNYATAAN DASAR SD 2

PENGUKUHAN 'URBAN – RURAL LINK'


Rangkaian pengangkutan yang cekap bagi menghubungkan desa – bandar adalah penting bagi meningkatkan tahap ketersampaian peluang ekonomi, pendidikan dan kemudahan sosial kepada penduduk desa. **Rajah 6.6** menunjukkan bagaimana pekan dan bandar berfungsi bagi mendapatkan kemudahan perkhidmatan kepada penduduk menggunakan pengangkutan awam dan jalan raya. Pernyataan dasar ini memberi penekanan kepada peningkatan hubungan fizikal dan akses melalui rangkaian pengangkutan yang menghubungkan desa ke bandar. Peranan pekan perlu diperkuuhkan sebagai pusat pengangkutan desa iaitu dengan menyediakan jalan perhubungan dan perkhidmatan pengangkutan awam agar dapat menghubungkan desa dengan bandar. Terdapat pelbagai faktor yang menyokong keperluan '*urban – rural link*' yang efisien iaitu:



- Menghubungkan penduduk kepada pekerjaan di bandar dengan perjalanan yang lebih cekap, cepat dan mampu milik.
- Menggalakkan penduduk untuk tinggal di desa dan mempunyai akses yang baik untuk ke bandar dengan penyediaan rangkaian pengangkutan secara komprehensif.
- Memudahkan usahawan desa untuk memasarkan produk mereka secara lebih meluas.



Peratus Kampung Yang Mendapat Perkhidmatan Bas Henti-Henti



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Peratus kampung yang mendapat perkhidmatan bas henti-henti masih rendah dengan majoriti kurang daripada 30% kecuali di Negeri Melaka dan Pulau Pinang dan Perlis.



Permintaan perkhidmatan pengangkutan awam adalah rendah di desa dan menyebabkan kerugian kepada pengusaha bas kerana kos operasi yang tinggi.

Sumber: RMKe-11.

STRATEGI

SD 2.1

**Memperkuat Rangkaian Perhubungan
Antara Kampung – Pekan – Bandar**

STRATEGI

SD 2.2

**Menaik Taraf dan Menyelenggara Jalan Masuk
dan Jalan Dalam Kampung**

Perkaitan berdasarkan SDGs

1 NO POVERTY 	2 NO HUNGER 	3 GOOD HEALTH 	4 QUALITY EDUCATION 	5 GENDER EQUALITY 	6 CLEAN WATER AND SANITATION 	7 RENEWABLE ENERGY 	8 GOOD JOBS AND ECONOMIC GROWTH 	9 INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
10 REDUCED INEQUALITIES 	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES 	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION 	13 CLIMATE ACTION 	14 LIFE BELOW WATER 	15 LIFE ON LAND 	16 PEACE AND JUSTICE 	17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS 	

Perkaitan berdasarkan RMKe-11

1 Memperkuat inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama 	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat 	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju 	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan 	5 Memperkuat infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi 	6 Merekaya pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
---	--	---	--	--	--

Rajah 6.6 : Ilustrasi Hubungan Pekan – Bandar Melalui Jalan dan Pengangkutan Awam



BANDAR

- Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dan mempunyai penduduk melebihi 10,000 orang.
- Kawasan pembangunan khusus yang boleh dikenal pasti sekurang-kurangnya mempunyai 10,000 orang.
- 60% penduduk berumur 15 tahun ke atas yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

PEKAN

- Pekan merupakan petempatan kecil yang bercirikan bandar yang terletak di kawasan desa.
- Jumlah penduduk kurang 10,000 orang.
- Menempatkan aktiviti perniagaan runcit / perkhidmatan berskala kecil.
- Mempunyai aktiviti mingguan seperti pasar pagi / pasar tani, pasar sehari atau pasar malam.



Strategi SD 2.1

Memperkuuhkan Rangkaian Perhubungan Antara Kampung – Pekan – Bandar

Rangkaian perhubungan di desa merangkumi perkhidmatan bas henti-henti, kereta api, teksi dan pengangkutan air. Kesemua mod pengangkutan ini perlu diperkuuhkan bagi menghubungkan kampung – pekan – bandar dan memberi perkhidmatan mobiliti kepada penduduk. Pekan memainkan peranan sebagai pusat pengangkutan di desa bagi meningkatkan kesalinghubungan desa dan bandar. Lokasi pekan yang strategik (terletak berhampiran dengan persimpangan jalan raya utama untuk ke bandar) dapat mengukuhkan peranannya sebagai penghubung bandar – desa. Landasan kereta api sedia ada yang melalui pekan-pekan juga dapat menyokong strategi ini. Justeru, penyediaan pengangkutan awam perlu diperluaskan di pekan bagi memudahkan mobiliti penduduk.



Menyediakan perkhidmatan bas henti-henti


Perkhidmatan bas henti-henti perlu dipertingkatkan bagi memudahkan mobiliti penduduk di desa. Penyediaan bas henti-henti di kawasan desa masih kurang dan sehingga kini, kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia hanya menerima perkhidmatan bas henti-henti kurang dari 30 peratus. Perancangan terkini Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di desa adalah melalui Program Transformasi Bas Henti-Henti (SBST).

Bas henti-henti perlu disediakan bagi memudahkan penduduk mendapatkan kemudahan di pekan. Tumpuan penyediaan kemudahan bas henti-henti adalah kepada kampung-kampung yang berada dalam radius 5-10 km dari pekan bagi menghubungkan kampung ke pekan dan seterusnya ke bandar. Keutamaan pelaksanaan cadangan ini diberikan kepada kampung-kampung yang terletak di grid U1, U2, UR dan RU kerana tampungan penduduk yang lebih ramai berbanding di grid R5 dan R6. Selain kampung, pekan sedia ada yang masih tidak dihubungi oleh laluan bas henti-henti turut dicadangkan dengan perkhidmatan ini.

Rajah 6.7 menunjukkan taburan kampung dan pekan yang memerlukan perkhidmatan bas henti-henti. Cadangan hentian bas henti-henti di kampung-kampung ini perlu mengambil kira jarak efektif bagi penduduk untuk mendapatkan kemudahan bas. Jarak 500 meter antara kampung ke hentian bas dicadangkan kerana jarak ini selesa untuk berjalan kaki.



Rajah 6.7 : Taburan Pekan dan Kampung Yang Memerlukan Perkhidmatan Bas Henti-Henti



Sumber : 1. DPF Desa Negara, 2016.

2. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), Malaysia, 2015.

Nota : Semua kampung di Melaka telah disediakan perkhidmatan bas henti-henti.

Perkhidmatan pengangkutan awam telah disediakan di WP Labuan.

Menaik taraf perkhidmatan kereta api shuttle

Perkhidmatan kereta api merupakan salah satu mod pengangkutan yang menjadi pilihan penduduk di desa untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Stesen kereta api di pekan berpotensi untuk memberi kemudahan kepada penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan peluang ekonomi, perbankan, kesihatan dan lain-lain, yang kebiasaannya terdapat di bandar. Selain itu, perkhidmatan kereta api boleh mempromosikan tarikan di desa kerana kebanyakan laluannya menyusuri suasana bukit-bukau, sungai, kawasan tanaman padi dan lain-lain pemandangan yang menarik di desa.



Perkhidmatan Kereta Api Shuttle di Kelantan

- 439** penumpang sehari
- 35** hentian (laluan Tumpat – Dabong – Gua Musang)
- 300** km panjang laluan
- 406** kampung berada dalam radius 5 km daripada hentian

Sumber: SPAD, 2015
DPF Desa Negara, 2016.

Perkhidmatan kereta api *Shuttle Timur* yang terdapat di Negeri Kelantan dan Pahang merupakan mod pengangkutan yang menawarkan perjalanan ulang alik dari kawasan desa – pekan – bandar. Perkhidmatan ini merupakan mod pengangkutan utama bagi kampung-kampung yang berada di pedalaman dan tidak dihubungi oleh bas awam. Bagi memberi keselesaan kepada pengguna, perkhidmatan ini perlu dinaik taraf dari aspek keselamatan dan kualiti operasi.



Menaik taraf perkhidmatan pengangkutan air

Terdapat kampung-kampung yang terletak berdekatan dengan sungai dan pantai yang masih menggunakan pengangkutan air sebagai salah satu mod pengangkutan alternatif di desa. Pengangkutan air juga merupakan potensi pelancongan di desa. Ianya dapat menjadi daya tarikan ekopelancongan berasaskan komuniti dan berpotensi untuk menjana pendapatan penduduk desa.

Bagi kampung-kampung yang masih menggunakan perkhidmatan pengangkutan air terutamanya bot penambang, aspek keselamatan perlulah dipertingkatkan. Pengendali bot dan feri perlu membekalkan jaket keselamatan kepada penumpang. Ini bagi menghadapi risiko kenaikan paras air sungai dan keadaan laut bergelora. Penambahbaikan infrastruktur di jeti seperti penyediaan ruang menunggu, *ramp*, *handrail* dan sebagainya juga perlu disediakan bagi memberi keselesaan kepada pengguna.



Jeti Kuala Tahan, Pahang



Contoh Penggunaan Pengangkutan Air

Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> • Seberang Takir – Kuala Terengganu (melalui Sungai Terengganu). • Besut – Kampung di Pulau Perhentian. • Merang – Kampung di Pulau Redang.
Pahang	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Tahan – Bandar Jerantut (melalui Sungai Tembeling). • Menghubungkan kampung-kampung di Hulu Tembeling dan kampung-kampung kecil seperti Teresik, Kg. Belebar, Kg. Tekah dan Kg. Padang. • Tanjung Gemok – terdapat 6 buah kampung di Pulau Tioman.
Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> • Kuala Krai (Jeti Tangga Krai) – Dabong. • Jeti Kuala Betis – Kg. Setar. • Menghubungkan kawasan orang asli Orang Asli seperti Pos Brooke, Pos Mering, Kuala Jenera dan Kg. Kuala Penep. • Menghubungkan penduduk di kawasan pedalaman seperti Kg. Sungai Rimau, Kg. Pasir Tinggi Kelewек, Kg. Kuala Gris.
Perak	<ul style="list-style-type: none"> • Sayong – Kuala Kangsar.
Johor	<ul style="list-style-type: none"> • Tanjung Leman – Kampung di Pulau Tinggi dan Pulau Sibu. • Mersing – Kampung di Pulau Babi Besar, Pulau Aur dan Pulau Pemanggil.
WP Labuan	<ul style="list-style-type: none"> • Menghubungkan penduduk di Kg. Batu Menikar, Kg. Lubok Temiang dan Tanjung Kubong, Kg. Pohon Batu, Kg. Tanjung Aru, Kg. Layang – Layangan, Kg. Kerupang dan Nagalang, Kg. Patau-Patau 1, Kg. Patau-Patau 2, Kg. Rancha-Rancha, Kg. Sungai Labu, Kg. Sungai Lada, Kg. Sungai Miri dan Sg. Pagar, Kg. Sungai Buton dan Sungai Sembilang, Kg. Bebuloh, Kg Belukut.

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Menyediakan perkhidmatan paratransit desa

Perkhidmatan paratransit bermaksud perkhidmatan pengangkutan yang mengikut kehendak penumpang untuk menentukan laluan serta jadual perjalananannya. Perkhidmatan ini lebih sesuai dilaksanakan di kampung-kampung di lokasi terpencil dan mempunyai bilangan penduduk yang rendah terutama di Grid R5 dan R6. Ini bagi memastikan kampung-kampung ini mempunyai kemudahsampaian yang baik untuk mendapatkan keperluan asas atau peluang ekonomi di pekan. Mod pengangkutan seperti van mini atau bas mini sesuai disediakan di kampung-kampung yang terpencil dan tidak dihubungi oleh pengangkutan awam. Perkhidmatan paratransit boleh diuruskan oleh koperasi kampung atau komuniti tempatan sebagai salah satu medium untuk menjana peluang ekonomi. Selain itu, perkhidmatan ini juga turut dikenakan dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara bagi memberi perkhidmatan di desa.

Penyediaan perkhidmatan paratransit yang lebih fleksibel dan tidak mengikut laluan yang tetap mampu menyelesaikan masalah teksi tanpa permit dan laluan perjalanan pengangkutan awam yang tidak menguntungkan di kawasan desa.

Masalah Teksi Tanpa Permit di Desa



- Keadaan atau spesifikasi fizikal teksi tanpa permit yang lebih baik berbanding teksi berlesen.
- Kadar sewa yang lebih rendah berbanding teksi berlesen.

Sumber: SPAD, 2015.

Bagi menyokong perkhidmatan paratransit ini, sistem 'dial-a-ride' melalui panggilan telefon boleh diperkenalkan untuk memberi perkhidmatan dari pintu ke pintu. Sistem ini turut dicadangkan dalam RMKe-11 dan merupakan inisiatif dari SPAD bagi memberi perkhidmatan di kawasan pedalaman.

Kelebihan Perkhidmatan Paratransit

1  Menggunakan bas mini atau van mini.



2  Menawarkan perkhidmatan dari pintu ke pintu.



3  Dapat menghubungkan kepada pekan terdekat.

4  Beroperasi mengikut permintaan dan boleh dibuat secara atas talian atau internet.

Contoh van mini yang boleh digunakan sebagai mod pengangkutan untuk perkhidmatan paratransit.

5  Boleh diuruskan oleh komuniti tempatan.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
SD2.1A: Menyediakan perkhidmatan bas henti-henti.	• Peningkatan peratus kampung yang terletak 10 km daripada pekan mendapat perkhidmatan bas henti-henti ke pekan dan bandar terdekat.	✓	✓	✓	• SPAD	• SPAD
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
SD2.1B: Menaik taraf perkhidmatan kereta api <i>shuttle</i> .	• Peningkatan jumlah penumpang kereta api <i>shuttle</i> .	✓	✓	✓	• KTMB	• Perbadanan Aset Kereta Api
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
SD2.1C: Menaik taraf perkhidmatan pengangkutan air.	• Pertambahan produk pelancongan berdasarkan pengangkutan air.	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • Jabatan Taman Laut Malaysia	• Pejabat Daerah dan Tanah
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
SD2.1D: Menyediakan perkhidmatan paratransit desa.	• Peningkatan bilangan kampung yang menerima kemudahan paratransit.	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah • Koperasi Kampung	• Pejabat Daerah dan Tanah
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi SD 2.2

Menaik Taraf dan Menyelenggara Jalan Masuk dan Jalan Dalam Kampung

Pembangunan jalan di desa merupakan salah satu komponen penting dalam meningkatkan sosioekonomi penduduk desa. Selain meningkatkan tahap ketersampaian dari satu kawasan ke kawasan yang lain, kemudahan jalan berturap juga penting untuk memasarkan hasil pertanian dan meningkatkan pelancongan desa. Kemudahan jalan berturap perlu disediakan di jalan masuk dan jalan dalam kampung bagi memberi kemudahan aksesibiliti dan meningkatkan keselesaan kepada penduduk. Program Jalan Luar Bandar (JALB) dan Jalan Perhubungan Desa (JPD) daripada KKLW juga merupakan salah satu usaha untuk menambah baik sistem perhubungan di desa.

Bagi tujuan naik taraf jalan kampung, rujukan kepada sistem CHARMS adalah penting bagi mengelakkan pertindihan dalam menyalurkan peruntukan untuk penyelenggaraan jalan. Jalan-jalan yang berpotensi untuk dinaik taraf perlu didaftarkan di dalam sistem MARRIS bagi tujuan merekod maklumat jalan. Langkah ini juga dapat membantu dalam mengemas kini maklumat jalan kampung mengikut keperluan sesebuah kampung. Lokasi kampung-kampung yang memerlukan turapan jalan masuk dan jalan dalam adalah seperti **Rajah 6.8** dan **Rajah 6.9**.

Program Jalan Luar Bandar (JALB)
<ul style="list-style-type: none"> Mempercepat dan memperbanyak pembinaan jalan di desa. Dilaksanakan selaras dengan kenyataan dasar 'untuk memperbaiki dan memperluas sistem pengangkutan di luar bandar'.
Jalan Perhubungan Desa (JPD)
<ul style="list-style-type: none"> Jalan yang menyambungkan di antara sebuah kampung dengan kampung yang lain atau jalan raya utama. Bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup dan keselesaan perhubungan. Memberi kemudahan perhubungan kepada kemudahan awam.

Sumber: Portal Rasmi KKLW.

Bilangan Kampung Yang Mempunyai Kemudahan Jalan Berdasarkan Borang Maklumat Fizikal Asas Kampung

 1,089	Kampung tidak mempunyai jalan masuk berturap
 1,536	Kampung tidak mempunyai jalan dalam berturap


Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
SD2.2A: Menaik taraf jalan masuk kampung.	• Peningkatan bilangan kampung yang mempunyai jalan masuk berturap.	√	√	√	• JKR • KKLW	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
SD2.2B: Menaik taraf jalan dalam kampung.	• Peningkatan bilangan kampung yang mempunyai jalan dalam berturap.	√	√	√	• JKR • KKLW	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)




Rajah 6.8 : Taburan Kampung Yang Memerlukan Cadangan Naik Taraf Jalan Masuk Berturap



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota : Semua kampung di Negeri Melaka dan WP Labuan telah mempunyai jalan masuk berturap.

Rajah 6.9 : Taburan Kampung Yang Memerlukan Cadangan Naik Taraf Jalan Dalam Berturap



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.


Nota : Semua kampung di Negeri Melaka telah mempunyai jalan dalam kampung yang berturap.

BAB

7

TERAS 3

PENGUKUHAN DAYA HUNI DESA (DD)



TERAS 3

PENGUKUHAN DAYA HUNI DESA (DD)

Desa yang berdaya huni adalah sebuah kawasan yang selesa didiami dan mempunyai kehidupan yang sejahtera. Ciri-ciri desa yang mempunyai tahap daya huni adalah keindahan alam dan seni bina, kesuburan kawasan pertanian dan landskap semula jadi serta keselesaan petempatan. Usaha untuk menambah jumlah penduduk di kawasan desa melalui pengekalan ciri-ciri desa menjadi cadangan utama DPF Desa Negara. Dasar ini mensasarkan untuk menjadikan desa sebagai tempat tinggal pilihan kerana faktor keindahan dan ketenangan desa serta disokong oleh peluang pekerjaan dan kemudahan awam yang baik. Sehubungan itu, tahap penyediaan kemudahan asas, infrastruktur dan utiliti serta peluang ekonomi haruslah setaraf dengan kawasan bandar.

"Luar Bandar / Desa Menjadi Pilihan Kehidupan

Kehidupan di luar bandar menjadi pilihan gaya hidup yang menarik bagi rakyat Malaysia terutamanya kepada mereka yang menghargai persekitaran serta mahu bekerja dalam suasana aman dan damai. Kawasan luar bandar boleh dihubungi dengan baik, mempunyai ekonomi yang rancak dan memiliki kemudahan serta perkhidmatan yang setara dengan kawasan bandar.

Masyarakat luar bandar hidup selesa, produktif dan menikmati peluang yang saksama seperti masyarakat di bandar."

Sumber: RMKe11



5
Pernyataan
Dasar

19
Strategi

52
Langkah

DD1 PEMELIHARAAN KAREKTOR SPATIAL DESA

- Strategi DD1.1 Menentukan Sempadan Kampung
- Strategi DD1.2 Memetakan Aset Desa
- Strategi DD1.3 Mengawal Pertukaran Guna Tanah Di Kawasan Desa
- Strategi DD1.4 Memelihara Kawasan Zon Penampang Desa
- Strategi DD1.5 Meningkatkan Kependudukan Desa Terutama Golongan Muda Dan Pesara Dari Bandar
- Strategi DD1.6 Mengurus Rumah Usang Bagi Meningkatkan Imej Dan Keindahan Desa

DD 2 PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN WARISAN DESA

- Strategi DD2.1 Memulihara Rumah Melayu Tradisional
- Strategi DD2.2 Menyemarakkan Industri Pembuatan Rumah Melayu Tradisional
- Strategi DD2.3 Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Tentang Warisan Budaya
- Strategi DD2.4 Memartabatkan Warisan Kebangsaan Orang Hidup

DD 3 PENINGKATAN INFRASTRUKUR YANG EFISIEN

- Strategi DD3.1 Menjamin Sumber Bekalan Air Bersih Yang Berterusan Dan Mencukupi
- Strategi DD3.2 Menyokong Pengagihan Bekalan Elektrik 24 Jam Yang Menyeluruh
- Strategi DD3.3 Memacu ICT Dalam Menyokong Ekonomi Desa
- Strategi DD3.4 Mengukuhkan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Di Desa
- Strategi DD3.5 Mengukuhkan Sistem Pembentungan Di Desa

DD 4 PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM

- Strategi DD4.1 Menyediakan Kemudahan Awam Yang Mencukupi Dan Berkualiti
- Strategi DD4.2 Memupuk Unsur 'Pemilikan Komuniti' Dan Konsep 'Social Enterprise'

DD 5 PENGUKUHAN DAN PENINGKATAN PENYERTAAN SOSIAL

- Strategi DD5.1 Mengukuhkan Perasaan Cinta Dan Semangat Kekitaan
- Strategi DD5.2 Mengukuhkan Konsep Kejiranan Dan Kemasyarakatan Dalam Kehidupan Seharian



PERNYATAAN DASAR DD 1

PEMELIHARAAN KAREKTOR SPATIAL DESA

'Aman, tenang, tidak kompleks, kecil, hijau, alam, budaya, asal usul, nostalgia, mesra dan tradisi' adalah antara ungkapan dan perkataan yang menggambarkan imej desa. Ia merupakan imej-imej positif mengenai desa dan dilihat sebagai kekuatan dan keunikan yang dimiliki oleh desa. Tidak kurang juga ada yang menggambarkan perkara-perkara negatif seperti 'ketinggalan, terpinggir, sunyi, rapuh, tercemar' dan sebagainya. Ia juga sering dibandingkan dengan keadaan bandar yang dianggap memiliki imej yang lebih baik, moden dan bertaraf lebih tinggi.

Pengekalan ciri-ciri spatial unik kawasan desa adalah penting sebagai komponen yang menyokong daya hidup sesebuah kampung atau pekan. Ini melibatkan perancangan dan pembangunan guna tanah desa yang berkesan dan tidak bercanggah dengan nilai sosial budaya setempat. Desa harus ditonjolkan sebagai kawasan yang menarik untuk didiami, mempunyai perumahan dan perkhidmatan berkualiti serta pelbagai kemudahan bertaraf bandar.






Perkaitan berdasarkan SDGs



Perkaitan berdasarkan RMKe-11



Strategi DD 1.1

Menentukan Sempadan Kampung

Pembentukan sempadan kampung yang jelas adalah penting untuk:

- Mengawal rebakan kawasan bandar ke desa
- Mengawal pembangunan dan isu-isu berkaitan kampung
- Memudahkan urusan pentadbiran kampung
- Memudahkan urusan agihan peruntukan di masa hadapan

Sehingga kini, hanya kampung-kampung di Negeri Pulau Pinang, WP Labuan, Melaka dan Perak yang telah mempunyai sempadan kampung.

Mengenal pasti sempadan kampung berdasarkan ciri-ciri fizikal

Pejabat Daerah dan Tanah bersama JKKK sebagai pihak yang mempunyai maklumat terperinci mengenai kampung masing-masing harus bekerjasama menentukan sempadan kampung. Bagi kampung-kampung yang terletak bersebelahan, proses pengenalphastian sempadan harus dilakukan secara bersama bagi mengelakkan konflik.

Kriteria Penentuan Sempadan Kampung

- Ciri-ciri fizikal yang jelas iaitu:
 -  Sungai
 -  Jalan
 -  Jenis guna tanah
 -  Mercu tanda (bangunan, jambatan)
- Dipersetujui oleh kampung-kampung bersebelahan (sekiranya ada)

Mengemas kini data sempadan kampung dalam CHARMs

Sempadan kampung yang telah dikenal pasti harus direkodkan dalam CHARMs (nombor lot tanah yang terlibat serta pemetaan garisan sempadan). Ketua JKKK memainkan peranan penting dalam kerja-kerja mengemas kini setiap 12 bulan dan dipantau oleh Pejabat Daerah dan Tanah.

Meletakkan mercu tanda di sempadan kampung

Perletakan mercu tanda seperti pintu gerbang, arca atau papan tanda di sempadan kampung digalakkan sebagai petunjuk dan pengenalan kepada identiti kampung.

Contoh perletakan mercu tanda di kampung-kampung



Kampung Lonek, Negeri Sembilan



Kampung Gebok, Negeri Sembilan



Kampung Laklok, Machang



Kampung Jambatan Duyong, Melaka

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD1.1A: Mengenal pasti sempadan kampung berdasarkan ciri-ciri fizikal.	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan bilangan kampung mempunyai sempadan yang telah dikenal pasti dan diwartakan. 	✓	✓		<ul style="list-style-type: none"> JKKK Pejabat Daerah dan Tanah PLANMalaysia @Negeri KKLW 	• PLANMalaysia@ Negeri
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD1.1B: Mengemas kini data sempadan kampung dalam CHARMs	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan bilangan kampung mempunyai sempadan dimasukkan ke dalam CHARMs. 	✓	✓		<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah PLANMalaysia @Negeri 	• PLANMalaysia
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD1.1C: Meletakkan mercu tanda di sempadan kampung	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan bilangan kampung mempunyai mercu tanda. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> JKKK Pejabat Daerah dan Tanah KKLW 	• PLANMalaysia@ Negeri
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi DD 1.2

Memetakan Aset Desa

Selaras dengan slogan ‘*Malaysia Truly Asia*’, kampung-kampung di negara ini dikategorikan kepada pelbagai jenis berdasarkan corak masyarakat majmuknya. Ia membentuk satu identiti negara yang unik. Keistimewaan dan keunikan setiap kampung boleh diperhalusi melalui Pemetaan Aset (Asset Mapping) sebagai alat untuk membantu mencapai aspirasi ini (**Rajah 7.1 dan Rajah 7.2**). Program ini menggalakkan kerjasama antara masyarakat tempatan dan agensi berkaitan untuk mengenal pasti keunikan dan keistimewaan sesebuah kampung. Segala insentif, bantuan dan program pembangunan oleh pihak kerajaan dan swasta akan dapat disalurkan mengikut ciri-ciri keistimewaan dan kekuatan kampung yang diterajui oleh masyarakat setempat.

Menjalankan inventori asset kampung

Terdapat dua kaedah pemetaan asset kampung iaitu kaedah bercerita (*storytelling*) menjelaki asal usul kampung dan kaedah inventori komponen fizikal kampung.

1 Kaedah bercerita (*storytelling*) dan pengumpulan bahan mengenai asal usul kampung

Perasaan cinta kepada tempat merujuk kepada persepsi positif terhadap penempatan, kebanggaan dan sikap mengambil berat. Salah satu faktor penyumbang kepada perasaan cinta ialah pengetahuan tentang sejarah dan asal-usul kampung dengan kerjasama pihak JKKK dan Pejabat Daerah dan Tanah melalui:

Mengumpul bahan sejarah, cerita lama, hikayat atau cerita dongeng berkaitan petempatan dan kampung (menggalakkan penglibatan JKKK, penduduk warga emas dan Orang Asli).



Mendokumentasikan bahan tersebut (menggunakan khidmat penduduk desa dengan bantuan dari pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan IPTA).



2 Kaedah inventori komponen fizikal kampung

Kaedah inventori melibatkan aspek fizikal, ekonomi, sosiobudaya dan warisan di kampung

Identiti Fizikal

Merangkumi keistimewaan alam semula jadi, warisan dan seni bina bangunan

Identiti Ekonomi

Menekankan kepada produk seperti hasil kraf tangan, makanan dan kesenian yang tersendiri dan istimewa.

Identiti Sosiobudaya

Melibatkan tokoh-tokoh tempatan, adat istiadat, bahasa, acara perayaan, ritual dan kepercayaan, muzik dan lagu, festival dan karnival, seni persembahan, perubatan tradisional, sastera dan sukan serta permainan tradisional.


Dalam usaha menjalankan inventori asset setiap kampung adalah digalakkan setiap JKKK melibatkan penduduk tempatan sebagai penyelidik dan pengumpul data. Penduduk tempatan adalah modal insan yang paling sesuai mengenali sosiobudaya, sejarah dan latar belakang kampung masing-masing.

Rajah 7.1: Pemetaan Aset (Asset Mapping) Kampung



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Rajah 7.2 : Taburan Kampung Mengikut Kategori



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Menubuhkan Unit Pembangunan Aset Desa di setiap daerah

Unit Pembangunan Aset Desa dicadang diwujudkan di Pejabat Daerah dan Tanah yang berfungsi untuk menjalankan tugas-tugas berikut:



Menjalankan inventori untuk mengenal pasti aset kampung.



Memaju, membangun dan menyalas aset kampung dengan kerjasama JKKK, koperasi kampung dan penduduk kampung.



Memohon peruntukan kewangan, kepakaran dan nasihat teknikal daripada jabatan atau agensi berkaitan mengikut ciri-ciri dan latar belakang aset kampung.



Memantau tahap kemajuan dan pencapaian pembangunan aset kampung yang telah dikenal pasti.

Mengiktiraf kejayaan kampung yang membangun berdasarkan aset masing-masing melalui Anugerah Pembangunan Aset Cemerlang

Pelbagai jenis pembangunan dan program boleh dijalankan bagi menonjolkan aset yang ada. Penganjuran pesta dan festival berkaitan identiti dan keistimewaan kampung sesuai dijalankan di peringkat daerah atau negeri. Program mengikut slogan seperti “1 Kampung 1 Aset” boleh dipromosi untuk menggalakkan masyarakat kampung menonjolkan keistimewaan dan keunikan kampung masing-masing dan dapat dijadikan aset yang dibanggakan oleh masyarakat setempat. Bagi kampung yang berjaya membangunkan ekonomi dan fizikal kampung berdasarkan aset sedia ada, perlulah diberikan pengiktirafan bagi menggalakkan usaha penduduk desa.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD1.2A: Menjalankan inventori aset kampung.	• Bilangan kampung yang menyediakan aset kampung.	✓	✓	✓	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah	• PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD1.2B: Menubuhkan Unit Pembangunan Aset Desa di setiap daerah	• Bilangan Pejabat Daerah dan Tanah yang menubuhkan Unit Pembangunan Aset Desa	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah	• PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD1.2C: Mengiktiraf kejayaan kampung yang membangun berdasarkan aset masing-masing melalui Anugerah Pembangunan Aset Cemerlang	• Bilangan kampung dianugerahkan Pembangunan Aset Cemerlang	✓	✓	✓	• Pihak Berkuasa Tempatan • PLANMalaysia @Negeri • KKLW	• PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi DD 1.3

Mengawal Pertukaran Guna Tanah di Kawasan Desa

Alam semula jadi seperti hutan simpan, gunung-ganang, bukit-bukau, sungai, pantai, pulau dan tasik merupakan komponen utama desa. Sebahagian darinya adalah khazanah semula jadi dan aset negara yang perlu dihargai dan dijaga sebaik mungkin. Aktiviti pembalakan, perlombongan, pertanian dan penerokaan yang tidak terkawal akan memusnahkan kawasan desa dan menghilangkan secara kekal keindahan alam semula jadi yang menjadi imej utama desa.

Pertanian juga merupakan komponen utama desa dan berperanan penting sebagai kawasan sumber makanan utama. Saiz kawasan pertanian yang luas menyumbang kepada pembentukan imej desa yang hijau dan nyaman. Proses rebakan bandar yang pesat mengancam kawasan pertanian dan menjelaskan imej desa. Pulangan ekonomi daripada aktiviti berasaskan perindustrian, perdagangan dan perumahan dilihat lebih menguntungkan berbanding mengekalkan aktiviti sektor pertanian dan ini telah menggalakkan berlakunya perubahan guna tanah




Contoh aktiviti bauksit yang mengakibatkan kemasuhan keindahan desa

Menghadkan tukar guna tanah perhutanan dan pertanian kepada pembangunan lain

Guna tanah utama kawasan desa iaitu pertanian (48%) dan hutan (45%) yang membentuk imej kehijauan dan keharmonian kepada desa harus dikekalkan dengan mengawal pertukaran guna tanah. PBT sebagai pihak yang meluluskan permohonan pembangunan memainkan peranan penting dalam mencorak pembangunan di kawasan mereka bagi memastikan pembangunan adalah seiring dengan perancangan. Tukar guna tanah daripada perhutanan dan pertanian kepada pembangunan lain seperti perumahan, komersial dan industri juga perlu dikenakan syarat ketat dan menyediakan zon penampang. Kawasan pertanian berkelompok termasuk rancangan FELDA dan RISDA perlu dibangunkan secara intensif tanpa membuka tanah baru (penerokaan hutan). Tanah pertanian terbiar perlu dibangunkan semula dengan suntikan bantuan dana untuk menanggung kos permulaan.

Guna Tanah Kawasan Desa Semenanjung Malaysia, 2014



***40,000 hektar**

Kawasan hutan simpan telah ditebang antara tahun 2001-2005

Sumber: RFN Ke-3, 2016.

*RFN Ke-2, 2010.


Mengawal pembangunan melalui RS, RT dan RKK

Guna tanah kawasan desa juga boleh dikawal melalui Rancangan Struktur (RS), Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) yang mengutamakan aspek-aspek penting dalam perancangan pembangunan seperti mengekalkan kawasan perhutanan dan badan air, mengekalkan kawasan kampung tradisi, memastikan pembangunan adalah berdensiti rendah serta menghadkan pembangunan baru berskala besar yang bercanggah dengan imej desa. Ini adalah kerana rebakan perbandaran yang tidak terkawal berisiko untuk merubah suasana desa yang tenang dan harmoni kepada suasana bandar yang sibuk dan bermasalah seperti kesesakan lalu lintas, pencemaran udara, jenayah dan lain-lain. **Rajah 7.3** mengenal pasti sebanyak 1,412 kampung berpotensi mengalami rebakan bandar kerana terletak di dalam grid tipologi perbandaran seperti U1 dan U2 dan tipologi pinggir bandar UR, terletak di dalam sempadan bandar berdasarkan DPN 2 dan radius 1 km dari sempadan bandar (jarak 1 km diambil kerana berpotensi mengalami perluasan bandar di masa hadapan).

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD1.3A: Menghadkan tukar guna tanah perhutanan dan pertanian kepada pembangunan lain.	<ul style="list-style-type: none"> Keluasan kawasan hutan dan pertanian yang dipelihara. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • PLANMalaysia @Negeri • PBT 	<ul style="list-style-type: none"> • PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						
DD1.3B: Mengawal pembangunan melalui RS, RT, RKK.	<ul style="list-style-type: none"> Pematuhan zon pembangunan berdasarkan RT. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • PLANMalaysia @Negeri • PBT 	<ul style="list-style-type: none"> • PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Rajah 7.3 : Taburan Kampung Berpotensi Mengalami Rebakan Bandar



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Strategi DD 1.4

Memelihara Kawasan Zon Penampang Desa

Kawasan desa yang didominasi guna tanah pertanian berperanan sebagai zon penampang desa (**Rajah 7.4**). Sebahagian besar kawasan ini terletak antara kawasan perbandaran dan kawasan semula jadi yang dilihat boleh berfungsi sebagai zon penampang atau ‘green belt’ kepada alam semula jadi daripada ancaman proses perbandaran atau rebakan bandar. Dasar dan strategi negara untuk mengutamakan sektor pertanian sebagai salah satu asas ekonomi strategik terutama di kawasan desa akan dapat mengekalkan imej kehijauan desa.

Membentuk kawasan pertanian sebagai zon penampang desa

Kawasan pertanian subur terutama jelapang padi, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Zon Industri Akuakultur (ZIA) perlu dipelihara. Selain bertujuan untuk memastikan sumber makanan berasaskan agro dapat dibekalkan secara berterusan, ianya mengukuhkan imej kehijauan desa. Kawasan pertanian kelapa sawit dan getah merupakan tanaman ikonik desa dan ianya membantu membentuk imej landskap lembut yang dominan. Kepelbagaiannya tanaman seperti buah-buahan melalui kaedah pengezonan akan dapat menonjolkan imej kehijauan dan identiti yang unik dan khusus mengikut wilayah dan kawasan desa.


Menerima pakai konsep Sempadan Pertumbuhan Bandar (UGB) dan Sempadan Pembendungan Bandar (UCB) untuk memelihara kawasan pertanian dan desa di pinggir dan bersempadan dengan bandar

Rebakan bandar ke kawasan desa yang tidak terkawal memusnahkan persekitaran dan identiti desa. 58 peratus (58%) kampung berada dalam tipologi grid U1 dan U2 iaitu kawasan bandar yang mempunyai penduduk melebihi 10,000 orang. Kampung-kampung dalam kategori ini terdedah secara langsung kepada proses perbandaran dan memerlukan perancangan dan kaedah kawalan yang efektif bagi memastikan kampung ini tidak ‘tenggelam’ atau musnah dalam arus pembangunan serta hilang ciri-ciri kedesaannya. Oleh itu, pelaksanaan konsep penentuan had sempadan bandar yang telah dikenal pasti dalam Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) iaitu Sempadan Pertumbuhan Bandar / *Urban Growth Boundary (UGB)* dan Sempadan Pembendungan Bandar / *Urban Containment Boundary (UCB)* akan dapat memelihara kepentingan kawasan desa dan kehijauan kawasan pertanian terutama di pinggir bandar secara berkesan.



Contoh penggunaan sempadan pertumbuhan bandar dan sempadan pembendungan bandar
Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua

Rajah 7.4: Zon Penampang Desa



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzia Pelaksana	Agenzia Pemantau
		*1	*2	*3		
		✓	✓	✓		
DD1.4A: Membentuk kawasan pertanian sebagai zon penampungan desa	• Keluasan kawasan pertanian di UR dan RU yang dikekalkan.				• PBT • PLANMalaysia @Negeri	• PLANMalaysia
	Grid Tipologi	U1	U2	UR	RU	R5 R6
DD1.4B: Menerima penggunaan konsep Sempadan Pertumbuhan Bandar dan Sempadan Pembentangan Bandar untuk memelihara kawasan pertanian dan desa di pinggir dan bersempadan dengan bandar	• Pengekalan semua kampung sedia ada di kawasan bandar dan pinggir bandar				• PBT • PLANMalaysia @Negeri	• PLANMalaysia
	Grid Tipologi	U1	U2	UR	RU	R5 R6

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi DD 1.5

Meningkatkan Kependudukan Desa Terutama Golongan Muda Dan Pesara Dari Bandar

Terdapat 7.5 peratus kampung dikenal pasti mempunyai tahap daya huni rendah terutama yang terletak di grid R5 dan R6 yang disebabkan oleh faktor-faktor berikut:




Keperluan untuk mengubah persepsi masyarakat amat penting untuk memberi gambaran bahawa desa mampu menyediakan peluang kerjaya dan kehidupan yang berkualiti kepada semua. Peluang kerjaya dan potensi ekonomi di desa tidaklah tertumpu kepada sektor pertanian semata-mata. Bagi kawasan desa yang terletak di pinggir bandar (grid UR dan RU), telah berlaku peningkatan penduduk dan ini dibuktikan berdasarkan maklumat Jabatan Perangkaan Malaysia. Peratusan migran dalaman mengikut strata yang melibatkan penghijrahan dari bandar ke desa merekodkan peningkatan dari tahun 2010 ke 2011. Rangkaian perhubungan yang semakin baik dan peningkatan pembangunan kawasan perumahan di pinggir bandar menjadi faktor menggalakkan trend penghijrahan masuk penduduk dari bandar ke desa.

Peratusan migran dalaman mengikut strata penghijrahan dari bandar ke desa

Tahun 2010



Tahun 2011



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014.

Melalui pekan dan PPD yang aktif, golongan muda dan pesara mempunyai peluang menjana pendapatan lumayan melalui usaha dan kepakaran mereka. Seperti di bandar, masyarakat di desa juga memerlukan khidmat graduan seperti akauntan, sumber manusia, perundangan, jurutera, arkitek, pakar pemasaran, ICT, doktor pakar, doktor haiwan, doktor gigi, pakar insuran, kewangan, ahli sejarah dan karyawan, *chef* dan pengusaha *homestay*, restoran dan *resort* serta lain-lain. Kejayaan usahawan desa dalam pelbagai sektor boleh menjadi inspirasi kepada penduduk desa yang bercita-cita untuk menjadi usahawan yang berjaya. Antara tarikan pekan dan kampung yang berdaya huni ialah kos operasi dan kos kehidupan yang lebih rendah, persekitaran yang kurang tekanan dan jalinan perhubungan kepada pasaran yang baik (melalui jaringan teknologi atau hubungan jalan raya, kereta api dan kapal terbang), suasana desa yang aman dan indah, mempunyai peluang pekerjaan serta dilengkapi dengan kemudahan awam yang mudah sampai. Adanya kemudahan teknologi dan pasaran *online* yang luas hari ini, terdapat banyak aktiviti ekonomi di desa yang boleh menjangkau batas sempadan negeri dan antarabangsa.

Menggalakkan proses ‘kebangkitan semula desa’ (rural rebound) dan penyediaan perumahan baru berdensiti rendah yang mengekalkan ciri-ciri persekitaran kediaman desa

Strategi dan dasar pembangunan wilayah pertumbuhan seperti konurbasi perbandaran yang digubal di peringkat RFN ke-3, mampu memberi impak positif kepada kawasan desa terutama yang terletak di dalam wilayah konurbasi dan pinggirnya. Proses ‘Kebangkitan Semula Desa’ (*Rural Rebound*) ini dikesan berlaku melalui perubahan positif jumlah penduduk hasil daripada tren migrasi masuk penduduk bandar yang memilih kawasan desa sebagai tempat tinggal. Mereka ini terdiri dari pelbagai golongan seperti pesara, pekerja bandar, profesional, usahawan, perunding bebas, golongan yang menjadikan desa sebagai rumah kedua dan golongan yang tidak tertarik untuk menghuni di kawasan bandar. Peningkatan kecekapan rangkaian perhubungan antara bandar dan desa juga akan menggalakkan berlakunya proses ini. Potensi ini perlu dieksplot dengan membangunkan semula pekan-pekan kecil sedia ada serta kawasan kediaman yang lengkap dengan pelbagai infrastruktur dan kemudahan dalam suasana alam sekitar desa yang asli, tenang, nyaman dan berdensiti rendah. Kawasan berpotensi untuk digalakkan proses ‘Kebangkitan Semula Desa’ termasuklah kampung-kampung di grid UR dan RU (**Rajah 7.6**) terutama di koridor barat Semenanjung Malaysia dan mendapat manfaat daripada rangkaian lebuh raya dan pengangkutan rel.

Pembinaan rumah dalam petempatan desa perlulah jenis sesebuah bagi mengekalkan kepadatan penduduk terutama dalam grid RU dan R5. Pembangunan berbentuk teres / berkembar tidak dibenarkan di kawasan kampung dan lebih sesuai di kawasan pekan. PBT harus lebih peka dan tegas dalam meluluskan projek-projek perumahan terancang skala besar yang terletak berhampiran atau dalam kawasan kampung. Bagi individu atau pemaju yang ingin membangunkan rumah, ciri-ciri tradisional seperti penggunaan pintu dan tingkap kayu, anjung dan lain-lain elemen perlulah diterapkan. Daya kreativiti dan kesedaran yang tinggi oleh pemaju amatlah penting bagi melaksanakan strategi ini.



Contoh perumahan baru yang menerapkan ciri-ciri tradisional dan elemen kayu

Rajah 7.5: Proses Am Kebangkitan Semula Desa (*Rural Rebound*)



Faktor Berlaku '*Rural Rebound*'

- Masa ulang alik bandar – desa antara 45-90 minit
- Infrastruktur perhubungan efisien
- Perkhidmatan pengangkutan awam efisien
- Perkhidmatan internet yang laju
- Kemudahan awam dan asas desa yang lengkap
- Pekan yang menarik

Impak Positif '*Rural Rebound*'


- Tren penghijrahan masuk penduduk ke desa
- Kawasan sasaran: kampung di dalam koridor barat Semenanjung Malaysia, pinggiran konurbasi perbandaran dan pinggiran bandar
- Pembangunan unit perumahan
- Menjana pembangunan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan pekan.

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD1.5A: Menggalakkan proses 'kebangkitan semula desa' (<i>rural rebound</i>) dan penyediaan perumahan baru berdensiti rendah yang mengekalkan ciri-ciri persekitaran kediaman desa.	• Bilangan unit kediaman berdensiti rendah.	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah PBT PLANMalaysia @Negeri KKLW 	<ul style="list-style-type: none"> PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi						
U1	U2	UR	RU	R5	R6	

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Rajah 7.6 : Kawasan Berpotensi Proses Kebangkitan Semula Desa (*Rural Rebound*)



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota : Semua kampung di Pulau Pinang dan WP Labuan tidak terlibat dalam Proses Kebangkitan Semula Desa.

Strategi DD 1.6

Mengurus Rumah Usang Bagi Meningkatkan Imej Dan Keindahan Desa

Terdapat rumah-rumah usang yang ditinggalkan di kawasan desa kerana ketiadaan pewaris. Sejumlah 43 grid yang mempunyai kekosongan melebihi 30 peratus. Sekiranya isu ini tidak diatasi segera, imej desa akan terjejas dan seterusnya, mengganggu kelancaran program dan aktiviti pembangunan di kawasan kampung berkenaan kerana kekurangan penduduk. Tren terkini adalah golongan tua menetap di rumah Melayu tradisional di desa dan apabila golongan tua meninggal dunia, rumah tradisional akan terbiar kosong tanpa penghuni dan akhirnya struktur rumah menjadi reput dan runtuh akibat serangan anai-anai dan faktor kelembapan.

Rumah usang harus diuruskan dengan baik kerana selain merosakkan imej dan persekitaran kampung, ia berpotensi untuk menjadi ‘sarang’ penagihan dadah sekiranya ditinggalkan dan tidak dihuni. Proses menguruskan rumah usang ditunjukkan seperti **Rajah 7.7**. Rumah usang dalam konteks DPF Desa adalah rumah yang mempunyai kecacatan yang boleh dilihat secara fizikal yang mana keadaan struktur dan elemen bangunan menjadi reput, berlumut, retak, bocor, patah atau hilang. Keadaan ini berlaku berdasarkan beberapa faktor seperti tiada penyelenggaraan secara berkala, pemilikan pewaris rumah, ekonomi pemilik rumah dan tiada kerja-kerja pembentukan atau pemuliharaan bangunan. Rumah usang boleh diklasifikasikan kepada 3 tahap keusangan iaitu Tahap 1 (Sedikit Usang), Tahap 2 (Sederhana Usang) dan Tahap 3 (Sangat Usang).

Kriteria Rumah Usang Mengikut Tahap Keusangan

TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
<ul style="list-style-type: none"> Kerosakan minor pada elemen bangunan (cat lusuh, bumbung bocor) Kelengkapan masih berfungsi (tandas, elektrik) Selamat untuk didiami 	<ul style="list-style-type: none"> Kerosakan major pada elemen bangunan (dinding reput, lantai retak) Sebahagian kelengkapan tidak berfungsi Tidak selesa untuk didiami 	<ul style="list-style-type: none"> Kerosakan major pada elemen bangunan Kerosakan struktur rumah Kelengkapan tidak berfungsi Tidak selamat untuk didiami 

Mengenal pasti rumah usang dan membuat inventori mengikut tahap keusangan

JKKK boleh memainkan peranan dengan mengenal pasti rumah usang mengikut tahap keusangan serta membuat inventori bagi memudahkan permohonan bantuan pembaikan rumah dibuat kepada KKLW. Inventori yang mengandungi maklumat terperinci rumah-rumah usang termasuk nama pewaris boleh dirujuk untuk langkah pengurusan seterusnya, sama ada untuk proses baik pulih, perobohan dan lain-lain. Inventori data rumah usang dan rumah terbiar ini penting bagi memudahkan pihak KKLW mengagihkan peruntukan untuk pembaikan rumah kepada penduduk desa yang layak, terutama golongan tua dan uzur. Rumah yang tidak dihuni harus dikenal pasti dan waris pemilik rumah perlu dijejaki.



INVENTORI RUMAH USANG

- **Lokasi**
- **Tahap Keusangan:** Tahap 1 / Tahap 2 / Tahap 3
- **Jenis Rumah:** Rumah kampung tipikal / rumah tradisional
- **Nama Pemilik**
- **Status Penghunian:** Didiami / tidak didiami
- **Nama Pewaris (jika tidak didiami)**
- **Tahun Ditinggalkan (jika tidak didiami)**

Mengadakan program gotong-royong membaiki rumah usang

JKKK dengan kerjasama NGO juga boleh menganjurkan program gotong-royong bagi membaiki rumah penduduk yang usang terutamanya Tahap 1 dan Tahap 2. Pendekatan ini dilihat sebagai suatu langkah yang efektif bagi mempercepatkan proses pemulihan rumah yang melibatkan kerja pemulihan yang minor.

Membaik pulih rumah usang sebagai inap desa atau rumah sewa

Koperasi kampung boleh membaik pulih rumah usang dengan kebenaran waris pemilik. Unit-unit kediaman yang telah dibaik pulih boleh diurus dan dipromosi oleh pihak koperasi sebagai inap desa atau rumah sewa. Langkah ini dilihat dapat mewujudkan sumber pendapatan baru kepada koperasi dan waris pemilik rumah. Bagi rumah usang Tahap 3 yang memerlukan kerja-kerja pemulihan yang besar dan tiada waris yang ingin menuntut atau mendiami rumah tersebut dicadangkan untuk dirobohkan kerana merosakkan imej dan persekitaran kampung. Bahan binaan daripada rumah yang dirobohkan seperti kayu atau papan yang masih dalam keadaan baik boleh diguna semula. Selain itu, penduduk desa harus digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam kerja-kerja pengindahan persekitaran kampung melalui penganjuran program gotong-royong secara berkala.

Rajah 7.7: Proses Menguruskan Rumah Usang



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
		✓	✓	✓		
DD1.6A: Mengenal pasti rumah usang dan membuat inventori mengikut tahap keusangan.	• Jumlah kampung yang mempunyai inventori rumah usang.	✓	✓	✓	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT PLANMalaysia @Negeri	• PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD1.6B: Mengadakan program gotong-royong membaiki rumah usang.	• Peratus penurunan jumlah rumah usang.	✓	✓	✓	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT	• PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD1.6C: Membaik pulih rumah usang sebagai inap desa atau rumah sewa	• Jumlah rumah usang dibaik pulih dan dibangunkan sebagai inap desa atau rumah sewa.	✓	✓	✓	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • KKLW • PBT	• PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



PERNYATAAN DASAR DD 2

PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN WARISAN DESA

Corak petempatan kampung haruslah berkepadatan rendah, dibangunkan dengan mengambil kira corak fizikal desa dan seni bina bangunan setempat. Contohnya, rumah Melayu tradisional yang diperbuat daripada kayu mempunyai ciri-ciri reka bentuk yang unik dan tidak dapat dipisahkan dari imej desa yang ideal. Sesetengah daripada bangunan ini masih tegap dan kukuh untuk didiami walaupun berusia lebih daripada 50 tahun. Walau bagaimanapun, terdapat rumah Melayu tradisional yang tidak diselenggara dengan baik sehingga mengundang banyak kerosakan seperti serangan anai-anai, pereputan struktur kayu, kebocoran bumbung, kelembapan dan faktor hakisan tanah. Rumah Melayu tradisional yang berkepentingan dari segi warisan seni bina perlu diberi galakan dalam usaha-usaha pemuliharaan.

Warisan ketara dan warisan tidak ketara yang terdapat di desa perlulah dipelihara bagi mengukuhkan jati diri rakyat serta menjana ekonomi negara. Pihak Kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan budaya, seni dan warisan negara di kalangan generasi kini dan akan datang. Penekanan ini selaras dengan misi negara untuk membangunkan modal insan yang bukan sahaja berpengetahuan dan berdaya saing dari segi ekonomi, tetapi juga berketerampilan, progresif dan bernilai murni termasuk nilai budaya yang positif. Sehubungan itu, adalah wajar usaha-usaha ini dilaksanakan untuk memartabatkan budaya, kesenian dan warisan yang ada di desa.

DEFINISI WARISAN


- Kawasan
- Monumen
- Bangunan

WARISAN KETARA

- Ungkapan
- Bahasa
- Sebutan lidah
- Pepatah
- Lagu
- Puisi
- Muzik
- Seni pentas
- Persembahan teater
- Seni mempertahankan diri

WARISAN TIDAK KETARA

Sumber: Akta Warisan Kebangsaan, 2005.

STRATEGI**DD 2.1****Memulihara Rumah Melayu Tradisional****STRATEGI****DD 2.2****Menyemarakkan Industri Pembuatan Rumah Melayu Tradisional****STRATEGI****DD 2.3****Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Tentang Warisan Budaya****STRATEGI****DD 2.4****Memartabatkan Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH)****Perkaitan berdasarkan SDGs****Perkaitan berdasarkan RMKe-11**

Strategi DD 2.1

Memulihara Rumah Melayu Tradisional

Struktur binaan rumah Melayu tradisional di desa merupakan elemen fizikal yang paling ketara, terserlah dan sinonim dengan imej, identiti dan persekitaran desa. Jenis dan reka bentuk rumah Melayu tradisional berkait rapat dengan faktor-faktor seperti adaptasi terhadap iklim tropika, tahap kemahiran tukang rumah, tahap teknologi binaan pada masa tersebut, jenis bahan binaan yang digunakan, gaya seni bina tempatan serta gaya hidup dan citarasa individu pemilik rumah.

Rumah Melayu tradisional definisikan sebagai sebuah tempat kediaman tradisional yang dibina oleh penduduk etnik Melayu di Semenanjung Malaysia, Sumatera dan Borneo. Bentuk seni bina tradisional, seperti bumbung bersesuaian iklim tropika dan bahagian harmoni dengan unsur-unsur hiasan dianggap oleh tradisionalis masih mempunyai kaitan. Reka bentuk rumah Melayu tradisional merupakan suatu aset yang berharga kepada warisan seni bina Malaysia. **Rajah 7.8** menunjukkan taburan reka bentuk rumah Melayu di Semenanjung Malaysia. Di antara ciri-ciri rumah Melayu tradisional ialah penggunaan bahan kayu yang menyeluruh, bentuk bumbung yang curam, dibina atas tiang, mempunyai tangga, tingkap, pintu, anjung dan bilik-bilik yang dibahagikan serta dihiasi dengan pelbagai hiasan dan ukiran kayu. Selain daripada seni binanya yang mesra alam, rumah Melayu tradisional mempunyai keunikan dan kesenian kerja-kerja pertukangan kayu yang tinggi berbanding dengan rumah moden masa kini. Ini adalah antara identiti kampung yang harus dikekal dan ditonjolkan.

Seni Bina Rumah Tradisional Melayu





Keunikan reka bentuk tangga rumah tradisional Melayu Melaka

Menyediakan inventori rumah Melayu tradisional

Satu pangkalan data inventori rumah Melayu tradisional perlu diwujudkan bagi memudahkan penyelidikan, penyelenggaraan, semakan dan dokumentasi. Inventori rumah Melayu tradisional adalah suatu proses yang berterusan dan perlu dikemas kini dari masa ke semasa agar rumah Melayu tradisional dapat dipelihara. Inventori rumah Melayu tradisional boleh dilakukan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi awam (IPTA).



INVENTORI RUMAH MELAYU TRADISIONAL

- Dilaksanakan berdasarkan tinjauan di kawasan desa yang berpotensi.
- Senarai bangunan warisan di bawah PBT
- Semakan senarai lukisan terukur di IPTA
- Bahan penyelidikan seni bina rumah Melayu tradisional

Skim dana penyelidikan perlu diperuntukkan oleh pihak Kerajaan dalam menjalankan kajian lapangan rumah-rumah Melayu tradisional yang terdapat di kebanyakan desa di Malaysia. Kajian ini sangat penting bagi mendapatkan maklumat latar belakang sejarah, tarikh pembinaan, pemilikan dahulu dan semasa, keadaan bangunan, jenis kerosakan, bahan binaan dan elemen seni bina. Kajian ini dilakukan secara berperingkat mengikut negeri-negeri di Malaysia. Lukisan terukur juga perlu disediakan bagi tujuan memudahkan kerja-kerja pemuliharaan dijalankan. Selain itu, kerja-kerja pembinaan dan pemuliharaan rumah Melayu tradisional memakan masa dan perlu direkod serta didokumentasikan sebagai rujukan di masa hadapan. Kerja-kerja mendokumentasi ini boleh dilakukan dalam bentuk foto, laporan dan video. Bantuan daripada pihak Kerajaan untuk membantu mana-mana projek pemuliharaan rumah Melayu tradisional diperlukan dalam usaha membantu pemilik rumah mengekalkan seni bina Melayu di kawasan desa.

Mewartakan rumah Melayu tradisional terpilih di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 atau Enakmen Negeri

Rumah Melayu tradisional yang mempunyai nilai sejarah, seni bina dan kebudayaan yang tinggi boleh dicalon untuk diwartakan sebagai bangunan Warisan ataupun Warisan Kebangsaan di bawah Jabatan Warisan Negara. Kesan daripada pewartaan sesuatu bangunan termasuk rumah Melayu tradisional dapat menjamin usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan dengan peruntukan pembiayaan khas.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD2.1A: Menyediakan inventori rumah Melayu tradisional.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan rumah Melayu tradisional yang diinventori. 	√	√	√	<ul style="list-style-type: none"> JKKK Pejabat Daerah dan Tanah PBT Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Jabatan Warisan Negara IPTA 	• Jabatan Warisan Negara
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						
DD2.1B: Mewartakan rumah Melayu tradisional terpilih di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 atau Enakmen Negeri.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan rumah Melayu yang diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 atau Enakmen Negeri. 	√	√	√	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Jabatan Warisan Negara Pihak Kerajaan Negeri 	• Jabatan Warisan Negara
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Rajah 7.8: Taburan Reka Bentuk Rumah Tradisional Mengikut Negeri



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Strategi DD 2.2

Menyemarakkan Industri Pembuatan Rumah Melayu Tradisional

Pembinaan rumah Melayu tradisional melibatkan banyak tukang seperti tukang kayu, pengukir kayu, tukang bumbung, pembuat genting atap singgora dan penganyam buluh kelera. Kebanyakan tukang-tukang ini mewarisi seni pertukangan dan pembuatan daripada generasi terdahulu. Rumah Melayu tradisional menggunakan banyak bahan kayu yang mudah didapati di negara ini sungguhpun harganya lebih tinggi berbanding dengan bahan binaan lain seperti batu-bata, simen, konkrit dan buluh. Memandangkan tidak banyak permintaan membina rumah Melayu tradisional di desa masa kini, tukang rumah dan pembuat genting atap singgora akan semakin pupus. Kemahiran yang mereka miliki tidak dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Mempelbagaikan latihan kemahiran membuat rumah Melayu tradisional kepada generasi muda

Agensi kerajaan dengan kerjasama institusi latihan dan kolej kemahiran seperti Kolej Vokasional, Giat MARA, Kolej Komuniti atau Pusat Latihan Perindustrian boleh menawarkan kursus-kursus atau bengkel kemahiran yang berkaitan dengan pembinaan rumah Melayu tradisional termasuk seni pertukangan, ukiran kayu, pemasangan pelbagai jenis bumbung seperti atap nipah, genting atap singgora, jubin tanah liat dan kepingan kayu belian. Tenaga pengajar haruslah terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang pertukangan rumah Melayu tradisional.

Membantu mempromosi dan memasar produk binaan

Kebanyakan bahan binaan rumah Melayu tradisional diusahakan secara kecil-kecilan (*cottage industry*) seperti buluh kelera, genting atap singgora, atap nipah, ukiran kayu dan buluh. Oleh kerana permintaan yang kurang dalam industri pembinaan rumah tradisional, pengeluaran produk binaan ini adalah terhad. Pihak kerajaan melalui agensi MARA, FELDA, CIDB dan PBT boleh membantu mempromosi dan memasarkan produk binaan kepada pemaju yang ingin menerapkan warisan seni bina Melayu dalam pembangunan hotel, resort, taman tema dan chalet mereka.



*Peserta Program
Kembara Kraf Ukiran
Kayu di Kampung
Raja, Besut
Terengganu
menghasilkan motif
ukiran kayu.*

Mengadakan program kesedaran untuk memartabatkan nilai estetik reka bentuk tradisional rumah Melayu

Peningkatan kesedaran penduduk desa terhadap nilai estetik reka bentuk rumah kampung tradisional adalah penting kerana ini akan menjadikan mereka lebih berhati-hati dalam sebarang aktiviti pengubahsuaian rumah. Satu program kesedaran mengenai nilai warisan rumah kampung tradisional yang mempamerkan susur galur rakyat Malaysia dan memartabatkan nilai estetik reka bentuk rumah tradisional ini perlu dijalankan. Projek perumahan yang terletak berhampiran pekan dan kampung perlu dikawal agar ciri-ciri desa masih dapat dikenalkan.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD2.2A: Mempelbagaikan latihan kemahiran membuat rumah Melayu tradisional kepada generasi muda.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan tukang rumah dan pembuat rumah Melayu tradisional yang memberi latihan di kolej dan pusat latihan. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Latihan Perindustrian Jabatan Tenaga Manusia (JTM) Jabatan Warisan Negara Pejabat Daerah dan Tanah PLANMalaysia@ Negeri Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan 	<ul style="list-style-type: none"> KKLW Jabatan Warisan Negara
DD2.2B: Membantu mempromosi dan memasar produk binaan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan jenis produk binaan yang dibangun dan dipasarkan. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Latihan Perindustrian Jabatan Tenaga Manusia (JTM) Jabatan Warisan Negara Pejabat Daerah dan Tanah PBT Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan 	<ul style="list-style-type: none"> KKLW Jabatan Warisan Negara
DD2.2C: Mengadakan program kesedaran untuk memartabatkan nilai estetik reka bentuk tradisional rumah Melayu.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan penganjuran program kesedaran mengenai seni bina dan reka bentuk rumah tradisional. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Warisan Negara Pejabat Daerah dan Tanah PBT Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan 	<ul style="list-style-type: none"> KKLW Jabatan Warisan Negara

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi DD 2.3

Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Tentang Warisan Budaya

Kesedaran masyarakat desa tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya masih rendah. Generasi muda kurang mengenali warisan budaya sendiri. Hal ini disebabkan oleh pengaruh modenisasi dan ledakan teknologi maklumat yang merubah gaya hidup dan nilai-nilai warisan masyarakat desa. Melalui usaha dan peranan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, program dan aktiviti warisan budaya perlu diwujudkan di kalangan masyarakat desa dan penglibatan golongan muda perlu digalakkan.



Menganjurkan program-program warisan budaya

Bagi menarik minat pelbagai lapisan masyarakat terhadap warisan budaya, penganjuran program-program seni oleh agensi kerajaan seperti karnival, minggu seni, festival, pesta, forum dan lain-lain dapat menghidupkan semangat kecintaan terhadap warisan. Manakala rumah inap desa boleh dijadikan sebagai tempat pilihan mengadakan mesyuarat, seminar, konvensyen atau bengkel berbanding hotel-hotel di bandar. Program-program seni ini dapat memantapkan usaha kerajaan dalam memulihara, mengekal, mengembang dan menyemarakkan seni budaya warisan bangsa.

Memberi latihan seni budaya kepada generasi muda

Seni pada asasnya adalah kreatif dan imaginatif. Apabila seni dan budaya digabungkan, ianya membawa maksud kreativiti dan imaginatif dalam amalan kehidupan manusia termasuk komunikasi, agama, adat resam dan pemikiran. Latihan seni budaya boleh diberikan secara formal atau tidak formal sama ada di peringkat sekolah ataupun universiti. Pelajar yang tamat pengajian seni budaya sepatutnya diberikan galakan dan peluang pekerjaan atau perniagaan dalam bidang warisan budaya. Penubuhan kelab-kelab kebudayaan dan kesenian di peringkat sekolah, universiti mahupun desa adalah suatu langkah yang bijak kerana ianya merupakan medan manifestasi seni bagi setiap lapisan masyarakat menimba ilmu, menonjolkan bakat dan membantu mengembangkan seni budaya dan warisan. Ia juga dilihat merakyatkan seni budaya dan warisan serta membantu melahirkan rakyat Malaysia yang berkebolehan, berdaya saing dalam mempertingkatkan pembangunan dan mutu warisan budaya. Penganjuran lawatan akademik ke beberapa buah negara.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD2.3A: Menganjurkan program-program warisan budaya.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan penganjuran program warisan budaya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Warisan Negara Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pejabat Daerah dan Tanah PBT KKLW JKKK 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan KKLW
Grid Tipologi DD2.3B: Memberi latihan seni budaya kepada generasi muda.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan penawaran latihan seni budaya oleh agensi kerajaan. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Warisan Negara Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Kementerian Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi DD 2.4

Memartabatkan Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH)

WAKOH terdiri daripada pelbagai latar belakang kemahiran dan ketokohan dalam bidang seni budaya. Di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), Kerajaan telah mengiktiraf beberapa tokoh yang terbabit dalam seni budaya sebagai WAKOH. Ia merupakan satu cara menghargai jasa dan kepakaran mereka kerana memartabatkan kesenian dan kebudayaan negara. Sebagai tanda penghargaan, pihak Kerajaan memberikan sumbangan kewangan dan kemudahan kesihatan kepada WAKOH tersebut. Mereka turut mengajar generasi muda selain menyertai mana-mana program warisan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan dan swasta. Tokoh Orang Hidup juga boleh dijadikan sebagai tarikan pelancong kerana mereka dapat mempertontonkan kemahiran dan pengalaman mereka.



Memberi bantuan kebaikan kepada WAKOH

Selain daripada sumbangan kewangan dan kemudahan kesihatan yang diberikan oleh pihak Kerajaan kepada WAKOH, beberapa insentif yang lebih menarik perlu diwujudkan seperti gaji dan elaun bulanan, tempat mengajar atau bengkel latihan yang tetap, bantuan perkakasan dan kemudahan menganjurkan pameran.

Menjadikan WAKOH sebagai tenaga pengajar di IPTA dan Inap Desa

Bagi berkongsi kemahiran dan pengalaman, WAKOH boleh diambil sebagai tenaga pengajar di mana-mana agensi latihan seni budaya atau institusi pengajian tinggi dengan bayaran gaji dan elaun yang berpatutan. WAKOH juga dapat memperkasakan industri inap desa dengan melibatkan diri dalam penganjuran program dan aktiviti warisan yang berkaitan dengan ketokohan dan kemahiran mereka seperti kelas masakan, permainan tradisi, perubatan tradisional, seni persembahan, festival makanan, ekspo dan pameran di desa-desa terpilih.

Menerbitkan buku tentang WAKOH


Selain daripada itu, ketokohan, kemahiran dan pengalaman yang dimiliki oleh WAKOH perlu dikongsi dengan setiap lapisan masyarakat melalui penerbitan buku agar generasi muda dapat mengetahui dan mempelajari kehebatan penggiat seni budaya negara. Buku ini juga boleh dijadikan sebahagian daripada koleksi buku teks di samping bahan rujukan kepada penyelidik seni budaya. Sehingga 2015, terdapat 21 WAKOH dari pelbagai bidang seni budaya (**Jadual 7.1**).

Mendaftarkan mana-mana individu berpotensi di setiap negeri sebagai WAKOH baru di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005

Pihak JKKK dan Pejabat Daerah dan Tanah perlu mengenal pasti individu-individu yang mempunyai keunikan dan boleh diiktiraf sebagai WAKOH kepada Jabatan Warisan Negara. Ini penting bagi memastikan kemahiran yang diperolehi oleh mereka dapat diwariskan kepada generasi muda.



Puan Vatsale A/P G.R. Kurup (kiri), terkenal sebagai penari, koreografer, pengarah artistik persembahan tarian klasik India yang dikenali sebagai Bharatanatyam



Tuan Hj. Ali Badron Sabor, tokoh seni penglipur lara yang terkenal bukan sahaja di Malaysia malah pada peringkat Nusantara telah meninggal dunia pada Februari 2014 di Batu Pahat



Maznah Anak Unyan, penggiat seni origami masyarakat orang asli Mah Meri di Pulau Carey iaitu suku kaum daripada pecahan bangsa Senoi

Jadual 7.1: Senarai Nama WAKOH Yang Didaftarkan Sehingga Tahun 2015

Bil.	Nama	Bidang Ketokohan Dalam Se ni Budaya
1.	*Encik Mohd. Bahroodin Ahmad	Penggiat Bangsawan, Boria, Ronggeng & Kebudayaan Baba Nyonya Pulau Pinang
2.	*Tuan Hj. Abu Bakar Jaafar	Penggiat Boria, Pulau Pinang
3.	*Encik Tan Hoi Song	Pencipta dan Penggiat "24 Gendang Perayaan"
4.	*Tuan Hj. Ali Badron Sabor (Johor)	Penglipur Lara
5.	Puan Losimin Majanil	Penggiat Seni dan Budaya Kadazan Dusun (Bobohizan), Sabah
6.	Puan Vatsale A/P G.R. Kurup (Selangor)	Penggiat Tarian Klasik Bharathanatyam
7.	Tan Sri Ahmad Othman Merican (Pulau Pinang)	Penggiat Muzik
8.	*Puan Mek Jah Deris (Terengganu)	Penggiat Teater Tradisional Mak Yong
9.	Puan Jati a/k Ju	Penggiat Seni Tenunan Ikat Pua Kumbu Masyarakat Iban, Sarawak
10.	Puan Intan Sulga Binti Kk Tiring	Penari Tarian Tradisional Suku Kaum Bajau Laut, Sabah
11.	Encik Eyo Hock Seng (Kelantan)	Tok Dalang Wayang Kulit
12.	*Puan Nyonya Tan Abdullah	Penyanyi Dondang Sayang
13.	Encik Kumaresan Karthigesu	Penggiat Seni Muzik Sitar
14.	Datuk Mohd Nor Khalid (Perak)	Kartunis (Lat)
15.	Encik Ramli Ibrahim	Penari Tarian Klasik India, Tarian Balet Klasik dan Tarian Moden
16.	*Encik Siri Neng Buah (Terengganu)	Penggiat dan Pakar Rujuk Adat Budaya
17.	Encik Mathew Ngau Jau	Penggiat Muzik Sape
18.	Puan Maznah Anak Unyan	Penggiat Anyaman Kraftangan Tradisional Orang Asli
19.	Encik Romli Mahamud	Awang Batil Gendang Terinai
20.	Dato' Aripin Said	Penggiat Lagu Rakyat
21.	Encik Saad Bin Taib	Penggiat Seni Persembahan Mek Mulung

*Nota: Telah meninggal dunia

Sumber: Jabatan Warisan Negara, 2015.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD2.4A: Memberi bantuan kebajikan kepada WAKOH.	• Bilangan jenis bantuan kebajikan dan kemudahan yang diberikan kepada WAKOH.	✓	✓	✓	• Jabatan Warisan Negara • Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	• Jabatan Warisan Negara
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD2.4B: Menjadikan WAKOH sebagai tenaga pengajar di IPTA dan Inap Desa.	• Bilangan WAKOH yang menjadi tenaga pengajar	✓	✓	✓	• Jabatan Warisan Negara • Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan • Kementerian Pengajian Tinggi • Kementerian Pendidikan • Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia • Kraftangan Malaysia • JKKK	• Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan • Kementerian Pengajian Tinggi
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD2.4C: Menerbitkan buku tentang WAKOH.	• Bilangan buku tentang WAKOH yang diterbitkan.	✓	✓	✓	• Jabatan Warisan Negara • Dewan Bahasa dan Pustaka	• Jabatan Warisan Negara
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD2.4D: Mendaftarkan mana-mana individu berpotensi di setiap negeri sebagai WAKOH baharu di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.	• Bilangan WAKOH baharu di setiap negeri.	✓	✓	✓	• Jabatan Warisan Negara • JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah	• Jabatan Warisan Negara
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)




PERNYATAAN DASAR DD 3

PENINGKATAN INFRASTRUKTUR YANG EFISIEN

Kemudahan infrastruktur dan utiliti seperti bekalan air bersih, elektrik dan komunikasi merupakan keperluan setiap penduduk sama ada di desa atau di bandar. Walaupun hampir keseluruhan kawasan kajian kini menikmati bekalan air bersih dan elektrik, terdapat juga penduduk di pedalaman termasuk perkampungan Orang Asli yang belum menikmati bekalan sepenuhnya.

Bekalan air yang terawat kini telah disediakan melebihi 95 peratus kecuali Negeri Kelantan. Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan telah mensasarkan 90,000 unit rumah di seluruh negara akan mendapat bekalan air terawat. Sementara itu, bekalan elektrik 24 jam kini juga disediakan secara menyeluruh di semua negeri. RMKe-11 mensasarkan 36,800 unit rumah akan mendapat bekalan elektrik 24 jam.

Peratusan bekalan air di kawasan desa tahun 2012 dan 2013



Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), 2015.

Telekomunikasi dan ICT kini memainkan peranan penting terhadap pembangunan sosial dan ekonomi desa seperti yang sering ditekankan oleh pelbagai pihak. Dari segi infrastruktur digital, jalur-lebar berkelajuan tinggi merupakan pemboleh yang penting untuk menyokong pertumbuhan semua sektor dalam ekonomi. Di peringkat negara, ICT dipertengahkan sebagai asas kepada ekonomi pengetahuan (*knowledge economy*). RMKe-11 akan memberi penekanan dalam memacu ICT dalam ekonomi berasaskan pengetahuan melalui inovasi dan produktiviti bagi meningkatkan daya saing dan penciptaan kekayaan.

Kesamaan digital dan ICT mampan adalah antara penyumbang utama terhadap pembangunan sosial serta ekonomi desa. Berdasarkan SKMM, penyediaan prasarana telekomunikasi / ICT di desa masih di tahap rendah. Kadar penembusan untuk kawasan desa adalah 24.2 peratus dan di bandar adalah 75.8 peratus bagi tahun 2012. Selepas tahun 2012, tiada rekod dari SKMM yang membezakan bandar dan desa. Pihak SKMM telah menyediakan prasarana di kawasan desa melalui inisiatif Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) atau *Universal Service Provider* (USP) yang meliputi perkhidmatan talian tetap dan mudah alih.

Kadar penembusan jalur lebar di bandar dan desa

75.8%



Bandar


24.2%



Desa

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2012.

Kadar penembusan jalur lebar per 100 rumah (suku keempat 2014) mengikut negeri



Sumber: Laporan Tahunan SKMM Q4, 2014.

Pelupusan sisa pepejal dan pelepasan kumbahan tanpa rawatan di desa merupakan antara faktor pencemaran yang utama di desa. Sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan yang terletak di kawasan desa adalah sisa pepejal yang kebanyakannya berhasil di kawasan bandar. Walaupun Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) merangkumi penduduk desa di negeri-negeri yang menerima pakai Akta tersebut, terdapat banyak kawasan desa tidak menerima perkhidmatan kutipan sisa pepejal.



Sistem kumbahan di desa pula adalah tandas curah (37%) dan tangki septik (63%). Negeri-negeri yang menggunakan tandas curah tertinggi adalah Kedah diikuti Terengganu. Sistem tandas curah berpotensi mencemarkan air tanah dan tangki septik pula menyebabkan pencemaran sekiranya tidak dikosongkan (*desludge*) secara berkala.

Penggunaan sistem kumbahan di desa

37%
Tandas curah



63%
Tangki septik

- STRATEGI DD 3.1** Menjamin Sumber Bekalan Air Bersih Yang Berterusan Dan Mencukupi
- STRATEGI DD 3.2** Menyokong Pengagihan Bekalan Elektrik 24 Jam Yang Menyeluruh
- STRATEGI DD 3.3** Memacu ICT Dalam Menyokong Ekonomi Desa
- STRATEGI DD 3.4** Mengukuhkan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Di Desa
- STRATEGI DD 3.5** Mengukuhkan Sistem Pembetungan Di Desa

Perkaitan berdasarkan SDGs



Perkaitan berdasarkan RMKe-11

1 Memperkuatkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama 	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat 	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju 	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan 	5 Memperkuatkan infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi 	6 Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
---	---	--	---	--	---

Strategi DD 3.1

Menjamin Sumber Bekalan Air Bersih Yang Berterusan Dan Mencukupi

Sumber bekalan air negara berpunca daripada sungai dan air tanah. Bagi menjamin bekalan yang berterusan, pengekalan kawasan tадahan serta penyediaan kolam simpanan adalah amat penting.

Mewartakan kawasan tадahan air

Kualiti air mentah mestilah dikekalkan pada tahap yang baik untuk mengurangkan kos rawatan air mentah. Oleh itu, dicadangkan bahawa semua kawasan tадahan diwartakan agar pembangunan yang melibatkan penerokaan hutan dapat dibendung. Kawasan baru untuk tадahan air juga harus diwujudkan dan dinyatakan di dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD).

Membina atau menaik taraf loji rawatan air berdasarkan permintaan

Penambahan kapasiti pengeluaran loji rawatan perlu dilaksanakan dengan mengambil kira permintaan di desa termasuk yang berada di pedalaman. Berdasarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), margin rizab simpanan hendaklah sekurang-kurangnya 10-15 peratus daripada jumlah permintaan. Ini penting untuk memastikan air terawat yang dibekalkan mematuhi Garis Panduan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan (*National Guidelines for Drinking Water Quality, NGDWQ*) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Melaksanakan sistem bekalan air alternatif di kawasan pedalaman yang jauh dari infrastruktur bekalan air (air bukit, air tanah dan air sungai)

Sumber-sumber air sedia ada seperti air tanah dan air bukit yang terdapat di kawasan pedalaman termasuk perkampungan Orang Asli boleh dimanfaatkan sebagai bekalan air alternatif. Berdasarkan takat pengambilan air (*intake*), terdapat 731 kampung berpotensi menggunakan air tanah di terutama di Negeri Pahang dan Terengganu (**Rajah 7.9**).

Menyediakan bekalan air kepada rumah-rumah kampung yang masih belum menerima bekalan air bersih secara 24 jam

Berdasarkan Borang Maklumat Asas Fizikal Kampung, masih terdapat 1,174 kampung yang tidak menerima bekalan air secara menyeluruh (**Rajah 7.10**). Sehubungan itu, penyediaan bekalan air kepada kampung-kampung ini perlu diberikan segera bagi memberi kemudahan dan meningkatkan tahap keselesaan hidup mereka. Terdapat juga program sedia ada iaitu Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang telah dilaksanakan oleh KKLW bagi membantu penyediaan bekalan air kepada kawasan desa.

Jumlah kawasan tадahan air

6.02 juta hektar

Sumber: RFN Ke-3.

Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)



Menyediakan dan memperluas liputan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup mesyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan di seluruh negara dengan sasaran liputan adalah sebanyak


90%.

Sumber: Portal Rasmi KKLW.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD3.1A: Mewartakan kawasan tадahan air.	• Keluasan kawasan tадahan air.	✓	✓	✓	• Badan Penyelia Bekalan Air • Kerajaan Negeri.	• Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						
DD3.1B: Membina atau menaik taraf loji rawatan air berdasarkan permintaan.	• Peratusan peningkatan kapasiti loji.	✓	✓	✓	• Badan Penyelia Bekalan Air Negeri • Agensi / Syarikat Bekalan Air Negeri • PBT	• Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						
DD3.1C: Melaksanakan sistem bekalan air alternatif di kawasan pedalaman yang jauh dari infrastruktur bekalan air (air bukit, air tanah dan air sungai).	• Peratusan kampung yang mendapat bekalan air secara alternatif.	✓	✓	✓	• KKLW • Agensi / Syarikat Bekalan Air Negeri	• KKLW
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						
DD3.1D: Menyediakan bekalan air kepada rumah-rumah kampung yang masih belum menerima bekalan air bersih secara 24 jam	• Bilangan kampung yang terlibat dengan Program Bekalan Air Luar Bandar dan mendapat bekalan air bersih.	✓	✓	✓	• KKLW • Agensi / Syarikat Bekalan Air Negeri	• KKLW
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Rajah 7.9: Taburan Kampung Berpotensi Menggunakan Air Tanah




Sumber : 1. DPF Desa Negara, 2016.

2. Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2016.

Nota : Pulau Pinang, Melaka, Perlis dan WP Labuan tidak mempunyai kampung yang sesuai untuk penggunaan air tanah.

Rajah 7.10: Taburan Kampung Yang Mempunyai Rumah-rumah Yang Memerlukan Bekalan Air Bersih Secara 24 Jam



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota : Kesemua rumah-rumah kampung di Negeri Melaka dan WP Labuan telah menerima bekalan air bersih 24 jam.

Strategi DD 3.2

Menyokong Pengagihan Bekalan Elektrik 24 Jam Yang Menyeluruh

Bekalan elektrik 24 jam kini juga disediakan secara menyeluruh di semua negeri. RMKe-11 mensasarkan 36,800 unit rumah akan mendapat bekalan elektrik 24 jam. Keadaan ini menyumbang kepada keselesaan serta peningkatan tahap sosial dan ekonomi penduduk desa. Pihak KKLW telah menyediakan prasarana berkaitan seperti tiang dan kabel elektrik untuk kemudahan penduduk di kawasan pedalaman. Sistem bekalan alternatif seperti hibrid solar / set generator dan bekalan dari hidro mini juga mula dilaksanakan.

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)

Meliputi kaedah sambungan grid, kaedah alternatif serta pemasangan Lampu Jalan

Kampung (LJK) dalam memastikan kesediaan bekalan elektrik yang mencukupi, terjamin dan berdaya harap.

Sumber: Portal Rasmi KKLW.

Menyediakan bekalan elektrik 24 jam kepada rumah-rumah kampung yang masih tidak menerima kemudahan elektrik

Pelaksanaan NKRA desa telah mensasarkan 95% ke 99% penduduk desa menerima bekalan elektrik 24 jam. Sebahagian besar penduduk desa di Semenanjung Malaysia telah pun mendapat bekalan berterusan kecuali di kawasan-kawasan terpencil termasuk di pulau-pulau di mana tidak terdapat keberkesanan kos untuk pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyediakan prasarana talian kabel dan sebagainya. Di dalam kes sedemikian, penduduk setempat melaksanakan sistem penjanaan alternatif iaitu sistem penjana (*generator*) ataupun menggunakan kaedah hidbrid iaitu kombinasi penjana dan solar.

Berdasarkan Borang Maklumat Asas Fizikal Kampung, masih terdapat 937 kampung yang tidak menerima bekalan elektrik secara menyeluruh (**Rajah 7.11**). Sehubungan itu, penyediaan bekalan elektrik kepada kampung-kampung ini perlu diberikan segera bagi memberi kemudahan dan meningkatkan tahap keselesaan hidup mereka.


Menyediakan bekalan elektrik alternatif kepada kampung sesuai terutama yang terletak di luar radius pekan dan PPD

Sebahagian besar bekalan elektrik di desa dilaksanakan melalui kaedah sambungan talian grid dari punca bekalan Pihak Berkusa Elektrik Negeri (PBEN) iaitu TNB dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) di Wilayah Persekutuan Labuan. Program Bekalan Elektrik desa (BELB) melalui KKLW dilaksanakan sama ada melalui kaedah sambungan grid ataupun kaedah alternatif seperti sistem solar, set penjana, solar hibrid dan sebagainya terutama bagi kawasan pedalaman yang jauh serta tidak ekonomik untuk disambung menggunakan talian grid. Tabung Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) yang ditubuhkan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) menjadi sumber pembiayaan untuk program sedemikian. Dana akaun ini disumbangkan oleh semua Penjana Kuasa Bebas (IPP) yang beroperasi di Semenanjung Malaysia di mana 60 peratus daripada dana tabung akaun ini akan digunakan bagi melaksanakan program BELB. Penglibatan PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah adalah penting dalam mengenal pasti kampung-kampung yang dapat dilaksanakan program BELB. Tumpuan adalah kepada kampung-kampung terpencil yang tidak akan menerima bekalan elektrik melalui talian grid dalam masa terdekat. Kampung-kampung tersebut boleh dikenal pasti melalui CHARMs.

937
kampung
yang masih
mempunyai rumah-
rumah yang tidak
menerima bekalan
elektrik 24 jam



Rajah 7.11 : Taburan Kampung Yang Mempunyai Rumah-rumah Yang Memerlukan Bekalan Elektrik Secara 24 Jam



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota : Kesemua kampung di Negeri Melaka dan WP Labuan telah menerima bekalan elektrik 24 jam.

KKLW telah mempunyai kriteria pemilihan kampung-kampung yang memerlukan kaedah alternatif bekalan elektrik iaitu:

- i. Terletak di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai jalan masuk berturap.
- ii. Tidak pernah menerima bekalan elektrik.
- iii. Tidak ada sumber air yang sesuai dengan sistem hidro.
- iv. Tidak akan mendapat bekalan elektrik dengan menggunakan talian grid dalam tempoh 5 tahun.
- v. Kampung yang mempunyai sekolah akan diberi keutamaan.
- vi. Mendapat persetujuan dari penduduk setempat.

Melalui Borang Maklumat Asas Fizikal Kampung dan kriteria i, ii dan v oleh KKLW, kampung-kampung yang dicadangkan untuk menerima bekalan elektrik alternatif adalah seperti berikut:



Penggunaan panel solar di Kampung Leryar, Cameron Highlands

Tipologi Grid	Negeri	Daerah	Kampung
UR	Johor	Kota Tinggi	Kampung Felda Bukit Waha
	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kampung Rembang Panas Hilir
	Perak	Batang Padang	Kampung Gamus, RPS Jernang (KOA)
		Larut Matang	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Pulau Pasir Hitam • Kampung Kuala Sangga
R5	Pahang	Rompin	Kampung Membalau
		Cameron Highlands	Kampung Renglas
R6	Perak	Batang Padang	Kampung Pos Tenau (KOA)
	Pahang	Cameron Highlands	Kampung Pos Lemoi
	Kelantan	Gua Musang	Kampung Perawas

Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD3.2A: Menyediakan bekalan elektrik 24 jam kepada rumah-rumah kampung yang masih tidak menerima bekalan elektrik.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan kampung yang terlibat dengan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan mendapat bekalan elektrik 24 jam. <p>Grid Tipologi</p>	√	√	√	<ul style="list-style-type: none"> Tenaga Nasional Berhad (TNB) Pejabat Tanah dan Daerah 	<ul style="list-style-type: none"> Suruhanjaya Tenaga
DD3.2B: Menyediakan bekalan elektrik alternatif kepada kampung sesuai terutama yang terletak di luar radius pekan dan PPD	<ul style="list-style-type: none"> Peratusan kampung di pedalaman, yang off-grid mendapat bekalan elektrik sumber alternatif. <p>Grid Tipologi</p>	√	√	√	<ul style="list-style-type: none"> KKLW Tenaga Nasional Berhad (TNB) 	<ul style="list-style-type: none"> KKLW Suruhanjaya Tenaga

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi DD 3.3

Memacu ICT Dalam Menyokong Ekonomi Desa

Telekomunikasi dan ICT memainkan peranan penting kepada pembangunan ekonomi desa. Pada hari ini, ICT mendokong setiap aktiviti yang dilakukan termasuklah perkhidmatan bekalan air, elektrik, rangkaian bekalan makanan, sektor pelajaran dan perkhidmatan kerajaan. Peningkatan pengetahuan tentang ICT di kalangan penduduk desa membolehkan mereka melangkah lebih jauh dalam aktiviti perniagaan yang dilakukan. Pendedahan komuniti desa terhadap ICT boleh meningkatkan pengetahuan tentang pasaran, meningkatkan produktiviti dan inovasi. Kualiti perkhidmatan telekomunikasi dan ICT di desa haruslah setanding dengan bandar dari segi kelajuan dan kawasan liputan. Penggunaan kabel gentian optik berkapasiti tinggi adalah perlu dalam mempercepat dan meningkatkan penghantaran data secara lebih meluas, cekap dan berkesan. Rizab telekomunikasi perlu disediakan untuk kemudahan telekomunikasi dan ICT di desa.

Menyediakan infrastruktur ICT bermutu tinggi di desa

Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) adalah bertujuan untuk memajukan ketersediaan dan penggunaan perkhidmatan komunikasi dan multimedia di kawasan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan komunikasi. Program ini dijangka dapat merapatkan jurang digital antara masyarakat desa dan bandar. Kawasan petempatan yang belum mendapat liputan telekomunikasi perlu dikenal pasti untuk pihak Kerajaan menyediakan Program PPS setelah mengkaji kesesuaianya (**Rajah 7.12**).



Projek di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat


- 1 Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M)**
- 2 Wifi Komuniti (WK)**
- 3 Peluasan Liputan Jalur Lebar Tetap**
- 4 Peluasan Liputan Selular**

Di antara projek-projek yang tersedia di bawah program PPS termasuk Pusat Internet 1Malaysia (PI1M), Wifi Komuniti (WK), Peluasan Liputan Jalur Lebar Tetap dan Peluasan Liputan Selular. Dengan adanya projek-projek sedemikian, komuniti desa dapat menggunakan kemudahan ICT dalam kehidupan seharian. Ini juga akan memberi kemudahan kepada penduduk untuk melakukan perkhidmatan secara atas talian seperti khidmat perbankan, bayaran bil dan percukaian, pendidikan, rundingan perubatan dan sebagainya.

Menganjurkan program kepada penduduk desa tentang penggunaan ICT terutama berkaitan perniagaan dan ekonomi

Tahap penggunaan ICT di kalangan penduduk desa terutama yang berkaitan e-commerce perlu dipertingkatkan dengan penyediaan pelbagai program latihan dan kemahiran. Kemajuan dalam teknologi ICT (e-commerce) perlu didedahkan kepada penduduk desa untuk mengembangkan perniagaan, permintaan, mencari idea inovasi, membuat pesanan dan mencari maklumat semasa berkaitan perusahaan dan peluang ekonomi. Ini akan meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk desa.

Rajah 7.12: Taburan Kampung Yang Perlu Menerima Kemudahan Internet



Sumber : 1. DPF Desa Negara, 2016.

2. Open Source, 2015.

Nota : Kesemua kampung di Negeri Perlis, Melaka dan WP Labuan telah menerima bekalan telekomunikasi.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD3.3A: Menyediakan infrastruktur ICT bermutu tinggi di desa.	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan peratus kampung yang menerima liputan isyarat telekomunikasi. Bilangan projek PPS yang berkaitan dengan pembangunan infrastruktur komunikasi di desa 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Syarikat Perkhidmatan Telekomunikasi Pejabat Tanah dan Daerah 	<ul style="list-style-type: none"> Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia
Grid Tipologi						
DD3.3B: Menganjurkan program kepada penduduk desa tentang penggunaan ICT terutama berkaitan perniagaan dan ekonomi.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan program penggunaan ICT di desa. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 	<ul style="list-style-type: none"> KKLW Pejabat Tanah dan Daerah
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6	RU R5 R6					


* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi DD 3.4

Mengukuhkan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Di Desa

Kuantiti sisa pepejal yang dijana terus meningkat seiring dengan peningkatan penduduk. Anggaran jumlah sisa pepejal yang kini dijanakan setiap hari adalah dalam 29,000 tan. Adalah penting supaya kawalan pencemaran dilakukan di tapak-tapak pelupusan kerana semua tapak pelupusan sedia ada terletak di kawasan desa. Kuala Lumpur, Putrajaya, Pulau Pinang dan Johor mempunyai jumlah sisa pepejal tertinggi dan ini tidak termasuk sisa pepejal yang dilupuskan secara haram dan tidak dikutip secara rasmi.

Anggaran Jumlah Sisa Pepejal Yang Dilupuskan Melalui Pusat Pelupusan Mengikut Negeri, 2015



Purata
29,000 tan
sisa pepejal dijana
sehari

Amalan kitar semula masih
di tahap lemah iaitu
15%

Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 2015.

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) mengenal pasti keperluan sesebuah tapak pelupusan berdasarkan kawasan perkhidmatan. Tapak pelupusan dibina dengan keluasan dan kapasiti yang bersesuaian di lokasi strategik berdasarkan keadaan geologi, geomorfologi setempat, petempatan penduduk dan KSAS. Sesebuah tapak pelupusan perlu memberi perkhidmatan kepada lebih daripada satu daerah. Selain itu, lokasi tapak baru hendaklah jauh daripada petempatan penduduk dan menepati garis panduan PLANMalaysia dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Garis panduan PLANMalaysia terdiri dari Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Tapak Incinerator dan Garis Panduan Perancangan Tapak Pelupusan Sisa Toksid dan Sisa Pepejal. Jabatan Alam Sekitar juga telah menerbitkan dokumen *Guidelines for Siting and Zoning of Industry and Residential Area* yang juga menyatakan garis panduan untuk tapak pelupusan sisa pepejal.

Menaik taraf tapak pelupusan sedia ada kepada pelupusan sanitari bagi meningkatkan kualiti alam sekitar desa

Bagi mengurangkan kesan pencemaran kepada alam sekitar, tapak pelupusan sedia ada harus dinaik taraf ke tahap sanitari ataupun ditutup. Sehingga kini, hanya 14 buah tapak pelupusan sanitari telah dibina di seluruh Malaysia berbanding 147 buah tapak pelupusan bukan sanitari. Terdapat ruang untuk penambahbaikan yang menjangkaui masa hadapan di samping pemasangan sistem rawatan air larut resap (*leachate*) dan gas metana. Tapak-tapak pelupusan lama yang tidak boleh digunakan semula perlu ditutup dan dibuat pemuliharaan semula, contohnya bekas tapak pelupusan di Taman Beringin, Kuala Lumpur dan Jelutong, Pulau Pinang. Tapak ini boleh digunakan sebagai padang permainan, taman rekreasi dan seumpamanya dan tidak sesuai untuk pembinaan bangunan di peringkat awal disebabkan tanahnya masih lagi tidak stabil.

Melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal di kawasan yang belum mendapat perkhidmatan

Berdasarkan Borang Maklumat Asas Fizikal Kampung dan kedudukan kampung yang terletak di grid tipologi U1, terdapat 1,852 kampung yang tidak menerima perkhidmatan kutipan sisa pepejal (**Rajah 7.13**). Sistem kutipan sisa pepejal di desa adalah berbeza dengan kawasan perumahan terancang kerana terdapat kesukaran untuk lori-lori pemampat mengutip sisa di kawasan kampung disebabkan jalan yang sempit dan jarak yang jauh antara rumah. Dengan itu, kaedah yang spesifik perlu dirancang berdasarkan keadaan setempat. Ini termasuklah menyediakan tong sampah yang besar, contoh, *leach bin* dan *roro bin* di pekan atau jalan utama untuk kampung yang sukar dilalui oleh lori kutipan.


Melaksanakan pengasingan pada punca

Selaras dengan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), pengasingan pada punca perlu dilaksanakan di setiap kediaman. Ia merupakan langkah peningkatan kadar kitar semula selain dapat mengurangkan kuantiti sisa pepejal yang perlu dilupuskan. Kutipan secara berkala mengikut jadual perlu dilakukan, sebagaimana yang dilaksanakan di kawasan bandar. Bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672, dicadangkan dikuatkuasakan juga amalan pengasingan sisa pada punca.

Menyediakan tong sampah berasingan untuk sisa organik dan bukan organik

Kampung-kampung juga dicadangkan untuk disediakan dengan tong sampah berasingan bagi sisa organik dan sisa bukan organik. Ini bagi menggalakkan usaha kitar semula di kalangan penduduk desa.

Rajah 7.13: Taburan Kampung Berpotensi Menerima Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota : Kesemua kampung di Negeri Melaka telah menerima perkhidmatan kutipan sisa pepejal.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agen Pelaksana	Ageni Pemantau
		*1	*2	*3		
DD3.4 A: Menaik taraf tapak pelupusan sedia ada kepada pelupusan sanitari bagi meningkatkan kualiti alam sekitar desa.	<ul style="list-style-type: none"> Pengurangan tapak pelupusan bukan sanitari. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri PBT Syarikat-syarikat Konsesi Pengurusan Sisa Pepejal SW Corp Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Grid Tipologi	U1 U2 UR RU R5 R6					
DD3.4 B: Melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal di kawasan yang belum mendapat perkhidmatan.	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan liputan kawasan kutipan sisa pepejal. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri PBT Syarikat-syarikat Konsesi Pengurusan Sisa Pepejal SW Corp Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Grid Tipologi	U1 U2 UR RU R5 R6					
DD3.4 C: Melaksanakan pengasingan pada punca.	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan kadar kitar semula. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri PBT Syarikat-syarikat Konsesi Pengurusan Sisa Pepejal SW Corp Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Grid Tipologi	U1 U2 UR RU R5 R6					
DD3.4 D: Menyediakan tong sampah berasingan untuk sisa organik dan bukan organik.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan premis yang disediakan tong sampah berasingan. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> PBT Syarikat-syarikat Konsesi Pengurusan Sisa Pepejal SW Corp Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Grid Tipologi	U1 U2 UR RU R5 R6					

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi DD 3.5

Mengukuhkan Sistem Pembetungan di Desa

Pengurusan pembetungan melibatkan pengurusan sisa kumbahan yang terdiri daripada sisa cecair atau air buangan. Pertambahan bilangan penduduk di Malaysia telah menyebabkan peningkatan sisa kumbahan, di mana sisa tersebut perlu diurus secara efektif, teratur dan sempurna. Oleh itu, adalah menjadi keperluan untuk meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan pembetungan di desa bagi mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar.

Melaksanakan sekurang-kurangnya sistem tangki septik di kawasan desa

Kawasan desa perlu dilengkapi dengan sistem pembetungan sekurang-kurangnya mempunyai tangki septik yang dapat mengumpulkan air kumbahan domestik. Kaedah sebegini hanya menyediakan olahan kumbahan yang terhad dan pihak terlibat seperti Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) perlu membuat penyelenggaraan tangki secara berkala. Sistem pembetungan di kawasan desa perlu dipantau oleh badan kerajaan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan. Ini bagi memastikan rawatan sisa kumbahan yang dipertanggungjawabkan kepada syarikat konsesi dapat dijalankan secara efisien dan berterusan. Rawatan sisa kumbahan yang konsisten dapat mengurangkan pencemaran dan meningkatkan tahap kebersihan di kawasan desa.



Contoh ilustrasi sistem tangki septic yang boleh digunakan di kawasan desa

Mengadakan program kesedaran pengurusan sisa kumbahan

Penduduk desa perlu diberi pendedahan akan kepentingan pengurusan sisa kumbahan yang baik. Program kesedaran masyarakat haruslah meliputi amalan sanitasi berkaitan dengan pembuangan sisa kumbahan domestik dan impak air kumbahan domestik ke atas kualiti alam sekitar. Penganjuran program seperti ini juga dapat mendorong penduduk desa untuk menjadi lebih komited dan bersatu-padu dalam mengurus persekitaran yang sihat dan bersih.



Pendekatan kepelbagaiannya program dan aktiviti yang menarik mampu mendorong minat masyarakat desa untuk menitik berat persekitaran yang sihat dan bersih.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD3.5A: Melaksanakan sekurang-kurangnya sistem tangki septik di kawasan desa.	• Peningkatan penggunaan tangki septik di desa.	✓	✓	✓	• Jabatan Perkhidmatan Pembetungan • Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	• Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD3.5B: Mengadakan program kesedaran pengurusan sisa kumbahan	• Peningkatan jumlah program kesedaran pengurusan sistem kumbahan.	✓	✓	✓	• Jabatan Perkhidmatan Pembetungan • Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	• Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



PERNYATAAN DASAR DD 4

PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM

Pihak Kerajaan perlu menyediakan kemudahan awam untuk menjamin kesejahteraan hidup penduduk. Kemudahan awam yang memberi kesan terhadap kesejahteraan penduduk desa termasuklah kemudahan untuk golongan OKU, warga emas, anak-anak yatim dan ibu tunggal. Usaha PDK dengan menyediakan pelbagai kemudahan latihan dan kaunseling kepada golongan OKU dan warga emas adalah sangat baik. Kemudahan ini boleh dipertingkatkan lagi peranannya dalam mewujudkan kesejahteraan golongan yang terpinggir. Penyediaan kemudahan awam yang mencukupi, berkualiti dan mudah diakses merupakan salah satu kriteria penting untuk mewujudkan desa berdaya huni. Hal ini kerana kampung-kampung yang dilengkapi dengan pelbagai jenis kemudahan awam akan meningkatkan keselesaan komuniti untuk terus menetap di desa tanpa merasa ketinggalan atau terpinggir daripada kemajuan.

STRATEGI DD 4.1

Menyediakan Kemudahan Awam Yang Mencukupi Dan Berkualiti

STRATEGI DD 4.2

Memupuk Unsur ‘Pemilikan Komuniti’ Dan Konsep ‘Social Enterprise’

Perkaitan berdasarkan SDGs

1 NO POVERTY	2 NO HUNGER	3 GOOD HEALTH	4 QUALITY EDUCATION	5 GENDER EQUALITY	6 CLEAN WATER AND SANITATION	7 RENEWABLE ENERGY	8 GOOD JOBS AND ECONOMIC GROWTH	9 INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
10 REDUCED INEQUALITIES	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION	13 CLIMATE ACTION	14 LIFE BELOW WATER	15 LIFE ON LAND	16 PEACE AND JUSTICE	17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS	

Perkaitan berdasarkan RMKe-11


1 Memperkuatkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan	5 Memperkuatkan infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi	6 Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
---	-------------------------------------	--	---	--	---

Strategi DD 4.1

Menyediakan Kemudahan Awam Yang Mencukupi Dan Berkualiti

Berdasarkan Borang Maklumat Asas Fizikal Kampung, tahap penyediaan kemudahan awam di kawasan desa berada di tahap sederhana. Masih terdapat banyak kekurangan dari aspek penyediaan kemudahan awam terutama padang bola, sekolah agama, perpustakaan desa dan pusat ICT.

Peratus Penyediaan Kemudahan Awam Di Kawasan Desa



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Menyediakan kemudahan awam yang mencukupi berdasarkan keperluan penduduk

Keperluan untuk menyediakan kemudahan awam di kawasan desa perlulah mengikut garis panduan perancangan yang disediakan berdasarkan bilangan penduduk. Data bilangan penduduk boleh diperolehi dari CHARMS dan ini membolehkan proses mengenal pasti keperluan penyediaan kemudahan masyarakat dengan lebih mudah. Penentuan lokasi kemudahan masyarakat juga harus diberi penekanan kerana kedudukannya perlulah strategik dan dapat diakses oleh banyak kampung secara mudah dan pantas. Pekan merupakan satu lokasi yang paling sesuai untuk menempatkan pelbagai kemudahan utama seperti sekolah menengah, sekolah rendah, balai polis dan sebagainya.

Menyediakan kemudahan bergerak di kampung pedalaman

Perkhidmatan dan kemudahan masyarakat bergerak seperti klinik bergerak dan perpustakaan bergerak adalah sangat bermanfaat bagi kampung-kampung terpencil yang mempunyai tahap daya huni rendah terutama kampung yang berada di grid tipologi R5 dan R6 serta terletak melebihi 10 km dari pekan (**Rajah 7.14**). Perkhidmatan bergerak ini dapat mengurangkan kos perjalanan dan pengangkutan di samping mengurangkan rasa rendah diri, terpinggir dan kurang diberi perhatian oleh kerajaan dan agensi tertentu di kalangan masyarakat kampung tersebut.

Perkhidmatan kemudahan bergerak ke kampung berdaya huni rendah yang terpencil dan bersaiz kecil




Menyediakan ruang fizikal untuk program PDK di pekan

Salah satu usaha kerajaan menangani masalah tersebut adalah dengan penyediaan program PDK atau Pemulihan Dalam Komuniti. Komuniti tempatan memainkan peranan penting dalam program pemulihian golongan OKU dengan pertolongan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Program PDK boleh diadakan di pekan-pekan terutama di grid UR, RU dan R5. Berdasarkan keadaan semasa, penyediaan PDK lebih ditumpukan di kawasan bandar dan hanya 1.9 peratus PDK berada di Grid R5 dan 3 peratus berada di Grid R6.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD4.1A: Menyediakan kemudahan awam yang mencukupi berdasarkan keperluan penduduk.	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan penyediaan kemudahan awam. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah Pihak Berkuasa Tempatan PLANMalaysia @Negeri KKLW 	<ul style="list-style-type: none"> PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD4.1B: Menyediakan kemudahan bergerak di kampung pedalaman.	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan penyediaan kemudahan bergerak. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> KKLW Pejabat Daerah dan Tanah 	<ul style="list-style-type: none"> KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD4.1C: Menyediakan ruang fizikal untuk program PDK di pekan.	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah pekan yang disediakan dengan PDK. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> KPWKM KKLW Pejabat Daerah dan Tanah 	<ul style="list-style-type: none"> KPWKM
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Rajah 7.14 : Taburan Kampung Berpotensi Menerima Kemudahan Bergerak



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota : Tiada cadangan kemudahan bergerak disediakan di Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan WP Labuan kerana kesemua kampung berada dalam jarak 10 km ke bandar.

Strategi DD 4.2

Memupuk Unsur ‘Pemilikan Komuniti’ Dan Konsep ‘Social Enterprise’

Salah satu aspek yang tidak harus dilupakan ialah memupuk elemen ‘pemilikan komuniti’ ke atas kemudahan awam. Pemilikan komuniti ini bermaksud membenarkan komuniti mengambil alih kerja pembersihan kemudahan, menjaga kecantikan dan keselamatan kemudahan tersebut. Objektif utama adalah untuk memastikan kemudahan tersebut dalam keadaan yang baik dan bersih.

Meningkatkan tanggungjawab penjagaan dan pemantauan kemudahan awam kepada penduduk

Sesebuah komuniti yang diberi tanggungjawab untuk menjaga taman permainan dari segi keselamatan, kebersihan dan kecantikan taman akan lebih menghargai taman tersebut. Selain daripada taman permainan, contoh kemudahan awam lain adalah balai raya, kawasan lapang atau padang bola. Usaha pemilikan komuniti ini boleh diselaraskan oleh Badan Koperasi Desa tersebut atau oleh Biro Kebajikan dan Wanita JKJK sekiranya ketiadaan koperasi.

Menggalakkan penyewaan kemudahan awam

Ruang kemudahan seperti balai raya atau dewan boleh disewakan untuk majlis kenduri perkahwinan penduduk kampung atau kampung berdekatan. Langkah seperti ini merupakan penggalakkan *social enterprise* kepada penduduk kampung di mana ahli komuniti desa boleh menawarkan khidmat yang boleh menjanakan pendapatan sekaligus memenuhi keperluan sosial komunitinya. Antara contoh adalah tempat penanaman sayur komuniti, pusat tuisyen atau sebagai tempat mengumpulkan bahan-bahan kitar semula dan menjual kepada syarikat luar. Pendapatan ini akan dikumpul sebagai pendapatan koperasi atau dana komuniti. Dengan adanya pendapatan daripada penyewaan ruang tersebut maka segala penyelenggaraan dan pembersihan boleh dilakukan dengan segera. Usaha ini boleh dijadikan usaha awal kepada penubuhan koperasi bagi kampung yang masih belum ada koperasi ataupun sebagai aktiviti sosial yang bergerak selari dengan aktiviti koperasi.

Mengukuhkan penggunaan balai raya dan dewan orang ramai

Pada masa yang sama kemudahan dewan dan balai raya boleh dijadikan tapak aktiviti keusahawanan desa. Kursus dan latihan keusahawanan boleh dijalankan di balai raya dan dewan manakala produk keusahawanan desa boleh dipamerkan atau dijual di sini. Dengan cara ini balai raya dan dewan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan juga meningkatkan perasaan pemilikan komuniti kepada kemudahan awam.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD4.2A: Meningkatkan tanggungjawab penjagaan dan pemantauan kemudahan awam kepada penduduk	• Peningkatan bilangan aktiviti di taman / balai raya.	✓	✓	✓	• Koperasi / JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah	• Pejabat Daerah dan Tanah
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD4.2B: Menggalakkan penyewaan kemudahan awam	• Peningkatan penyewaan balai raya dan dewan orang ramai.	✓	✓	✓	• Koperasi / JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • Pihak Berkuasa Tempatan	• Pejabat Daerah dan Tanah
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD4.2C: Mengukuhkan penggunaan balai raya dan dewan orang ramai	• Bilangan kursus dan latihan yang diadakan di balai raya dan dewan orang ramai	✓	✓	✓	• Koperasi / JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah	• Pejabat Daerah dan Tanah
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



PERNYATAAN DASAR DD 5


PENGUKUHAN DAN PENINGKATAN PENYERTAAN SOSIAL

Penyertaan sosial memberi impak yang positif untuk kebaikan jangka masa panjang kerana ia boleh mengelakkan wujudnya perasaan tidak puas hati akibat perasan ketinggalan atau diabaikan. Setiap lapisan masyarakat perlu diwakilkan dalam apa-apa mesyuarat atau perjumpaan supaya penyertaan sosial lengkap dan berkesan. Ini juga akan mendorong kepada perasaan bangga terhadap komuniti (*sense of community pride*) dan pemilikan komuniti (*community ownership*). Pernyataan dasar pengukuhan penyertaan sosial penduduk melibatkan prinsip inklusif, kepelbagaian, fleksibel, hormat, amanah dan integrasi serta penyelesaian konflik secara berhemah.

KONSEP KEPERLUAN MOTIVASI DIRI / MODAL INSAN		
Peringkat Keperluan	Peningkatan Motivasi Diri	Makna
8	Keperluan <i>transcendence</i> (cemerlang, unggul)	Tahap di mana dapat membantu orang lain mencapai ' <i>self-actualization</i> '
7	Keperluan <i>self-actualization</i> (pencapaian potensi diri)	Memajukan diri, merealisasikan potensi diri dan kepuasan diri
6	Keperluan estetik	Appresiasi dan kesedaran mencari nilai 'kecantikan' persekitaran alam sekeliling
5	Keperluan kognitif	Pencarian ilmu dan kefahaman tentang persekitaran manusia
4	Keperluan harga diri	Penglibatan dan sumbangan aktiviti sosial dan perasaan hormat-menghormati
3	Keperluan kasih sayang, kekitaan, kepunyaan	Persahabatan, keintiman, kasih sayang dan <i>sense of belonging</i>
2	Keperluan keselamatan	Perlindungan daripada ancaman luaran, keperluan undang-undang dan kestabilan hidup
1	Keperluan biologi	Udara, makanan, air, rumah, tidur, berkeluarga dll

Mengikut Maslow (1943, 1954, 1962) untuk peningkatan diri, seseorang memerlukan peringkat 1 hingga 4 sebelum dapat memajukan diri ke peringkat yang lebih tinggi. Setelah mereka dapat memenuhi keperluan 1-4 barulah mereka dapat mengembangkan keupayaan diri mereka. Peringkat 3 dan 4 menunjukkan '*sense of belonging*' dan penglibatan / sumbangan aktiviti sosial merupakan asas ke arah modal insan yang cemerlang. **Rajah 7.15** menunjukkan strategi untuk mengukuhkan komuniti.

Rajah 7.15: Strategi Bagi Memperkuatkkan Semula Komuniti



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.



Penglibatan masyarakat yang aktif mampu mewujudkan rasa cinta diantara sesama sendiri dan membina keharmonian masyarakat desa.

STRATEGI

DD 5.1

Mengukuhkan Perasaan Cinta Dan Semangat Kekitaan

STRATEGI

DD 5.2

Mengukuhkan Konsep Kejiranan Dan Kemasyarakatan Dalam Kehidupan Seharian

Perkaitan berdasarkan SDGs

1 NO POVERTY 	2 NO HUNGER 	3 GOOD HEALTH 	4 QUALITY EDUCATION 	5 GENDER EQUALITY 	6 CLEAN WATER AND SANITATION 	7 RENEWABLE ENERGY 	8 GOOD JOBS AND ECONOMIC GROWTH 	9 INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
10 REDUCED INEQUALITIES 	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES 	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION 	13 CLIMATE ACTION 	14 LIFE BELOW WATER 	15 LIFE ON LAND 	16 PEACE AND JUSTICE 	17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS 	

Perkaitan berdasarkan RMKe-11

1 Memperkuat inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama 	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat 	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju 	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan 	5 Memperkuat infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi 	6 Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
--	---	--	---	---	---

Strategi DD 5.1

Mengukuhkan Perasaan Cinta Dan Semangat Kekitaan

Perasaan cinta dan semangat kekitaan dalam sesuatu komuniti pula dilahirkan melalui interaksi yang terbuka dan lancar, sikap mengambil berat dan bantu membantu. Semangat ini tidak wujud secara tiba-tiba dan perlu dipupuk bersama dalam tempoh yang lama. Ungkapan yang baik dalam interaksi sosial seperti ucapan salam, "selamat pagi", "apa khabar", "terima kasih", "tumpang lalu" dan "minta maaf" perlu dibiasakan di dalam interaksi kejiranan, sekolah, kedai, mesyuarat dan lain-lain. Contoh yang baik dapat dilihat di Negara Jepun di mana masyarakat mereka mempraktikkan ungkapan yang positif di kalangan mereka sendiri dan juga kepada pelancong. Cara ini menunjukkan nilai hormat menghormati yang tinggi sesama sendiri.

Menjalankan program interaksi masyarakat bagi memelihara budaya gotong-royong

Perkara ini perlu dipupuk di peringkat tadika dan sekolah rendah supaya ianya akan berterusan hingga mereka dewasa. Budaya yang baik ini juga meninggalkan kesan yang positif untuk jangka masa yang panjang terhadap suasana sosial kampung. Projek yang boleh dijalankan adalah kempen senyum dan sapa, aktiviti gotong-royong, aktiviti berzanji, marhaban dan mengimarahkan masjid.

Mengimarahkan masjid

Masjid di kawasan desa perlu dipertingkatkan peranannya dalam pembangunan ummah. Fungsi masjid hendaklah diperluaskan lagi daripada hanya tertumpu kepada solat berjemaah kepada aktiviti masyarakat. Aktiviti yang boleh dijalankan adalah majlis pernikahan, kem motivasi, mesyuarat penduduk, kursus, ceramah, bengkel dan lain-lain.

Pencetus perubahan dan penggerak masyarakat (champion)

Perasaan cinta kepada tempat dan semangat kekitaan yang wujud di kalangan penduduk kampung dapat membantu kepada pencetusan perubahan dan penggerakan masyarakat. Usahawan tempatan yang mempunyai wawasan untuk menaikkan komuniti boleh menggembeling modal insan tempatan dan memanfaatkan sumber / bahan tempatan. Sebagai contoh, usahawan tempatan boleh menggunakan potensi sedia ada seperti bahan mentah, ciri budaya dan modal insan. Ini dapat mencetuskan perubahan ekonomi dan menggerak masyarakat. Aspek potensi tempatan yang boleh ditonjolkan adalah keusahawanan madu kelulut, homestay, ekopelancongan, muzik tradisional, tarian tradisional, kuih dan makanan tradisional serta industri kecil.



Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD5.1A: Menjalankan program interaksi masyarakat bagi memelihara budaya gotong-royong	• Aktiviti gotong-royong secara berkala.	✓	✓	✓	• Koperasi / JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • Pihak Berkuasa Tempatan	• JKKK
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD5.1B: Mengimarahkan masjid	• Peningkatan bilangan aktiviti di masjid.	✓	✓	✓	• Jawatankuasa Masjid / JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah	• Pejabat Daerah dan Tanah
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
DD5.1C: Pencetus perubahan dan penggerak masyarakat (<i>champion</i>)	• Pertambahan bilangan <i>champion</i> .	✓	✓	✓	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • KKLW	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



Kehadiran penduduk dalam aktiviti dan program sosial mampu memberikan impak positif kepada pembangunan sosial di kampung

Strategi DD 5.2

Mengukuhkan Konsep Kejiraninan Dan Kemasyarakatan Dalam Kehidupan Seharian

Peranan unit keluarga dan kejiraninan sangat penting untuk menjaga keselamatan dan kebajikan bersama berlandaskan tanggungjawab agama, masyarakat dan kewarganegaraan. Adalah baik sekiranya wakil keluarga atau kumpulan jiran peka kepada keperluan dan masalah ahli mereka supaya bantuan dan sokongan dapat diberi. Antara masalah yang sering berlaku adalah lemah dalam pelajaran, masalah kewangan, penyakit mental dan fizikal kronik yang mampu membawa kepada masalah lebih teruk seperti penagihan dadah, kecinciran, pengabaian warga emas, anak yatim dan OKU, keganasan rumah tangga dan sebagainya.

Memastikan kepelbagaian kumpulan sosial wujud di kampung

Kumpulan jiran ini boleh ditubuhkan dalam bentuk rukun tetangga, kumpulan marhaban, kumpulan berzanji atau lain-lain dan diwujudkan dalam setiap JKKK untuk membantu memperkuatkan perpaduan komuniti.

Memperkuatkan program PDK meliputi kursus dan latihan kepada golongan OKU, warga emas dan ibu tunggal

Program PDK dapat membantu untuk mengukuhkan usaha masyarakat membantu golongan OKU, warga emas dan ibu tunggal. Program PDK perlu diperluaskan untuk membantu golongan tersebut. Pengukuhkan program PDK dapat dilihat sebagai satu kebaikan kepada masyarakat desa. Peranan program PDK boleh membantu dari aspek pembangunan sosial dan ekonomi kumpulan sasaran. Galakan penglibatan masyarakat tempatan memainkan peranan penting dalam membantu menjayakan program ini.

Menggalakkan pertandingan berpasukan seperti pertandingan sukan, keagamaan dan budaya

Hidup bermasyarakat juga boleh diperkuatkan dengan aktiviti berpasukan dan berkumpulan. Aktiviti marhaban, berzanji, rukun tetangga adalah contoh aktiviti berkumpulan yang perlu diperbanyakkan. Cara lain yang boleh digunakan ialah mengadakan pertandingan berskala tempatan secara berpasukan seperti sukan berpasukan dan acara budaya berpasukan. Pihak JKKK perlulah berusaha untuk menggiatkan aktiviti berskala tempatan yang dapat menggalakkan semua lapisan penduduk bergaul dan bekerjasama antara mereka. Aktiviti berkumpulan mempunyai kelebihan dalam memupuk semangat berpasukan, bekerjasama dan semangat kekitaan.

Menjalankan kursus pengurusan konflik dan penyelesaian masalah secara kerjasama

Kepimpinan kampung juga perlu mempelajari kemahiran pengurusan konflik bagi menangani isu kepelbagaian fahaman dan ideologi politik. Demi kepentingan komuniti, penduduk perlulah mengutamakan keperluan komuniti dan segala masalah perlulah diselesaikan secara kerjasama dengan semua pihak.



Program gotong-royong dan pertandingan peringkat kampung mampu mengukuhkan perpaduan di kalangan penduduk tanpa mengira peringkat umur

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
DD5.2A: Memastikan kepelbagaian kumpulan sosial wujud di kampung	• Bilangan kumpulan sosial yang aktif	✓	✓	✓	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah	• Pejabat Daerah dan Tanah
Grid Tipologi 						
DD5.2B: Memperkuatkan program PDK meliputi kursus dan latihan kepada golongan OKU, warga emas dan ibu tunggal.	• Bilangan kursus dan latihan bagi setiap PDK	✓	✓	✓	• KPWKM • JKKK • Jabatan Kebajikan Masyarakat • KKLW	• KPWKM
Grid Tipologi 						
DD5.2C: Menggalakkan pertandingan berpasukan seperti pertandingan sukan, keagamaan dan budaya.	• Bilangan pertandingan berpasukan bagi setiap kampung	✓	✓	✓	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah	• Pejabat Daerah dan Tanah
Grid Tipologi 						
DD5.2D: Menjalankan kursus pengurusan konflik dan penyelesaian masalah secara kerjasama	• Bilangan peserta kursus pengurusan konflik bagi setiap JKKK	✓	✓	✓	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah	• Pejabat Daerah dan Tanah
Grid Tipologi 						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

BAB

8

TERAS 4

MEMPERKASA EKONOMI DESA (ED)

TERAS 4

MEMPERKASA EKONOMI DESA (ED)

Dalam menggerakkan ekonomi desa agar mampu menjana pendapatan lumayan dan mampan, pendekatan yang holistik dan bersepada adalah penting untuk memastikan pembangunan yang seimbang dan tidak menjelaskan nilai-nilai masyarakat serta alam semula jadi di desa. Bagi menyokong pembangunan komuniti desa ke arah yang lebih dinamik, proaktif dan menyeluruh, teras ini akan memfokuskan kepada aspek ekonomi dan sumber jaya desa. Masyarakat desa harus proaktif di dalam pemikiran dan tindakan untuk merealisasikan peranan desa sebagai sumber modal insan, modal fizikal dan sebagai lambang kebudayaan dan jati diri rakyat Malaysia. Masyarakat desa tidak lagi harus dianggap masyarakat ‘subsidi’ kerana terdapat pelbagai sumber jaya yang berpotensi dijana secara mampan.

"Ekonomi Luar Bandar / Desa Yang Produktif

Malaysia mempunyai ekonomi luar bandar yang berkembang pesat dengan peluang yang menarik, disokong oleh jaringan perhubungan terbaik, serta kemudahan dan perkhidmatan sosial yang setara dengan kawasan bandar”

Sumber: RMKe-11



3
**Pernyataan
Dasar**

8
Strategi

14
Langkah

ED 1 MENSTRUKTUR SEMULA EKONOMI DESA

- | | |
|----------------|--|
| Strategi ED1.1 | Mempelbagaikan Aktiviti Ekonomi Berdasarkan Kelebihan dan Keperluan Setempat |
| Strategi ED1.2 | Memberi Penekanan Kepada Tanaman Makanan |

ED 2 MENINGKATKAN PRODUKTIVITI EKONOMI DESA

- | | |
|----------------|--|
| Strategi ED2.1 | Memajukan Kluster Ekonomi Desa |
| Strategi ED2.2 | Memantapkan Keupayaan Usahawan Desa |
| Strategi ED2.3 | Menggalakkan Inovasi, Pensijilan Dan Penjenamaan |

ED 3 PENGUKUHAN RANTAIAN NILAI (*VALUE-CHAIN*) EKONOMI DESA

- | | |
|----------------|--|
| Strategi ED3.1 | Menggalakkan Perjanjian Bekalan |
| Strategi ED3.2 | Menambah Penggunaan <i>E-Commerce</i> Di Dalam Pemasaran Produk Desa |
| Strategi ED3.3 | Membudayakan Penggunaan Produk Desa Di Kalangan Masyarakat Umum |



PERNYATAAN DASAR ED 1

MENSTRUKTUR SEMULA EKONOMI DESA

Pendapatan isi rumah penduduk desa bagi kumpulan terendah 40% (B40) pada tahun 2014 adalah RM1,760. Jumlah ini berbeza sebanyak RM1,167 berbanding kumpulan yang sama di bandar.

Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata Dan Insiden Kemiskinan, 2014

Kumpulan Isi Rumah	Jumlah	Bandar	Luar Bandar
Tertinggi 20%	RM 14,305	RM 15,690	RM 8,180
Pertengahan 40%	RM 5,662	RM 6,310	RM 3,729
Terendah 40%	RM 2,537	RM 2,927	RM 1,760

Sumber : Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Malaysia 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia.


Faktor yang menyumbang kepada pendapatan purata desa yang rendah adalah:

- i. Ketidakstabilan pendapatan kerana sektor ekonomi desa masih tertumpu kepada pertanian komoditi getah dan kelapa sawit yang sering dilanda ketidakstabilan harga.
- ii. 45 peratus pekebun getah dan pekebun kecil kelapa sawit yang dibanci berusia melebihi 60 tahun dan ini mempengaruhi produktiviti dan kemampuan menyerap modal dan teknologi baru (*Banci RISDA, 2013*).
- iii. Skala operasi sektor di desa adalah kecil dan mempunyai pasaran yang terhad berbanding di bandar. Lebih 57 peratus pekebun kecil getah yang dibanci memperoleh pendapatan kurang dari RM1,000 sebulan manakala pekebun kecil kelapa sawit adalah 30 peratus (*Banci RISDA, 2013*).
- iv. Penggunaan tanah secara produktif banyak terhalang oleh pemilikan perkongsian (*co-ownership*) yang tidak sepakat, di samping persaingan dengan gunatanah komersial dan perumahan. Saiz pemegangan tanah kebanyakannya tidak ekonomik.
- v. Kadar penggunaan mesin dan hasil *R&D* pertanian adalah masih rendah. Kadar penciptaan dan aplikasi teknologi dan inovasi di peringkat aktiviti asas, huluan dan hiliran desa juga belum mencapai tahap yang sewajarnya.
- vi. Keupayaan untuk mengembangkan dan menambah nilai serta penjenamaan produk desa masih rendah dan tidak diusahakan secara bersepadu.
- vii. Kurangnya kesalinghubungan (*linkage*) antara desa dan firma atau rangkaian perniagaan yang mantap untuk menembusi pasaran di bandar dan luar negara.
- viii. Sektor PKS pertanian desa tidak mempunyai nilai tambah produk yang tinggi, memberikan pendapatan (gaji, upah dan keuntungan) yang rendah serta mempunyai nilai harta tetap (aset) yang rendah.
- ix. 36 peratus penduduk yang aktif di dalam sektor informal di desa menjalankan usaha secara kecil-kecilan dan tidak mampu berkembang kerana masalah kewangan.

Pendapatan penduduk desa boleh dipertingkatkan melalui pengeluaran produk yang bernilai tambah tinggi dan mempunyai kepelbagaiannya aktiviti ekonomi desa. Perancangan pembangunan ekonomi setempat (*local economic development*) yang strategik mampu memberi pelbagai faedah jangka panjang kepada penduduk.

Faedah pertama ialah sumber pendapatan baru atau alternatif yang lumayan daripada kepelbagaiannya aktiviti pertanian, perikanan, penternakan, pembuatan, pelancongan dan kraf tangan desa. Aktiviti yang dipilih perlu sesuai dengan kekuatan produk, kesediaan sumber, kehendak pasaran dan hala tuju kampung itu sendiri. Pemilihan jenis aktiviti ekonomi haruslah dibuat berdasarkan perbincangan dengan penduduk dan kepimpinan kampung, kerana pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up*) adalah terbaik untuk mendapatkan komitmen dari penduduk sendiri.

Faedah kedua ialah ekonomi baru kampung ini dapat menarik anak muda desa terutama bagi kumpulan umur 15 hingga 39 tahun untuk terlibat sama dalam memakmurkan ekonomi desa. Persepsi negatif bahawa persekitaran kerja kurang kondusif, peluang kemajuan kerjaya yang terhad dan upah yang rendah boleh diubah sekiranya mereka mencari peluang baru yang kompetitif.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014.

Faedah ketiga ialah sokongan kepada agenda keselamatan makanan (*food security*) negara. Peralihan sektor pertanian desa kepada agromakanan adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan yang terkandung di dalam Dasar Pertanian Negara 2011-2020 untuk menambah kapasiti pengeluaran makanan tempatan. Walaupun sumbangan subsektor pertanian kepada KDNK negara adalah 44.3 peratus, namun peratusan sumbangan ini tidak seimbang antara makanan dan industri. Ini semestinya menjelaskan keupayaan desa untuk mengeluarkan produk agromakanan, yang lazimnya boleh memanfaatkan tanah bersaiz kecil dan sederhana. Penanaman tanaman makanan juga membantu penduduk desa menangani kos kehidupan yang meningkat dan masalah bekalan makanan yang tidak stabil.

Keluasan Tanah Untuk Agromakanan



Keluasan Tanah Pertanian Yang Terbiar Dan Tidak Diusahakan Tahun 2014

119,273 hektar

Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia, 2014.


Faedah keempat dan terpenting dari langkah penstrukturkan semula ekonomi desa ialah kepelbagaiannya yang berteraskan kelebihan sumber setempat. Produk utama keluaran setiap kampung haruslah disesuaikan dengan kekuatan dan keunikannya sumber sedia ada seperti jenis tanah, cuaca, kemahiran pekerja, pengetahuan tradisi dan kecantikan alam semula jadi. Jenis-jenis aktiviti yang dipilih sama ada untuk pertanian, penternakan perikanan, pelancongan, haruslah disusun untuk merangkumi aktiviti yang hanya dilaksanakan secara bermusim, aktiviti tetap, aktiviti huluhan dan hiliran serta aktiviti keperluan desa seperti tanaman makanan dan tanaman landskap keindahan desa.

STRATEGI**ED 1.1**

Mempelbagaikan Aktiviti Ekonomi Berdasarkan Kelebihan dan Keperluan Setempat

STRATEGI**ED 1.2**

Memberi Penekanan Kepada Tanaman Makanan

Perkaitan berdasarkan SDGs**Perkaitan berdasarkan RMKe-11**

Strategi ED 1.1

Mempelbagaikan Aktiviti Ekonomi Berdasarkan Kelebihan dan Keperluan Setempat

Produk utama keluaran setiap kampung haruslah disesuaikan dengan kekuatan dan keunikan sumber sedia ada seperti jenis tanah, kemahiran pekerja dan keadaan alam semula jadi.

Mengusahakan projek ekonomi berdasarkan sumber tempatan, produk huluan dan hiliran, produk ikonik atau niche

Produk desa yang sesuai diusahakan berdasarkan kekuatan sumber tempatan adalah:

Masyarakat Orang Asli : penekanan boleh diberi kepada aktiviti pengkomersialan sumber berasaskan hutan seperti gaharu, herba, tongkat ali dan lain-lain sebagai sumber pendapatan tetap.

Program inap desa : diperluaskan dengan mengambil kira kelebihan yang ada di desa seperti kebudayaan (tarian, lagu, penceritaan), adat resam, kemahiran, bahan-bahan artifak tradisional / budaya etnik (termasuk Melayu, Cina, India, Kadazan, Dayak, Orang Asli dan lain-lain).

Desa berdasarkan pertanian : berpotensi dijadikan kawasan tarikan pelancongan, restoran makanan segar dan pembuatan makanan sejuk beku.

Desa berdasarkan pertanian dan perikanan : dibangunkan dengan pelbagai produk hiliran, *by-product* dan produk bernilai tambah tinggi seperti makanan berdasarkan ikan, buah-buahan tempatan, bahan *by-product* dari kelapa sawit dan getah, kertas dan kraf tangan dari fiber batang pokok pisang atau dari kerang / kupang, perabot dari kayu getah dan sebagainya. Dasar Komoditi Negara oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) mengandungi pelbagai strategi memperkasakan sektor komoditi perladangan terutama berdasarkan kelapa sawit, kayu, getah dan koko, di samping meneroka pembangunan sumber pertumbuhan baru termasuk kenaf, sago dan jatropha yang mempunyai potensi dalam menyumbang kepada ekonomi negara.



Produk input pertanian seperti makanan haiwan, racun dan baja organik juga mempunyai potensi yang besar selari dengan matlamat penggantian import untuk input pertanian negara. Ini adalah kerana kos input pertanian yang tinggi menjadikan sektor pertanian negara kurang menguntungkan. Oleh yang demikian, terdapat ruang permintaan yang luas untuk pengeluaran bahan input pertanian yang boleh dieksplotasikan oleh petani desa.

Dari segi pelancongan khususnya, setiap desa yang terlibat boleh merancang senarai aktiviti yang boleh ditawarkan sebagai pakej agropelancongan, ekopelancongan, pelancongan warisan dan lain-lain. Pakej yang disusun sebaiknya berdasarkan ciri-ciri pelancong yang disasarkan. Contohnya, pelancong antarabangsa yang menggemari aktiviti ekopelancongan biasanya lebih berminat untuk mencuba pengalaman tidur di suasana alam semula jadi taman rimba. Strategi khusus haruslah digubal untuk memberikan pengalaman yang terbaik untuk mereka. Malaysia mempunyai kepelbagaian sumber dan landskap, spesis flora dan fauna yang unik, penempatan atas air, hutan tropikal, kawasan paya bakau, aktiviti penyelaman yang menarik. Pelaburan dalam sektor ini membantu penawaran infrastruktur ekopelancongan yang lebih berkualiti, rantai perkhidmatan (tempat tinggal, makanan, pengangkutan, kraf tangan, kebudayaan) dan latihan modal insan yang lebih mantap.

Dengan adanya struktur ekonomi tempatan yang berdaya maju, usaha promosi dengan kerjasama agensi kerajaan yang berkenaan, pihak media arus perdana dan media alternatif perlu diperluaskan. Ini termasuklah menggunakan pendekatan memperkenalkan sesuatu “produk ikonik” atau “produk premium” yang boleh dikaitkan dengan rasa / bentuk yang unik dan berkualiti, sejarah kampung atau kaitan dengan filem atau selebriti yang mempunyai kaitan dengan kampung tersebut.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
ED1.1A: Mengusahakan projek ekonomi berasaskan sumber tempatan, produk huluan dan hiliran serta produk ikonik atau <i>niche</i> .	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan kampung yang mempunyai perancangan struktur ekonomi yang baik. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pertanian Jabatan Perikanan Jabatan Veterinar Jabatan Pelancongan JAKOA 	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah PLANMalaysia@ Negeri

* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)


Strategi ED 1.2

Memberi Penekanan Kepada Tanaman Makanan

Dasar Agromakanan Negara (DAN), 2011-2020 memberikan tumpuan kepada pembangunan industri agromakanan. Ini adalah bertepatan dengan usaha kerajaan bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat kepada rakyat serta meningkatkan sumbangan kepada pendapatan negara dan usahawan tani. Isu jaminan bekalan makanan dunia yang semakin kompleks berikutan sumber alam semula jadi seperti tanah dan air yang semakin terhad serta perubahan iklim global memerlukan satu pendekatan strategik bagi mengatasi pelbagai senario masa hadapan. Kerajaan amat prihatin terhadap kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat.

Terdapat ketidakseimbangan antara subsektor agromakanan dan agroindustri. Sumbangan subsektor getah, kelapa sawit, perhutanan dan pembalakan menyumbang kepada 55.7 peratus KDNK pertanian, berbanding sumbangan subsektor agromakanan.

Sumbangan Subsektor Terpilih Kepada KDNK Sektor Pertanian



Sumber: Indikator Pertanian Terpilih Malaysia, Jabatan Pertanian Malaysia, 2013.

Jumlah kluasan tanah pertanian bagi makanan menurun sebanyak 0.8% setahun dalam tempoh 2000 hingga 2010. Penurunan ini adalah berikutan penukaran kawasan tanaman makanan kepada tanaman kelapa sawit serta pembangunan kawasan kediaman dan industri.

Menambah bilangan projek tanaman makanan skala besar yang sesuai di kawasan desa

Petani dan agensi pembangunan tanah harus digalakkan meneroka tanaman alternatif terutama makanan yang mempunyai permintaan lebih stabil seperti buah-buahan dan sayuran. Buah-buahan seperti belimbing besi, betik, tembikai, nenas dan mangga telah berjaya dieksport ke luar negara. Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 juga telah mengesyorkan beberapa produk pertanian bernilai tinggi seperti sarang burung walit, ikan hiasan, rumpai laut, herba dan rempah ratus, florikultur dan cendawan yang boleh diusahakan secara besar-besaran di lokasi sesuai. Program Mini Estet atau tanaman berkelompok bagi sayur-sayuran dan buah-buahan serta produk pertanian bernilai tinggi haruslah digalakkan.

Pelbagai program pertanian bersepada seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Agropolitan dan Akuapolitan telah diperkenalkan lengkap dengan penyediaan kediaman dan kemudahan asas untuk menarik golongan sasaran kepada sektor pertanian, penternakan dan perikanan.

Mengerakkan projek tanaman di kawasan tanah terbiar dan persekitaran rumah

Pada tahun 2014, terdapat 69,734 lot dengan keluasan 119,273 hektar tanah terbiar boleh digunakan untuk tanaman makanan terutamanya tanaman jangka pendek seperti sayuran dan sebilangan tanaman herba. Kos pembaikan tanah juga adalah lebih rendah, maka tidak merugikan petani yang menyewa tanah sekiranya tanah tersebut diambil semula oleh pemilik.

Tanaman makanan juga sesuai ditanam di persekitaran rumah (untuk kegunaan sendiri dan pertukaran dengan jiran tetangga) dan sebenarnya dapat membantu menyelesaikan masalah tanah terbiar. Ini kerana tanaman makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan boleh memanfaatkan tanah bersaiz kecil atau sederhana, serta mengambil masa yang pendek antara penanaman dan penuaian (*harvest*).

TAHUN 2014
69, 734 lot
dengan keluasan
119,273 hektar
tanah terbiar

Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia, 2014.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
ED1.2A: Menambah bilangan projek tanaman makanan skala besar yang sesuai di kawasan desa.	Bilangan kampung yang terlibat dalam projek tanaman makanan skala besar.	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Pertanian Malaysia Pihak Berkuasa Tempatan PLANMalaysia@ Negeri KKLW 	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah • PLANMalaysia
ED1.2B: Mengerakkan projek tanaman di kawasan tanah terbiar dan persekitaran rumah.	Bilangan kampung yang mempunyai kempen dan projek tanaman makanan.	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Pertanian Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah • PLANMalaysia

* *Nota : Contoh projek tanaman berskala besar adalah seperti projek Agropolitan, Akuapolitan dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan.

* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



PERNYATAAN DASAR ED 2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI EKONOMI DESA

Pendapatan penduduk desa boleh diperkuuhkan melalui peningkatan produktiviti dan pengeluaran produk bernilai tambah tinggi. Usaha ke arah ini memerlukan pembentukan kluster ekonomi yang berkesan, pengukuhan R&D, inovasi, penjenamaan, pelaksanaan amalan pertanian / pembuatan yang mampan, pembangunan modal insan yang bestari, penyertaan PKS yang menguntungkan dan aktif serta keunggulan khidmat sokongan kerajaan.

Aktiviti ekonomi desa diusahakan secara kecil-kecilan dan ini merumitkan perancangan bekalan input dan seterusnya pemasaran output desa secara konsisten dan berkesan. Terdapat aktiviti ekonomi yang tidak mampu bertahan lama atau berkembang seperti yang diharapkan walau pun mempunyai produk yang baik dan berpotensi.

Faktor Produktiviti Sektor Pertanian Di Kawasan Desa Yang Masih Tidak Memuaskan Dan Perlu Ditambah Baik

1. Tidak diuruskan secara komersil atau menggunakan kaedah pengurusan yang profesional
2. Tidak menggunakan buruh terlatih
3. Tidak mengoptimumkan sumber ekonomi sedia ada
4. Kurang menggunakan hasil R&D dan teknologi maklumat untuk lebih menepati cita rasa pelanggan
5. Tidak mempunyai ekonomi skala yang mencukupi.
6. Aktiviti berskala kecil dan bertaburan
7. Kekurangan tenaga kerja akibat migrasi keluar berterusan penduduk produktif ke kawasan bandar
8. Kurangnya minat generasi semasa untuk melibatkan diri dalam ekonomi desa
9. Tidak menggunakan khidmat latihan, kredit dan teknologi yang disediakan

Masyarakat desa mempunyai potensi modal insan yang besar. Kadar literasi desa di Malaysia adalah tinggi dan ini membolehkan penduduk desa melalui pelbagai latihan dan bekerja secara berkesan. Namun begitu, terdapat beberapa halangan kepada potensi ini iaitu masalah keciciran pelajar, pengangguran dan penagihan dada. Masalah keciciran di kalangan pelajar Orang Asli adalah lebih membimbangkan kerana setiap tahun, tren menunjukkan ramai yang tidak menyambung persekolahan dari Darjah 6 ke Tingkatan 1. Peratusan ini direkodkan dari tahun 2009 hingga 2013. Pada tahun 2013, terdapat 3.2 peratus penganggur di desa yang mana 42 peratus terdiri daripada golongan muda yang berumur 20 hingga 24 tahun.

**Kadar literasi desa
96%**
**bagi lingkungan umur
10 hingga 64 tahun**

Sumber modal insan desa perlulah dibangunkan demi kemajuan ekonomi desa. Penduduk desa berada di dalam persekitaran yang hijau, subur dan kaya dengan sumber warisan yang berpotensi untuk diusahakan secara lestari.

Dasar ini mencadangkan penggunaan konsep kluster di dalam perancangan kemajuan aktiviti ekonomi setempat (*local economic development*) di samping usaha bagi memastikan penggunaan sumber tanah, badan air, modal insan dan kelebihan lain yang terdapat di desa secara optimum untuk kesejahteraan kampung bagi jangka panjang. Fokus juga perlu diberi kepada kaedah pengusahaan, aplikasi teknologi terkini dan penggunaan klon tanaman / spesis ternakan / ikan bernilai tinggi.

STRATEGI ED 2.1

Memajukan Kluster Ekonomi Desa

STRATEGI ED 2.2

Memantapkan Keupayaan Usahawan Desa

STRATEGI ED 2.3

Menggalakkan Inovasi, Pensijilan Dan Penjenamaan

Perkaitan berdasarkan SDGs



Perkaitan berdasarkan RMKe-11

1 Memperkuuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama 	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat 	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju 	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan 	5 Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi 	6 Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
--	--	---	--	--	--

Strategi ED 2.1

Memajukan Kluster Ekonomi Desa

Program kluster ekonomi bertujuan untuk membangunkan produk atau perkhidmatan bernali tinggi dan mempunyai identiti daerah masing-masing dengan cara yang terancang dan pada skala yang lebih ekonomik.

Kebaikan Perancangan Kluster

- 1** Infrastruktur dan premis yang sesuai (rancangan latihan, pusat pengumpulan, pemprosesan, logistik dan lain-lain, ruang gerai) boleh dibangunkan secara tersusun dan dapat mengelakkan dari pembukaan tanah baru.
- 2** Pelancongan desa boleh disusun di bawah satu program pelancongan wilayah untuk memudahkan pelancong menyusun pakej secara bersepada mengikut kehendaknya.
- 3** Inkubator pemprosesan makanan dapat memberikan manfaat dari segi jaminan bekalan dan kualiti yang konsisten, selain dari penjenamaan khas wilayah / daerah yang lebih kemas dan tersusun.
- 4** Menaik taraf status operasi industri desa dan membolehkan pelbagai kemudahan dan insentif disalurkan kepada pengusaha dan pelabur mengikut kategori industri yang diceburi.
- 5** Memudahkan pemasaran setiap produk yang dihasilkan oleh pengusaha industri desa kepada firma besar di bandar.

Aktiviti industri desa perlu berubah daripada beroperasi di kawasan rumah dan kebun kepada kawasan industri terancang. Ini bagi membolehkan pelbagai kemudahan dan insentif disalurkan kepada pengusaha dan seterusnya, menaik taraf imej industri agar lebih berdaya maju dan berdaya saing. Lokasi tapak perlu dikenal pasti bagi menempatkan kawasan industri terancang yang akan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan pelbagai kemudahan sokongan. Selaras dengan Program Transformasi Luar Bandar, operasi industri desa sedia ada perlu dinaik taraf kepada PKS mengikut amalan pembuatan baik berdasarkan piawaian mutu perkhidmatan dan kualiti produk yang diiktiraf.



Menambah projek kluster pertanian, perikanan dan penternakan

Perusahaan projek pertanian secara berkelompok digalakkan kerana ini akan menambah produktiviti dan keluasan tanaman melebihi dari saiz tanah sebenar. Sebagai contoh, sayur-sayuran ditanam bersama dengan tanaman manjat lain, tanaman cili di kebun kelapa, projek lebah madu dan tanaman makanan di kawasan rumah. Kepelbagaiannya tanaman antara bermusim dan kontan perlu giat diusahakan untuk memperolehi pendapatan yang cepat dan berterusan sepanjang tahun.

Keluasan, Pengeluaran dan Purata Hasil Pengeluaran Tanaman Padi, Tanaman Industri dan Tanaman Sayur-Sayuran Utama Tahun 2012

	Keluasan	Pengeluaran	Purata Hasil Pengeluaran
Tanaman Padi	 501,090 hektar	2,243,206 tan metrik	4,477 kg. per hektar
Tanaman Industri	 56,899 hektar	604,291 tan metrik	10,620 kg. per hektar
Tanaman Sayur-sayuran	 55,073 hektar	1,238,412 tan metrik	22.5 kg. per hektar

Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia, 2013.

Kawasan padang ragut yang tidak digunakan untuk aktiviti penternakan (terbiar) perlu dibangunkan semula dengan projek ternakan kluster bernilai tambah tinggi seperti ladang fidlot bagi penggemukan lembu dan penghasilan lembu daging yang bermutu tinggi. Selain projek integrasi ternakan dengan tanaman komoditi khususnya kelapa sawit dan getah, penggunaan penuh kawasan padang ragut akan dapat meningkatkan produktiviti sektor penternakan selain mengatasi masalah kekurangan tanah yang sesuai bagi pengembangan aktiviti penternakan.

Pengeluaran Hasil Ternakan, Semenanjung Malaysia (metrik tan)

Bilangan Ternakan, Semenanjung Malaysia

Tahun 2009	Tahun 2013*
2,845,676	2,695,932

Sumber : Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, 2013.
Nota : *Anggaran bagi ternakan kerbau, lembu, kambing, bebiri dan babi

Jenis Ternakan	2009	2013*
Daging Lembu / Kerbau	41,008	52,122
Daging Kambing / Bebiri	2,093	3,531
Daging Babi	166,641	185,550
Daging Ayam / Itik ('000 metrik tan)	1,096	1,273

Sumber : Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, 2013.


Kewujudan banyak kawasan bekas lombong, tasik, sungai-sungai utama dan kawasan berpaya amat baik untuk dijadikan alternatif bagi meningkatkan aktiviti perikanan akuakultur, khususnya ternakan ikan dalam sangkar (bagi ternakan pelbagai spesis yang mempunyai nilai komersial tinggi seperti ikan tilapia merah / hitam, karp, lampam, sebarau, patin dan sebagainya). Negeri-negeri yang kaya dengan kawasan bekas lombong, tasik dan sungai termasuklah Negeri Perak, Pahang, Johor, Terengganu dan Kelantan. Penggunaan secara optimum kawasan badan air sedia ada akan dapat meningkatkan produktiviti sektor perikanan, khususnya perikanan air tawar dan mengurangkan pergantungan tinggi kepada hasil tangkapan perikanan laut dalam. Perancangan tersebut juga perlu mematuhi rawatan air sisa ke tahap piawaian yang ditetapkan oleh agensi pemantauan bagi mengekalkan kualiti kawasan badan air. Cadangan senarai semak projek kluster pertanian, perikanan, penternakan adalah seperti **Jadual 8.1** dan kampung yang berpotensi adalah seperti **Rajah 8.1, Rajah 8.2 dan Rajah 8.3**.

Jadual 8.1: Cadangan Senarai Semak Projek Kluster Pertanian, Perikanan, Penternakan

Elemen	Senarai semak	Elemen	Senarai semak
Perancangan	<p>Menyenaraikan aktiviti pertanian yang strategik:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan makanan - buah-buahan, sayur-sayuran, susu, daging, ayam dan ikan • Tanaman ikonik atau unik • Tanaman bermusim • Tanaman jualan atau untuk IAT • Input pertanian seperti baja organik, racun perosak, benih pokok dan baka ternakan 	Promosi	<ul style="list-style-type: none"> • Menambahbaik promosi Pasar Minggu, GBBS, Pasar Tani di pekan untuk hasil pertanian segar dan produk IAT. • Mengadakan promosi untuk memperolehi tenaga kerja dan usahawan yang sesuai melalui program latihan atau temuduga. • Menambahbaik akses dan premis Pasar Tani di lokasi dalam kampung untuk menarik pengunjung dari bandar. • Memberi insentif kepada penggiat seni (filem, lagu, tarian, teater) yang mempamerkan imej positif kegiatan pertanian / penternakan / perikanan serta IAT. • Mengadakan aktiviti <i>match-making</i> antara petani dan pengusaha IAT, hotel, restoran dan rangkaian peruncit dan pasaraya dan institusi lain (termasuk pejabat kerajaan dan swasta, IPTA) bagi memperbanyakkan kontrak pembekalan terus / <i>direct supply contracts</i>. • Mengaitkan aktiviti pertanian dan pelancongan (kelas memasak, <i>animal petting</i>, <i>tractor rides</i>, menangkap ikan, pertandingan dan karnival menanam atau memetik buah dan lain-lain). • Menganjurkan karnival, festival produk tani desa.
Infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> • Penetapan lokasi tanah kebun, padang ragut, badan air yang sedia ada dan berpotensi, kadar seawaan tanah. • Pembinaan inkubator untuk IAT makanan yang bersih dan teratur dengan mesin yang bersesuaian (mengumpul, membersih, memasak, menggred dan membungkus). • Membangunkan aplikasi telefon untuk maklumat pasaran dan tren permintaan. 		
Latihan	<ul style="list-style-type: none"> • Penganjuran latihan dan <i>R&D</i> untuk pengusaha IAT (contoh : pembuatan jem, jeruk, keropok, jeli, mee, makanan sejuk beku, daging salai, acar buah, pes, madu, nugget dan bebola, kordial, biskut, keju, telur masin / pindang, herba, kosmetik dan lain-lain). • Memberi latihan kepada ahli koperasi yang bertanggungjawab melaksanakan program pertanian atau IAT. • Mengenal pasti keperluan latihan setiap individu usahawan dan mentor yang sesuai. • Menyenaraikan skim dan program bantuan yang ada bagi pertanian, perikanan dan penternakan. • Menyusun program lawatan sambil belajar ke kampung lain bagi mempelajari kaedah yang berjaya. 		

Sumber : DPF Desa Negara, 2016.


Rajah 8.1 : Taburan Kampung Berpotensi Menjalankan Aktiviti Pertanian



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota: Tiada kampung di Negeri Pulau Pinang dan WP Labuan yang berpotensi menjalankan aktiviti pertanian.


Rajah 8.2 : Taburan Kampung Berpotensi Menjalankan Aktiviti Perikanan



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota: Tiada kampung di WP Labuan yang berpotensi menjalankan aktiviti perikanan.

Rajah 8.3 : Taburan Kampung Berpotensi Menjalankan Aktiviti Penternakan



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota: Tiada kampung di WP Labuan yang berpotensi menjalankan aktiviti perikanan.

Menambah projek kluster pelancongan eko, agro dan warisan

Status negara sebagai peneraju utama produk persijilan halal bagi produk pertanian, perindustrian, pelancongan dan perkhidmatan telah menyediakan asas yang kukuh dan membuka banyak peluang bagi sektor pelancongan negara. Struktur etnik, asas ekonomi dan sosio budaya desa sedia ada akan memudahkan langkah inklusif di dalam pembangunan produk halal negara dan seterusnya, berpotensi membentuk imej ikonik desa dalam jangka masa panjang. Sumber jaya pelancongan desa perlu diterokai secara berkelompok untuk memaksimumkan minat pelancong dalam dan luar negeri melawat kawasan yang terlibat berbanding dengan kawasan-kawasan pelancongan yang sedia terkenal (**Rajah 8.4, Rajah 8.5 dan Rajah 8.6**).



Sumber jaya pelancongan desa ini dapat memberikan hasil pulangan dan pendapatan lumayan bukan sahaja kepada syarikat pemandu pelancong, tetapi kepada pengusaha inap desa, pengusaha restoran, pengusaha aktiviti sukan dan kebudayaan di kampung tersebut. Senarai semak bagi projek kluster pelancongan eko, agro, warisan dan inap desa adalah seperti **Jadual 8.2**.

Menurut statistiks yang ada dari Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (2014), pelbagai sumber jaya desa yang boleh dieksloitasi secara mampan meliputi sejumlah 924 sumber tarikan pelancongan di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. Sumber-sumber tarikan ini boleh diperluaskan untuk dibangunkan secara bersepada dengan aktiviti ekonomi penduduk desa yang lain khususnya pertanian, penternakan dan perikanan selain pemeliharaan aset warisan sejarah serta budaya hidup, adat resam dan kesenian masyarakat desa pelbagai bangsa. Ini adalah cara asas bagaimana sebuah kluster pelancongan dapat dimulakan.



Taman Negara Pahang

924

Sumber Tarikan Pelancongan di Semenanjung Malaysia

427

Pelancongan
Eko

Rangkaian banjaran gunung-ganang dan hutan simpan semula jadi lebih banyak tertumpu di bahagian tengah Semenanjung Malaysia iaitu di Negeri Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor. Kawasan pesisiran pantai dan rangkaian pulau-pulau yang indah pula tertumpu di kawasan perairan Negeri Terengganu, Pahang, Johor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan WP Labuan.

84

Pelancongan
Agro

Kawasan jelapang padi di Negeri Kedah, Perak, Kelantan dan Selangor, dusun buah-buhan tempatan di Negeri Pulau Pinang, Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor, ladang ternakan rusa, lembu dan bebiri serta ternakan madu lebah / kelulut di Negeri Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Johor.

413

Pelancongan
Kebudayaan, Seni Dan
Warisan Sejarah


Aset warisan sejarah pada amnya, meliputi pelbagai objek alam binaan yang mempunyai nilai warisan yang tinggi seperti tapak dan bangunan bersejarah, masjid dan rumah ibadat lain, muzium, makam pahlawan dan kesultanan dan sebagainya.

Sumber: Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, 2014.

Produk-produk warisan dan sejarah yang terdapat di desa perlu diwarta di bawah Jabatan Warisan Negara. Ini bagi memastikan produk-produk warisan kekal dipelihara dan dipulihara untuk generasi akan datang. Selain itu, pemeliharaan produk-produk ini juga mampu menjadi tarikan pelancong yang berkunjung di desa sekiranya iaanya dijaga dan diselenggara dengan sebaiknya.



Rajah 8.4 : Taburan Produk Pelancongan Eko dan Agro Di Kawasan Desa



Sumber : 1. DPF Desa Negara, 2016.

2. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, 2015.

Rajah 8.5 : Taburan Produk Warisan Desa Berdasarkan Pewartaan Jabatan Warisan Negara



Sumber : 1. DPF Desa Negara, 2016.

2. Jabatan Warisan Negara, 2014.

Rajah 8.6 : Cadangan Koridor Warisan Desa Berdasarkan DPF Desa Negara

01 PERLIS

- Tariang Canggung (Kangar)
- Tarian Inai (Kangar)
- Seni Penglipur Lara Awang Batil (Kangar)
- Menora
- Wayang Gedek
- Anyaman Mengkuang

- Air Genting Kubu

02 KEDAH

- Teater Mek Mulong, Wang Tepus, Jitra
- Ghazal Parti
- Menora
- Wayang Gedek
- Seni Gendang Melayu (Pendang)
- Nobat (Alor Setar)
- Galah Panjang Tui
- Anyaman Mengkuang

- Sungai Batu, Lembah Bujang
- Air Hnagar, Langkawi
- Air Panas, Baling
- Air Terjun Telaga Tujuh, Langkawi
- Air Terjun Lata Bayu
- Air Terjun Lata Bukit Hijau
- Air Terjun Junjung

03 PERAK

- Tarian Dabus
- Tarian Gambus (Kuala Kangsar)
- Opera Cina
- Labu Sayong (Kuala Kangsar)
- Takat Benang Emas (Kuala Kangsar)
- Anyaman Mengkuang
- Parang dan Keris (Kuala Kangsar)

- Taman Negara
- Bukit Bunuh, Kota Tampang, Lenggong
- Nenering, Lenggong
- Bukit Sapi, Lenggong
- Kampung Laut, Lenggong
- Taman Diraja Belum, Hulu Perak
- Air Panas, Trokak
- Air Panas, Trong
- Air Terjun Lata Iskandar
- Air Terjun Lata Kijang
- Air Terjun Austin Falls
- Air Terjun Ulu Kinta
- Air Terjun Lata Kekabu

04 KELANTAN

- Dikir Barat
- Tarian Siti Wau Bulan
- Tarian Asyik
- Main Puteri
- Mak Yong
- Menora
- Wayang Kulit
- Genting Singgora (Bachok)
- Galah Panjang Coh
- Katuk Kei (Konda-konda)
- Songkak (Kota Bahru)
- Batik (Ketereh, Pasir Mas, Bachok, Kota Bahru)
- Wau (Kota Bahru & Pantai Cahaya Bulan)

- Taman Negara
- Hutan Lipur Bukit Bakar, Machang
- Pantai Tok Bali
- Pantai Sabak
- Air Terjun Gunung Stong
- Pantai Cahaya Bulan
- Jeram Linang, Pasir Puteh
- Jeram Pasu, Pasir Puteh

05 TERENGGANU

- Tarian Balai
- Galah Panjang Gelap Cerah
- Songket
- Batik (Kuala Terengganu)
- Anyaman Mengkuang (Kuala Ibai)
- Uluk Mayang
- Bot (Pulau Duyong)
- Tembaga Putih (Kuala Terengganu)
- Ukiran Kayu (Besut)

- Taman Negara
- Air Terjun Sekayu
- Air Terjun Bukit Belatan, Kg. Renek

06 PULAU PINANG

- Ghazal Parti (Kepala Batas)
- Boria
- Opera Cina
- Batik (Batu Ferringgi)
- Chingay

- Air Terjun Batu Ferringgi
- Air Terjun Titi Krawang
- Air Terjun Bayan Lepas
- Air Terjun Taman Botanikal

07 SELANGOR

- Tarian Bhangra
- Tarian Bharata Natyam
- Tarian Mah Meri (Pulau Indah)
- Ukiran Kayu Mah Meri (Pulau Carey)

- Hutan FRIM, Sg. Buloh
- Batu Caves, Gombak

08 PAHANG

- Tarian Gamelan (Pekan)
- Songket (Pulau Keladi, Pekan)
- Batik (Teluk Cempedak)

- Taman Negara
- Air Terjun Robinson, Cameron Highlands
- Air Terjun Parit, Cameron Highlands
- Air Terjun Sungai Pandan, Sungai Lembing

09 NEGERI SEMBILAN

- Bongai (Lagu Tradisional)
- Teater Randai
- Galah Panjang (Galah Adang)

- Hutan Rekreasi Pasir Panjang
- Air Panas, Pedas
- Air Terjun Serting Hulu, Batu Kikir
- Air Terjun Ulu Bendol, Kuala Pilah

PETUNJUK:

Warisan Tidak Ketara

Warisan Ketara



12 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

- Kehidupan Tradisional Kampung Air

- Taman Botanikal
- Taman Damai
- Pantai Batu Manikar
- Pantai Layang-Layangan
- Pantai Pancur Hitam
- Taman Burung Labuan
- Muzium Marina Labuan
- Muzium Labuan
- Tugu Perenakan Jepun
- The Chimney
- Tugu Peringatan Perang Dunia Ke-2
- Kawasan Melaylam (Bangkai Kapal Karam Amerika dan Australia, Blue Water Wreck dan Cement Wreck)

11 JOHOR

- Tarian Kuda Kepang Ghazal (Muar)
- Tarian Zapin
- Gendang 24 Perayaan
- Galah Panjang Belon Acah
- Seramak (Ayer Hitam)

- Taman Negara Tanjung Piai, Pontian
- Taman Negara, Gunung Ledang, Muar
- Air Terjun Gunung Ledang
- Air Terjun Lombong, Kota Tinggi
- Air Terjun Gunung Pulai
- Air Panas Sungai Grisek, Batu Pahat

10 MELAKA

- Dongdong Sayang
- Tarian Mak Inang
- Opera Cina
- Galah Panjang (Hantu Galah)

- Kota Melaka
- Arkeologi Bawah Air Kapal Karam
- Hutan Rekreasi Sungai Udang
- Hutan Rekreasi Tanjung Tuan
- Taman Hutan Gunung Ledang

Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Jadual 8.2: Cadangan Senarai Semak Projek Kluster Pelancongan Eko, Agro, Warisan dan Inap Desa

Elemen	Langkah
Perancangan	<ul style="list-style-type: none"> <input checked="" type="checkbox"/> Membentuk visi, objektif dan strategi industri pelancongan desa setempat sama ada agropelancongan, ekopelancongan atau pelancongan berdasarkan seni dan warisan budaya. <input checked="" type="checkbox"/> Menggabungkan operator pelancongan setempat dalam satu persatuan/jawatankuasa. <input checked="" type="checkbox"/> Menyenaraikan aktiviti pelancongan yang boleh dilaksanakan (memancing, berbasikal, berkuda, menari tarian tradisional, melukis batik, mengamat burung, berkayak, mendaki, sukan lasak, bermain wau, menanam padi dan lain-lain) <input checked="" type="checkbox"/> Menyenaraikan tarikan pelancongan yang ada (kesan sejarah, gua dan bukit, pantai dan teluk, bengkel kraf tangan, kebun buah-buahan, taman herba, tugu peringatan, kubur orang kenamaan, muzium, terusan atau empangan dan lain-lain). <input checked="" type="checkbox"/> Menyusun program lawatan sambil belajar dan pakej mesyuarat (lawatan ekologi, pertanian, kraf tangan, seni budaya, bahasa tempatan, sejarah dan arkeologi, flora dan fauna dan lain-lain).
Modal	<ul style="list-style-type: none"> <input checked="" type="checkbox"/> Mendapatkan geran modal dan kontraktor untuk kerja pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan.
Infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> <input checked="" type="checkbox"/> Penetapan lokasi dan sempadan kawasan pelancongan. <input checked="" type="checkbox"/> Pembangunan pusat maklumat pelancong. <input checked="" type="checkbox"/> Pembangunan premis makanan yang berkonsepkan tradisional dan santai untuk menarik pengunjung dari bandar. <input checked="" type="checkbox"/> Penyediaan pelbagai jenis penginapan termasuk inap desa atau hotel.
Latihan	<ul style="list-style-type: none"> <input checked="" type="checkbox"/> Melantik pegawai pelancongan khusus atau dikalangan penduduk tempatan. <input checked="" type="checkbox"/> Menyediakan garis panduan untuk pengusaha inap desa. <input checked="" type="checkbox"/> Pengajuran latihan hospitaliti dan nasihat teknikal untuk pengusaha premis makanan tradisional. <input checked="" type="checkbox"/> Menganjurkan latihan hospitaliti dan nasihat teknikal untuk pengusaha pelancongan. <input checked="" type="checkbox"/> Mengenal pasti operator khusus untuk setiap aktiviti / program pelancongan. <input checked="" type="checkbox"/> Menganjurkan latihan pemandu pelancong. <input checked="" type="checkbox"/> Penyediaan garis panduan etika pengusaha pelancongan. <input checked="" type="checkbox"/> Meningkatkan latihan pemasaran, bahasa dan pembangunan produk melalui lawatan sambil belajar, perbincangan berkumpulan, latihan dalam komuniti dan perkongsian pengalaman dan pengetahuan.
Pemasaran dan Promosi	<ul style="list-style-type: none"> <input checked="" type="checkbox"/> Penyediaan brosur, papan tanda, peta, buku panduan pelancong. <input checked="" type="checkbox"/> Penyediaan maklumat / iklan untuk firma pelancongan dan portal pelancongan. <input checked="" type="checkbox"/> Menyelaraskan kalender atur cara di semua peringkat (bulanan, tahunan).

Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Sumber-sumber semula jadi sedia ada di kawasan desa amat baik dibangunkan untuk aktiviti pelancongan eko tanpa menjaskan keaslian, ekosistem dan kualiti alam persekitaran asset tersebut. Aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan amat sinonim dengan kawasan desa yang boleh dipakejkan dengan lain-lain kawasan tarikan desa bagi menggalakkan pelancongan agro secara komersial. Selain itu, terdapat banyak juga aset warisan sejarah di kawasan desa yang perlu dipelihara dan dimanfaatkan bagi tujuan menarik pelancong untuk mengenali asal usul dan sejarah kehidupan individu dan masyarakat tempatan daripada zaman dahulu kala sehingga kini. Aset warisan sejarah pada amnya, meliputi pelbagai objek alam binaan yang mempunyai nilai warisan yang tinggi seperti tapak dan bangunan bersejarah, masjid dan rumah ibadat lain, muzium, makam pahlawan dan kesultanan dan sebagainya.

Program inap desa yang diusahakan oleh penduduk kampung di Semenanjung Malaysia mendapat sambutan baik di kalangan pelancong tempatan dan asing serta mampu memberi pulangan hasil yang lumayan dalam jangkamasa panjang. Pembangunan inap desa mempunyai prospek yang baik untuk dilaksanakan secara optimum di rangkaian kampung-kampung yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Dalam jangka masa panjang, ia mampu menghasilkan pendapatan lumayan kepada peserta program dan meningkatkan sosioekonomi penduduk desa.




Sumber : Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Bilangan Inap Desa di Semenanjung Malaysia, 2014




Jumlah Kedatangan Pelancong dan Jumlah Pendapatan, 2014



Sumber : Unit Homestay, Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, 2015.

Rajah 8.7 : Taburan Inap Desa



Sumber : 1. DPF Desa Negara, 2016.

2. Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, 2014.

Nota : Tiada kampung di Negeri Perlis yang terlibat dengan inap desa.

Menyediakan ruang perdagangan dan perniagaan kecil di lokasi strategik

PKS yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan perdagangan memainkan peranan utama dalam menyokong pertumbuhan ekonomi di pekan dan PPD. Ia juga membantu dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk desa. Adalah penting bagi memastikan aktiviti perkhidmatan perdagangan mampu bertahan, berdaya saing dan berdaya maju seiring dengan perkembangan ekonomi semasa dan masa hadapan. Aktiviti industri desa khususnya industri asas tani (IAT) yang berdasarkan sumber jaya tempatan berjaya membantu menambah pendapatan pekebun kecil, petani dan peladang serta penternak.

Taburan Perusahaan Industri Asas Tani (IAT), 2013



7,056
Jumlah pengusaha

2,908
Bilangan kampung

RM 439.7 juta
Kos pengeluaran


RM 718.3 juta
Nilai jualan

Jenis produk industri asas tani

Kuih-muih tradisional (bahulu, rempeyek, kerepek pisang / ubi / sukun, dodol, wajik, pelbagai biskut), kordial minuman, makanan sejuk-beku, kek, roti canai segera, ikan pekasam, mee kuning, minyak kelapa dara dan sebagainya.

Sumber : Bahagian Industri Asas Tani, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, 2013

Taburan Usahawan Industri Kraf Tangan Desa, 2014



Sumber : Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2014.

IAT tidak mampu berkembang dengan baik kerana kebanyakan industri desa diusahakan secara kecil-kecilan dan bersifat kerja sampingan selain beroperasi di kawasan kediaman. Tindakan perlu diambil bagi memastikan pengusaha IAT dapat memasarkan produk mereka melalui rangkaian peruncitan dan perdagangan yang mantap melalui penyediaan premis yang bersesuaian secara kluster supaya mampu meraih hasil yang lumayan dan mempunyai prospek yang baik untuk berkembang di masa hadapan.

Lebih banyak bangunan perniagaan mampu milik / sewa beli seperti kedai dan gerai dibangunkan di pekan dan PPD bagi menampung permintaan di kawasan desa. Cadangan senarai semak bagi menjayakan aktiviti perdagangan dan peruncitan di desa adalah seperti **Jadual 8.3**. PBT perlu memastikan setiap pusat perniagaan di kawasan desa dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan serba lengkap termasuk perkhidmatan jalur lebar. Pihak berkaitan juga perlu memastikan pelaksanaan setiap projek perniagaan mengambil kira keperluan peniaga kecil dan usahawan tempatan terutama aspek reka bentuk bangunan yang praktikal seperti arked perniagaan, medan selera, kompleks perniagaan dan dibangunkan di lokasi sesuai bagi menarik pelanggan bagi memastikan kejayaan sesuatu perniagaan. Perhatian juga harus diberikan kepada premis bagi peniaga sektor informal seperti tapak pasar malam, pasar tani , pasar minggu dan lain-lain.

Jadual 8.3: Cadangan Senarai Semak Untuk Menjayakan Aktiviti Perdagangan Dan Peruncitan Desa

Elemen	Langkah
Perancangan	<ul style="list-style-type: none"> Membentuk visi, objektif dan strategi (contoh : menjadi hab produk tekstil seperti batik, songket, tekat; menjadi hab <i>hawker food</i>, menjadi pusat peruncitan barang majlis perkahwinan, pasar terapung). Menggabungkan tuan pemilik premis setempat dalam satu persatuan atau jawatan kuasa. Menyenaraikan tarikan membeli-belah yang ada untuk penduduk tempatan dan pelancong.
Modal	<ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan geran modal dan kontraktor untuk kerja pemeliharaan dan pemuliharaan premis kedai dan ruang pameran.
Infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> Penetapan lokasi pusat jualan sementara dan tetap. Pembangunan premis makanan yang bersih dan lengkap dengan keperluan yang sesuai. Penyediaan ruang tempat letak kenderaan pembeli dan ruang pemunggahan barang yang sesuai. Penyediaan kemudahan jalur lebar untuk kegunaan penjual dan pembeli.
Latihan	<ul style="list-style-type: none"> Menganjurkan latihan keusahawanan.
Promosi	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan brosur, papan tanda, peta, buku panduan untuk penduduk dan pengunjung luar. Penyediaan maklumat / iklan yang menarik dan kemas Menyelaraskan kalendar aturcara di semua peringkat (bulanan, tahunan)

Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
ED2.1A: Menambah projek kluster pertanian, perikanan dan penternakan melalui cadangan senarai semak yang diberikan.	• Bilangan kampung yang terlibat dalam projek kluster berasaskan pertanian, perikanan dan penternakan.	√	√	√	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • Jabatan Pertanian • Jabatan Veterinar • Jabatan Perikanan	• Jabatan Pertanian
Grid Tipologi 						
ED2.1B: Menambah projek kluster pelancongan eko, agro dan warisan melalui cadangan senarai semak yang diberikan.	• Bilangan kampung yang terlibat dalam projek kluster berasaskan pelancongan	√	√	√	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • Jabatan Warisan Negara • Lembaga Pelancongan Negeri	• UPEN • PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi 						
ED2.1C: Menyediakan ruang perdagangan dan perniagaan kecil di lokasi strategik bagi setiap gugusan rangkaian kampung / pusat komersial / PPD / pekan kecil melalui cadangan senarai semak yang diberikan	• Pertambahan bilangan unit perdagangan dan perniagaan kecil di setiap daerah.	√	√	√	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT	• Pejabat Daerah dan Tanah • PLANMalaysia @Negeri
Grid Tipologi 						

* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi ED 2.2

Memantapkan Keupayaan Usahawan Desa

Beberapa cabaran dan kekangan untuk melahirkan komuniti usahawan desa yang berdaya saing dan mampu mentransformasikan perniagaan ke skala lebih besar sehingga ke peringkat antarabangsa adalah kurang pendedahan mengenai selok-belok perniagaan dan jaringan dagangan, kekurangan modal serta tahap inovasi dan penggunaan teknologi yang rendah. Terdapat pelbagai pihak yang terlibat dalam pembangunan usahawan desa seperti **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4: Pihak Yang Terlibat Dalam Pembangunan Usahawan Desa

Agensi	Program	Agensi	Program
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	<ul style="list-style-type: none"> Program Usahawan MARA, KEJORA, JAKOA, KETENGAH, KEDA, KEMAS, KESEDAR dan KETENGAH Karnival Usahawan Desa 	TERAJU (Unit Peneraju Agenda Bumiputera), Jabatan Perdana Menteri	<ul style="list-style-type: none"> Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) Institut Keusahawanan Negara <ul style="list-style-type: none"> INSKEN500 BisKaunselor SME High Performing INSKEN Knowledge Sharing BisNet Dana Mudahcara Skim Jejak Jaya Bumiputera Dana Pembangunan Halal Dana Pengembangan Perniagaan
Kementerian Pertanian dan Asas Tani	<ul style="list-style-type: none"> Program Agri-BDC Skim Galakan dan Insentif Dana Tekno Rancangan Pemasaran Rancangan Perniagaan Program <i>MyKampung MyFuture</i> Azam Tani 		<ul style="list-style-type: none"> Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi, UUM Institute of Business Excellence, UiTM Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development, UiTM
Kementerian Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> 1MET Cradle Fund Sdn. Bhd. 		<ul style="list-style-type: none"> Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. eRezeki eUsahawan
SME Corp. Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Program Business Accelerator Programme (BAP) Program SME-University Internship Program SME@Universiti Program Pemotoran PKS Panel Penasihat Pakar PKS Program (SEAP) Bumiputera Enterprise Enhancement Programme (BEEP) Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) 	Malaysian Global Innovation & Creativity Centre	<ul style="list-style-type: none"> MaGIC Academy MaGIC Accelerator

Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Strategi ini mencadangkan usaha sedia ada diteruskan untuk memperkasakan usahawan desa agar mereka mampu mencipta peluang pasaran, mempelbagaikan jaringan perniagaan dan meningkatkan daya saing setanding dengan usahawan lain di bandar dan luar negara.

Menambah bilangan pusat setempat perkhidmatan perundingan dan nasihat perniagaan serta bilangan pameran bergerak dan program OUTREACH untuk penduduk desa

Perkhidmatan pusat setempat ini bertujuan untuk memberi bantuan segera kepada pengunjung terhadap akses maklumat sama ada melalui kakitangan yang telah ditempatkan atau risalah interaktif yang disediakan. Pusat setempat boleh diletakkan di 7 buah RTC sedia ada dan Mini RTC yang sesuai dan berfungsi dengan pelbagai maklumat untuk membawa pelanggan perkhidmatan business-matching yang mereka perlukan di dalam dan luar negara. Model yang boleh digunakan ialah Pusat Rujukan Setempat (One-Stop Referral Centre, ORC) di SME Corp

Fungsi Agensi Setempat

- 1** Memberi perkhidmatan perundingan dan nasihat khusus kepada usahawan desa tentang peluang pasaran
- 2** Pendaftaran untuk acara program karnival atau pameran yang dianjurkan oleh agensi kerajaan dan swasta.
- 3** Aplikasi untuk perkhidmatan permohonan kredit, pendaftaran kursus latihan, keperluan inovasi dan perkara berkaitan sumber manusia, peluang francais dan sebagainya.

“



Pusat Rujukan Setempat (One-Stop Referral Centre, ORC) SME Corp. Malaysia

Mula dilancarkan pada tahun 2011. Ianya telah membantu menyokong PKS dengan memperlengkapkan mereka dengan maklumat dan ilmu pengetahuan yang tepat dan khusus bagi membantu pembangunan mereka.

”

- Khidmat nasihat perniagaan
- Menyebarluaskan maklumat yang relevan berkaitan dana dan insentif kerajaan untuk PKS
- Menyediakan saluran maklum balas bagi isu-isu berkaitan PKS
- Berkongsi pengetahuan, idea dan pandangan berkaitan pelbagai aspek perniagaan
- Memberi bimbingan kepada PKS.
- Sesi rundingan bersama Kaunselor Perniagaan dan Kewangan yang bertauliah

Sumber: SME Corp Malaysia, 2015.

Menganjur lebih banyak kategori pertandingan untuk memajukan aktiviti keusahawanan desa dan menggalakkan penyertaan

Penganjuran pelbagai jenis pertandingan dan pengiktirafan kepada usaha berinovasi tinggi, berkembang maju dan membawa impak besar kepada ekonomi dan masyarakat desa boleh dilaksanakan di desa. Program sedemikian mampu membudayakan sikap ingin maju dan semangat untuk menambah produktiviti dan kualiti produk atau khidmat yang ditawarkan. Penduduk desa perlu yakin bahawa produk desa mempunyai keunikan dan tempat dalam pasaran di dalam dan luar negara.

Buat masa ini, program *Rural Business Challenge* anjuran KKLW adalah antara program tahunan terbesar bagi menggalakkan penduduk desa mengusahakan sesebuah projek ekonomi dengan cekap dan strategik. Pemenang akan menerima bantuan dari segi promosi produk, kursus dan latihan, R&D produk atau proses, penjenamaan dan pemasaran serta pembangunan kapasiti. Kerjasama dengan agensi kerajaan, bank atau badan swasta juga perlu dipertingkatkan untuk menambah dana hadiah dan mendapatkan pautan komersial bagi peserta.

Selain itu, Program Desa Lestari anjuran KKLW juga merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan keupayaan komuniti setempat dan memperkasa ekonomi dan keusahawanan penduduk kampung. Program-program seperti ini harus ditingkatkan bagi menggalakkan lagi penglibatan penduduk dalam menjayakan pembangunan sesebuah kampung.



Sumber: Portal Rasmi KKLW

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
ED2.2A: Menambah bilangan pusat setempat perkhidmatan perundingan dan nasihat perniagaan serta bilangan pameran bergerak dan program <i>OUTREACH</i> untuk penduduk desa.	• Bilangan RTC dan Mini RTC yang mempunyai pusat setempat perkhidmatan perundingan dan nasihat perniagaan	✓	✓	✓	• KKLW	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
ED2.2B: Menganjur lebih banyak kategori pertandingan untuk memajukan aktiviti keusahawanan desa dan menggalakkan penyertaan.	• Pertambahan bilangan kategori pertandingan keusahawanan desa	✓	✓	✓	• KKLW	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi ED 2.3

Menggalakkan Inovasi, Pensijilan Dan Penjenamaan

Penggunaan hasil rekaan dan ciptaan baru yang memberi faedah kepada pembangunan sektor pertanian sama ada diusahakan secara ladang atau kebun kecil perlu dipergiatkan. Persepsi terhadap bidang pertanian yang ketinggalan, tradisional, kotor dan mundur dapat dihakis dengan penggunaan kaedah baru yang dihasilkan secara kreatif dan berinovasi. Sektor utama di dalam asas ekonomi desa ini sentiasa berubah, maju dan canggih mengikut peredaran zaman. Bagi mencapai piawaian amalan pembuatan baik, pengusaha industri desa disaran untuk mengikuti pelbagai kursus kemahiran, teknologi dan keusahawanan anjuran pelbagai agensi. Produk-produk makanan dan industri desa perlu diberi penjenamaan yang lebih menarik untuk menonjol di dalam pasaran tempatan dan global yang mencabar dan penuh dengan persaingan yang sengit. Jenama produk yang kukuh, dikenali dan diyakini akan dapat meningkatkan imej sesuatu produk dan kekal berjaya di dalam pasaran.

	✓ Pengiktirafan daripada badan pensijilan berkaitan
	✓ Harga yang sepadan dengan kualiti
	✓ Kualiti pembungkusan dan pelabelan yang meyakinkan dan menarik
	✓ Logo yang jelas dan mudah dikenali
	✓ Maklumat kebaikan dan kelebihan produk
	✓ Perkhidmatan pelanggan

Usaha harus dipergiatkan untuk menggalakkan inovasi dan penggunaan mesin di semua peringkat pengeluaran produk termasuk di ladang / kebun, aktiviti huluhan dan hiliran dalam menghasilkan produk berkualiti dan bernilai tinggi serta sesuai dengan kehendak pasaran semasa. Kolaborasi jangka panjang dengan universiti dan institut teknikal perlu dilakukan untuk mencipta produk, mesin atau proses baru yang menjimatkan masa serta mengurangkan pembaziran. Langkah ke arah automasi dalam pengeluaran juga adalah penting untuk mengurangkan pergantungan ekonomi desa kepada buruh asing. Program pensijilan dan audit mutu (Halal, GAP, GMP, Malaysia Best) adalah penting sekiranya produk desa ingin bersaing dengan produk luar negara. Kesemua aktiviti ini sebaiknya diuruskan secara pengkhususan produk oleh agensi yang bertanggungjawab.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
ED2.3A: Menggalakkan pensijilan / akreditasi, penyelidikan dan inovasi, penggunaan teknik baru pengeluaran, pengawalan kualiti serta penjenamaan produk desa (mengikut kesesuaian).	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan kampung yang mempunyai projek kolaborasi khusus untuk tujuan inovasi, pensijilan dan penjenamaan produk ekonomi desa. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah KKLW 	• KKLW

* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Grid Tipologi

U1 **U2** **UR** **RU** **R5** **R6**



PERNYATAAN DASAR ED 3

PENGUKUHAN RANTAIAN NILAI (VALUE-CHAIN) EKONOMI DESA

Rantaian nilai yang lengkap bagi setiap produk desa yang hendak dimajukan perlu ada kesinambungan dari mula sehingga akhir, iaitu dari aktiviti penyediaan dan pemprosesan bahan mentah, pembungkusan barang sehingga produk dapat dipasarkan kepada pengguna. Program rantaian nilai yang baik mengambil kira bekalan input yang berkualiti, mencukupi, tepat masa dan harga yang kompetitif kepada usahawan desa. Ini melibatkan aktiviti yang mewujudkan peluang pasaran yang lebih luas untuk produk desa bersaing dengan produk import (terutama produk makanan segar, produk organik, produk halal dan kraf tangan). Rantaian nilai sesebuah produk melibatkan komponen seperti berikut:



Di dalam konteks desa, sekiranya skala pengeluaran adalah kecil, perlu disediakan pusat-pusat pengumpulan dan pemprosesan produk bagi memastikan usahawan desa mampu mengeluarkan produk bernilai tinggi. Bagi memastikan produk desa mempunyai potensi besar untuk dimajukan sehingga peringkat antarabangsa, aspek tambahan seperti penggudangan, pembungkusan, pemasaran dan penubuhan firma pemasaran produk khusus harus dipertimbangkan.

Sebagai langkah menentukan bekalan optimum untuk komoditi mudah rosak (seperti sayuran dan buah-buahan), kerajaan boleh memperkenalkan sistem pesanan pasaran (*marketing orders system*) dan juga *e-commerce shopping mall* seperti www.a-peace.com di Korea Selatan yang mempunyai 300 syarikat dengan pensijilan kualiti makanan tradisi Korea. Kerajaan juga aktif dalam usaha menyokong perkembangan industri agromakanan dan bioteknologi sebagai pembeli utama produk pertanian desa.

STRATEGI ED 3.1

Menggalakkan Perjanjian Bekalan

STRATEGI ED 3.2

Menambah Penggunaan E-Commerce Di Dalam Pemasaran Produk Desa

STRATEGI ED 3.3

Membudayakan Penggunaan Produk Desa Di Kalangan Masyarakat Umum

Perkaitan berdasarkan SDGs



Perkaitan berdasarkan RMKe-11

1 Memperkuatkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama 	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat 	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju 	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan 	5 Memperkuatkan infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi 	6 Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
--	--	---	--	---	--

Strategi ED 3.1

Menggalakkan Perjanjian Bekalan

Perjanjian bekalan ialah perjanjian di mana penjual berjanji untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan yang dinyatakan oleh pembeli dari masa ke semasa dan pada kuantiti serta harga tertentu.

Syarat-syarat kontrak bekalan boleh menetapkan cara-cara di mana barang yang dihantar dan dikumpul, syarat pembayaran, dan lain-lain aspek hubungan kedua-dua pihak yang relevan. Perjanjian bekalan mampu membantu memperkasakan ekonomi desa kerana ianya memberikan insentif kepada setiap unit ekonomi yang terlibat untuk melaksanakan fungsi mereka di samping memudahkan perancangan pengeluaran yang menguntungkan kedua-dua pihak. Jaminan permintaan dan bekalan ini membolehkan pengusaha mengira jumlah unit dan harga yang munasabah. Pengguna pula merasa yakin kerana produk sentiasa ada di pasaran dengan kualiti yang konsisten.

Perjanjian boleh berlaku antara:

Pembekal bahan mentah
dan firma



Menambah premis pemasaran langsung produk segar dan industri asas tani (IAT) dari desa.

Program pengumpulan produk dan pemasaran langsung untuk buah-buahan, sayur-sayuran dan makanan segar di bawah FAMA haruslah diberi sokongan penuh dan diperluaskan. Penambahan premis untuk program Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), Pasar Tani, Kedai Agrobazaar dan K-Shoppe perlu disokong dan digalakkan sebagai saluran pemasaran secara langsung bagi hasil keluaran desa. Pasar tani juga disokong oleh pelbagai kegiatan berjadual seperti aktiviti promosi barang baru, galakan pasaran produk pertanian dan memperkenalkan produk PKS baru.

Menggalakkan konsep ‘Perjanjian Bekalan’ bagi bahan mentah, makanan segar, pakej katering, pakej penginapan dan lain-lain.

Pemasaran secara tidak langsung dipergiatkan melalui perjanjian bekalan (*supply contract*) antara pengeluar produk desa dengan agen atau industri yang berpotensi seperti rangkaian pasaraya, syarikat pemprosesan makanan, hotel dan restoran, pengelola kantin pejabat awam, sekolah dan lain-lain. Perjanjian bekalan yang berjaya juga mampu membawa kepada kerjasama yang lebih erat termasuklah dari segi kemudahan pengumpulan, pemprosesan, R&D produk dan penjenamaan. Interaksi dan kerjasama ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak di mana perjanjian bekalan akan memastikan pendapatan yang stabil bagi penduduk desa yang terlibat. Bagi pihak industri pula, perjanjian ini dapat menjamin bekalan yang konsisten dan berkualiti seperti yang diperlukan oleh pasaran.

Memperluas penggunaan model koperasi

Model koperasi berpotensi diusahakan untuk mengisi kekosongan di dalam rangkaian nilai produk desa. Ianya mampu memberi model pengurusan dari awal hingga akhir yang sistematik dan berkesan. Kebaikan sistem koperasi ialah dengan modal yang lebih tinggi, ia boleh menyatukan masyarakat desa dalam membuat keputusan dan tindakan secara bersama untuk menentukan arah tuju ekonomi desa. Lebih banyak jumlah dan jenis produk boleh digerakkan di sepanjang rantai nilai dengan menggunakan perantara koperasi seperti membungkus, mengedarkan atau menghantar produk tempatan kepada pengguna melalui saluran tradisional seperti pasar raya, restoran dan lain-lain. Ini membolehkan pengusaha desa untuk menumpu lebih banyak masa dan perhatian kepada jumlah dan kualiti output sahaja. Strategi KKLW untuk mewujudkan lebih banyak Kampung Abad Ke-21 harus diberi pujian dan perlu diperluaskan ke seluruh negara.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
ED3.1A: Menambah premis pemasaran langsung produk segar dan IAT dari desa.	• Pertambahan bilangan tapak pasar tani, GBBS, Agrobazaar dan K-Shoppe di seluruh negara.	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah dan Tanah • KKLW • FAMA • MARDI • Jabatan Pertanian • Jabatan Perikanan 	• KKLW
Grid Tipologi 						
ED3.1B: Menggalakkan konsep ‘Perjanjian Bekalan’ bagi bahan mentah, makanan segar, pakej katering, pakej penginapan dan lain-lain.	• Bilangan kampung yang usahawannya mempunyai perjanjian dengan restoran, IPT, hotel, pasaraya, syarikat besar, pejabat swasta/awam.	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah 	• KKLW
Grid Tipologi 						
ED3.1C: Memperluas penggunaan model koperasi.	• Bilangan kampung yang mempunyai koperasi.	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • KKLW 	• KKLW
Grid Tipologi 						

* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi ED 3.2

Menambah Penggunaan E-Commerce Di Dalam Pemasaran Produk Desa

Perniagaan dapat diperkembangkan melalui penggunaan ruang maya untuk memperkenalkan produk atau khidmat kepada pengguna dan pihak berkaitan. Dasar ini menyokong usaha yang sedang dijalankan untuk meluaskan aplikasi e-commerce kepada usahawan desa dari semua sektor ekonomi. Latihan harus disediakan dalam strategi pemasaran termasuklah pemilihan platform e-commerce yang sesuai (jumlah trafik), persediaan untuk pembayaran dalam talian dan sebagainya. Konsep tempahan awal juga boleh dilaksanakan untuk memudahkan pengusaha homestay, pemandu pelancong, pertunjukan kebudayaan, penjualan buah-buahan dan sayur-sayuran mendapatkan produk ketika diperlukan. Kerjasama antara usahawan teknologi dan usahawan desa harus digalakkan supaya memanfaatkan semua pihak. Selain itu, Kerajaan telah memperuntukkan RM1.2 bilion kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menawarkan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan desa mulai 2016. Ini adalah usaha berterusan pihak Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan e-dagang produk ekonomi desa di Malaysia.



Malaysia berada di kedudukan ketiga dari segi kadar pertumbuhan membeli-belah mudah alih di Asia, iaitu lebih 20% setahun.

Meningkatkan penggunaan e-commerce untuk pemasaran dan pengurusan permintaan dalam usaha menjangkaui pasaran nasional dan global

Bagi sesebuah kawasan desa, pengusaha boleh mengambil inisiatif untuk melantik atau menggaji individu khusus untuk menguruskan aspek e-dagang ini, berbekalkan latihan yang lengkap dan minat yang mendalam kepada ICT.



- ✓ Menggunakan platform perniagaan e-commerce sedia ada seperti mudah.my, lelong.com, ebay.com, zalora.com, lazada.com dan lain-lain.
- ✓ Melancarkan kedai online sendiri menggunakan alamat web sendiri seperti Eeasyshop, Opencart, lot.my, shopify, sitegiant, kedaionlinez dan lain-lain.
- ✓ Memperkenalkan diri mereka menerusi laman web yang popular serta blog yang mempunyai ramai pengikut.
- ✓ Menumpukan pasaran jualan bisnes online melalui laman sosial media seperti *Facebook*, *Telegram*, *Instagram* dan *Whatsapp*

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
ED3.2A: Meningkatkan penggunaan e-commerce untuk pemasaran dan pengurusan permintaan dalam usaha menjangkaui pasaran nasional dan global.	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan kampung yang mempunyai infrastruktur dan latihan keusahawanan e-commerce. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • SME Corp. Malaysia • MaGIC 	• KKLW

* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi ED 3.3

Membudayakan Penggunaan Produk Desa Di Kalangan Masyarakat Umum

Perniagaan dapat diperkembangkan melalui penggunaan ruang maya untuk memperkenalkan produk atau khidmat kepada pengguna dan pihak berkaitan. Latihan harus disediakan dalam strategi pemasaran termasuklah pemilihan platform e-commerce yang sesuai (jumlah trafik), persediaan untuk pembayaran dalam talian dan sebagainya. Konsep tempahan awal juga boleh dilaksanakan untuk memudahkan pengusaha homestay, pemandu pelancong, pertunjukan kebudayaan, penjualan buah-buahan dan sayur-sayuran mendapatkan produk ketika diperlukan. Kerjasama antara usahawan teknologi dan usahawan desa harus digalakkan supaya memanfaatkan semua pihak.

Menganjurkan pameran, pesta makanan dan lokasi warisan, festival kebudayaan dan ekspo pelancongan antarabangsa

Terdapat beberapa kaedah dalam mempromosikan produk desa secara lebih meluas antaranya:

- 1 Mengadakan festival makanan tempatan dan pelbagai program lain boleh disusun dengan kerjasama badan NGO dan pihak swasta
- 2 Makanan atau produk kraf tangan desa dipasarkan oleh rangkaian hotel dan restoran seluruh negara
- 3 Pameran dan pertandingan untuk generasi muda dan kanak-kanak sekolah
- 4 Pendedahan di dalam media elektronik dan media sosial.



Mengadakan promosi produk dengan media elektronik, bercetak dan sosial serta penggiat filem dan drama

Terdapat banyak contoh filem terkenal yang menonjolkan makanan tradisi setempat di dalam penceritaan dan ini seterusnya menarik minat penonton untuk mencuba atau mencari makanan yang sama. Rangkaian televisyen swasta atau kabel seperti Asian Food Channel, Food Network juga mempunyai begitu banyak rancangan masakan yang memaparkan resepi tradisional dan tempat makanan yang istimewa.

Bagi mengkomersialkan makanan tradisional, pakej bungkusan perlulah unik dan mampu menarik minat pembeli antarabangsa selain daripada kualiti makanan yang dipasarkan. Selaras dengan agenda memajukan industri desa, PKS boleh dikhususkan kepada satu produk seperti kilang membuat mee sanggol, pelbagai jenis kerepek, sos tomato, keropok lekor dan sebagainya. Pengusaha kilang dapat menjual hasil keluaran bukan sahaja kepada masyarakat desa tetapi kepada pelancong dalam dan luar negara. Malaysia mempunyai pelbagai jenis makanan yang telah diwartakan sebagai Makanan Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Pihak Kerajaan wajar memperkenalkan makanan warisan kepada masyarakat termasuk pelancong dalam dan luar negara dengan menganjurkan pameran dan pesta makanan warisan bagi mempromosikan makanan warisan kepada semua lapisan masyarakat.

Produk berdasarkan ekonomi desa dan warisan desa mampu dijadikan produk pelancongan dan memberi impak positif kepada pendapatan penduduk desa. Warisan ketara seperti kawasan bersejarah, monumen dan bangunan mudah dikomersialkan kerana berbentuk fizikal dan mudah dikunjungi. Bangunan bersejarah boleh dipulihkan sebagai hotel, galeri, cafe, restoran atau premis perniagaan yang mampu menjana pendapatan negara. Warisan tidak ketara seperti muzik, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, tarian, seni pementasan, seni pertahanan, makanan, permainan tradisi dan perubatan tradisional boleh dijadikan produk pelancongan, namun kurang dikomersialkan. Justeru, pihak Kerajaan melalui agensi-agensinya boleh mempelbagaikan produk pelancongan warisan tidak ketara bagi tujuan pengkomersialan dan pemasaran ke peringkat antarabangsa. Ini boleh dilaksanakan secara rasmi atau tidak rasmi melalui laman sesawang dan program masakan antarabangsa.

**Terdapat lebih daripada
150 jenis makanan rakyat**

Malaysia
termasuk lauk-pauk dan kuih-muih telah
diwartakan sebagai
Makanan Warisan Kebangsaan
di bawah
Akta Warisan Kebangsaan 2005
(Akta 645).

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
ED3.3A: Menganjurkan pameran, pesta makanan dan lokasi warisan, festival kebudayaan dan ekspos pelancongan antarabangsa.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan kampung yang terlibat dalam aktiviti sedemikian sekurang-kurangnya 2 kali setahun. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> KKLW Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKM) 	• KKLW
ED3.3B: Mengadakan promosi produk dengan media elektronik, bercetak dan sosial serta penggiat filem dan drama.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan kampung yang mendapat pendedahan media secara khusus untuk promosi. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> JKKK Pejabat Daerah dan Tanah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) 	<ul style="list-style-type: none"> KKLW Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia


* Nota : Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

BAB

9

TERAS 5

PENGURUSAN DESA BERDAYA LAKSANA
(PD)



TERAS 5

PENGURUSAN DESA BERDAYA LAKSANA (PD)

Tanggungjawab, komitmen serta dedikasi setiap organisasi dan penyertaan penuh penduduk desa adalah sangat penting bagi memastikan kejayaan projek dan program pembangunan desa mencapai aspirasi negara untuk menjadi negara maju yang inklusif dan mampan pada masa depan.

Tadbir urus desa yang baik akan memperkaya daya saing negara, menjana potensi insan bagi memperkasa prestasi perkhidmatan, menerajui transformasi perkhidmatan, mengekalkan profesionalisme dan memenuhi harapan pihak berkepentingan (*stakeholder*) terutama penduduk desa dan pelbagai organisasi tempatan.

Sistem tadbir urus desa yang baik lazimnya mengambil kira lima faktor utama iaitu fokus kepada penduduk desa, beretika dan ketulusan, akauntabiliti dan integriti, efektif dan efisien serta pengurusan perubahan. Kecemerlangan pembangunan desa amat bergantung kepada amalan tadbir urus yang baik dan sokongan padu pelbagai organisasi dan agensi pelaksana selain penyertaan penduduk desa. Ia melibatkan organisasi di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan kepimpinan di peringkat akar umbi iaitu JKKK.



3
Pernyataan
Dasar

6
Strategi

14
Langkah

PD1 PENGUKUHAN SISTEM TADBIR URUS DESA

- Strategi PD1.1 Meningkatkan Penyelarasan Antara Agensi di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah

PD 2 MEMPERKASA KEUPAYAAN KOMUNITI DALAM PEMBANGUNAN DESA

- Strategi PD2.1 Mengukuhkan Kolaborasi Yang Menguntungkan Komuniti
Strategi PD2.2 Memperkasa Keupayaan dan Memanfaatkan Potensi Komuniti Desa

PD 3 PELAKSANAAN SISTEM CIRI-CIRI DESA MALAYSIA (CHARMs) DALAM TADBIR URUS DESA

- Strategi PD3.1 Melaksanakan CHARMs Dalam Perancangan Dan Pembangunan Desa
Strategi PD3.1 Mengemas Kini Sistem Maklumat Kampung Secara Berkala dan Sistematik Melalui CHARMs
Strategi PD3.1 Memantau Pelaksanaan dan Kemajuan Projek Pembangunan Desa Melalui CHARMs

PERNYATAAN DASAR PD 1

PENGUKUHAN SISTEM TADBIR URUS DESA




Struktur tadbir urus desa yang melibatkan pelbagai kementerian dan jabatan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah jelas menunjukkan bahawa desa ini sangat penting dalam sistem pembangunan negara. Semua komponen di dalam desa merupakan aset kepada negara termasuklah sumber jaya dan komuniti yang menghuni kawasan desa.

Jentera Penyelarasan Pelaksanaan



Terdapat sejumlah 12 buah kementerian yang terlibat dalam pembangunan desa yang diterajui oleh KKLW, Jabatan Perdana Menteri, Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah dan JKKK, JKKP dan JKKR. Ia melibatkan 30 agensi pelaksana di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah di mana kebanyakan projek dan program pembangunan desa memberi tumpuan kepada kawasan operasi dan golongan sasar yang sama. Penyelaras peranan dan agihan peruntukan perlu dilihat semula agar tiada pertindihan fungsi, pembaziran peruntukan kewangan serta sumber tenaga dan sumber jaya desa.

Penyertaan Pelbagai Agensi Pelaksana Dalam Pembangunan Desa Mengikut Fungsi



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Sistem tadbir urus desa adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah dan Tanah yang bertanggungjawab mentadbir urus setiap daerah dengan bantuan Pejabat Penghulu / Penggawa ke atas semua mukim dan rangkaian kampung-kampung di dalam kawasan pentadbirannya serta JKKK yang berperanan sebagai institusi kepimpinan peringkat desa. Kebanyakan program dan projek kerajaan di kawasan desa dilaksanakan di peringkat daerah di mana Pejabat Daerah dan Tanah berperanan menyelaras usaha-usaha pembangunan daerah dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.


STRATEGI IPD 1.1

Meningkatkan Penyelarasan Antara Agensi di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah

Perkaitan berdasarkan SDGs



Perkaitan berdasarkan RMKe-11




Strategi PD 1.1

Meningkatkan Penyelarasan Antara Agensi di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah

Fungsi penyelarasan dan pemantauan sedia ada perlu dikemas kini dan diperkuuhkan bagi mengelak pertindihan peranan, pembaziran sumber manusia dan peruntukan kewangan selain menjimatkan kos pembangunan dan kos operasi sesuatu projek. Bagi projek pembangunan desa, penyelarasan pelaksanaan dasar dan program / projek Kerajaan bermula di peringkat Kerajaan Persekutuan iaitu melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan KKLW dan dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri dan akhirnya di peringkat daerah yang diterajui oleh Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (**Rajah 9.1**). Perhatian perlu diberi kepada piawaian prosedur operasi (*SOP*) yang dapat menjelaskan tindakan yang perlu diambil di setiap peringkat. Amalan kerja berpasukan yang baik khususnya semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan serta muafakat yang tinggi selain bersikap amanah, adil, telus dan berintegriti perlu diterapkan bagi mengeratkan jalinan kerjasama semua pihak dan mewujudkan suasana persekitaran kerja yang kondusif.

Rajah 9.1: Hubungan Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar dan Projek Kerajaan Peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah



Sumber: Arahān No.1, 2010 – Majlis Tindakan Negara.

Penetapan sempadan kawasan pembangunan perlu mengambil kira objektif pelbagai agensi yang terlibat tanpa menjelaskan kawasan semula jadi sedia ada seperti kawasan hutan simpan kekal, badan air dan sebagainya. Bagi mencapai pembangunan yang seimbang, fungsi dan perincian bidang tugas setiap agensi pelaksana yang terlibat dalam pembangunan desa perlu dikemas kini agar relevan dengan keperluan semasa dan akan datang. Penyertaan setiap agensi pelaksana perlu menetapkan jenis projek, skop kerja, tempoh masa pelaksanaan, lokasi projek dan kumpulan sasaran.

FELDA sebagai agensi pembangunan tanah di peringkat Persekutuan merupakan `role model` yang patut dicontohi dalam melaksanakan pembangunan tanah atau projek pembangunan di kawasan desa. Bagi mengelak atau meminimumkan pertindihan peranan dan bidang tugas serta mencapai kos pembangunan yang efektif, adalah wajar untuk pihak berkuasa mengkaji dan menyusun semula struktur organisasi dan peranan pelbagai agensi pelaksana yang terlibat dalam pembangunan desa. Sistem pengurusan yang baik, tersusun dan sistematik akan memastikan kejayaan sesuatu pembangunan. Segala bentuk perancangan dan pembangunan perlu diuruskan dengan lebih sistematik agar mencapai matlamat pembangunan yang ditetapkan.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agenzi Pelaksana	Agenzi Pemantau
		*1	*2	*3		
PD1.1A: Mengkaji dan menyusun semula struktur organisasi dan peranan agensi pelaksana	• Bilangan agensi yang disusun semula	✓	✓	✓	• KKLW • Kementerian lain yang berkaitan • PLANMalaysia	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
PD1.1B: Mengukuhkan kerjasama dan kolaborasi antara agensi pelaksana di peringkat negeri	• Kekerapan mengadakan kolaborasi dengan agensi pelaksana peringkat negeri.	✓	✓	✓	• Pelbagai agensi peringkat negeri	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
PD1.1C: Memperkasa peranan Pejabat Daerah dan Tanah dalam mentadbir urus dan menyelaras projek pembangunan desa	• Anugerah kualiti kepimpinan peringkat daerah • Indeks akauntabiliti	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
PD1.1D: Mengukuh peranan dan struktur kepimpinan JKKK ke arah tadbir urus desa yang cekap dan berkesan	• Anugerah desa cemerlang / kepimpinan tadbir urus desa cemerlang	✓	✓	✓	• JKKK	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



PERNYATAAN DASAR PD 2

MEMPERKASA KEUPAYAAN KOMUNITI DALAM PEMBANGUNAN DESA

Kejayaan tidak akan dicapai hanya dengan penyediaan kemudahan fizikal (kemudahan awam, infrastruktur dan aksesibiliti) semata-mata tanpa penyertaan penuh masyarakat desa dalam pelbagai sektor pembangunan. Sumber jaya desa tidak mungkin dapat dimanfaatkan secara bijaksana dan optimum untuk kesejahteraan ekonomi tanpa penglibatan masyarakat desa secara menyeluruh. Selain kewujudan Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) dan JKKK yang berperanan memantau, mengawasi dan menilai impak pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat daerah, penyertaan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelbagai persatuan, dijangka dapat membantu dalam proses pemantauan dan penilaian projek pembangunan desa.

Pemerksaan komuniti berlaku apabila penduduk sedar akan hak mereka untuk memberi sumbangan berbentuk idea / pendapat / suara dalam membantu menyelesaikan sesuatu isu. Dalam konteks ini, penduduk diberi kuasa untuk membincangkan dan membuat keputusan dengan penuh tanggungjawab ke atas sebarang isu yang timbul. Setiap penduduk perlu terlibat dalam proses pemerksaan supaya mereka dapat bergabung tenaga secara moral, emosi, rohani dan jasmani. Semua penduduk mempunyai hak dan tanggungjawab ke atas kebajikan penduduk dan tempat tinggal. Sekiranya perkara ini diambil berat, maka komuniti tempatan telah berjaya menjadi penjaga kepada komuniti masing-masing. Pemerksaan penduduk juga memberi manfaat kepada pembangunan sosial komuniti yang merangkumi semua lapisan masyarakat termasuk golongan OKU dan golongan miskin. Sekiranya golongan terpinggir dibiarkan tanpa mengikuti proses pemerksaan, maka mereka akan berterusan hidup di luar arus perdana.

Contoh Program Pengupayaan Komuniti Desa **Gerakan Daya Wawasan**

Berperanan sebagai agen transformasi dalam mengerakkan penglibatan aktif komuniti.

4 strategi

Pemerksaan Institusi

Menetapkan eluan yang bersesuaian dengan tanggungjawab yang dijalankan, menetapkan KPI kerja, menentukan perjawatan dan menjalankan induksi.

Latihan Kepimpinan

Menyediakan kursus, seminar, integrasi, menjalankan 'outreach' dan memberi 'matching grant'.

Pemantauan Sistematis

Memastikan kepimpinan kampung jadi penggerak komuniti, mempunyai sistem pelaporan dan mewujudkan sistem mentor-menti.

Pengiktirafan Prestasi

Mengiktiraf kejayaan usaha kepimpinan dan komuniti melalui ADS1M, konvensyen, AID dan Desa Lestari.



45 kampung

pemenang Anugerah Desa Sejahtera 1 Malaysia (ADS1M) bagi tahun 2014

STRATEGI IPD 2.1

Mengukuhkan Kolaborasi Yang Menguntungkan Komuniti

STRATEGI IPD 2.2

Memperkasa Keupayaan dan Memanfaatkan Potensi Komuniti Desa

Perkaitan berdasarkan SDGs

1 NO POVERTY	2 NO HUNGER	3 GOOD HEALTH	4 QUALITY EDUCATION	5 GENDER EQUALITY	6 CLEAN WATER AND SANITATION	7 RENEWABLE ENERGY	8 GOOD JOBS AND ECONOMIC GROWTH	9 INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
10 REDUCED INEQUALITIES	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION	13 CLIMATE ACTION	14 LIFE BELOW WATER	15 LIFE ON LAND	16 PEACE AND JUSTICE	17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS	

Perkaitan berdasarkan RMKe-11

1 Memperkuuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan	5 Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi	6 Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
---	-------------------------------------	--	---	---	---

Strategi PD 2.1

Mengukuhkan Kolaborasi Yang Menguntungkan Komuniti

Prestasi JKKK dinilai dari aspek penubuhan dan penyertaan pelbagai NGO, syarikat bukan kerajaan (GLC), persatuan dan badan sukarela. JKKK yang cemerlang mempunyai sokongan dan kerjasama yang baik daripada penubuhan dan penyertaan pelbagai NGO, persatuan dan badan sukarela.

Meningkatkan penyertaan NGO, persatuan dan badan sukarela serta lain-lain pihak berkepentingan dalam pembangunan komuniti desa

Collaborative capacity building atau kolaborasi pembinaan keupayaan adalah usaha untuk meningkatkan keupayaan komuniti melalui kerjasama baik bersama *multi-stakeholders*. *Multi-stakeholders* bermaksud pelbagai pihak luar komuniti yang berkepentingan seperti pihak kementerian, jabatan kerajaan, ahli perniagaan, syarikat perindustrian dan lain-lain yang mempunyai kepentingan bersama komuniti tersebut berdasarkan visi yang sama untuk membantu komuniti desa secara kolaborasi. Kerjasama ini boleh mewujudkan sokongan dan bimbingan untuk komuniti bagi menjaga keperluan hidup mereka seperti KKLW, KPWKM, Pusat Zakat, AIM dan lain-lain. Ia juga membantu dalam memberi pelbagai keuntungan seperti penambahan pendapatan, meningkatkan kemahiran dan menambah baik kualiti hidup.



Contoh Program Pembangunan Sosial Dan Masyarakat Desa Yang Mempunyai Kerjasama Dengan Pihak NGO

1 Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

- Menyediakan bantuan kewangan untuk pelaksanaan projek ekonomi.
- Bilangan peserta: 3,266 orang

2 Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP)

- Bantuan untuk mengikuti kursus-kursus peningkatan akademik anak-anak kumpulan sasar.
- Bilangan peserta: 25,839 orang

3 Program Pembangunan Minda Modal Insan (PPMI)

- Bantuan untuk membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus ke arah membangunkan minda dan kursus motivasi.
- Bilangan peserta: 10,258 orang

Sumber: Laporan Tahunan KKLW, 2014.

Menjalankan program Kampung Angkat bersama NGO

Program Kampung Angkat dicadangkan bagi meningkatkan kerjasama antara pihak berkepentingan dan komuniti desa. Program ini dapat membantu dalam menyalurkan khidmat bantuan dan kebajikan daripada NGO atau GLC kepada penduduk desa bagi mengukuhkan pembangunan sosioekonomi kampung. Kampung-kampung yang terlibat bagi program ini adalah seperti **Rajah 9.2**. Kampung ini dipilih berdasarkan kampung paling mampan yang berada di grid tipologi UR, RU, R5 dan R6.

Menyediakan rujukan sumber pembangunan komuniti

Pihak KKLW boleh menyediakan buku panduan yang mengandungi maklumat penting mengenai senarai bantuan, geran, yayasan, biasiswa, mikro-kredit, sumber kementerian dan agensi, alamat, nombor telefon, alamat emel dan lain-lain untuk kemudahan penduduk. Buku rujukan ini boleh diletakkan di dewan, balai raya, pejabat ketua kampung, sekolah, masjid dan pusat sumber untuk rujukan ahli komuniti. Malah, maklumat terkini mengenai bantuan juga boleh dikongsi melalui aplikasi telefon seperti *whatsapp* dan lain-lain.




Contoh projek kampung angkat di Kampung Peta Mersing, Johor.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
PD2.1A: Meningkatkan penyertaan NGO, persatuan dan badan sukarela serta lain-lain pihak berkepentingan dalam pembangunan komuniti desa.	• Bilangan organisasi yang terlibat dalam pembangunan komuniti desa.	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah • KKLW • Pelbagai agensi kerajaan dan swasta	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 •						
PD2.1B: Menjalankan program Kampung Angkat bersama NGO	• Bilangan kampung yang mengikuti program Kampung Angkat.	✓	✓	✓	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • Pihak swasta	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 •						
PD2.1C: Menyediakan rujukan sumber pembangunan komuniti.	• Bilangan pusat rujukan yang disediakan.	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



Rajah 9.2 : Taburan Kampung Berpotensi Dijadikan Sebagai Kampung Angkat



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota : Tiada kampung di WP Labuan yang terlibat bagi Program Kampung Angkat kerana terletak di grid tipologi U1.

Strategi PD 2.2

Memperkasa Keupayaan dan Memanfaatkan Potensi Komuniti Desa

Pemerkasaan keupayaan komuniti desa penting untuk membantu mempertingkatkan tahap ekonomi penduduk desa. Potensi yang ada di kalangan komuniti desa perlu dimanfaatkan supaya mereka berkeupayaan dalam memajukan kampung masing-masing.

Menambah baik program pembangunan modal insan dan jati diri


Pembangunan modal insan dan pengupayaan masyarakat desa merupakan faktor asas dalam menjayakan sebarang projek pembangunan di kawasan desa. Modal insan merupakan aset utama yang perlu digembeling bagi membangun dan menjayakan apa jua usaha pembangunan di kawasan desa. Sehingga kini, pelbagai program pembangunan insan telah disediakan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama sektor swasta dan NGO bagi melahirkan individu dan komuniti yang berkualiti dan mampu menerajui pembangunan sosial, fizikal dan ekonomi di kawasan desa. Ia merupakan sebahagian daripada tindakan dalam transformasi pembangunan desa. Di bawah RMKe-11, kerajaan telah memberi penekanan kepada pemerkasaan komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera. Bagi tujuan tersebut, penyertaan dan peranan masyarakat desa dalam membuat keputusan pembangunan desa perlu diperkuuhkan terutama melalui pendekatan 'bottom-up' bagi memastikan suara dan hak komuniti desa terbela dan terpelihara.

10 projek pembangunan modal insan yang dijalankan oleh KKLW

- | | |
|---|-------------------------------------|
| 1. Program Pembangunan Minda Modal Insan (PPMI) | 6. Pendidikan Kemahiran Masyarakat |
| 2. Program Pengupayaan Komuniti Luar Bandar (PPKLB) | 7. Program Kemahiran dan Teknikal |
| 3. Program Pemerkasaan JKKK | 8. Program Latihan INFRA |
| 4. Guru Tabika KEMAS bertaraf Diploma | 9. Program Gerakan Daya Wawasan |
| 5. Pendidikan Kemahiran Masyarakat | 10. Program Pembangunan Modal Insan |

Sumber: Laporan Tahunan KKLW, 2014.

Model Konsep Pembangunan Desa Menerusi Pendekatan 'Bottom-Up' Oleh Saemaul Undong



Sumber: Asian Development Bank, 2012.

Menggalakkan penubuhan koperasi kampung

Penubuhan koperasi di kampung-kampung berpotensi untuk memperkasa keupayaan dan memanfaatkan potensi komuniti desa. Koperasi desa berperanan dalam menyokong pembangunan di peringkat kampung dengan mengusahakan potensi dan sumber yang ada seperti pertanian, penternakan, industri kecil dan sederhana, pelancongan atau inap desa bagi meningkatkan ekonomi di desa. Peranan koperasi desa adalah melalui penglibatan komuniti dalam aktiviti pembangunan di peringkat kampung tanpa mengira fahaman politik. Selain itu, koperasi desa juga berperanan dalam mewujudkan kerjasama dengan pihak berkepentingan bagi membolehkan pembangunan desa dijalankan. Khidmat kursus, bengkel atau seminar boleh diadakan melalui koperasi bersama pihak yang terlibat bagi meningkatkan potensi komuniti desa. Selaras dengan RMKe-11, penubuhan koperasi juga digalakkan bagi membantu dalam mempertingkatkan keupayaan modal insan.

Sasaran RMKe-11

Membangunkan
200 koperasi
di kampung bagi meningkatkan
taraf ekonomi desa

Sumber: RMKe-11.

Contoh Program Yang Dikendalikan Oleh Koperasi Kampung



- 57 buah kampung telah dipilih untuk menjalankan projek ekonomi.
- Kampung yang berjaya disyarat menubuhkan koperasi.
- Perancangan dan pelaksanaan projek digerakkan oleh koperasi.
- Menggalakkan lebih ramai penyertaan masyarakat kampung dalam koperasi sebagai ahli mahupun pekerja.
- Koperasi akan berfungsi sebagai agen pembangunan ekonomi di peringkat kampung

Sumber: Portal Rasmi KKLW, 2015.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
PD2.2A: Menambah baik program pembangunan modal insan dan jati diri.	• Bilangan program pembangunan modal insan dan jati diri.	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah • KKLW	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
PD2.2B: Menggalakkan penubuhan koperasi kampung.	• Bilangan koperasi kampung yang ditubuhkan.	✓	✓	✓	• JKKK • Pejabat Daerah dan Tanah • KKLW	• KKLW
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)



PERNYATAAN DASAR PD 3

PELAKSANAAN SISTEM CIRI-CIRI DESA MALAYSIA (CHARMs) DALAM TADBIR URUS DESA

Sistem Ciri-Ciri Desa Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Characteristics of Rural Malaysia* (CHARMs) merupakan sistem pangkalan data dan analisis spatial Sistem Maklumat Geografi (GIS) desa yang berperanan menyediakan kaedah bagi membantu di dalam membuat keputusan perancangan dan pembangunan desa. Ia juga merupakan kaedah bagi memantau pelaksanaan dasar-dasar yang ditetapkan dalam DPF Desa Negara. Selaras dengan Program Transformasi Desa, bagi meningkatkan keberkesanan kerja-kerja perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan desa, CHARMs diguna pakai dalam mengemas kini sistem maklumat berkaitan desa. Penggunaannya akan dapat membantu meningkatkan lagi keberkesanan corak perancangan dan kemajuan setiap JKKK. Antara keistimewaan penggunaan CHARMs adalah ia memaparkan pangkalan data setiap kampung yang dikemas kini setiap tahun seperti kawasan pentadbiran, sumber jaya ekonomi, kependudukan, kemudahan sosial dan kemasyarakatan, infrastruktur dan utiliti, pengangkutan dan kawasan berisiko bencana. CHARMs bersifat mesra pengguna dan maklumat boleh dicapai dengan mudah dan pemetaan dibuat secara interaktif.

STRATEGI

PD 3.1

Melaksanakan CHARMs Dalam Perancangan dan Pembangunan Desa

STRATEGI

PD 3.2

Mengemas Kini Sistem Maklumat Kampung Secara Berkala dan Sistematik Melalui CHARMs

STRATEGI

PD 3.2

Memantau Pelaksanaan dan Kemajuan Projek Pembangunan desa Melalui CHARMs

Perkaitan berdasarkan SDGs

1 NO POVERTY 	2 NO HUNGER 	3 GOOD HEALTH 	4 QUALITY EDUCATION 	5 GENDER EQUALITY 	6 CLEAN WATER AND SANITATION 	7 RENEWABLE ENERGY 	8 GOOD JOBS AND ECONOMIC GROWTH 	9 INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
10 REDUCED INEQUALITIES 	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES 	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION 	13 CLIMATE ACTION 	14 LIFE BELOW WATER 	15 LIFE ON LAND 	16 PEACE AND JUSTICE 	17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS 	

Perkaitan berdasarkan RMKe-11

1 Memperkuat inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama 	2 Meningkatkan kesejahteraan rakyat 	3 Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju 	4 Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan 	5 Memperkuat infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi 	6 Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
--	---	--	---	---	---

Strategi PD 3.1

Melaksanakan CHARMs Dalam Perancangan dan Pembangunan Desa

Pelaksanaan dan pemakaian CHARMs dalam perancangan dan pembangunan projek desa akan membantu meningkatkan keberkesanan corak perancangan dan kemajuan kampung di peringkat Persekutuan, Negeri, Daerah dan JKKK. Pelaksanaan CHARMs akan membantu Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara, Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah selain Pejabat Daerah dan Tanah membuat keputusan perancangan dan pembangunan desa selain menyelaras pelaksanaan projek di setiap peringkat.

Mewujudkan pangkalan data kampung di peringkat daerah bagi setiap negeri

Pangkalan data maklumat kampung akan dikemas kini ke dalam CHARMs di peringkat daerah dan kampung setiap negeri. Proses ini akan diadakan sekali setahun bagi memastikan maklumat kampung adalah tepat dan terkini. Ketepatan maklumat akan memberi kesan terhadap penilaian tahap kemampuan kampung dan agihan peruntukan pembangunan. Semakan dan penelitian oleh Pejabat Daerah dan Tanah penting dalam memastikan maklumat yang dikemas kini adalah tepat.

Menganjurkan program latihan CHARMs

Program latihan berkaitan CHARMs perlu diberikan kepada kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah dan JKKK bagi memberi pendedahan dan panduan berkaitan sistem ini. Latihan penggunaan CHARMs adalah penting bagi memastikan maklumat yang dikemas kini adalah tepat dan seterusnya memudahkan pelaksanaan dasar-dasar di kampung-kampung yang terlibat.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
PD3.1A: Mewujudkan pangkalan data kampung di peringkat daerah bagi setiap negeri.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan kampung yang mengemas kini maklumat di dalam pangkalan data CHARMs. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah JKKK PLANMalaysia 	• PLANMalaysia
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						
PD3.1B: Menganjurkan program latihan CHARMs	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan program latihan CHARMs di setiap daerah 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah JKKK PLANMalaysia 	• PLANMalaysia
Grid Tipologi U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi PD 3.2

Mengemas Kini Sistem Maklumat Kampung Secara Berkala dan Sistematik Melalui CHARMs

JKKK sebagai jentera pengurusan dan agen pembangunan desa perlu mempunyai kaedah dan sistem penyampaian yang baik bagi memastikan pelaksanaan program dan projek pembangunan mendapat penyertaan dan penerimaan yang baik daripada penduduk desa. Sistem pelaporan setiap JKKK adalah melalui profil kampung yang lengkap dan dikemas kini data setiap tahun. Bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus desa, setiap JKKK perlu mempunyai sistem maklumat kampung yang lengkap dan sistematik yang mudah dikemas kini melalui CHARMs. Selain itu, mesyuarat secara berkala juga perlu diadakan bagi tujuan mengemas kini maklumat kampung.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agen Pelaksana	Agen Pemantau
		*1	*2	*3		
PD3.2A: Mengemas kini maklumat kampung secara berkala menggunakan CHARMs.	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan JKKK yang mengemas kini maklumat kampung setiap tahun. 	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah JKKK 	• PLANMalaysia
Grid Tipologi						
U1 U2 UR RU R5 R6						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

Strategi PD 3.3

Memantau Pelaksanaan dan Kemajuan Projek Pembangunan Desa Melalui CHARMs

Kerja-kerja penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan dan kemajuan projek pembangunan desa perlu dilakukan oleh pihak berkuasa di peringkat daerah khususnya Pejabat Daerah dan Tanah dengan kerjasama setiap JKKK terlibat. Tindakan pemantauan secara sistematis boleh dilakukan melalui CHARMs yang memaparkan senarai projek yang dilaksanakan mengikut kampung dan daerah. CHARMs akan mengeluarkan lapisan data bagi perincian projek-projek yang dilaksanakan mengikut agensi pelaksana, lokasi dan tempoh pelaksanaan projek. CHARMs berkemampuan untuk meningkatkan kecekapan dalam pemantauan pelaksanaan projek pembangunan desa.

Langkah-langkah	Indikator Pelaksanaan	Fasa Pelaksanaan			Agensi Pelaksana	Agensi Pemantau
		*1	*2	*3		
PD3.3A: Mewujudkan pasukan pemantau di peringkat daerah bagi memantau kemajuan projek desa.	• Kekerapan pemantauan pelaksanaan projek desa.	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah • JKKK	• KKLW
Grid Tipologi 						
PD3.3B: Mengemas kini maklumat berkaitan senarai projek yang dilaksanakan mengikut kampung melalui CHARMs.	• Kekerapan mengemas kini maklumat pelaksanaan projek desa.	✓	✓	✓	• Pejabat Daerah dan Tanah • JKKK	• KKLW
Grid Tipologi 						

* Nota: Fasa 1 (Tahun 2017 – 2020), Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025), Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)

BAB

10

SISTEM CIRI-CIRI DESA MELAYSIA (CHARMs)

PENGENALAN

Characteristics of Rural Malaysia System (CHARMs) atau Sistem Ciri-Ciri Desa Malaysia merupakan sistem profil desa yang dibangunkan berdasarkan Web-GIS bagi menyeragamkan semua profil desa yang kini wujud secara berasingan pada agensi-agensi pelaksana desa. Ia berperanan sebagai sokongan kepada DPF Desa Negara dan kajian Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) yang diselaraskan di peringkat Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.



OBJEKTIF CHARMS

Membantu menyokong membuat keputusan perancangan dan pembangunan desa serta memantau pencapaian DPF Desa Negara. Berkeupayaan dalam memantau, menganalisis dan memaparkan data spatial kampung melalui tiga fungsi utama.



FUNGSI UTAMA CHARMS

- 1** Penentuan tahap kemampunan kampung
- 2** Sistem menyokong keputusan untuk agihan sumber
- 3** Memantau pelaksanaan DPF Desa Negara


Teras utama CHARMs adalah keupayaannya menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang dapat menyediakan platform penghubung antara perancang atau pembuat keputusan dengan kecapaian maklumat spatial. GIS juga berperanan sebagai alat dalam menyokong dan membangunkan maklumat berpusat DPF Desa Negara terutama dalam mengumpul, menyimpan, menyelenggara, menganalisis data serta pemetaan.

PENENTUAN TAHAP KEMAMPAAN KAMPUNG

Tujuan utama klasifikasi tahap kemampunan kampung adalah untuk menilai dan mengenal pasti kampung-kampung yang memerlukan bantuan dan kampung-kampung yang telah mencapai tahap pembangunan yang mencukupi dari aspek kemudahan dan keadaan fizikal. Tujuan klasifikasi ini juga adalah untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat kampung serta penduduk desa dan membantu serta memudahkan perancang dan lain-lain agensi terlibat dalam penyaluran bantuan pembangunan dan kemudahan ke atas kampung-kampung mengikut keutamaan tertentu.

Bagi tujuan pengklasifikasian kemampunan kampung, kaedah MCDM menerusi teknik *Analytical Hierarchy Process* (AHP) digunakan. Teknik ini diakui berupaya menyelesaikan masalah yang melibatkan kepelbagaiannya indikator atau pertimbangan yang berkonflik. Ianya dapat menyokong keputusan secara berkumpulan, konsisten, berstruktur dan mengurangkan bias dalam membuat sesuatu keputusan. Teknik ini bertepatan dengan keperluan kajian yang melibatkan banyak *stakeholder* dan kriteria dalam analisis yang dijalankan. Perisian *Expert Choice* akan digunakan dalam proses ini. Berikut adalah langkah-langkah yang telah dilaksanakan dalam analisis ini.

Dengan menggunakan kaedah ini, setiap indikator yang diperolehi daripada maklumat fizikal yang telah dikumpul dinilai berdasarkan nilai pemberat yang telah ditentukan. Kelebihan teknik ini adalah keupayaan melaksanakan *pairwise comparision* bagi setiap indikator yang dimasukkan. Pemberat yang diberi kepada setiap indikator adalah berdasarkan kepada tahap kepentingan dan pengaruh faktor penentu kemampuan sesebuah kampung. Klasifikasi kemampuan kampung terbahagi kepada 4 klasifikasi iaitu Amat Mampan, Mampan, Sederhana Mampan dan Kurang Mampan.



LANGKAH 1

PENENTUAN KRITERIA BAGI PENILAIAN KEMAMPUAN KAMPUNG

Kriteria merupakan antara komponen yang paling penting dalam menggunakan teknik *Multi-criteria Decision Making* (MCDM) menerusi *Analytical Hierarchical Process* (AHP) sebagai disiplin sokongan. Perlu ada ketetapan dan persetujuan kriteria yang digunakan dalam analisis yang dijalankan. Jaringan Penunjuk-penunjuk Bandar – Luar Bandar Malaysia (MurniNets) oleh PLANMalaysia dirujuk dalam pembentukan kriteria ini terutama dalam penilaian terhadap kesejahteraan kampung dan komuniti yang menjadi teras aspirasi kajian.


Menerusi bengkel yang telah dilaksanakan, kriteria yang memberi impak kepada kemampuan kampung telah dikenal pasti oleh *stakeholder* yang kemudiannya dikelaskan mengikut hierarki tahap (*level*) 1 hingga 6. Bagi sub-kriteria tahap 4, rujukan kriteria dilakukan berdasarkan piawaian garis perancangan pembangunan oleh PLANMalaysia. Secara keseluruhan, terdapat 6 dimensi kriteria bagi tahap 1, disokong oleh 27 tema kriteria bagi tahap 2 dan 83 sub-kriteria bagi tahap 3.

LANGKAH 2

PENILAIAN PEMBERAT SETIAP KRITERIA

AHP berfungsi menjana pemberat (*weightage*) bagi setiap kriteria yang ditetapkan untuk digunakan dalam teknik MCDM. Pemberat ini merupakan perwakilan jurang perbezaan keutamaan (*priority*) atau pengaruh ke atas kriteria lain yang diguna pakai melalui proses perbandingan secara pasangan (*pairwise comparison*). Perbandingan ini merupakan teras utama teknik AHP. Berikut adalah ilustrasi konsep penilaian secara perbandingan pasangan yang membandingkan setiap kriteria mengikut hireraki dalam perisian *Expert Choice*.


Konsep AHP Yang Menggunakan Penilaian Secara Pasangan Dalam Analisis Kemampanan Kampung



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Dalam proses penilaian pemberat ini, kumpulan pakar yang terdiri dari pakar runding sektoral dan pihak berkempentingan dari PLANMalaysia, KKLW dan EPU turut dijemput untuk memberi input penilaian setiap kriteria. Kaedah penilaian pemberat dibuat secara terus mengikut hierarki kriteria yang dibentuk dalam perisian *Expert Choice*.


Expert Choice mempunyai kaedah unik menggunakan perbandingan pasangan untuk memperoleh keutamaan yang lebih tepat bagi mencerminkan persepsi dan nilai-nilai daripada kebanyakan kaedah lain. Rajah di bawah menunjukkan carta alir kerja di dalam perisian ini.



Sumber: DPF Desa Negara,2016.

Dimulakan dengan membina model dengan memasukkan kriteria yang telah ditetapkan secara struktur hierarki. Model struktur hierarki asasnya perlu mempunyai 3 elemen iaitu matlamat, kriteria dan sub-kriteria. Rajah di bawah adalah paparan indikator dan pemberat yang telah dimasukkan dalam perisian.


Perisian *Expert Choice* dan Struktur Keputusan AHP



Sumber: DPF Desa Negara,2016.

Langkah seterusnya ialah membandingkan setiap kriteria berdasarkan skor pemberat antara satu sama lain secara pasangan. Pandangan serta penyertaan *stakeholder* dan kumpulan pakar akan diambil kira semasa aktiviti analisis dijalankan terutamanya apabila melibatkan kemasukan skor pemberat bagi setiap kriteria. Kaedah *consensus* digunakan yang memerlukan keputusan bagi memasukkan sesuatu nilai skor ke dalam perisian mendapat purata persetujuan kumpulan pakar. Berikut adalah perbandingan secara pasangan yang dilaksanakan ke atas kriteria kemudahsampaian dan kemudahan awam dengan penentuan skor julat perbezaan berdasarkan skor pemberat.

Perbandingan Secara Pasangan Dalam Perisian *Expert Choice*



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Skor yang digunakan merujuk kepada skala perbandingan berdasarkan nilai 1 hingga 9. Berikut adalah skala skor piawaian yang digunakan dalam teknik AHP mengikut penerangannya:


Skala Bandingan Mengikut Skor

Skor	Penerangan
1	<i>Equally important</i>
2	<i>Equally to Moderately important</i>
3	<i>Moderately preferred</i>
4	<i>Moderately to Strongly important</i>
5	<i>Strongly important</i>
6	<i>Strongly to Very Strong important</i>
7	<i>Very Strongly important</i>
8	<i>Very to Extremely Strongly important</i>
9	<i>Extremely important</i>

Satu kelebihan teknik AHP yang disediakan dalam perisian *Expert Choice* ialah keupayaannya menilai tahap *consistency* keseluruhan input skor yang diberikan ke atas kriteria yang dibandingkan. Contohnya, sekiranya A lebih penting dari B dan B lebih penting dari C maka iaanya dinilai sebagai *consistent* tetapi sekiranya C dinilai lebih penting berbanding A maka wujudnya *inconsistency* yang akan disampaikan melalui nilai *inconsistency*. Nilai *inconsistency* perolehan bagi keseluruhan perbandingan piawaian yang dibuat dalam tugas ini ialah 0.02. Mengikut piawaian yang digariskan, sebarang nilai perolehan lebih daripada 0.1 merupakan nilai skor yang tidak *consistent* dan perlu disemak balik.

Nilai yang dibandingkan akan dipuratakan menggunakan kaedah *synthesis* bagi mendapatkan jumlah skor keseluruhan. Hasil daripada proses analisis ini adalah nilai pemberat (*weightage*) bagi setiap indikator yang dinilai. Nilai perolehan akan dimasukkan dan dianalisis oleh CHARMs bagi merumuskan tahap kemampuan sesebuah kampung.

Hasil Penilaian Pemberat Bagi Setiap Kriteria Yang Digunakan



Sumber: DPF Desa Negara,2016.

LANGKAH 3

PENYEDIAAN DATA

Penyediaan data merupakan proses di dalam perisian GIS yang memerlukan penganalisa menterjemahkan kriteria yang dikenal pasti ke dalam persekitaran spatial. Data kampung merupakan data teras yang digunakan kerana data tersebut telah mempunyai maklumat-maklumat fizikal kampung mengikut kriteria yang telah dikenal pasti. Data tersebut diperolehi melalui borang kaji selidik yang dilaksanakan oleh PLANMalaysia dan diisi oleh Pegawai Daerah atau penghulu. Maklumat-maklumat tersebut dibahagikan mengikut ciri-ciri kampung dan kemudahan sedia ada seperti:

Borang Maklumat Asas Fizikal Kampung

KAJIAN DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMERUANGAN MALAYSIA																			
KG MATANG PASIR MUKIM : SEREMBAN DAERAH : SEREMBAN NEGERI : NEGERI SEMBILAN																			
NAMA KETUA KAMPUNG:																			
NAMA PENGHULU:																			
JARAK BANDAR / PEKAN TERDEKAT: _____ km																			
8 KEMUDAHAN PENDIDIKAN <table border="1"> <tr> <td>Tadika</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> <tr> <td>Sekolah Rendah</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> <tr> <td>Sekolah Menengah</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> <tr> <td>Sekolah Agama / Pondok</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> <tr> <td>Perpustakaan Desa</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> <tr> <td>Perpustakaan Bergerak</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> </table>		Tadika	Ada	Tiada	Sekolah Rendah	Ada	Tiada	Sekolah Menengah	Ada	Tiada	Sekolah Agama / Pondok	Ada	Tiada	Perpustakaan Desa	Ada	Tiada	Perpustakaan Bergerak	Ada	Tiada
Tadika	Ada	Tiada																	
Sekolah Rendah	Ada	Tiada																	
Sekolah Menengah	Ada	Tiada																	
Sekolah Agama / Pondok	Ada	Tiada																	
Perpustakaan Desa	Ada	Tiada																	
Perpustakaan Bergerak	Ada	Tiada																	
1 TRADISI Jenis Kampung : KAMPUNG Keadaan Fizikal Bangunan: SEDERHANA Keadaan Fizikal Kampung: SEDERHANA Bilangan Rumah: >50 rumah																			
2 PETEMPATAN BERAJAR : CORAK PETEMPATAN Jenis Rumah: KAMPUNG Corak Petempatan: RUMAH																			
3 DEMOGRAFI Bilangan Penduduk : 250 orang Lelaki = 200 orang Perempuan = 50 orang PETANI : Majoriti Pekerjaan																			
4 KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM Bas : ADA Teksi : ADA Lain-lain Pengangkutan: _____																			
5 KEMUDAHAN AWAM Taman Permainan : ADA Gelanggang Permainan : ADA Padang Bola : ADA Balai Raya : ADA Dewan : ADA																			
6 KEMUDAHAN KEAGAMAAN Masjid : ADA Surau : ADA Rumah Ibadat : ADA Tanah Perkuburan : ADA																			
7 KEMUDAHAN KESIHATAN <table border="1"> <tr> <td>Pusat Kesihatan</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> <tr> <td>Klinik Desa</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> </table>		Pusat Kesihatan	Ada	Tiada	Klinik Desa	Ada	Tiada												
Pusat Kesihatan	Ada	Tiada																	
Klinik Desa	Ada	Tiada																	
8 KEMUDAHAN EKONOMI <table border="1"> <tr> <td>Aktiviti Utama Ekonomi</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> <tr> <td>Perniagaan</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> </table>		Aktiviti Utama Ekonomi	Ada	Tiada	Perniagaan	Ada	Tiada												
Aktiviti Utama Ekonomi	Ada	Tiada																	
Perniagaan	Ada	Tiada																	
9 KEMUDAHAN PENDIDIKAN <table border="1"> <tr> <td>Pusat ICT</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> <tr> <td>Pertanian</td> <td>Ada</td> <td>Tiada</td> </tr> </table>		Pusat ICT	Ada	Tiada	Pertanian	Ada	Tiada												
Pusat ICT	Ada	Tiada																	
Pertanian	Ada	Tiada																	
10 KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM Bas : ADA Teksi : ADA Lain-lain Pengangkutan: _____																			
APPROVED Nama: _____ Jawatan: _____ No. Tel: _____ Tarikh: _____																			
NO. SIRI: NO001																			


Sumber: DPF Desa Negara,2016.



Dalam membuat penilaian kesediaan kriteria pada data kampung contohnya berkenaan bekalan air, keadaan boolean digunakan yang menggunakan perwakilan 1 sebagai ada dan 0 sebagai tiada. Data sokongan (sekunder) berbentuk spatial juga digunakan bagi mendapatkan kriteria seperti yang telah dikenal pasti pada langkah 1.

LANGKAH 4**ANALISIS MCDM – GIS (PENGINTEGRASIAN)**

Pada peringkat ini, analisis MCDM-GIS dilakukan dengan memasukkan nilai pemberat bagi setiap kriteria yang digunakan ke dalam maklumat (*attribute*) dalam data kampung. Pemberat yang diperolehi dari hasil pada langkah 2 akan didarab dengan setiap ciri-ciri kampung mengikut kriteria yang telah dikenal pasti tadi. Ini dilaksanakan dalam perisian ArcGIS 10.x. Hasil akhir yang berbentuk nilai keseluruhan akan dibahagikan mengikut *Equal Interval* dengan 4 kategori utama yang membentuk Amat Mampan, Mampan, Sederhana Mampan dan Kurang Mampan. Berikut adalah contoh hasil dari analisis kemampanan kampung.

Contoh Hasil Analisis Kemampanan Kampung

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

ANALISIS MENYOKONG MEMBUAT KEPUTUSAN AGIHAN SUMBER


Ianya merujuk kepada pengagihan peruntukan atau bantuan kepada kampung-kampung yang amat memerlukan kemudahan atau pembangunan yang telah dikenal pasti melalui analisis ini. Keputusan yang diperolehi akan digunakan oleh agensi berkaitan bagi tujuan menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasar secara lebih telus dan tepat. Terdapat dua komponen utama penghasilan agihan sumber iaitu bagi penyediaan kemudahan masyarakat dan kemudahan infrastruktur dan utiliti.

Nilai pemberat yang diperolehi akan digunakan secara langsung dalam menentukan tahap keperluan kepada sesuatu kemudahan.

Kaedah yang digunakan dalam analisis ini adalah sama dengan analisis kemampunan kampung iaitu menggunakan MCDM bersama dengan indikator yang digunakan iaitu:

- Kesediaan (*available*) kemudahan
- Kependudukan (jumlah penduduk)
- Jarak dari kemudahan sedia ada
- Jenis / ciri-ciri kampung

Contoh Hasil Analisis Pemberat Bagi Agihan Sumber Mengikut Keutamaan



Sumber: DPF Desa Negara,2016.

Data yang digunakan bagi analisis ini merupakan data sama yang diperolehi daripada hasil kaji selidik bagi tujuan analisis kemampunan kampung. Kampung yang mempunyai nilai permarkahan yang tinggi merupakan kampung yang sangat memerlukan kemudahan tersebut.

Berikut adalah contoh kampung-kampung yang amat memerlukan kemudahan telekomunikasi di Daerah Gua Musang, Kelantan mengikut senarai keutamaan.

Contoh Hasil Analisis Bagi Agihan Sumber

No.	Negeri	Daerah	Mukim	Nama Kampung	Jenis Kampung
1	Kelantan	Gua Musang	Bertam	Kg. Penep	Kampung Orang Asli
2	Kelantan	Gua Musang	Bertam	Kg. Lambok	Kampung Orang Asli
3	Kelantan	Gua Musang	Bertam	Kg. Sesik	Kampung Orang Asli
4	Kelantan	Gua Musang	Bertam	Kg. Was	Kampung Orang Asli
5	Kelantan	Gua Musang	Bertam	Kg. Kuala Halak	Kampung Orang Asli
6	Kelantan	Gua Musang	Chiku	Kg. Geno	Kampung Orang Asli
7	Kelantan	Gua Musang	Chiku	Kg. Tok Hala	Kampung Orang Asli
8	Kelantan	Gua Musang	Chiku	Kg. Hantu	Kampung Orang Asli
9	Kelantan	Gua Musang	Chiku	Kg. Kemara	Kampung Orang Asli
10	Kelantan	Gua Musang	Chiku	Kg. Buntar	Kampung Orang Asli

Sumber: DPF Desa Negara,2016.

ANALISIS PENCAPAIAN DPF DESA NEGARA

Analisis Pencapaian DPF Desa Negara dilaksanakan khusus untuk kegunaan pihak berkepentingan mengukur dan memantau projek-projek pembangunan di desa. Ianya merupakan proses pemantauan pelaksanaan pernyataan dasar DPF Desa Negara yang dapat diintegrasikan ke dalam bentuk spatial untuk menilai tahap pencapaian dan memantau pembangunan. Ini merupakan analisis yang akan dilaksanakan selepas dasar, strategi dan langkah pelaksanaan bagi DPF Desa Negara dilaksanakan bermula pada tahun 2019 sehingga tahun 2030. Sistem pemantauan yang dibangunkan ini adalah penting bagi tujuan memandu hala tuju pembangunan berdasarkan rancangan pembangunan yang telah dijalankan.

Pengukuran pencapaian dasar adalah berdasarkan pelaksanaan sasaran pembangunan melalui indikator yang telah ditetap dan dipersetujui dalam kajian ini. Pengukuran pencapaian dapat dilakukan terhadap dasar yang mempunyai hubungan dengan bilangan atau nilai seperti langkah-langkah pelaksanaan yang diambil oleh agensi melalui projek yang dilaksanakan. Agensi pemantau akan mengisi ruangan jadual yang disediakan di dalam CHARMS secara online.

Setiap langkah pelaksanaan atau projek akan mempunyai nilai pemberat yang berbeza. Teknik MCDM-AHP digunakan dalam menilai setiap pemberat yang diberikan berdasarkan keutamaan bagi mendapatkan peratus pencapaian bagi dasar tersebut. Menggunakan kaedah yang sama, nilai pemberat akan didarabkan dengan peratus pencapaian setiap strategi bagi mendapatkan seluruh pencapaian dasar tersebut. Penentuan pemberat bagi setiap langkah pelaksanaan dan sasaran pencapaian mengikut fasa yang telah digariskan dalam DPF Desa Negara amnya memerlukan perbincangan terperinci serta persetujuan pada semua peringkat agensi pelaksana. Ini hanya dapat dilaksanakan dalam Fasa ke 2 nanti.

Di dalam CHARMS, hasil akhir akan dipaparkan dalam peratus pencapaian dengan ilustrasi berdasarkan tiga warna digunakan iaitu:

NO	PENCAPAIAN (%)	PIAWAIAN	KOD WARNA
1	80 – 100%	Tercapai	Hijau
2	50 – 79%	Selaras dengan progres	Kuning
3	0 – 49%	Tidak Tercapai	Merah


Pengukuran ini mempunyai beberapa peringkat iaitu Teras, Pernyataan Dasar, Strategi dan Langkah. Pelaksanaan peringkat yang paling akhir adalah jadual projek yang dijalankan dan ia perlu diisi oleh agensi pemantau. Berikut adalah contoh jadual langkah dan indikator bagi pernyataan dasar Merekayasa Pekan Sebagai Pemangkin Pembangunan Desa yang boleh diukur tahap pencapaiannya berdasarkan sasaran pencapaian setelah tamat tempoh perlaksanaan fasa 1 (2017-2020).

Contoh Bentuk Pengukuran Pencapaian Pernyataan Dasar Merekayasa Pekan Sebagai Pemangkin Pembangunan Desa

STRATEGI SD1.1		NO	LANGKAH-LANGKAH						
Memperkuatkukan Pekan Sebagai Pusat Ekonomi dan Perkhidmatan Desa	SD1.1A	Mengukuhkan pekan mengikut komponen pembangunan berdasarkan sempadan pekan.							
		SD1.1B	Menaik taraf pekan mengikut kategori						
LANGKAH-LANGKAH	AGENSI PEMANTAU		AGENSI PELAKSANA	KOD PROJEK / PROGRAM	LOKASI PROJEK	INDIKATOR PELEAKSANAAN LANGKAH	INDIKATOR PENCAPAIAN KOMPONEN	TARIKH PEMANTAUAN DIALANKAN	SUMBER KEWANGAN
1	PLANMalaysia	<ul style="list-style-type: none"> - Pejabat Daerah dan Tanah - Pihak Berkwasa - PLANMalaysia - KKLW 	SD1.1A (1)	Pekan Karai, Kuala Kangsar (R5)	Bilangan pelan yang diaktaraf berdasarkan komponen pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> - 1 GANTARA - 1 Pusat Pembangunan Usahawan TEPAT Nasional - 5 program PDK seluruh 	20 Disember 2020	<ul style="list-style-type: none"> - Kerajaan Negeri - Agenzi Badan Berkurun 	RM1.2 juta
2									

Sumber: DPF Desa Negara,2016.

Contoh Hasil Analisis Bagi Pencapaian DPF Desa Negara



Sumber: DPF Desa Negara,2016.

PEMBANGUNAN APLIKASI CHARMS


Aplikasi yang dibangunkan ini merupakan satu Sistem Maklumat Geografi (GIS) berdasarkan web yang membenarkan pengguna untuk memapar serta mencapai maklumat yang berkaitan secara atas talian yang mana ia boleh diakses melalui pelayar internet dalam persekitaran siber.

Pembangunan GIS CHARMs ini secara langsung boleh membantu dalam meningkatkan dan menyebarluaskan penggunaan GIS bagi pihak DPF Desa Negara. Penggunaan aplikasi ini akan membolehkan pihak pengurusan memantau perkembangan aktiviti, penyediaan perancangan dan persediaan projek tanpa perlu menggunakan perisian teras GIS.


Pembangunan Sistem webGIS CHARMs



Carta Alir Aplikasi CHARMs



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.



MODUL PENTADBIRAN


Jadual Tahap Akses Pengguna

JADUAL AKSES PENGGUNA	KUMPULAN PENGGUNA			
	Awam	Berdaftar	Editor	Administrator
Paparan Peta Umum	/	/	/	/
Paparan 'Peta Berdaftar'	○	/	/	/
Create Data	○	○	/	/
Suntingan Data (Sendiri)	○	○	/	/
Suntingan Data (Keseluruhan)	○	○	○	/
Penerbitan (Publish)	○	○	○	/
Akses Paparan Admin	○	○	○	/
Mengurus Pengguna	○	○	○	/
Mengurus Template Sistem	○	○	○	/
Mengurus Tetapan Laman	○	○	○	/

MODUL LOGIN DAN LOGOUT (AKSES KEPADA SISTEM)

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Paparan Daftar Masuk Pengguna




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

MODUL PEMETAAN INTERAKTIF

Kegunaan Tools Navigasi G/S dalam CHARMs

Simbol	Fungsi	Diskripsi
	<i>Zoom by draw</i>	Membesarkan fitur dengan melukis kotak
	<i>Zoom In</i>	Membesarkan fitur secara berkala
	<i>Zoom Out</i>	Mengecilkan fitur secara berkala
	<i>Zoom Previous</i>	Memaparkan paparan aktiviti jarak yang terakhir
	<i>Zoom Next</i>	Memaparkan paparan aktiviti jarak yang terakhir
	<i>FullExtent</i>	Memaparkan paparan pada ukuran keseluruhan peta
	<i>Pan</i>	Mbenarkan pergerakan paparan peta
	<i>Cetak/ Print</i>	Mbenarkan paparan peta dicetak dalam saiz A4
	<i>info</i>	Memaparkan maklumat data fitur
	<i>Ukuran</i>	Mengukur kawasan dan jarak fitur

Antara Muka Dan Tools Pemetaan Interaktif CHARMs



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Tools Carian CHARMs

The screenshot shows a map of a rural area with various locations labeled. On the left, there's a sidebar with 'Layers' containing categories like 'PROFIL KAMPUNG', 'CIRI-CIRI KAMPUNG', and 'Grid RFDN'. Below the map is a 'Table' with columns: nmukim, nkg, jkg, bpnddk, crkptp, jnprmh, and kdfbgn. The table lists several settlements. At the bottom left, there's a 'Query' section with options for 'Query by current map extent' and 'Query by attributes'. The 'Query by attributes' section has a dropdown menu set to 'Match any of the following:' and a condition 'nkg Bindu'.

nmukim	nkg	jkg	bpnddk	crkptp	jnprmh	kdfbgn
Chaa Bahru	Seri Gajah	Kampung Tradisi	0	Berselerak	Rumah Kampung	sederhan
Chaa Bahru	Temehil	Kampung Tradisi	0	Berjajar	Rumah Kampung	Sederhar
Bagan	Parit Kuda	Kampung Tradisi	0	Berselerak	Rumah Kampung	Sederhar
Linau	Beleman	Kampung Tradisi	0	Berjajar	Rumah Kampung	Sederhar
Linau	Bindu	Kampung Tradisi	0	Berjajar	Rumah Kampung	Sederhar
Linau	Parit Lintang	Kampung Tradisi	0	Berjajar	Rumah Kampung	Sederhar


Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Tools Pilihan Peta Dasar Imej Satelit

The screenshot shows a satellite view of a riverine area with several settlements labeled: KAMPUNG TANJUNG BETUNG, KAMPUNG TEH, KAMPUNG MANGSUK, and KAMPUNG PULAU MANSOK. The map also shows roads, rivers, and other geographical features. On the left, there's a sidebar with 'Layers' containing categories like 'Terminal Bas', 'Jalan Keretapi', 'Jalan Utama', 'Jalan', 'Pusat Transformasi Banda', 'RTC', 'Mini RTC', 'Pemulihian Dalam Komuniti', 'Jenayah', 'ALAM SEKITAR DAN PERSEKIT.', 'Tadahan', 'Kawasan Perlindungan', 'Sisa Pepejal (SSPN)', 'Kawasan Sensitif Alam Sekit.', 'INFRASTRUKTUR DAN UTILITI', 'Tapak Pelupusan', and 'Lokasi Taban'. At the bottom right, there's a scale bar from 200m to 1000ft and a zoom level of 1:17061.


Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Tools Pilihan Peta Dasar GRID




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Tools Street View




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Tools Bagi Tujuan Suntingan




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Menu Bagi Tujuan Suntingan Penampilan




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

MODUL PEMBUAT KEPUTUSAN (AGIHAN SUMBER)




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Paparan dan Susun Atur Awal Pemetaan Interaktif CHARMS




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Paparan dan Susun Atur Analisis Agihan Sumber




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Paparan dan Susun Atur Ringkasan Menggunakan Carta



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Paparan dan Susun Atur Sistem Pemantauan



MODUL
PEMANTAUAN

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Paparan Langkah dan Projek Yang Perlu Diisi oleh Agensi Pemantau

